



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KANDUNGAN</b>	i
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	iii
<b>INTI SARI LAPORAN</b>	vi
<b>BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	1
Jabatan Tanah Dan Ukur	1
Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer	
Jabatan Kerja Raya	54
Pengurusan Penyenggaraan Jalan Raya dan Jambatan Negeri	
Jabatan Perlindungan Alam Sekitar	99
Aktiviti Perlindungan Alam Sekitar	
Jabatan Pengairan dan Saliran	144
Pengurusan Projek Tebatan Banjir	
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	185
Pembangunan Program Pembasmian Kemiskinan	
Majlis Daerah Penampang	242
Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan	
Majlis Perbandaran Sandakan	276
Projek Usaha Sama Sandakan Habour Square	

<b>BAHAGIAN II : PERKARA AM</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Pendahuluan	299
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006	299
Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Dan Sebelumnya Yang Masih Belum Selesai	317
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas	319
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	319
<b>PENUTUP</b>	321
<b>LAMPIRAN</b>	
i. Laporan PMM dan EIA Mengikut Aktiviti	322
ii. Prestasi Projek Peningkatan Ekonomi	325

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah Tahun 2007 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 7 Kementerian/ Jabatan/Agensi Negeri iaitu Jabatan Tanah Dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Majlis Daerah Penampang dan Majlis Perbandaran Sandakan. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, Pengurusan Penyenggaraan Jalan Raya dan Jambatan Negeri, Aktiviti Perlindungan Alam Sekitar, Pengurusan Projek Tebatan Banjir, Pembangunan Program Pembasmian Kemiskinan, Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-Undang dan Peraturan dan Projek Usaha Sama *Sandakan Harbour Square*. Pengauditan terhadap program/aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sabah pada tahun 2007 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2007 seperti kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti projek siap tetapi tidak digunakan, peralatan tidak digunakan secara optimum, projek lewat disiapkan dan pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan pemaju tidak mengikut spesifikasi. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2006 dan sebelumnya untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan keselesaan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan program/aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

  - a) **DUE DILIGENCE** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
  - b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.
  - c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
  - d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.

e) *INTEREST* - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri Sabah yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

27 Jun 2008

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

#### **1. Jabatan Tanah Dan Ukur : Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer**

Sistem pendaftaran tanah berkomputer merupakan salah satu sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan) dalam projek *Land Title Information System* (LTIS). Selaras dengan objektif pembangunan sistem pendaftaran tanah berkomputer, pihak Audit mendapati sistem yang dibangunkan telah dapat menjana nombor penyampaian dan nombor memorial secara otomatis. Nombor rujukan tersebut yang unik bagi setiap urusan pendaftaran urusniaga tanah memudahkan pengesanan status permohonan urusniaga pendaftaran tanah pelanggan. Selain itu, LTIS juga merupakan pangkalan data yang menyimpan semua maklumat hak milik tanah serta maklumat pendaftaran urusniaga tanah bagi memudahkan pihak Jabatan menjana laporan, statistik serta maklumat tanah yang diperlukan. Sistem didapati boleh menjadi asas yang baik ke arah sistem pendaftaran tanah berkomputer sepenuhnya. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya aspek integriti data pada pangkalan LTIS. Analisis terhadap 89 ribu hak milik yang merangkumi 100% hak milik berdaftar bagi Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau mendapati sebahagian maklumat hak milik tidak dilengkapkan pada pangkalan data LTIS. Semakan juga telah dijalankan terhadap 600 dokumen hak milik berbanding maklumat pada pangkalan data LTIS dan mendapati sebahagian maklumat pada pangkalan data LTIS berbeza berbanding dengan maklumat pada dokumen hak milik. Jadual penyatuan data PPHT Daerah ke pangkalan data LTIS di Ibu Pejabat juga tidak disediakan. Maklumat yang tidak lengkap dan tidak tepat menjelaskan integriti dan kebolehgunaan data. Selain itu, kawalan keselamatan khususnya kawalan fizikal dan persekitaran tidak memuaskan. Terdapat bilik yang menempatkan peralatan sistem, dokumen hak milik serta fail urusan tanah yang rosak serta tidak dilengkapkan dengan sistem kawalan kebakaran yang sesuai mendedahkannya kepada pencerobohan dan kerrosakan. Penglibatan pelanggan berkaitan sistem LTIS terlalu sedikit iaitu terhad kepada fungsi pengesanan status permohonan dan masih perlu merujuk kepada pegawai di kaunter untuk carian melalui komputer.

#### **2. Jabatan Kerja Raya: Pengurusan Penyenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan Negeri**

Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab membina dan menyenggara jalan raya dan jambatan. Objektif penyenggaraan adalah untuk menentukan jalan raya yang dibina sentiasa selamat dan selesa digunakan. Penyenggaraan jalan Negeri merangkumi pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan. Jenis penyenggaraan adalah rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Penyenggaraan jalan bagi kategori jalan berturap

dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Sabah dan jalan berkerikil serta jalan tanah disenggara oleh Jabatan Kerja Raya sendiri atau dikontrakkan melalui tawaran sebut harga dan tender. Kos menyenggara jalan Negeri dibiayai melalui Pemberian Jalan Negeri dari Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan yang dilakukan terhadap penyenggaraan jalan Negeri bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah masing-masing berjumlah RM132.42 juta, RM150.54 juta dan RM136.79 juta. Pada keseluruhannya, penyenggaraan jalan yang dilakukan adalah baik kecuali penyenggaraan jalan secara rutin dan berkala yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi di mana penyenggaraan rutin terhadap permukaan jalan, bahu jalan, potong rumput, parit, pemeriksaan rutin tidak mengikut jadual dan tidak mengikut spesifikasi. Bagi penyenggaraan berkala pula tanda garis pudar tidak dicat semula, jalan yang disenggara tidak sempurna, permukaan jalan yang retak tidak diturap dan *Guardrail* yang rosak tidak dibaiki dengan segera. Kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi tidak dipantau dengan berkesan di peringkat JKR daerah. Bagaimanapun, usaha untuk menangani perkara yang dibangkitkan telah diambil tindakan oleh pihak JKR dan Syarikat Konsesi.

### **3. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar: Aktiviti Perlindungan Alam Sekitar**

Mengikut Seksyen 2, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah Tahun 2002, takrif alam sekitar termasuklah persekitaran fizikal dan keadaan yang mempengaruhi perkembangan dan pertambahan penduduk, haiwan, tumbuh-tumbuhan, semua sumber semulajadi, ekosistem kehidupan biologi dan nilai-nilai estetik serta kebudayaan. Aktiviti perlindungan alam sekitar merangkumi penguatkuasaan dan pemantauan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS). Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta kepada JPAS bagi tujuan perlindungan dan pembangunan alam sekitar. Secara keseluruhannya, prestasi aktiviti perlindungan alam sekitar adalah memuaskan kecuali kelemahan seperti data dan rekod Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Cadangan Langkah-langkah Pengurangan (PMM) tidak kemas kini, Laporan Pematuhan (ECR) lewat atau tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dan prestasi pemaju projek tidak memuaskan serta melanggar syarat EIA/PMM tetapi tindakan undang-undang tidak diambil oleh JPAS. Selain itu, dari aspek pemantauan Jawatankuasa Alam Sekitar dan Majlis Alam Sekitar yang menjadi nadi untuk merangka polisi alam sekitar telah memainkan peranannya untuk mengemukakan cadangan kepada Kabinet Negeri berhubung masalah alam sekitar. Hasilnya Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM10.7 juta untuk membangunkan kawasan bekas lombong di Mamut, Ranau dan kajian peningkatan kualiti air sungai Kinabatangan. Bagaimanapun, pemantauan peringkat JPAS adalah lemah sehingga banyak kerja di lapangan yang melanggar syarat-syarat alam sekitar gagal diambil tindakan sewajarnya.

#### **4. Jabatan Pengairan Dan Saliran: Pengurusan Projek Tebatan Banjir**

Objektif Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah untuk memperbaiki sistem sungai supaya kekerapan banjir di kawasan bandar dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh Jabatan setiap tahun. Di bawah RMK-8 (2001-2005), JPS telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi program RTB bajet sejumlah RM35.60 juta untuk melaksanakan sebanyak 4 daripada 6 projek yang dimohon manakala di bawah RMK-9 (2006-2010) diperuntukan siling sejumlah RM100.10 juta untuk melaksanakan sebanyak 13 daripada 15 buah projek yang dimohon. 3 projek adalah projek sambungan dan 10 lagi adalah projek baru. Bagaimanapun daripada 13 buah projek itu hanya 3 projek sambungan yang dapat diteruskan kerana bajet yang diluluskan untuk 10 projek baru sejumlah RM7.30 juta tidak mencukupi untuk memulakan projek. Daripada Kerajaan Negeri Sabah pula di bawah RMK-8, JPS telah menerima bajet sejumlah RM14.99 juta manakala di bawah RMK-9 diperuntukan siling sejumlah RM15 juta bagi melaksanakan projek RTB Sungai Telipok. Pelaksanaan projek tersebut yang memberi manfaat kepada penduduk sekitarnya, bagaimanapun kemajuan kerja terjejas kerana menghadapi masalah tapak. Di samping itu, bagi projek yang sedang dalam pelaksanaan Jabatan perlu meneruskan pemantauan yang baik untuk memastikan kelancaran projek dan spesifikasi kerja dipatuhi.

#### **5. Kementerian Pembangunan Luar Bandar: Pembangunan Program Pembasmian Kemiskinan**

Pembangunan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah sebagai penyelaras program adalah bertujuan untuk mengeluarkan golongan miskin tegar dari garis kemiskinan selaras dengan dasar dan hala tuju Negara. Objektif utama pembangunan program ini adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Sabah kepada 0.5% dan kemiskinan tegar kepada sifar menjelang penghujung RMK-9. Program pembasmian kemiskinan dilaksanakan melalui 3 program iaitu Program Peningkatan Ekonomi (PPE), Program Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mini Estet Sejahtera (MESEJ). Berdasarkan 18 projek PPE yang dijalankan auditam, secara keseluruhannya pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang dijalankan adalah tidak memuaskan. Daripada 18 projek PPE itu, sebanyak 7 projek tidak berjaya, 4 belum siap dan 7 lagi masih beroperasi dan belum matang. Projek Pembinaan Pelantar Pengeringan Ikan masin di Sungai Pukul, Tawau bernilai RM132,133 merupakan salah satu projek PPE yang terbengkalai sejak tahun 2006. Terdapat kelemahan dalam pematuhan pengurusan kewangan seperti contoh projek belum siap sepenuhnya tetapi bayaran telah dibuat oleh Agensi Pelaksana. Manakala Agensi Pembimbang tidak membuat pemantauan terhadap projek selain pemantauan oleh Kementerian adalah lemah.

## **6. Majlis Daerah Penampang : Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang Dan Peraturan**

Aktiviti penguatkuasaan adalah penting untuk memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi oleh orang awam. Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang dijalankan oleh Majlis Daerah Penampang (Majlis) adalah lemah dan memerlukan penambahbaikan. Hasil pemeriksaan Audit di 67 premis perniagaan mendapati 32 kes perlanggaran undang-undang seperti perniagaan tanpa lesen, lesen operasi tamat tempoh, peniaga tidak mematuhi syarat lesen dan pengubahsuaian bangunan tanpa kelulusan. Hal ini menyebabkan kerugian hasil dianggarkan sejumlah RM38,436 kepada Majlis dan RM8,020 kepada Kerajaan Negeri setiap tahun. Antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh Majlis berhubung pengurusan aktiviti penguatkuasaan ialah penyediaan perancangan, prosedur kerja, peralatan, jadual pemeriksaan ke premis perniagaan, penyelenggaraan rekod dan latihan kepada kakitangan. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan daripada pegawai kanan secara sepenuh masa serta khidmat nasihat daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri berkaitan perundangan juga perlu diberi perhatian.

## **7. Majlis Perbandaran Sandakan : Projek Usaha Sama *Sandakan Harbour Square***

Pada bulan April 2003, Majlis Perbandaran Sandakan (Majlis) telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn.Bhd. bagi membangunkan pembaharuan bandar Sandakan dikenali *Sandakan Harbour Square* (SHS) melalui kaedah usaha sama dengan pihak swasta. Keseluruhan projek pembangunan SHS dianggar bernilai RM240 juta melibatkan kawasan seluas 12 ekar terdiri daripada tapak pasar lama seluas 2.32 ekar dan kawasan ditebus guna seluas 9.68 ekar. Melalui pelaksanaan usaha sama ini, Majlis dijangka memperolehi balasan berupa sebuah pasar umum, jeti ikan, *open space*, *town square/esplanade* dan 1 unit rumah kedai 3 tingkat. Majlis telah mengambil keputusan menang-menang bagi kedua-dua belah pihak dalam menjayakan pembangunan ini. Projek pembangunan secara usaha sama ini berjaya dan boleh dicontohi oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Pembangunan SHS memberi imej baru kepada bandar Sandakan yang merangkumi pembinaan pusat komersil, hotel dan kemudahan awam dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, sosial dan industri pelancongan di daerah Sandakan. Pembangunan ini juga akan menjana hasil dan pendapatan Majlis melalui terimaan cukai pintu dengan terbinanya bangunan-bangunan komersil dan hotel apabila siap. Majlis telah memiliki bangunan pasar umum, jeti ikan, *open space* dan *town square/esplanade* tanpa mengeluarkan perbelanjaan untuk menjayakan pembangunan tersebut.

## BAHAGIAN I

### AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

#### **1. PENDAHULUAN**

Berdasarkan kepada Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 7 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi telah dipilih dan dikaji pada tahun 2007. Hasil kajian tersebut dimaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan hasil isu yang dibangkitkan dilaporkan di **Bahagian ini**.

#### **JABATAN TANAH DAN UKUR**

#### **PENGURUSAN SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER**


#### **2. LATAR BELAKANG**

**2.1** Pengurusan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer ialah pengurusan pendaftaran hak milik (tanah yang telah diluluskan permohonan) dan apa-apa urus niaga mulai dari penerimaan permohonan hingga didaftarkan pada dokumen hak milik yang dilaksanakan melalui penggunaan komputer. Terdapat lebih daripada 36 jenis urus niaga tanah antaranya ialah pindah hak milik, cagaran, penyelesaian cagaran, pajakan, tuntutan waris, kaveat, perintah larangan, tukar nama, pecah bahagian, pembetulan hak milik dan perintah mahkamah.

**2.2** Sistem pendaftaran tanah secara berkomputer telah dilaksanakan di semua Negeri di Semenanjung Malaysia, Negeri Sabah dan Sarawak. Sistem yang digunakan di Semenanjung Malaysia ialah Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) manakala di Negeri Sabah dan Sarawak masing-masing menggunakan *Land Title Information System* (LTIS) dan *Land and Survey Information System* (LASIS). LTIS telah dibangunkan pada tahun 1999 dengan melantik Zuma Engineering Sdn. Bhd. sebagai vendor. Kos pembangunan sistem ini berjumlah RM1.99 juta dan sedang digunakan di Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan) serta 22 Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah (PPHT). Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk mempertingkatkan kaedah pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah dari proses manual kepada sistem berkomputer bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan status proses pendaftaran tanah dengan tidak mengabaikan aspek keselamatan dan integriti data. Data dalam bentuk digital akan memudahkan penjanaan laporan dan statistik, seterusnya menjadi asas yang baik ke arah sistem pendaftaran tanah berkomputer sepenuhnya.

**2.3** Sembilan modul telah dibangunkan dalam LTIS iaitu 7 modul utama serta 2 modul sokongan iaitu *Web-LTIS* dan *Security System*. Diagram Keseluruhan Sistem LTIS adalah seperti di **Carta 1**.

**Carta 1**  
**Diagram Keseluruhan Sistem LTIS**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

**2.4** Sistem pendaftaran tanah secara berkomputer hanya melibatkan modul LTIS dan LDS serta 2 modul sokongan *Web LTIS* dan *Security System*. LTIS merupakan pangkalan data tanah yang menyimpan semua data yang terlibat dalam pemprosesan tanah oleh semua modul. LTIS dibahagikan kepada LTIS Ibu Pejabat dan LTIS Daerah. LTIS di peringkat Ibu Pejabat akan menyimpan semua data bagi seluruh Negeri Sabah termasuk data dari peringkat daerah. Setiap PPHT mempunyai LTIS sendiri yang akan menyimpan data bagi daerah masing-masing sahaja. Data di LTIS di setiap daerah dihantar ke Ibu Pejabat untuk disatukan ke LTIS Ibu Pejabat sebagai pusat pangkalan data tanah Negeri Sabah. LDS pula digunakan untuk memproses urus niaga tanah di peringkat Daerah dan Ibu Pejabat. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur, sehingga

bulan Disember 2007 keseluruhan tanah yang telah diberikan hak milik adalah berjumlah 328,299 hak milik yang melibatkan keluasan tanah 1.91 juta hektar daripada 7.36 juta hektar keluasan keseluruhan Negeri Sabah.

### **3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer di Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **4. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi urus niaga pendaftaran tanah di Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah serta tiga Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah iaitu PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau bagi tahun 2004 hingga 2007.

### **5. KAEADAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan SPTB adalah dengan menyemak dan mengkaji maklumat berasaskan rekod dan dokumen berhubung dengan pengurusan pendaftaran tanah berkomputer. Antara dokumen disemak adalah fail bajet, dokumen hak milik, perjawatan dan fail perolehan. Analisis juga dibuat terhadap 89,000 hak milik (100% hak milik berdaftar bagi Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau) dengan menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL) untuk memastikan integriti data dari segi kesahihan, kesempurnaan dan ketepatan. Sebanyak 600 dokumen hak milik telah dipilih dan diperiksa iaitu 300 dokumen hak milik di Ibu Pejabat Jabatan dan 100 dokumen hak milik di setiap PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau bagi menentukan ketepatan maklumat pada sistem LTIS.

Pemeriksaan fizikal dan ujian pematuhan juga dijalankan terhadap peralatan serta sistem bagi menentukan wujudnya kawalan am dan kawalan aplikasi yang mencukupi. Bagi menilai impak penggunaan sistem, maklum balas juga diperolehi daripada pihak pengurusan dan pengguna sistem serta pelanggan melalui temu bual dan soal selidik.

### **6. PENEMUAN AUDIT**

#### **6.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang teliti dan teratur adalah penting dan memberi impak positif semasa melaksanakan aktiviti pendaftaran tanah berkomputer. Sehubungan itu, aktiviti pendaftaran tanah berkomputer dirancang dari aspek-aspek berikut:

##### **6.1.1 Dasar Kerajaan**

Kerajaan Negeri Sabah perlu menggubal Dasar bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian. Dasar yang digubal oleh Kerajaan Negeri Sabah adalah melaksanakan pembaharuan pentadbiran serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan melalui teknologi maklumat.

### **6.1.2. Perundangan Dan Peraturan**

Perundangan dan peraturan perlu disediakan sebagai panduan melaksanakan urusan pendaftaran tanah berkomputer. Perundangan dan peraturan yang menjadi panduan Jabatan adalah seperti berikut:

#### **a) Perundangan**

Undang-undang berkaitan tanah tertakluk di bawah Undang-undang Negeri Sabah Tahun 1930 Bab 68 mengenai Ordinan Tanah (Ordinan Tanah Negeri Sabah). Urusan pendaftaran tanah dinyatakan pada Seksyen 87 hingga 124, Ordinan Tanah Negeri Sabah. Pelaksanaan urusan pendaftaran tanah hendaklah mematuhi perundangan yang sedia ada.

#### **b) Peraturan**

Garis panduan dan manual pengguna adalah dokumen yang perlu disediakan dengan lengkap dan diagihkan kepada kakitangan Ibu Pejabat dan Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah di setiap daerah yang melaksanakan urusan pendaftaran tanah. Selain itu, Garis Panduan serta manual juga perlu mengandungi prosedur kerja memproses pendaftaran tanah yang lengkap serta dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon semasa membuat permohonan pendaftaran tanah. Garis panduan serta manual yang disediakan oleh Jabatan hendaklah merangkumi:

- i. Garis Panduan Pengurusan Tanah
- ii. Manual Pengguna Sistem
- iii. Panduan Keselamatan

Garis Panduan pengurusan tanah, manual pengguna sistem dan panduan keselamatan yang disediakan hendaklah digunakan sebagai rujukan kakitangan semasa menjalankan tugas.

### **6.1.3 Pelan Pelaksanaan**

#### **a) Pelantikan Vendor**

Selaras dengan peraturan kewangan Kerajaan, pelantikan vendor hendaklah dibuat secara tender terbuka. Bagaimanapun, pelantikan secara rundingan terus boleh dilaksanakan dengan syarat mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri. Pelantikan vendor bagi pembangunan projek LTIS ini dibuat secara rundingan terus setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada bulan Julai 1999.

**b) Pengurusan Kontrak**

Kontrak hendaklah diuruskan dengan mengikuti peraturan yang ditetapkan. Antara aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam dokumen kontrak adalah:

- i. Tempoh Kontrak
- ii. Penyediaan Bon Pelaksanaan
- iii. Klausa Denda

Semua aspek di atas telah diambil kira dalam perjanjian kontrak.

**c) Spesifikasi Projek**

Spesifikasi projek hendaklah ditetapkan dan disenaraikan dalam perjanjian kontrak.

Antara spesifikasi projek yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**i) Komponen Sistem**

Membangunkan 6 aplikasi utama serta 2 aplikasi sokongan seperti berikut:

- *Land Title Information System (LTIS)*
- *Land Dealing System (LDS)*
- *Title Printing System (TPS)*
- *Central Land Administration System (CLAS)*
- *Land Acquisition System (LACS)*
- *Land Application And Monitoring System (LAPMOS)*
- *Web Land Title Information System (Web LTIS)-aplikasi sokongan*
- *Security System - aplikasi sokongan*

Selain itu, sistem yang dibangunkan hendaklah mampu menjana laporan maklumat tanah yang diperlukan. Kos bagi membangunkan komponen sistem adalah berjumlah RM0.97 juta.

**ii) Spesifikasi Peralatan**

Antara peralatan yang akan dibekalkan oleh vendor untuk kegunaan Ibu Pejabat dan 22 PPHT Daerah adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Peralatan Yang Akan Dibekalkan Oleh Vendor**

Bil.	Peralatan	Lokasi Pejabat Serta Bilangan Peralatan					Jumlah Peralatan
		Ibu Pejabat (Bahagian SMT) (Unit)	PPHT Kota Kinabalu (Unit)	PPHT Sandakan (Unit)	PPHT Tawau (Unit)	Bahagian serta Pejabat Tanah lain (Unit)	
1.	<i>Centralised Data Server</i>	1	-	-	-	-	1
2.	<i>Application Server</i>	1	-	-	-	-	1
3.	<i>District Application And Data Server</i>	-	-	1	1	20	22
4.	<i>Workstation (Monitor, UPS and software)</i>	8	2	2	2	81	95
5.	<i>Scanner</i>	-	1	1	1	20	23
6.	<i>Printer</i>	-	1	1	1	27	30
7.	<i>Dial-up Networking Accessories (Internet Station and External Modem)</i>	-	-	1	1	20	22
8	<i>Networking Accessories (Port Switch)</i>	-	1	1	1	22	25

Sumber: Dokumen Kontrak Perjanjian

Spesifikasi peralatan serta kos yang berjumlah RM0.99 juta telah disenaraikan dengan jelas dalam dokumen perjanjian kontrak. Jabatan hendaklah menentukan semua komponen sistem dan peralatan yang disenarai dibekalkan oleh vendor mengikut kuantiti dan spesifikasi yang tetapkan.

**d) Latihan Kepada Pengguna**

Perjanjian kontrak antara Jabatan dengan vendor perlu memasukkan klausa latihan kepada kakitangan yang disediakan oleh vendor. Klausa ini penting bagi menentukan kakitangan mendapat latihan yang mencukupi sebagai persiapan untuk melaksanakan sistem pendaftaran tanah berkomputer. Perenggan 15 Perjanjian Kontrak menjelaskan vendor akan memberikan latihan berkaitan dengan LTIS kepada kakitangan yang ditentukan untuk membolehkan kakitangan memahami dan mendapat pengetahuan sebelum atau selepas pemasangan sistem. Kos latihan adalah berjumlah RM24,000 dan merupakan sebahagian daripada nilai kontrak.


#### **6.1.4 Proses Kerja Pendaftaran**

Jabatan hendaklah menetapkan aliran proses pendaftaran tanah yang teratur supaya proses pendaftaran dapat dilaksanakan dengan sistematik dan mudah dikawal selia di setiap peringkat.

Mengikut Garis Panduan Pengurusan Tanah, proses kerja pendaftaran tanah dimulai dengan penerimaan permohonan pendaftaran. Semua permohonan yang diterima diberikan nombor penyampaian dan didaftarkan dalam Buku Penyampaian. Permohonan akan disemak dengan membandingkan dokumen hak milik asal dengan permohonan urus niaga. Urus niaga yang didapati mempunyai kesilapan akan dikembalikan kepada pelanggan untuk pembetulan. Nombor penyampaian akan dibatalkan dan catatan dibuat di dalam Buku Penyampaian. Permohonan urus niaga yang telah dibetulkan akan diberikan nombor penyampaian yang baru. Permohonan yang boleh diterima selepas penyemakan akan didaftarkan dengan memberikan nombor memorial dan dicatat dalam Buku Daftar Memorial.

Dokumen yang didaftarkan termasuk dokumen hak milik asal dan hak milik salinan pejabat yang telah diendoskan dengan memorial akan ditandatangani oleh Pendaftar bagi Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat dan Pemungut bagi PPHT Daerah. Salinan geran asal dikembalikan kepada pelanggan setelah proses pendaftaran selesai. Carta aliran proses pendaftaran tanah adalah seperti di **Carta 2**.

**Carta 2**  
**Carta Aliran Proses Pendaftaran Tanah**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Sistem pendaftaran tanah berkomputer yang dibangunkan perlu mengambil kira peraturan proses kerja yang ditetapkan oleh Jabatan dalam Garis Panduan Pengurusan Tanah.

#### 6.1.5 Proses Kerja Pembetulan Data

Sebarang pembetulan terus melalui pangkalan data adalah tidak dibenarkan bagi menjaga integriti dan kesahihan data. Sekiranya dibenarkan, ianya hendaklah dihadkan dalam kes yang berkaitan sahaja seperti pembetulan terhadap kesilapan

mengunci masuk maklumat dan perlu dikawal dengan mendapatkan kelulusan PPHT di Daerah serta Pentadbir Sistem di Ibu Pejabat.

#### **6.1.6 Kawalan Keselamatan**

Bagi memastikan keselamatan aset ICT, Jabatan perlu mewujudkan beberapa kawalan yang merangkumi kawalan am dan kawalan aplikasi seperti berikut:

##### **i) Kawalan Am**

- Kawalan Organisasi dan Pengurusan**

Kawalan yang menentukan wujudnya satu rangka kerja organisasi terhadap aktiviti ICT dalam organisasi.

- Kawalan Fizikal dan Persekutaran**

Kawalan fizikal dan persekitaran diwujudkan bagi menyediakan perlindungan kepada data dan program termasuk perlindungan daripada kemungkinan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan atau kerosakan yang disebabkan oleh ancaman dan bahaya persekitaran.

- Kawalan Capaian Logikal**

Kawalan capaian logikal diwujudkan sebagai jaminan yang munasabah bahawa struktur resmi ditempatkan kepada *input* yang dibenarkan pada sistem dan capaian kepada data, program dan terminal adalah terhad kepada kakitangan yang dibenarkan.

- Kawalan Perancangan Kesinambungan Urusan**

Kawalan ini diwujudkan bagi memastikan kesinambungan urusan meliputi data dan program komputer sandaran di luar bangunan pejabat (*offsite back-up*) dan prosedur pemulihan bencana semasa berlakunya kecurian, kehilangan dan kerosakan.

##### **ii) Kawalan Aplikasi**

Kawalan Aplikasi meliputi kawalan *input*, kawalan proses dan kawalan *output* seperti berikut:

- Kawalan Input**

Kawalan *input* diwujudkan bagi memastikan kesahihan transaksi sebelum diproses oleh komputer.

- Kawalan Proses**

Kawalan proses diwujudkan bagi memastikan transaksi yang dijana adalah sah dan sempurna.

- **Kawalan Output**

Kawalan *output* diwujudkan bagi memastikan *output* seperti laporan yang dijana dikemukakan kepada kakitangan yang dibenarkan pada masa yang sepatutnya dan munasabah dari segi kualiti dan format.

Jabatan ada menyediakan panduan keselamatan bagi tujuan kawalan am. Bagaimanapun, panduan keselamatan lebih menekankan kawalan logikal. Kawalan aplikasi pula diwujudkan secara manual melalui semakan borang permohonan dan dokumen sokongan sebelum maklumat dikunci masuk ke sistem dan juga kawalan yang dibina dalam sistem seperti kawalan had capaian.

#### **6.1.7 Sasaran Pelaksanaan LTIS**

Sasaran sistem yang jelas, munasabah, boleh diukur dan tempoh masa yang praktikal perlu ditetapkan sebagai panduan pelaksanaan dan pengukuran pencapaian sistem LTIS. Antara sasaran yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

**a) Pelaksanaan Penggunaan Sistem**

Menentukan tarikh untuk menggunakan sistem secara menyeluruh di semua peringkat yang melaksanakan urusan pendaftaran tanah.

**b) Pemindahan Data**

Jabatan perlu menetapkan tempoh, bilangan dan kaedah pemindahan data dari *Land Data Bank* (sistem lama) ke LTIS (sistem baru).

**c) Tempoh Memproses Permohonan Urus niaga Tanah di PPHT**

Kecekapan proses pendaftaran tanah perlu ditentukan dari segi tempoh memproses urus niaga tanah.

**d) Integriti Data LTIS**

Data pada pangkalan LTIS perlu lengkap, kemas kini dan tepat bagi menjamin integriti dan kebolehgunaan data.

Sasaran pelaksanaan sistem pendaftaran tanah yang ditetapkan perlu jelas dan munasabah supaya Jabatan mempunyai asas untuk dijadikan panduan dalam melaksana dan mengukur pencapaian sistem LTIS.

#### **6.1.8 Keperluan Kewangan**

Bajet yang mencukupi amat penting bagi memastikan semua aktiviti penyenggaraan peralatan dan aplikasi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, bajet yang diluluskan bagi aktiviti penyenggaraan peralatan dan aplikasi komputer adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Bajet Yang Diluluskan Bagi Tahun 2005 – 2007**

Tahun	Amaun Peruntukan (RM juta)
2005	0.85
2006	1.15
2007	1.00

*Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah*

Bajet tahunan bagi membiayai aktiviti penyenggaraan peralatan dan aplikasi sistem telah disediakan bagi memastikan aset ICT sentiasa dalam keadaan baik.

#### **6.1.9 Keperluan Modal Insan**

Struktur pengurusan yang teratur, modal insan yang cukup serta terlatih dan berpengalaman adalah perlu bagi meningkatkan kecekapan urusan pendaftaran tanah.


Bagi melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer, keperluan perjawatan perlu dirancang khususnya di Bahagian Sistem Teknologi Maklumat (SMT) selaku pentadbir sistem komputer serta Pusat Pendaftaran Tanah di Ibu Pejabat dan PPHT Daerah selaku pengguna sistem.

##### **a) Keperluan Guna Tenaga**

###### **i) Bahagian Sistem Teknologi Maklumat**

Sehingga bulan Disember 2007, Bahagian SMT mempunyai 66 jawatan yang diluluskan diketuai oleh Pengusaha Tanah Gred J48. Terdapat 5 unit utama Bahagian SMT iaitu Unit Sokongan IT, Unit Kadastre Dan SALIS, Unit Pentadbiran Dan Kewangan, Unit Informasi dan Unit *Fotogrametri Dan Remote Sensing*. LTIS ditadbir oleh Unit Informasi Tanah. Struktur Organisasi Bahagian Sistem Maklumat Tanah yang diluluskan adalah seperti **Carta 3**.

**Carta 3**  
**Struktur Organisasi Bahagian Sistem Maklumat Tanah**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

## ii) Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat dan PPHT Daerah

Sehingga bulan Disember 2007, Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat mempunyai 39 jawatan yang diketuai oleh Pendaftar Tanah Kanan Gred L41. Kedudukan perjawatan di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau yang terlibat dengan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Bilangan Perjawatan Di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat,  
 PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau**

Gred Jawatan	Perjawatan (Bilangan)			
	Pusat Pendaftaran Tanah	PPHT Kota Kinabalu	PPHT Sandakan	PPHT Tawau
Pengurusan dan Profesional	1	1	1	1
Sokongan	38	4	4	1
<b>Jumlah</b>	<b>39</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	<b>2</b>

*Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah*

**b) Latihan**

Latihan kepada kakitangan secara teratur dan berterusan akan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka serta dapat memantapkan lagi pengurusan organisasi. Bagi mencapai hasrat ini, Jabatan telah merancang memberi latihan berkaitan urusan tanah kepada kakitangan. Bahagian SMT juga telah merancang untuk memberikan latihan kepada kakitangan yang mengendalikan sistem pendaftaran tanah berkomputer di PPHT Daerah. Kaedah pengendalian latihan adalah sama ada kakitangan SMT akan pergi ke PPHT Daerah atau sebaliknya kakitangan dari PPHT Daerah dipanggil menghadiri latihan di Bahagian SMT. Latihan juga dijalankan di Sekolah Latihan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah.

**6.1.10 Kaedah Pemantauan**

Mekanisme pemantauan perlulah diwujudkan oleh Jabatan dengan menubuhkan Jawatankuasa bagi memantau pelaksanaan projek. Jawatankuasa tersebut perlu mengendalikan mesyuarat untuk memantau kemajuan projek serta mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat sebarang kelemahan dalam pelaksanaan projek. Jawatankuasa Teknikal ditubuhkan di peringkat Pengurusan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah yang ahlinya terdiri daripada pegawai pengurusan Jabatan. Selain itu, di peringkat pelaksana Pasukan Pelaksana Projek LTIS telah ditubuhkan. Pasukan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Sistem Maklumat Tanah yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Teknikal serta Mesyuarat Pengurusan.

**Pada pandangan Audit, perancangan yang disediakan oleh Jabatan adalah memuaskan. Jabatan tidak menyediakan panduan yang menyeluruh dari aspek keselamatan khususnya kawalan fizikal dan persekitaran serta kawalan kesinambungan urusan yang merupakan aspek penting bagi melindungi aset ICT. Selain itu, Jabatan belum menyediakan perancangan pembersihan data bagi memastikan integriti dan kebolehgunaan data pada pangkalan LTIS. Jabatan juga tidak membuat perancangan latihan mengenai penyenggaraan sistem LTIS.**

## **6.2 PELAKSANAAN**

Pengurusan sistem pendaftaran tanah berkomputer hendaklah dilaksanakan berdasarkan perancangan yang ditetapkan bagi mencapai matlamatnya.

### **6.2.1. Dasar Kerajaan**

Selaras dengan Dasar Kerajaan bagi melaksanakan pembaharuan pentadbiran serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian, teknologi maklumat adalah satu mekanisme yang mempermudah dan menyumbang kepada tercapainya dasar tersebut. Pada tahun 1997, satu Pelan Induk Teknologi Maklumat telah disediakan terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam pentadbiran Sektor Awam Negeri Sabah. Semakan Audit mendapati, di peringkat Jabatan Tanah Dan Ukur, penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan pentadbiran telah dilaksanakan antaranya dengan membangunkan *Land Title Information System* (LTIS) pada tahun 1999 bagi merealisasikan Dasar Kerajaan terhadap sistem penyampaian Kerajaan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan Dasar Kerajaan dengan baik. LTIS yang dibangunkan adalah merupakan usaha Jabatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan selaras dengan Dasar Kerajaan.**

### **6.2.2. Perundangan Dan Peraturan**

#### **a) Perundangan**

Jabatan hendaklah memastikan pembangunan sistem pendaftaran tanah berkomputer tidak bertentangan dengan Ordinan Tanah Negeri Sabah. Seksyen 87 hingga 124 Ordinan Tanah Negeri Sabah menerangkan kuasa-kuasa Pendaftar, peraturan pendaftaran tanah, jenis urus niaga tanah serta borang yang berkaitan dengan urusan pendaftaran urus niaga tanah. Adalah menjadi satu keperluan dalam Ordinan Tanah Negeri Sabah, bagi mendaftarkan setiap tanah yang telah diluluskan permohonannya dan semua urus niaga terhadap tanah yang telah diberi hak milik sama ada kepada individu, syarikat, persatuan dan Agensi Kerajaan. Seksyen 88 dan 89 dalam Ordinan Tanah Negeri Sabah menerangkan dengan jelas keperluan tersebut seperti berikut:

Seksyen 88: “*No new title and no dealing with, claim to or interest in any land except land still held under native customary tenure without documentary title shall be valid until it has registered in accordance with the provisions of this part*”.

Seksyen 89: “*Every title shall be deemed to be registered under the provisions and for the purposes of this Ordinance so soon as the same shall have been marked by the Registrar with the folium and volume or number so as to indicate its place in the Register and every dealing shall be so deemed to be registered as soon as a*

*memorial thereof as hereinafter described shall have been entered in the register upon the folium constituted by the existing title on the land affected".*

Semakan Audit terhadap proses pendaftaran, kuasa-kuasa meluluskan permohonan pendaftaran dan borang-borang yang digunakan bagi memproses permohonan pendaftaran tanah mendapat sistem yang dibangunkan telah mengambil kira keperluan perundangan yang berkuat kuasa dan borang-borang yang digunakan semasa permohonan pendaftaran adalah mematuhi Ordinan Tanah Negeri Sabah.

**Pada pendapat Audit, pembangunan sistem pendaftaran tanah berkomputer yang bertujuan menambah baik proses kerja pendaftaran urus niaga tanah adalah tidak bertentangan dengan Ordinan Tanah Negeri Sabah.**

**b) Peraturan**

Jabatan telah menyedia dan mengedarkan garis panduan pengurusan tanah, manual pengguna sistem dan panduan keselamatan untuk digunakan oleh kakitangan di peringkat Ibu Pejabat dan PPHT. Garis panduan dan manual yang disediakan menerangkan proses kerja yang perlu diikuti oleh kakitangan dalam mengendalikan urusan pendaftaran urus niaga tanah. Antara kandungan panduan pengurusan tanah, manual pengguna sistem dan panduan keselamatan adalah seperti berikut:

**i) Garis Panduan Pengurusan Tanah**

Mengikut Garis Panduan Pengurusan Tanah, semua urus niaga tanah perlu didaftar di Jabatan Tanah Dan Ukur di mana Hak Milik itu didaftarkan. Tanah jenis pajakan iaitu *Country Lease (CL)*, *Provisional Lease (PL)* dan *Town Lease (TL)* didaftarkan di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat Kota Kinabalu manakala tanah jenis *Native Title (NT)* dan *Field Register (FR)* didaftarkan di Pejabat Tanah daerah masing-masing.

**ii) Manual Pengguna Sistem**

Manual Pengguna Sistem LTIS disediakan oleh vendor selaras dengan Ordinan Tanah dan Garis Panduan Pengurusan Tanah. Manual Pengguna Sistem menerangkan langkah yang perlu diikuti bagi memproses pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah.

**iii) Panduan Keselamatan Sistem**

Panduan Keselamatan Sistem disediakan oleh Bahagian Sistem Maklumat Tanah bagi menetapkan langkah keselamatan yang perlu dipatuhi bagi menjaga keselamatan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Semakan Audit mendapati, Garis Panduan Pengurusan Tanah dan Manual Pengguna Sistem telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, Panduan Keselamatan yang disediakan tidak mengambil kira aspek keselamatan fizikal dan persekitaran iaitu kawalan bilik kebal, bilik server dan bilik fail untuk memastikan maklumat serta aset ICT Jabatan sentiasa terpelihara. Semakan Audit melalui *walk through test* terhadap proses aliran kerja serta borang yang diguna pakai dalam urusan pendaftaran tanah yang dilaksanakan oleh kakitangan Jabatan mendapati pelaksanaannya adalah berdasarkan garis panduan serta manual yang diedarkan. Garis Panduan, Manual Pengguna dan Panduan Sistem Keselamatan yang disedia telah digunakan sebagai rujukan utama dalam urusan pendaftaran urus niaga tanah.

**Pada pendapat Audit, penyediaan dan pematuhan terhadap peraturan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah memuaskan.**

#### **6.2.3. Prestasi Pelaksanaan**

Peraturan kewangan Kerajaan menetapkan pelantikan vendor secara rundingan terus boleh dilaksanakan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah terlebih dahulu. Selain itu, pihak Jabatan perlu memastikan vendor yang dilantik menandatangani perjanjian kontrak dan seterusnya mematuhi semua syarat perjanjian berkenaan.

##### **a) Pelantikan Vendor**

Jabatan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk melaksanakan projek LTIS secara rundingan terus. Surat tawaran telah dikemukakan kepada Zuma Engineering Sdn. Bhd (vendor) pada 21 Julai 1999 untuk melaksanakan projek LTIS dengan kos RM1.99 juta. Tempoh penyiapan adalah 8 minggu dari tarikh surat tawaran dikeluarkan atau selewat-lewatnya pada 19 September 1999. Pada 26 Julai 1999, vendor telah mengemukakan surat setuju terima tawaran tersebut. Semakan Audit mendapati kontrak perjanjian telah ditandatangani pada 1 November 1999 iaitu satu bulan selepas tarikh projek sepatutnya disiapkan.

**Pada pendapat Audit, peraturan pelantikan vendor dipatuhi dengan baik. Bagaimanapun, kontrak perjanjian yang disediakan lewat ditandatangani iaitu selepas tarikh projek sepatutnya disiapkan.**

##### **b) Pengurusan Kontrak**

###### **i) Tempoh Kontrak**

Mengikut perjanjian kontrak dan surat tawaran, projek perlu disiapkan dalam tempoh 8 minggu atau selewat-lewatnya pada 19 September 1999. Semakan Audit mendapati vendor telah menyerahkan projek pada 29 Disember 2000 berdasarkan skop kerja yang ditentukan dalam kontrak iaitu lewat 1 tahun 3

bulan dari tarikh yang ditetapkan. Bayaran interim telah dibuat sebanyak 8 kali melibatkan pembayaran berjumlah RM1.70 juta manakala bayaran terakhir berjumlah RM290,400 telah dibuat pada 30 Disember 2000. Bagaimanapun, Jabatan tidak berpuashati terhadap keupayaan sistem yang dibangunkan dan satu perundingan dengan vendor telah diadakan. Pihak vendor bersetuju untuk memperbaiki dan meningkatkan sistem sehingga memenuhi keperluan Jabatan tanpa kos tambahan. Pihak vendor kemudian memperbaiki sistem yang sedia ada dan sistem terkini hanya disah terima oleh Jabatan pada 30 Oktober 2003. Semakan Audit mendapati tiada surat lanjutan masa dikeluarkan bagi menetapkan tarikh siap yang baru.

**ii) Penyediaan Bon Pelaksanaan**

Berdasarkan dokumen kontrak, vendor dikehendaki menyediakan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak iaitu RM99,550 bagi melindungi kepentingan Kerajaan sekiranya vendor melanggar sebarang syarat perjanjian. Semakan Audit mendapati vendor telah menyediakan jaminan bank dengan amaun yang ditetapkan pada 3 Ogos 1999 yang berkuat kuasa sehingga Julai 2001. Bagaimanapun, tiada lanjutan masa tarikh kuat kuasa jaminan bank tersebut selaras dengan perubahan tarikh penyiapan projek bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Projek ini disah terima untuk kegunaan pada 30 Oktober 2003.

**iii) Klausus Denda**

Mengikut Klausus 4 pada perjanjian kontrak, denda akan dikenakan terhadap vendor sekiranya gagal membekalkan peralatan (termasuk perisian) pada tarikh penghantaran yang ditetapkan atau dalam tempoh yang dipersetujui oleh Kerajaan. Denda boleh dikenakan sebanyak 1% setiap minggu atau sebahagiannya daripada nilai setiap peralatan yang lewat dibekalkan tetapi tidak melebihi 15%. Jika vendor masih gagal membekalkan peralatan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh penghantaran yang ditetapkan, Kerajaan boleh menamatkan kontrak dan vendor perlu mengembalikan semua bayaran yang telah dibayar oleh Kerajaan. Semakan Audit mendapati peralatan telah dibekalkan mengikut perjanjian. Bagaimanapun, perisian sistem yang lewat disiapkan oleh vendor tidak dikenakan denda kerana kelewatan berpunca daripada perubahan keperluan Jabatan terhadap sistem yang dibangunkan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan klausus denda yang dinyatakan dalam perjanjian adalah baik bagi melindungi kepentingan Jabatan.**

**c) Spesifikasi Projek**

Vendor perlu melaksanakan projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Spesifikasi projek terbahagi kepada 2 komponen iaitu sistem dan peralatan.

### i) Komponen Sistem

Enam modul utama dan 2 modul sokongan perlu dibangunkan oleh vendor. Semakan mendapati vendor telah membangunkan 9 modul tambahan satu modul iaitu *Mining Management System* (MMS) yang tidak termasuk dalam kontrak perjanjian. Daripada 9 modul berkenaan, empat modul iaitu *Land Title Information System*, *Land Dealing System*, *Web Land Title Information System* dan *Security System* sebagai aplikasi sokongan adalah berkaitan secara langsung dengan pendaftaran tanah berkomputer.

Semakan Audit selanjutnya mendapati sistem ini boleh menghasilkan 25 laporan maklumat tanah antaranya ialah *Title Listing By District Area*, *Title Listing By Owner Type* dan *Registered Dealings For Leases* yang boleh dijana melalui sub-menu *Report* seperti paparan skrin di **Rajah 1** dan laporan *Registered Title By District* yang dijana seperti di **Rajah 2**.

**Rajah 1**  
**Sub-Menu Report Sistem LTIS**



Sumber : Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

**Rajah 2**  
**Laporan Registered Title By District**

JABATAN TANAH DAN UKUR  
(LANDS AND SURVEYS DEPARTMENT)  
PENGURUSAN PERMINTAAN HAK HLUR TANAH,  
PETI SURAT NO. 04  
SAHABAT  
TEL: 088 - 919502  
TELEFAX: 088 - 911021

Registered Title By District

Date : 31/12/2006

District Code	District	Subsidiary Titles	Town Leases		Country Leases		Provisional Lease		Native Titles		Field Registers		TOTAL	
			Titles	Area (H)	Titles	Area (H)	Titles	Area (H)	Titles	Area (H)	Titles	Area (H)	Titles	Area (H)
01	KOTA KINABALU	39,024	3,830	817,903	25,140	12,488.252	187	776,089	1,253	1,734,057	65	84,736	30,475	15,901.02
02	PAPAR	29,104	429	67,291	4,358	15,798.568	303	1,131,599	6,257	14,372.811	1,110	2,077,881	12,457	33,447.95
03	KOTA BELUD	15,478	260	15,352	897	2,971.146	68	8,687,537	5,981	11,658,202	772	1,249,894	7,878	24,592.13
04	TUJASAN	19,472	664	26,619	2,999	8,726.446	279	1,499,957	4,572	9,621,069	694	870,424	8,809	19,714.52
05	KUDAT	11,224	284	55,459	3,749	14,037,755	640	4,044,250	2,802	8,817,667	350	1,210,578	7,824	29,105.71
06	RANAU	15,466	315	51,265	1,256	5,070.214	109	71,895,750	4,919	11,297,761	340	735,808	6,939	89,050.79
07	SANDAKAN	29,370	4,765	11,176,000	16,191	118,279.84	614	13,645,808	3,437	12,408,608	46	184,982	25,053	145,694.14
08	BELLURAN	21,550	29	11,988	2,134	161,087.681	70	9,365,382	10,089	51,467,179	170	614,199	13,292	222,548.43
09	KINABATANGAN	13,971	40	1,566	2,178	315,430.021	74	26,091,927	5,417	25,257,984	153	409,894	7,862	367,189.39
10	TAWAU	31,512	2,985	249,010	20,817	180,269.67	657	8,481,353	1,547	5,131,988	134	547,096	26,140	194,600.01
11	LAHAD DATU	20,153	782	257,364	9,739	207,383.86	580	14,925,666	4,380	18,229,559	77	366,006	15,538	241,162.46
12	SEMPORNA	7,122	405	45,631	2,215	25,083.153	72	6,266,926	1,200	8,822,735	765	1,949,598	4,657	43,068.04
13	HENINIAU	23,128	271	18,438	6,093	26,151,146	815	4,495,107	8,196	26,799,180	753	2,067,112	16,128	59,530.98
14	TAMBUNAN	9,912	64	13,607	166	1,542,444	61	192,038	3,753	9,808,174	664	1,454,091	4,708	13,010.35
15	NABAWIAN	1,476	8	4,037	22	2,225,663	7	1,989	925	5,178,963	40	192,712	1,002	7,603.34
16	TENOM	8,658	297	16,131	2,685	9,934,870	360	6,889,546	2,042	5,777,759	125	431,495	5,509	23,049.80
17	BEAUFORT	26,016	308	19,007	3,350	21,053,587	405	6,931,359	8,331	18,949,518	293	845,988	12,887	46,399.44
18	KUALA PENYU	9,861	51	3,901	204	1,102,366	54	154,577	4,388	7,909,547	124	242,160	4,821	8,512.56

Sumber : Jabatan Tanah Dan Urus Negeri Sabah

**ii) Spesifikasi Peralatan**

Vendor telah membekalkan peralatan dan mengikut spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian. Semakan yang dijalankan terhadap dokumen penghantaran dan penerimaan peralatan di PPHT Sandakan dan Tawau pada bulan November 2007 mendapat peralatan berkenaan telah dibekalkan pada bulan Ogos dan September 1999 serta diaku terima oleh PPHT di daerah berkenaan. Pemeriksaan fizikal terhadap peralatan juga mendapat ianya masih digunakan kecuali 2 unit server masing-masing di PPHT Sandakan dan di PPHT Tawau telah diganti dengan server yang baru yang mempunyai keupayaan pemprosesan yang lebih tinggi.

**d) Latihan Kepada Pengguna**

Mengikut klausula 15 dalam perjanjian, latihan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan akan disediakan oleh vendor. Latihan tersebut telah dikendalikan oleh vendor adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Latihan Yang Dikendalikan Oleh Vendor**

Bil.	Modul	Pejabat	Bilangan Peserta	Tarikh Kursus	Tempoh Kursus (Hari)
1.	Kursus LDS	8 PPHT Daerah	16	08-12 Dis 2003	5
2.	Kursus LDS	6 PPHT Daerah	16	15-19 Dis 2003	5
3.	Kursus LDS	5 PPHT Daerah	18	05-09 Jan 2004	5
4.	Kursus LDS	Bahagian SMT, Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat dan 5 PPHT Daerah	27	12-16 Jan 2004	5
5.	Kursus LDS	Pusat Pendaftaran Tanah	10	05-09 Jan 2004	5
6.	Kursus LDS	Bahagian SMT dan Pusat Pendaftaran Tanah	16	12-16 Jan 2004	5
7.	Kursus LTIS	Bahagian SMT	7	01 - 02 Mac 2004	2
8.	Kursus LTIS	Pegawai Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat dan 10 PPHT Daerah	25	01 - 02 Mac 2004	2
9.	Kursus LTIS	Bahagian SMT	9	24- 27 Feb 2004	4
10.	Kursus LTIS	Pegawai 13 PPHT Daerah	26	24- 27 Feb 2004	4
11.	Kursus LTIS	Bahagian SMT	8	01 - 26 Mac 2004 (8 sesi)	1 hingga 5 hari setiap sesi

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah


Vendor telah memberikan latihan yang diperlukan oleh pegawai pada penghujung tahun 2003 dan awal tahun 2004 setelah sistem siap dibangun dan sedia untuk digunakan.

**Pada pendapat Audit, pengendalian latihan adalah baik. Latihan yang diberikan oleh vendor adalah mengikut kehendak kontrak perjanjian dan memberi pendedahan kepada pegawai mengenai sistem pendaftaran tanah berkomputer.**

#### **6.2.4 Proses Kerja Pendaftaran**

Berdasarkan carta aliran kerja, proses pendaftaran tanah melibatkan empat peringkat kerja iaitu peringkat awalan, peringkat semakan dan kemasukan data, peringkat keputusan dan peringkat pengendalian dokumen. Setiap peringkat pemprosesan hendaklah dilaksanakan oleh individu yang berlainan bagi mewujudkan satu bentuk kawalan dalaman yang berkesan dalam proses pendaftaran tanah. Contoh carta aliran proses pendaftaran tanah berkomputer bagi urus niaga pindah hak milik tanah seperti di **Carta 4**.

**Carta 4**  
**Carta Aliran Bagi Proses Pendaftaran Urus niaga Tanah Pindah Hak Milik Tanah**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Carta aliran yang ditunjukkan di atas diguna pakai untuk semua urus niaga kecuali proses di *stage 2000* hingga *2040* akan disesuaikan mengikut jenis urus niaga. Fungsi bagi setiap peringkat proses kerja adalah seperti berikut:

**i) Peringkat Awalan - *Stage 210***

Peringkat ini melibatkan penerimaan permohonan dan pemberian nombor serahan.

**ii) Peringkat Semakan dan Kemasukan Data (*Stage 220-260, Stage 2000-2040 dan Stage 280-300*)**

Peringkat ini adalah peringkat semakan permohonan dan memasukkan maklumat permohonan dalam komputer.

**iii) Peringkat Keputusan - *Stage 310***

Peringkat ini merupakan peringkat mengemaskini kelulusan oleh PPHT dalam komputer.

**iv) Peringkat Pengendalian Dokumen - *Stage 320 hingga Stage 330***

Peringkat ini melibatkan penyimpanan semula dokumen hak milik salinan pejabat ke dalam bilik kebal serta pengembalian dokumen hak milik asal kepada pemilik.

Semakan Audit mendapati proses pendaftaran tanah berkomputer disesuaikan mengikut carta aliran yang ditetapkan dalam garis panduan pengurusan tanah. Walaupun sistem komputer digunakan, namun pelaksanaannya diselang-seli secara manual di peringkat tertentu iaitu semakan dan keputusan. Peringkat Awalan dilaksanakan dengan sistem komputer iaitu dengan memberikan nombor penyampaian bagi setiap urus niaga yang diterima. Bagaimanapun, borang permohonan perlu dilengkapkan secara manual untuk proses pada peringkat seterusnya. Pada Peringkat Semakan Dan Kemasukan Data, dokumen akan disemak secara manual dan semua maklumat berkaitan dikunci masuk ke sistem komputer. Dokumen urus niaga kemudian diluluskan dan dokumen hak milik akan ditandatangan oleh PPHT secara manual pada Peringkat Kelulusan. Maklumat kelulusan ini kemudian dikunci masuk ke sistem komputer. Dokumen hak milik salinan pejabat yang telah ditandatangani disimpan dalam bilik kebal dan dokumen hak milik asal dikembalikan kepada pelanggan. Maklumat pengembalian dicatatkan dalam daftar pengembalian secara manual dan dikemas kini pada sistem komputer.

Semakan juga mendapati proses pendaftaran urus niaga tanah dilaksanakan oleh 2 atau 3 orang yang berasingan. Bagaimanapun dalam sistem, proses tersebut menunjukkan ianya dilaksanakan oleh satu orang sahaja kerana maklumat urus niaga tanah di semua peringkat iaitu Peringkat Awalan, Peringkat Semakan,

Peringkat Keputusan dan Peringkat Pengendalian Dokumen dikunci masuk ke sistem komputer oleh satu orang sahaja. Dengan demikian, nama pegawai yang wujud dalam sistem komputer tidak menggambarkan pegawai yang sebenarnya melaksanakan proses pendaftaran urus niaga tanah berkenaan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan proses kerja berkomputer di PPHT Daerah adalah tidak memuaskan. Ini kerana pengasingan kerja yang diwujudkan dalam modul Security tidak dimanfaatkan. Sungguhpun kerja dilaksanakan oleh pegawai yang berasingan, namun penama yang melaksanakan kerja tidak wujud dalam sistem kerana maklumat proses kerja dikunci masuk oleh seorang pegawai lain setelah proses kerja secara manual selesai dilaksanakan.**

#### **6.2.5 Proses Kerja Pembetulan Data**

Pembetulan data dapat dilaksanakan terus melalui pangkalan data. Pembetulan yang dapat dilaksanakan adalah yang berkaitan kesilapan mengunci masuk maklumat hak milik serta urus niaga. Pengguna yang dibenarkan membuat pembetulan adalah dihadkan kepada pegawai yang diberi kuasa sahaja melalui modul Security. Nama pengguna terakhir yang melaksanakan transaksi terhadap sesuatu hak milik dipaparkan pada skrin urus niaga dan ini akan memudahkan pentadbir sistem serta pihak pengurusan menentukan pegawai yang melaksanakan urusan berkenaan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sesuatu hak milik yang dibetulkan kerana tidak ada rekod khusus diwujudkan terhadap pembetulan berkenaan. Kawalan dalam bentuk *exception report* terhadap pembetulan data medan wajib yang dijana oleh komputer perlu disediakan bagi membantu pihak Jabatan memantau dan mengawal kerja pembetulan data.

**Pada pendapat Audit, kawalan terhadap proses pembetulan data adalah tidak memuaskan kerana semakan tidak dijalankan terhadap pembetulan data yang dilaksanakan terus melalui pangkalan data.**

#### **6.2.6 Kawalan Keselamatan**

Kawalan yang sempurna hendaklah diwujudkan bagi memastikan keselamatan aset ICT serta dokumen sentiasa terpelihara. Kawalan am dan kawalan aplikasi merupakan bentuk kawalan utama yang perlu dipraktikkan.

**a) Kawalan Am**

- Kawalan Organisasi dan Pengurusan**

Satu bahagian khas telah diwujudkan iaitu Bahagian Sistem Maklumat Tanah (SMT) yang bertanggung jawab terhadap urusan ICT di Jabatan termasuk projek LTIS. Bahagian ini diketuai oleh pegawai Gred J48 dan dibantu oleh 41 pegawai pelbagai gred. Bahagian SMT tidak terlibat secara langsung dengan proses pendaftaran tanah sebaliknya hanya mengawal selia penggunaan ICT serta data tanah yang disatukan di pangkalan LTIS. Proses pendaftaran dilaksanakan oleh Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat dan PPHT Daerah.

- Kawalan Fizikal dan Persekutaran**

Semakan telah dibuat di Ibu Pejabat, PPHT Kota Kinabalu, PPHT Sandakan dan PPHT Tawau bagi memastikan kawalan fizikal dan persekitaran terhadap bilik server, bilik kebal dan bilik fail diwujudkan. Hasil pemeriksaan fizikal yang dijalankan adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Hasil Pemeriksaan Fizikal Terhadap Kawalan Fizikal dan Persekutaran**

Bentuk Kawalan/Lokasi	Pejabat Yang Dilawat			
	Ibu Pejabat/ Pusat Pendaftaran	PPHT Kota Kinabalu	PPHT Sandakan	PPHT Tawau
1. Bilik Server				
a. Kawalan Kebakaran	√	-	-	-
b. Kawalan Air	√	-	-	-
c. Kawalan Persekutaran	√	-	-	-
2. Bilik Kebal				
a. Kawalan Kebakaran	X	-	-	-
b. Kawalan Air	X	-	-	-
c. Kawalan Persekutaran	√	-	-	-
3. Bilik Fail				
a. Kawalan Kebakaran	-	X	X	X
b. Kawalan Air	-	X	X	X
c. Kawalan Persekutaran	-	X	X	X

Sumber: Jabatan Audit Negara dan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

**Nota**

√ : Kawalan berkaitan wujud    X: Kawalan berkaitan tidak wujud

- Unit server yang sama digunakan oleh Ibu Pejabat dan PPHT Kota Kinabalu
- Tiada bilik kebal di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau
- Tiada bilik khas untuk server di PPHT Sandakan dan Tawau

**Ibu Pejabat**

Bilik server dilengkapi dengan sistem pemadam api yang dapat memadamkan punca kebakaran tanpa merosakkan peralatan server. Selain itu, buku daftar


masuk-keluar disediakan di luar bilik server bagi merekodkan pergerakan masuk-keluar pegawai yang berurusan di bilik berkenaan. Alat penghawa dingin juga dipasang dan berfungsi dengan baik bagi melindungi server daripada suhu tinggi yang boleh merosakkan server. **Foto 1** dan **2** menunjukkan alat pemadam api jenis gas yang dipasang dalam bilik server dan **Foto 3** menujukkan buku daftar yang disediakan di luar bilik server.

**Foto 1**  
**Bilik Server Dilengkapi Dengan Alat Pemadam Api Jenis Gas**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22.11.2007  
Lokasi : Ibu Pejabat JTU

**Foto 3**  
**Buku Daftar Yang Disediakan Di Luar Bilik Server**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22.11.2007  
Lokasi : Ibu Pejabat JTU

## **Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat**

Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat (Pusat Pendaftaran) bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran urus niaga tanah bagi tanah jenis pajakan seluruh Negeri Sabah. Dokuman surat cara dan dokumen hak milik tanah disimpan dalam bilik kebal Pusat Pendaftaran. Pemeriksaan terhadap bilik kebal mendapati dokumen disimpan dengan teratur dalam kabinet fail. Kawalan masuk keluar bilik kebal adalah teratur yang mana kunci serta nombor kombinasi disimpan oleh 2 orang pegawai yang berbeza dan hanya boleh dimasuki oleh 5 orang pegawai yang dibenarkan sahaja. Pergerakan dokumen hak milik juga dikawal dengan menggunakan mesin pengimbas yang merekodkan maklumat pergerakan seperti nama pegawai bertanggungjawab, tarikh pergerakan dan nombor dokumen hak milik. Bagaimanapun, sistem kawalan kebakaran yang menggunakan jenis pancuran air adalah tidak sesuai kerana boleh merosakkan dokumen apabila sistem berfungsi semasa kebakaran. **Foto 4, 5 dan 6** menunjukkan pintu masuk, susunan kabinet fail serta sistem pancuran air dalam bilik kebal.

**Foto 4**  
**Pintu Bilik Kebal**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26.02.2008  
Lokasi : Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat

**Foto 5**  
**Susunan Kabinet Dalam Bilik Kebal**



**Foto 6**  
**Alat Pemadam Api Jenis Pancuran Air**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26.02.2008  
Lokasi : Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat*

#### **Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kota Kinabalu**

Bilik fail bagi PPHT Kota Kinabalu adalah bilik yang menempatkan dokumen hak milik dan fail urusan tanah. Pemeriksaan mendapati bilik fail juga dilengkapi dengan sistem kawalan kebakaran dengan menggunakan alat pemadam api jenis pancuran air. Penggunaan alat pemadam api jenis pancuran air adalah tidak sesuai kerana boleh merosakkan dokumen sekiranya alat tersebut berfungsi semasa berlaku kebakaran. Alat pemadam tersebut adalah seperti di **Foto 7** manakala **Foto 8** dan **Foto 9** menunjukkan dokumen hak milik dalam kabinet besi berkunci serta fail urusan tanah yang terdapat dalam bilik fail PPHT Kota Kinabalu.

**Foto 7**  
**Alat Pemadam Api Jenis Pancuran Air**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 01.11.2007  
Lokasi : PPHT Kota Kinabalu

**Foto 8**  
**Geran Tanah Disimpan Dalam Kabinet Besi Berkunci Dalam Bilik Fail**



**Foto 9**  
**Fail Tanah Yang Disimpan Dalam Bilik Fail PPHT Kota Kinabalu**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 01.11.2007  
Lokasi : PPHT Kota Kinabalu

Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada daftar bagi merekodkan pergerakan masuk-keluar pegawai ke bilik fail. Ketiadaan buku daftar menyukarkan kawalan masuk-keluar pegawai serta dokumen ke bilik fail dilaksanakan.

#### **Pejabat Pemungut Hasil Tanah Sandakan**

Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada sistem kawalan kebakaran dipasang di dalam atau berhampiran bilik fail dan bilik yang menempatkan server. Keadaan ini mendedahkan dokumen hak milik dan surat cara serta server kepada

kerosakan dan kemusnahan apabila berlaku kebakaran. Bilik yang menempatkan server juga digunakan oleh unit Hasil bagi mencetak resit penerimaan manakala bilik yang menempatkan dokumen hak milik serta surat cara juga digunakan untuk menyimpan peralatan pejabat. Bagaimanapun, sistem penghawa dingin ada dipasang dalam bilik menempatkan server dan berfungsi dengan baik bagi mengurangkan risiko kerosakan server akibat suhu tinggi. Daftar masuk-keluar pegawai yang berurusan di kedua-dua bilik iaitu bilik fail dan bilik yang menempatkan unit server tidak disediakan manakala pintu dan tingkap bilik yang menempatkan unit server tidak dipasang jeriji besi bagi menghalang pencerobohan. **Foto 10** menunjukkan keadaan bilik yang menempatkan server manakala **Foto 11, 12** dan **13** menunjukkan keadaan bilik yang menempatkan dokumen hak milik dan surat cara.

**Foto 10**  
**Bilik Yang Menempatkan Server Tidak Dipasang Pemadam Api Dan Tingkap Tidak Dipasang Jeriji Besi**



**Foto 11**  
**Bilik Yang Menempatkan Dokumen Hak Milik Serta Surat Cara Tidak Dipasang Pemadam Api**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26.11.2007  
Lokasi : PPHT Sandakan

**Foto 12**  
**Dokumen Hak Milik Tanah Yang Disimpan  
Dalam Kabinet Kayu Bersama Dokumen Lain  
Yang Tidak Tersusun Kemas**



**Foto 13**  
**Bilik Yang Menempatkan Dokumen Hak Milik  
Serta Surat Cara Juga Diletakkan Peralatan  
Pejabat**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 26.11.2007

Lokasi : PPHT Sandakan

#### **Pejabat Pemungut Hasil Tanah Tawau**

Lawatan Audit di PPHT Tawau mendapati server, dokumen hak milik dan fail urusan tanah ditempatkan dalam bilik yang sama. Sistem kawalan kebakaran tidak dipasang di dalam atau berhampiran bilik berkenaan. Keadaan ini mendedahkan server dan dokumen hak milik serta fail urusan tanah kepada kerosakan dan kemusnahan apabila berlaku kebakaran. Alat penghawa dingin juga tidak berfungsi dan mendedahkan unit server kepada kerosakan akibat suhu yang tinggi.

Selain itu, keadaan dinding didapati rosak dan tidak dapat menghalang air masuk ke bilik semasa hujan lebat. Kunci pintu bilik yang menempatkan dokumen hak milik juga tidak berfungsi dengan sempurna. Tiada jeriji besi dipasang di pintu serta tingkap bilik bagi menghalang penceroboh memasuki bilik berkenaan. **Foto 14, 15 , 16** dan **17** menunjukkan keadaan bilik berkenaan.

**Foto 14**  
**Bilik Yang Menempatkan Peralatan Server, Dokumen Hakmilik Dan Surat Cara Tidak Dipasang Jeriji Besi**



**Foto 15**  
**Kunci Pintu Bilik Rosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 28.11.2007  
Lokasi : PPHT Tawau

**Foto 16**  
**Dinding Bilik Serta Kabinet Besi Yang Rosak**



**Foto 17**  
**Racun Tikus Diletakkan Di Bilik Bagi Menghalang Serangan Makhluk Perosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 28.11.2007  
Lokasi : PPHT Tawau

Pada pendapat Audit, kawalan kebakaran, air dan persekitaran Jabatan adalah tidak memuaskan.

- **Kawalan Capaian Logikal**

Kawalan capaian logikal diwujudkan sebagai jaminan yang munasabah ditempatkan kepada input yang dibenarkan pada sistem dan capaian kepada data, program dan terminal adalah terhad kepada kakitangan yang dibenarkan.

Semakan Audit mendapati capaian terhadap sistem dikawal melalui *User ID* (pencaman pengguna) dan kata laluan. Pencaman pengguna diwujudkan oleh Pentadbir Sistem di Ibu Pejabat pada peringkat permulaan sistem diwujudkan dan selepas itu tanggung jawab tersebut dilaksanakan oleh PPHT Daerah. Satu borang pewujudan diselenggarakan bagi merekodkan butiran pencaman pengguna yang mengandungi maklumat seperti pencaman pengguna, nama penuh pemilik, tarikh diwujudkan, tandatangan pemilik serta nama dan tandatangan Pentadbir Sistem. Kata laluan juga diberikan kepada setiap pengguna sistem. Bagaimanapun, tidak ada had masa ditetapkan untuk pembaharuan kata laluan sebagai kawalan terhadap capaian ke sistem.

**Pada pendapat Audit, kawalan capaian logikal yang diwujudkan adalah memuaskan bagi mengawal capaian pengguna ke sistem pendaftaran tanah berkomputer.**

- **Kawalan Perancangan Kesinambungan Urusan**

Kawalan perancangan kesinambungan urusan adalah penting bagi meneruskan urusan apabila berlakunya kecurian, kehilangan, kemusnahan yang disengajakan atau secara kebetulan pada data dan program.

Proses muat turun data sandaran PPHT daerah dilaksanakan secara automatik pada petang Jumaat setiap minggu. Data sandaran disimpan dalam server di pejabat PPHT manakala salinannya disimpan dalam media penyimpanan *external hard disk* untuk disatukan oleh vendor di pangkalan data LTIS. Bahagian Sistem Maklumat Tanah di Ibu Pejabat kemudian membuat salinan data pangkalan LTIS dalam medium penyimpanan cakera padat pada setiap bulan sebagai data sandaran bulanan dan menyimpannya dalam peti besi pejabat. Salinan data sandaran juga disimpan di Sekolah Latihan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah sebagai *offsite back-up* bagi memastikan urusan dapat diteruskan sekiranya terdapat kerosakan server di Ibu Pejabat. Bagaimanapun, tiada jadual tetap disediakan bagi menyatakan data dari setiap daerah ke pangkalan data LTIS.

**Pada pendapat Audit, kawalan perancangan kesinambungan adalah tidak memuaskan khususnya proses penghantaran data sandaran ke Bahagian SMT.**

**b) Kawalan Aplikasi**

Kawalan Aplikasi yang meliputi kawalan input, proses dan output perlu dilaksanakan bagi memastikan data yang dihasilkan adalah sah, diproses secara terkawal dan mengikut peraturan. Selain itu, data tersebut dikeluarkan dengan lengkap, tepat serta diagihkan kepada penerima yang dibenarkan.

Semakan *walk through* telah dilaksanakan terhadap 30 urus niaga iaitu masing-masing 10 urus niaga di setiap PPHT Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Hasil semakan mendapati data yang dikunci masuk ke sistem adalah berdasarkan kepada borang dan dokumen sokongan yang telah disemak oleh pegawai di setiap peringkat pemprosesan. Data yang telah dikunci masuk disemak semula sebelum disahkan oleh pegawai penyemak dan PPHT untuk kelulusan. Setiap urus niaga diberikan nombor rujukan unik iaitu melalui nombor serahan dan nombor memorial yang dijana oleh sistem manakala laporan janaan sistem dikawal dengan menghadkan capaian kepada pegawai yang diberi kuasa sahaja melalui modul *Security*. Bagaimanapun, tiada semakan lanjut dibuat terhadap urus niaga yang telah didaftarkan bagi menentukan ketepatan maklumat yang telah dikunci masuk.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah mewujudkan kawalan aplikasi yang memuaskan.**

**6.2.7. Pencapaian LTIS**

Sasaran sistem yang jelas dan munasabah akan menjadi panduan pelaksanaan dan pengukuran pencapaian LTIS. Sehubungan itu, Jabatan telah menetapkan pemindahan semua data dari Bank Data Tanah ke pangkalan data LTIS akan dilaksanakan oleh vendor seperti yang dinyatakan dalam kontrak perjanjian. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

**a) Pelaksanaan Penggunaan Sistem**

Jabatan mensasarkan setiap bahagian yang terlibat dalam urusan pendaftaran urus niaga tanah menggunakan sistem komputer sebaik sahaja sistem sedia digunakan iaitu di peringkat PPHT Daerah serta di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat. Lawatan Audit di 3 PPHT Daerah yang dipilih mendapati, sistem telah digunakan mulai April 2004 dengan lancar dan diterima secara positif oleh pengguna, manakala pemeriksaan di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat mendapati proses pendaftaran tanah secara manual masih diamalkan walaupun sistem LTIS mempunyai keupayaan untuk dilaksanakan di semua peringkat. Bagaimanapun, semua maklumat urus niaga tanah yang telah didaftarkan di Pusat ini dikemukakan ke Bahagian Sistem Maklumat Tanah untuk dikunci masuk ke pangkalan data LTIS.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan penggunaan sistem pendaftaran tanah berkomputer adalah baik.**

**b) Pemindahan Data**

Mengikut Perjanjian Kontrak, vendor dikehendaki untuk mengkaji dan melaksanakan pemindahan data yang sedia ada dalam Bank Data Tanah ke pangkalan data LTIS yang dibangunkan. Semakan Audit mendapati, keseluruhan data telah dipindahkan ke sistem LTIS pada November 2003 yang melibatkan pemindahan 30 medan data bersaiz 2 gigabait kepada 800 medan data di LTIS. Ujian keserasian format ke pangkalan data LTIS juga telah dijalankan bagi memastikan semua data dapat dipindahkan ke pangkalan data LTIS.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemindahan data adalah baik.**

**c) Tempoh Memproses Permohonan Urus niaga Tanah di PPHT**

Jabatan tidak menetapkan tempoh bagi memproses permohonan pendaftaran urus niaga tanah. Pihak Audit telah menjalankan analisis data menggunakan perisian *Audit Command Language (ACL)* bagi mengukur tempoh memproses permohonan dari tarikh permohonan diterima sehingga permohonan didaftarkan. Jumlah urus niaga tanah jenis NT dan FR yang diproses pada bulan Januari 2004 hingga Disember 2007 di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau adalah masing-masing berjumlah 2000, 2071 dan 944 urus niaga. Analisis yang dijalankan mendapati tempoh memproses pendaftaran tanah adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Tempoh Memproses Pendaftaran Tanah Di Peringkat PPHT**  
**Bagi Tahun 2004 Hingga 2007**

PPHT Daerah	Jumlah Permohonan Diproses (Bilangan)	Tempoh Kelulusan (Hari)		
		0 hingga 10 hari	11 hingga 30 hari	Melebihi 30 hari
Kota Kinabalu	2,000	434	913	653
Sandakan	2,071	1977	44	50
Tawau	944	813	79	52
<b>Jumlah</b>	<b>5,015</b>	<b>3,224</b>	<b>1,036</b>	<b>755</b>
<b>Peratus (%)</b>		<b>64.3</b>	<b>20.7</b>	<b>15.1</b>

*Sumber : Jabatan Audit Negara*

**Jadual 6** di atas menunjukkan daripada 5,015 jumlah urus niaga yang diproses, sebanyak 3,224 atau 64.3% urus niaga diproses dalam tempoh 10 hari, sebanyak 1,036 atau 20.7% diproses dalam tempoh antara 11 hingga 30 hari dan sebanyak 755 atau 15% diproses melebihi 30 hari.

**Pada pendapat Audit, tempoh memproses permohonan pendaftaran urus niaga tanah adalah baik kerana 85% diproses dalam tempoh 30 hari.**

**d) Integriti Data LTIS**

Data yang terdapat dalam pangkalan data LTIS hendaklah lengkap, tepat dan kemas kini. Dua kaedah dijalankan bagi mengukur tahap integriti dan kebolehgunaan data di pangkalan data LTIS iaitu secara analisis menggunakan perisian ACL dan semakan fizikal dokumen hak milik.

Analisis Audit dengan menggunakan perisian ACL dilaksanakan bagi menentukan tiada pertindihan nombor dokumen hak milik (geran tanah) dan semua maklumat asas pemilikan telah diisikan dengan lengkap. Hak milik tanah yang dianalisis adalah berjumlah 89,179 iaitu keseluruhan hak milik bagi Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau yang merangkumi hak milik berdaftar jenis pajakan iaitu *Country Lease (CL)*, *Provisional Lease (PL)* dan *Town Lease (TL)* serta hak milik jenis *Native Title (NT)* dan *Field Register (FR)*.

Sejumlah 75,976 maklumat hak milik tanah jenis pajakan serta 13,203 maklumat hak milik tanah jenis NT dan FR telah dianalisis menggunakan perisian ACL. Kriteria serta bilangan kes yang ditemui hasil daripada analisis yang dijalankan masing-masing ditunjukkan di **Jadual 7** dan **Jadual 8**.

**Jadual 7**  
**Hasil Analisis Menggunakan Perisian ACL**  
**Tanah Jenis Pajakan (CL, PL Dan TL)**

Populasi Geran Tanah Jenis Pajakan (CL, PL Dan TL)	Bilangan			Jumlah	
	Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau	Bilangan	Peratus (%)
<b>29,568</b>	<b>21,842</b>	<b>24,566</b>	<b>75,976</b>		
<b>Kriteria Analisis</b>					
<b>Tiada maklumat pada medan berikut:</b>					
i. Nama Pemilik	0	0	1	<b>1</b>	<b>0.0</b>
ii. Nombor Kad Pengenalan Pemilik	11,871	7,986	10,642	<b>30,499</b>	<b>40.1</b>
iii. Alamat Pemilik	5,008	3,162	2,771	<b>10,941</b>	<b>14.4</b>
iv. Keluasan Tanah	1	0	0	<b>1</b>	<b>0.0</b>
v. Kadar Cukai	180	3,215	6	<b>3,401</b>	<b>4.5</b>
vi. Tarikh Tamat Pajakan (Tanah pajakan)	5,576	4,795	4,171	<b>14,542</b>	<b>19.1</b>
vii. Tempoh Pajakan (Tanah pajakan)	11,286	8,470	9,519	<b>29,275</b>	<b>38.5</b>
viii. Tarikh Geran Dikeluarkan	320	188	96	<b>604</b>	<b>0.8</b>
ix. Tarikh Geran Didaktarkan	8	15	0	<b>23</b>	<b>0.0</b>

Sumber : Pangkalan Data LTIS

**Jadual 8**  
**Hasil Analisis Menggunakan Perisian ACL**  
**Bagi Tanah Jenis NT Dan FR**

Populasi Geran Tanah Jenis NT Dan FR	Bilangan			Jumlah	
	Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau	Bilangan	Peratus (%)
	4,859	5,372	2,972	13,203	
<b>Kriteria Analisis</b>					
<b>Tiada maklumat pada medan berikut:</b>					
i. Nama Pemilik	1	1	12	14	0.1
ii. Nombor Kad Pengenalan Pemilik	2,444	2,906	1,862	7,212	54.6
iii. Alamat Pemilik	1,815	1,252	755	3,822	29.0
iv. Keluasan Tanah	0	18	0	18	0.1
v. Kadar Cukai	420	17	9	446	3.4
vi. Tarikh Geran Dikeluarkan	3,523	1,887	1,291	6,701	50.8
vii. Tarikh Geran Didaktarkan	132	40	4	176	1.3

Sumber : Pangkalan Data LTIS

Berdasarkan analisis terhadap tanah jenis pajakan (CL, PL dan TL) serta NT dan FR seperti di **Jadual 7** dan **8** menunjukkan tiada pertindihan nombor hak milik. Bagaimanapun, terdapat medan maklumat hak milik yang tidak lengkap seperti medan jenis pemilikan, nama, kad pengenalan dan alamat pemilik, tarikh geran dikeluarkan, tarikh geran didaftarkan, keluasan tanah serta kadar cukai. Maklumat yang tidak lengkap bagi sesuatu medan memberi kesan kepada kebolehpercayaan data pada pangkalan LTIS seperti berikut:

- **Nama Pemilik**

Sejumlah satu hak milik jenis pajakan dan 14 hak milik jenis NT dan FR atau 0.1% tiada maklumat nama pemilik. Nama pemilik merupakan ciri unik pemilikan. Carian tidak dapat dijalankan dengan merujuk kepada nama pemilik.

- **Nombor Kad Pengenalan Pemilik**

Sejumlah 30,499 hak milik jenis pajakan atau 40.1% dan 7,212 atau 54.6% hak milik jenis NT dan FR tiada maklumat nombor kad pengenalan pemilik. Nombor kad pengenalan merupakan ciri unik pemilikan. Carian tidak dapat dijalankan dengan rujukan menggunakan nombor kad pengenalan. Analisis ini juga termasuk jenis pemilikan bukan individu seperti syarikat/persatuan, Kerajaan Persekutuan atau tanah milik Kerajaan Negeri yang tidak mempunyai nombor kad pengenalan. Bagaimanapun, pengasingan tidak dapat dibuat memandangkan kod pemilikan tidak dikunci masuk dengan betul.

- **Alamat Pemilik**

Sejumlah 10,941 hak milik jenis pajakan atau 14.4% dan 3,822 hak milik jenis NT dan FR atau 29% tiada maklumat alamat pemilik. Pemilik tidak

dapat dikesan untuk urusan berkaitan tanah kerana maklumat alamat pemilik tiada.

- **Keluasan Tanah**

Satu hak milik jenis pajakan dan 18 hak milik jenis NT dan FR atau 0.1% tiada maklumat keluasan tanah. Statistik keluasan tanah yang telah diberi milik yang dijana oleh sistem menjadi tidak tepat.

- **Kadar Cukai**

Sejumlah 3,401 hak milik jenis pajakan atau 4.5% dan 446 hak milik jenis NT dan FR atau 3.4% tiada maklumat kadar cukai. Maklumat kadar cukai pada sistem tidak *reliable* kerana maklumat tidak lengkap.

- **Tarikh Tamat Pajakan Bagi Tanah Pajakan**

Sejumlah 14,542 hak milik jenis pajakan atau 19.1% tiada maklumat tarikh tamat pajakan. Maklumat berkenaan amat penting untuk tujuan perancangan pembangunan Kerajaan.

- **Tempoh Pajakan Bagi Tanah Pajakan**

Sejumlah 29,275 hak milik jenis pajakan atau 38.5% tiada maklumat tempoh pajakan. Maklumat berkenaan amat penting untuk tujuan penguatkuasaan Jabatan.

- **Tarikh Geran Dikeluarkan / Disediakan**

Sejumlah 604 hak milik jenis pajakan atau 0.8% dan 6,701 hak milik jenis NT dan FR atau 50.8% tiada maklumat tarikh geran tanah disediakan. Statistik tidak tepat sekiranya dilaksanakan berdasarkan tarikh geran tanah disediakan.

- **Tarikh Geran Didafarkan**

Sejumlah 23 hak milik jenis pajakan dan 176 hak milik jenis NT dan FR atau 1.3% tiada maklumat tarikh geran tanah didafarkan. Statistik tidak tepat sekiranya dilaksanakan berdasarkan tarikh geran tanah didafarkan.

**Pada pendapat Audit, integriti data di pangkalan LTIS adalah tidak memuaskan. Data yang tidak lengkap di pangkalan LTIS menjelaskan integriti serta kebolehgunaan data untuk pelbagai tujuan seperti carian dan laporan.**

**ii. Semakan dokumen hak milik**

Semakan terhadap dokumen hak milik dijalankan bagi menentukan ketepatan maklumat hak milik pada pangkalan data LTIS. Sejumlah 600 atau 0.7% daripada keseluruhan 89,179 dokumen hak milik telah disemak bagi Daerah Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau yang merangkumi 300 hak milik berdaftar jenis pajakan iaitu *Country Lease* (CL), *Provisional Lease* (PL) dan *Town Lease* (TL) serta 300 hak milik jenis *Native Title* (NT) dan *Field Register* (FR).

Sejumlah 300 dokumen hak milik tanah jenis pajakan dan 300 dokumen hak milik tanah jenis NT dan FR telah disemak berbanding maklumat hak milik tanah yang terdapat pada pangkalan data LTIS. Kriteria serta bilangan kes yang ditemui hasil daripada semakan yang dijalankan masing-masing ditunjukkan di **Jadual 9** dan **Jadual 10**.

**Jadual 9**  
**Semakan Dokumen Hak Milik Berbanding**  
**Data di Pangkalan Data LTIS**  
**Bagi Tanah Jenis Pajakan (CL, PL Dan TL)**

Bil.	Populasi Sampel Tanah Jenis Pajakan (CL, PL Dan TL)	Bilangan Kes			Jumlah	
		Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau	Bilangan Sampel Keseluruhan	Peratus (%)
	Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 300		
	<b>Semakan berdasarkan medan berikut:</b>					
1.	<i>OWNER_TYPE</i>	100	100	100	<b>300</b>	<b>100.0</b>
2.	<i>OWNER_NAME</i>	0	18	1	<b>19</b>	<b>6.3</b>
3.	<i>NEW_IC / OLD_IC</i>	23	44	42	<b>109</b>	<b>36.3</b>
4.	<i>AREA</i>	1	0	0	<b>1</b>	<b>0.3</b>
5.	<i>RENT</i>	12	2	4	<b>18</b>	<b>6.0</b>
6.	<i>TERM YEAR</i>	73	18	20	<b>111</b>	<b>37.0</b>
7.	<i>DATE MADE</i>	16	2	1	<b>19</b>	<b>6.3</b>
8.	<i>DATE REGISTERED</i>	10	4	2	<b>16</b>	<b>5.3</b>

*Nota:*  
*TITLE\_TYPE* : Jenis hak milik sama ada CL, PL atau TL  
*OWNER\_TYPE* : Jenis pemilik sama ada milik individu, syarikat/pertubuhan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

*Sumber : Jabatan Audit Negara*

**Jadual 10**  
**Semakan Dokumen Hak Milik Berbanding Data di Pangkalan Data LTIS**  
**Bagi Tanah Jenis NT Dan FR**

Bil.	Populasi Sampel Tanah Jenis NT Dan FR	Bilangan Kes			Jumlah	
		Kota Kinabalu	Sandakan	Tawau	Bilangan Sampel Keseluruhan	Peratus (%)
		Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 100	Bilangan Sampel 300	
	<b>Semakan berdasarkan medan berikut:</b>					
1.	<i>OWNER_TYPE</i>	100	92	100	<b>292</b>	<b>97.3</b>
2.	<i>OWNER_NAME</i>	2	27	30	<b>59</b>	<b>19.7</b>
3.	<i>NEW_IC / OLD_IC</i>	14	90	27	<b>131</b>	<b>43.7</b>
4.	<i>AREA</i>	11	7	0	<b>18</b>	<b>6.0</b>
5.	<i>RENT</i>	9	7	0	<b>16</b>	<b>5.3</b>
6.	<i>DATE MADE</i>	2	13	2	<b>17</b>	<b>5.7</b>
7.	<i>DATE REGISTERED</i>	6	5	6	<b>17</b>	<b>5.7</b>

*Nota:*  
*TITLE\_TYPE:* Jenis hak milik sama ada NT atau FR  
*OWNER\_TYPE:* Jenis pemilik sama ada milik individu, syarikat/pertubuhan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Sumber : Jabatan Audit Negara

Berdasarkan hasil semakan terhadap dokumen hak milik berbanding data di pangkalan data LTIS seperti di **Jadual 9** dan **10** mendapati tiada perbezaan antara data pada medan *TITLE\_TYPE* iaitu jenis hak milik sama ada pemilikan jenis pajakan atau NT dan FR berbanding dokumen hak milik. Bagaimanapun terdapat perbezaan data hak milik yang ditemui iaitu bagi medan *OWNER\_TYPE*, *OWNER\_NAME*, *NEW\_IC / OLD\_IC*, *ADDRESS*, *AREA*, *RENT*, *TERM YEAR* (bagi tanah pajakan), *DATE MADE* dan *DATE REGISTERED*. Perbezaan data pada medan di pangkalan LTIS berbanding dengan dokumen hak milik dihuraikan seperti berikut:

- ***OWNER\_TYPE***  
Sejumlah 300 hak milik jenis pajakan dan 292 hak milik jenis NT dan FR berbeza maklumat jenis pemilikan. Jenis pemilikan hendaklah dikodkan mengikut jenis pemilikan tanah iaitu “I” bagi milik Individu, “C” bagi syarikat/persatuan, “F” bagi Kerajaan Persekutuan dan “S” bagi tanah milik Kerajaan Negeri. Semakan mendapati semua 592 hak milik berkenaan dikodkan sebagai “T” yang tidak mewakili mana-mana jenis pemilikan.
  
- ***OWNER\_NAME***  
Sejumlah 19 hak milik jenis pajakan dan 8 hak milik jenis NT dan FR berbeza ejaan nama pemilik, manakala 51 hak milik jenis NT dan FR berbeza nama pemilik kerana maklumat perubahan nama belum dikemas kini ke sistem.

- ***NEW\_IC / OLD\_IC***

Sejumlah 104 maklumat nombor kad pengenalan hak milik jenis pajakan tidak dikemas kini ke sistem walaupun terdapat pada dokumen hak milik manakala 5 pemilikan berbeza maklumat nombor kad pengenalan. Bagi tanah jenis NT dan FR, sejumlah 131 maklumat nombor kad pengenalan tidak dikemas kini ke sistem walaupun terdapat pada dokumen hak milik.

- ***ADDRESS***

Semakan mendapati tidak terdapat alamat pada dokumen hak milik. Bagaimanapun maklumat alamat wujud dalam pangkalan data LTIS. Maklumat alamat adalah berdasarkan dokumen sokongan urus niaga yang dikemukakan oleh pemohon.

- ***AREA***

Satu maklumat keluasan hak milik jenis pajakan pada sistem berbeza berbanding dokumen hak milik. Bagi tanah jenis NT dan FR pula, satu hak milik berbeza maklumat keluasan, sebanyak 10 maklumat keluasan hak milik tidak dikemaskinikan ke sistem walaupun terdapat maklumat pada dokumen hak milik. Selain itu semakan terhadap dokumen hak milik mendapati 7 hak milik jenis FR tidak mempunyai keluasan. Keluasan tanah sepatutnya dinyatakan pada setiap dokumen hak milik.

- ***RENT***

Sejumlah 18 hak milik jenis pajakan, maklumat cukai pada sistem berbeza berbanding dokumen hak milik manakala bagi tanah jenis NT dan FR, sejumlah 16 maklumat cukai tidak dikemaskinikan ke sistem walaupun maklumat terdapat pada dokumen hak milik.

- ***TERM YEAR***

Sejumlah 44 maklumat tempoh pajakan hak milik jenis pajakan pada sistem berbeza berbanding dokumen hak milik manakala 67 maklumat tempoh pajakan tidak dikemaskinikan ke sistem walaupun maklumat terdapat pada dokumen hak milik.

- ***DATE MADE***

Sejumlah 17 maklumat tarikh geran dikeluarkan bagi hak milik jenis pajakan tidak dikemas kini ke sistem walaupun terdapat pada dokumen hak milik manakala 2 pemilikan berbeza maklumat tarikh geran dikeluarkan. Bagi tanah jenis NT dan FR, sejumlah 17 maklumat tarikh geran dikeluarkan tidak dikemas kini ke sistem walaupun terdapat pada dokumen hak milik.

- ***DATE REGISTERED***

Sejumlah 15 hak milik jenis pajakan dan 17 hak milik jenis NT dan FR berbeza maklumat tarikh geran didaftarkan pada sistem berbanding dokumen hak milik.

**Pada pendapat Audit, integriti data di pangkalan LTIS adalah tidak memuaskan. Perbezaan data di pangkalan LTIS berbanding dokumen hak milik menjelaskan integriti serta kebolehgunaan data untuk pelbagai keperluan Jabatan.**

#### **6.2.8. Kepuasan Pelanggan**

Bagi menilai keberkesanan sistem LTIS, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pihak pengurusan dan pengguna/kakitangan yang terlibat dalam penggunaan sistem untuk dianalisis. Temu bual dengan pelanggan juga dijalankan bagi mendapat maklum balas terhadap keberkesanan perkhidmatan Jabatan dalam urusan pendaftaran urus niaga tanah.

##### **a) Pihak Pengurusan dan Pengguna**

Maklum balas penggunaan sistem diperolehi daripada pihak pengurusan dan pengguna/kakitangan yang terlibat secara langsung dalam penggunaan sistem pendaftaran tanah berkomputer yang diperolehi melalui temu bual, soal selidik serta ulasan bertulis responden. Maklum balas digunakan untuk menilai kepuasan hati pihak yang terlibat serta sejauh mana sistem pendaftaran tanah berkomputer dapat membantu dalam proses kerja pendaftaran serta menambah baik perkhidmatan pelanggan.


Sebanyak 16 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak pengurusan dan pengguna yang terlibat secara langsung dalam penggunaan sistem pendaftaran tanah berkomputer di Bahagian SMT, PPHT Kota Kinabalu, PPHT Sandakan dan PPHT Tawau dan kesemuanya (100%) telah dikembalikan. Analisis terhadap borang soal selidik adalah seperti di **Jadual 11** dan **Carta 5**.

**Jadual 11**  
**Analisis Soal Selidik**  
**Pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer LTIS**

Bil.	Perkara	Pengurusan	Pengguna	Jumlah
1.	Bilangan Soal Selidik Diedarkan			
	-Bahagian SMT	2	6	8
	-PPHT Kota Kinabalu	1	3	4
	-PPHT Sandakan	1	1	2
	-PPHT Tawau	1	1	2
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>11</b>	<b>16</b>
2.	Bilangan Soal Selidik Dikembalikan			
	-Bahagian SMT	2	6	8
	-PPHT Kota Kinabalu	1	3	4
	-PPHT Sandakan	1	1	2
	-PPHT Tawau	1	1	2
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>11</b>	<b>16</b>
3.	Kepuasan Hati :			
	i) Sangat berpuas hati	0	6	6
	ii) Berpuas hati	5	5	10
	iii) Kurang berpuas hati	0	0	0
	iv) Tidak berpuas hati	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>11</b>	<b>16</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Carta 5**  
**Carta Analisis Soal Selidik**  
**Pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer LTIS**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Berdasarkan **Jadual 11** dan **Carta 5**, daripada 16 borang soal selidik yang diterima 5 ialah daripada pihak pengurusan manakala 11 adalah pengguna yang terlibat secara langsung dalam penggunaan sistem pendaftaran tanah berkomputer. Kepuasan hati

pelanggan dinilai berdasarkan 4 tahap iaitu sangat berpuas hati, berpuas hati, kurang berpuas hati dan tidak berpuas hati. Seramai 6 responden atau 37% sangat berpuas hati dengan pelaksanaan sistem dan 10 responden atau 63% berpuas hati manakala tiada responden yang kurang berpuas hati dan tidak berpuas hati.

Analisis terhadap borang soal selidik, ulasan bertulis responden serta temu bual yang dijalankan juga mendapati maklum balas berikut:

**i) Pihak Pengurusan**

Secara amnya pihak pengurusan berpuas hati dengan pelaksanaan sistem pendaftaran berkomputer kerana dapat mengawal pengeluaran nombor penyampaian dan nombor memorial. Selain itu, sistem berkomputer memudahkan pengesanan peringkat proses pendaftaran tanah, carian, membuat statistik dan laporan maklumat tanah untuk urusan pentadbiran. Bagaimanapun, sistem komputer ini tidak mempercepatkan proses kerja kerana selain menggunakan komputer, Jabatan juga perlu melaksanakan proses kerja secara manual serta menyelenggara buku daftar memorial dan geran tanah. Masalah kekurangan kakitangan juga menjelaskan usaha mengemas kini serta membersihkan data maklumat tanah. Peralatan komputer yang berkapasiti rendah juga melambatkan proses kerja.

**ii) Pengguna**

Secara keseluruhannya pengguna di Bahagian Sistem Maklumat Tanah tidak menghadapi kesukaran menggunakan sistem sedia ada dan sangat berpuas hati dengan sistem yang sedang digunakan. Ini kerana pengguna hanya mengunci masuk maklumat urus niaga tanah jenis pajakan berdasarkan dokumen yang telah diproses dan diluluskan oleh Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat.

Bagi pengguna sistem di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, responden berpuas hati dengan sistem pendaftaran tanah berkomputer. **Sistem mudah digunakan tetapi proses kerja secara manual masih diteruskan dan ini membebankan pengguna kerana perlu melaksanakan kerja secara manual dan kemudian mengemas kini maklumat urus niaga ke sistem.**

**b) Pelanggan**

Pelaksanaan sistem pendaftaran tanah berkomputer tidak memberi kesan secara langsung kepada pelanggan kerana proses kelulusan permohonan tidak dilaksanakan secara berkomputer sepenuhnya. Hanya penyediaan nombor penyampaian yang dijana oleh sistem secara automatik dan terkawal memudahkan pelanggan merujuk status permohonan mereka. Temu bual telah dijalankan terhadap 30 pelanggan yang berurusan di kaunter berkaitan urusan pendaftaran tanah. Pihak pelanggan yang terdiri daripada orang awam secara umumnya berpuas hati dengan urusan sistem pendaftaran urus niaga tanah yang sedia ada

khususnya apabila berurusan di kaunter. Bagi meningkatkan perkhidmatan, pelanggan mencadangkan agar borang contoh dipamerkan dan kaunter disediakan bagi membantu pelanggan mengisi borang permohonan serta menyediakan tempat yang sesuai dan selesa untuk pelanggan mengisi borang permohonan.

**Pada pendapat Audit, maklum balas terhadap pelaksanaan sistem pendaftaran tanah berkomputer yang diterima adalah baik. Sistem yang dibangunkan mudah digunakan oleh pihak pengurusan dan pengguna dari kalangan kakitangan Jabatan. Sistem ini juga memudahkan pelanggan merujuk status permohonan.**

#### **6.2.9 Prestasi Perbelanjaan**

Peruntukan yang diluluskan hendaklah dibelanjakan bagi maksud ianya diluluskan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1.99 juta yang diperuntukkan bagi membangunkan Sistem LTIS telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala peruntukan tahunan bagi penyenggaraan telah dibelanjakan antara 95% hingga 97%. Butiran prestasi perbelanjaan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Peruntukan Yang Dibelanjakan Bagi Tahun 2005 - 2007**

Tahun	Butiran Perbelanjaan (RM)		
	Peruntukan Diluluskan (RM)	Belanja Sebenar (RM)	Prestasi Perbelanjaan (%)
2005	850,000	806,435	95
2006	1,150,000	1,119,291	97
2007	1,000,000	970,452	97

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Selain daripada peruntukan penyenggaraan sistem, Jabatan tidak mendapatkan peruntukan bagi meningkatkan kawalan keselamatan aset ICT, dokumen hak milik tanah serta fail urusan tanah.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Jabatan adalah baik.**

#### **6.2.10 Modal Insan**

Kakitangan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian dengan tugas akan menyumbang kepada pencapaian matlamat program dan Jabatan.


##### **a) Guna Tenaga**

###### **i) Bahagian Sistem Maklumat Tanah**

Bahagian SMT merupakan bahagian yang mentadbir hal berkaitan sistem komputer Jabatan termasuk sistem pendaftaran tanah berkomputer. Sejumlah 66 perjawatan telah diluluskan bagi Bahagian ini, bagaimanapun setakat bulan Februari 2008 hanya sejumlah 42 perjawatan atau 64% diisi dan jumlah

kekosongan adalah sejumlah 24 perjawatan atau 36%. **Carta 6** menunjukkan kedudukan perjawatan Bahagian Sistem Maklumat Tanah.

**Carta 6**  
**Kedudukan Perjawatan Bahagian Sistem Maklumat Tanah**



Sumber: Jabatan Tanah Dan Urus Negeri Sabah

Unit Informasi Tanah adalah Unit yang bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan sistem pendaftaran tanah berkomputer. Sejumlah 24 perjawatan telah diluluskan bagi Unit ini, sejumlah 13 perjawatan atau 54% diisi dan jumlah kekosongan adalah 11 perjawatan atau 46%. Kedudukan pengisian perjawatan di Unit Informasi Tanah, Bahagian Sistem Maklumat Tanah adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Pengisian Perjawatan**  
**di Unit Informasi Tanah, Bahagian Sistem Maklumat Tanah**

Bil.	Jawatan dan Gred	Diluluskan	Diisi	Kosong
1.	Jurukur Gred J41	2	1	1
2.	Pembantu Tadbir Gred N27	1	0	1
3.	Pelukis Pelan Gred J22	1	0	1
4.	Pembantu Tadbir Gred N22	2	0	2
5.	Pelukis Pelan Gred J17	4	3	1
6.	Pembantu Tadbir Gred N17	6	5	1
7.	Pembantu Am Rendah Gred N1	2	1	1
8.	Pekerja Rendah Am Gred R1	6	3	3
<b>Jumlah</b>		<b>24</b>	<b>13</b>	<b>11</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Kekosongan perjawatan di Bahagian SMT termasuk Unit Informasi Tanah menjelaskan kecekapan Bahagian SMT melaksanakan fungsi yang ditetapkan khususnya bagi melaksanakan pembersihan pangkalan data LTIS serta mengunci masuk maklumat urus niaga tanah jenis pajakan ke sistem LTIS yang dipertanggung jawabkan kepada Unit Informasi Tanah. Pada tahun 2006 dan 2007, sebanyak 17,900 dan 19,400 urus niaga masing-masing telah diterima oleh Bahagian SMT. Namun sehingga bulan April 2008, sejumlah 7,400 urus niaga (38.1%) bagi tahun 2007 yang telah didaftarkan secara manual di Pusat Pendaftaran Tanah, Ibu Pejabat belum dikemas kini ke pangkalan data LTIS.

Dengan beban tugas yang semakin bertambah, Bahagian SMT telah mencadangkan penstrukturkan semula perjawatan kepada pihak Pengurusan pada tahun 2007. Jumlah jawatan yang dicadangkan ialah 145 jawatan iaitu pertambahan 79 jawatan berbanding 66 jawatan yang sedia ada. Selain itu, Bahagian SMT juga disusun dan dinamakan semula serta mewujudkan satu unit tambahan menjadikannya 6 unit berbanding 5 unit pada masa ini. Enam unit yang dicadangkan adalah Unit *Data Dissemination, IT Support, SGDI Implementation, Geospatial Information, Mapping* dan *Administration & Finance*. Cadangan tersebut telah diambil kira dalam Kertas Cadangan Penstrukturkan Semula Jabatan. Sehingga bulan Jun 2008, cadangan penstrukturkan semula Jabatan adalah pada peringkat pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

### ii) Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat

Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat melaksanakan urusan pendaftaran bagi semua tanah jenis pajakan seluruh Negeri Sabah. Pusat ini melaksanakan urusan pendaftaran tanah secara manual dan semua dokumen hak milik yang telah didaftarkan dikemukakan ke Bahagian SMT untuk dikunci-masuk ke pangkalan data LTIS. Jumlah kakitangan di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat ialah 39 orang seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Bilangan Kakitangan**  
**Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat**

Bil.	Jawatan dan Gred	Diisi
1.	Pendaftar Tanah Kanan Gred L41	1
2.	Timbalan Pendaftar Tanah Gred N32	1
3.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	3
4.	Pembantu Tadbir Tanah Gred N22	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1
6.	Pembantu Tadbir Tanah Gred N17	18
7.	Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	2
8.	Pembantu Am Rendah Gred N1	2
9.	Pekerja Rendah Awam Gred R1	10
<b>Jumlah</b>		<b>39</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Berdasarkan Laporan Statistik Jabatan bagi tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 90,259 urus niaga tanah telah didaftarkan di Pusat ini iaitu purata 2,507 urus niaga sebulan atau 64 urus niaga sebulan bagi setiap pegawai. Beban kerja setiap pegawai di Pusat ini adalah lebih tinggi 82% berbanding di PPHT daerah iaitu purata 35 urus niaga seorang.

### iii) Pejabat Pemungut Hasil Tanah Daerah

PPHT Daerah melaksanakan urusan pendaftaran bagi semua tanah jenis *Native Title* dan *Field Register* di daerah masing-masing. PPHT Daerah menggunakan sistem komputer dalam melaksanakan urusan pendaftaran tanah. Berdasarkan analisis Audit terhadap urusan pendaftaran tanah di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau bagi tempoh tahun 2004 hingga 2007, purata urus niaga yang didaftarkan ialah sebanyak 35 urus niaga sebulan. Sehingga bulan Disember 2007, pegawai yang terlibat dengan sistem pendaftaran tanah berkomputer di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Bilangan Kakitangan**  
**Di PPHT Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau**

Jawatan dan Gred	Perjawatan (Bilangan)		
	PPHT Kota Kinabalu	PPHT Sandakan	PPHT Tawau
PPHT Gred J41	1	1	1
Pembantu Tadbir N22	1	-	-
Pembantu Tadbir N17	-	1*	-
Pekerja Am Rendah N1	1*	-	1*
Pekerja Rendah Am R1	2*	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>2</b>

Sumber: Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah

Nota \* : Pegawai terlibat secara langsung dengan sistem komputer

Berdasarkan semakan Audit, di PPHT Kota Kinabalu terdapat 5 orang pegawai melaksanakan urusan pendaftaran tanah, namun 3 orang sahaja yang terlibat secara langsung dengan sistem komputer. Bagi PPHT Sandakan, daripada 2 pegawai yang ditugaskan melaksana urusan pendaftaran tanah, hanya seorang pegawai yang terlibat secara langsung dengan sistem komputer. Keadaan yang sama juga berlaku di PPHT Tawau. Semakan Audit mendapati pegawai Gred N1 dan R1 telah diberikan tugas menerima permohonan, mengendalikan dokumen urus niaga, menyemak permohonan dan juga mengunci masuk semua maklumat urus niaga tanah ke dalam sistem komputer. Beban tugas dan tanggungjawab adalah tidak seimbang dengan gred jawatan yang disandang. Tugas menerima permohonan dan mengendalikan dokumen urus niaga lebih sesuai dikendalikan oleh pegawai Gred N1 dan R1 manakala semakan permohonan dilaksanakan sekurang-kurangnya oleh pegawai Gred 17. Setiap pegawai di setiap peringkat hendaklah mengunci masuk maklumat urus niaga yang dilaksana termasuk peringkat kelulusan oleh PPHT bagi memastikan nama pegawai yang wujud dalam sistem komputer adalah merupakan pegawai yang sebenarnya melaksanakan tugas berkenaan.

### b) Latihan

Jabatan telah mengendalikan latihan bagi kakitangan yang melaksanakan pendaftaran tanah berkomputer. Pada tahun 2004, pegawai daripada Bahagian SMT telah dihantar ke PPHT Daerah untuk memberikan latihan kepada kakitangan yang terlibat. Sebanyak 22 PPHT Daerah telah dilawati oleh pegawai daripada Bahagian SMT untuk tempoh latihan antara satu hari hingga tiga minggu mengikut keperluan PPHT Daerah masing-masing. Selain itu pada tahun 2007, seramai 10 kakitangan dari 6 PPHT Daerah telah menghadiri latihan di Bahagian SMT untuk tempoh latihan selama 3 hari bagi setiap PPHT. Sekolah Latihan Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah juga telah mengendalikan 2 sesi latihan selama satu dan dua hari bagi setiap sesi pada tahun 2007 yang dihadiri oleh pengguna sistem LTIS daripada 22 PPHT.

Pada pendapat Audit, pengisian perjawatan adalah tidak memuaskan kerana kekurangan kakitangan menjelaskan kelancaran jabatan dalam melaksanakan urusan pendaftaran tanah berkomputer, manakala pengendalian latihan adalah baik.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat, pelaksanaan sistem pendaftaran tanah adalah memuaskan. Proses kerja pendaftaran urus niaga tanah yang dijalankan masih lagi diselang-seli secara berkomputer dan manual. Selain daripada nombor penyampaian dan nombor memorial yang dijana secara automatik oleh sistem, semua maklumat urus niaga tanah dikunci masuk ke sistem berdasarkan dokumen urus niaga yang dijalankan secara manual. Sistem komputer yang dibangunkan tidak membantu mempercepatkan proses pendaftaran urus niaga tanah. Kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran aset ICT serta dokumen hak milik tanah juga tidak memuaskan di mana bilik yang digunakan untuk menempatkan peralatan aset ICT serta dokumen hak milik dan surat cara tidak diwujudkan kawalan yang sesuai bagi melindungi daripada risiko kehilangan dan kerosakan. Integriti dan kebolehgunaan data juga diragui kerana wujud data yang tidak lengkap di pangkalan data LTIS dan terdapat data yang berbeza berbanding dengan dokumen hak milik. Sistem juga belum digunakan di Pusat Pendaftaran Tanah Ibu Pejabat walaupun sistem berkemampuan untuk digunakan terhadap pendaftaran urus niaga tanah jenis pajakan.

### 6.3 PEMANTAUAN

Sistem pemantauan yang berkesan amat penting bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek berjaya mencapai matlamatnya. Pengurusan Jabatan perlu mewujudkan mekanisme pemantauan dengan melantik Jawatankuasa bagi memantau pelaksanaan projek. Jawatankuasa tersebut perlu menyediakan jadual mesyuarat dan menyediakan laporan kepada pihak pengurusan Jabatan untuk tindakan susulan sekiranya terdapat sebarang kelemahan dalam pelaksanaan projek.

#### a) Jawatankuasa Teknikal ICT

Jawatankuasa Teknikal ICT merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan di Peringkat Pengurusan Jabatan yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Tanah Dan Ukar Negeri Sabah. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai peringkat Pengurusan. Fungsi jawatankuasa ini antaranya adalah merangka dasar dan menentukan hala tuju penggunaan ICT di Jabatan.

Semakan Audit mendapati antara perkara yang dibincangkan adalah keperluan bajet, perjawatan serta perkara teknikal seperti fungsi sistem, proses kerja dan kemajuan pelaksanaan sistem.

**b) Pasukan Pelaksana Projek LTIS**

Pasukan Pelaksana Projek LTIS (PIT) telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Jawatan Kuasa Teknikal LTIS bil. 1/2003 pada 26 Mei 2003. Pasukan ini diketuai oleh Pengguna Bahagian Sistem Maklumat Tanah dan dibantu oleh 9 ahli yang terdiri daripada pegawai Bahagian SMT dan Ketua-Ketua Bahagian yang berkaitan dengan sistem pengkomputeran tanah serta 4 orang sebagai urusetia. Tujuan PIT adalah untuk memantau, menyelaras dan memastikan pelaksanaan projek di Ibu Pejabat dan Daerah berjalan lancar serta mengikut jadual. Tumpuan pemantauan berdasarkan skop projek yang ditetapkan serta keperluan lain yang berkaitan. Jawatankuasa Teknikal telah memutuskan agar PIT mengemukakan semua laporan pelaksanaan projek dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan memandangkan keahlian jawatankuasa teknikal juga merupakan ahli Mesyuarat Pengurusan.

Semakan Audit mendapati, sejak ditubuhkan PIT telah bermesyuarat sebanyak 11 kali iaitu 9 kali pada tahun 2003 dan 2 kali pada tahun 2004. Antara agenda mesyuarat adalah kemajuan sistem, rancangan latihan, percambahan fikiran dan membincangkan pelan tindakan terhadap masalah yang dibangkitkan. Agenda mesyuarat ini juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan. Bagaimanapun aspek pemantauan terhadap kesempurnaan pangkalan data LTIS serta keselamatan aset ICT, dokumen hak milik tanah dan fail urusan tanah belum diambil tindakan yang sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, pemantauan projek LTIS adalah memuaskan. Kedua-dua jawatankuasa yang ditubuhkan telah memainkan peranan untuk memantau kemajuan pelaksanaan dan prestasi LTIS terutamanya semasa sistem dibangunkan. Bagaimanapun tindakan pemantauan perlu meliputi kesempurnaan dan keselamatan data, aset serta dokumen berharga Jabatan.**

**7. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, sistem pendaftaran tanah berkomputer yang telah dibangunkan boleh menjadi asas ke arah sistem pendaftaran tanah berkomputer sepenuhnya. Bagaimanapun terdapat kelemahan yang perlu diatasi bagi mencapai matlamat program untuk mempertingkatkan kaedah pendaftaran hak milik dan urus niaga tanah. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a) Integriti dan kebolehgunaan data di pangkalan LTIS diragui kerana maklumat tidak lengkap dan tidak tepat berbanding dokumen hak milik.
- b) Kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran tidak memuaskan.
- c) Proses muat turun data sandaran, penghantaran data sandaran ke Bahagian SMT, penyatuan data dari setiap daerah ke pangkalan data LTIS tidak teratur.

- d) Pelaksanaan proses sistem tidak teratur menyebabkan nama pegawai yang wujud dalam sistem tidak menggambarkan pegawai tersebut yang sebenarnya melaksanakan tugas berkenaan.
- e) Norma tempoh memproses pendaftaran tanah mulai dari tarikh permohonan diterima sehingga permohonan didaftarkan belum ditetapkan.
- f) Tugas dan tanggungjawab pegawai tidak sesuai dengan jawatan yang disandang.
- g) Kekurangan kakitangan menjelaskan kecekapan Jabatan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.
- h) Panduan Keselamatan tidak menyeluruh.
- i) Tidak ada mekanisme bagi menyemak proses kerja pembetulan data yang dilaksanakan terus melalui pangkalan LTIS.
- j) Buku daftar memorial dan dokumen hak milik masih diselenggara secara manual walaupun boleh dijana oleh sistem komputer.
- k) Peralatan komputer yang berkapasiti rendah melambatkan proses kerja.
- l) Panduan dan kemudahan asas untuk pelanggan berurusan tidak mencukupi.
- m) Sistem belum digunakan oleh semua bahagian yang terlibat dengan pendaftaran urus niaga tanah.
- n) Pengurusan kontrak kurang teratur di mana dokumen kontrak lewat ditandatangani, tempoh kontrak dipinda tetapi surat lanjutan masa tidak dikeluarkan dan tempoh sah laku jaminan bank tidak dilanjutkan.
- o) Tidak ada latihan mengenai penyenggaraan sistem dilaksanakan.
- p) Tempoh bagi memperbaharui kata laluan tidak ditetapkan.
- q) Kekurangan peruntukan bagi meningkatkan kawalan keselamatan aset dan dokumen Jabatan.

Kelemahan tersebut boleh diperbaiki melalui syor-syor berikut:

- a) Mengambil tindakan bagi mengemas kini pangkalan data LTIS agar lengkap dan tepat bersamaan dengan maklumat pada dokumen hak milik.
- b) Meningkatkan kawalan keselamatan fizikal dan persekitaran bagi mengelakkan kehilangan dan kerosakan aset serta dokumen Jabatan.
- c) Menyediakan jadual dan prosedur yang teratur bagi proses muat turun data sandaran, penghantaran data sandaran ke Bahagian SMT, penyatuan data dari setiap daerah ke pangkalan data LTIS.
- d) Mewujudkan pengasingan tugas dan memastikan pegawai yang melaksana kerja proses pendaftaran urus niaga adalah juga mengunci masuk maklumat ke dalam sistem.
- e) Menetapkan norma tempoh memproses pendaftaran tanah, contohnya dua minggu iaitu mulai dari tarikh permohonan diterima sehingga permohonan didaftarkan.
- f) Menempatkan pegawai sekurang-kurangnya berjawatan Gred 17 bagi melaksanakan tugas di peringkat Semakan dan Kemasukan Data yang sekarang ini dilaksanakan oleh pegawai Gred N1 dan R1.

- g) Mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan memohon perjawatan tambahan melalui penstrukturuan semula Jabatan.
- h) Menyediakan Panduan Keselamatan yang menyeluruh dan mengedarkan kepada semua bahagian dan PPHT yang terlibat khususnya dari aspek kawalan fizikal dan persekitaran, capaian logikal, kesinambungan urusan dan kawalan aplikasi.
- i) Mengeluarkan *exception report* yang dijana oleh sistem bagi merekodkan proses pembetulan data yang dilaksanakan terus melalui pangkalan LTIS.
- j) Mencetak maklumat daftar memorial dan dokumen hak milik mengikut tempoh kekerapan yang sesuai dan menyelenggarakannya secara teratur.
- k) Membekalkan peralatan komputer yang berkapasiti tinggi bagi mempercepatkan proses kerja.
- l) Menyediakan panduan dan mempamerkan contoh borang bagi memudahkan pengisian borang. Nombor giliran, meja dan kemudahan lain perlu disediakan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter untuk kegunaan pelanggan. Selain itu *kiosk* perlu disediakan untuk pelanggan mendapatkan maklumat status permohonan urus niaga pendaftaran tanah tanpa merujuk kepada kerani kaunter.
- m) Melaksanakan sistem pendaftaran tanah berkomputer di Pusat Pendaftaran Tanah di Ibu Pejabat.
- n) Menguruskan kontrak secara teratur khususnya bagi projek yang akan dilaksanakan.
- o) Latihan mengenai penyenggaraan sistem perlu dilaksanakan.
- p) Sebagai kawalan dalaman, kata laluan perlu diperbaharui secara berkala misalnya setiap 30 hari seperti yang diamalkan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer di Semenanjung Malaysia.
- q) Peruntukan tambahan adalah diperlukan bagi meningkatkan kawalan keselamatan aset dan dokumen Jabatan.

## **JABATAN KERJA RAYA**

### **PENGURUSAN PENYENGGARAAN JALAN RAYA DAN JAMBATAN NEGERI**

#### **8. LATAR BELAKANG**

**8.1** Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR) adalah salah satu agensi bertanggungjawab membina dan menyenggara jalan raya dan jambatan. Objektif penyenggaraan adalah untuk menentukan jalan raya yang dibina sentiasa selamat dan selesa digunakan. Penyenggaraan jalan raya perlu dilakukan kerana ia merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri serta pendorong kepada pembangunan infrastruktur keseluruhannya. Kategori jalan raya dibahagi kepada 2 iaitu jalan Persekutuan dan jalan Negeri. Jalan Persekutuan adalah jalan yang telah diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959 dan jalan Negeri didefinisikan sebagai mana-mana jalan awam, lain daripada jalan Persekutuan yang boleh dilalui oleh awam. Jumlah panjang keseluruhan jalan raya di Negeri Sabah adalah sepanjang 15,572 km yang melibatkan 1,501 km jalan Persekutuan dan 14,071 km jalan Negeri.

**8.2** Penyenggaraan jalan Negeri dilaksanakan oleh JKR dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jalan sepanjang 7,978 km merupakan jalan yang disenggarakan di bawah kuasa JKR sementara 6,093 km disenggarakan di bawah kuasa PBT. Selain itu, keseluruhan jambatan yang ada di Negeri Sabah adalah sebanyak 1,360 buah yang melibatkan 976 jambatan Negeri dan 384 jambatan Persekutuan. Penyenggaraan jalan Negeri bermaksud pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan dan pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan tersebut. Kos untuk menyenggara jalan Negeri dibiayai melalui Pemberian Jalan Negeri dari Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan yang dilakukan terhadap penyenggaraan jalan bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah masing-masing berjumlah RM132.42 juta, RM150.54 juta dan RM136.79 juta.

#### **9. OBJEKTIF PENG AUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada penyenggaraan jalan raya dan jambatan Negeri telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan teratur, cekap, berkesan serta mencapai matlamat untuk memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya.

#### **10. SKOP PENG AUDITAN**

Pihak Audit memilih kajian ini berdasarkan pentingnya keselamatan dan keselesaan kepada pengguna jalan raya. Skop pengauditan adalah meliputi penyenggaraan jalan raya Negeri di bawah tanggungjawab JKR yang dikendalikan oleh JKR dan yang diswastakan bagi tahun 2005 hingga 2007. Ianya merangkumi penyenggaraan rutin, berkala, pencegahan dan kecemasan.

## **11. KAEADAH PENG AUDITAN**

Kaedah peng auditan adalah dengan menyemak dokumen berkaitan tender, kontrak perjanjian dan fail mengenai penyenggaraan berkenaan di Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya, Ibu Pejabat dan Unit Pemeliharaan Jalan Raya di Daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Keningau, Sandakan dan Ranau. Pemilihan daerah ini antara lain adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima dan panjang jalan sesuai daerah. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai berkaitan serta analisis terhadap maklumat dan lawatan secara fizikal ke tapak projek juga dilakukan.

## **12. PENEMUAN AUDIT**

### **12.1 PERANCANGAN**

Perancangan adalah penting bagi memastikan sesuatu program atau aktiviti dapat dilaksanakan secara teratur ke arah pencapaian matlamatnya. Dalam konteks pemberian Kerajaan Negeri untuk penyenggaraan jalan raya dan jambatan, perancangan mestilah dibuat secara teliti dan komprehensif iaitu perlu mempunyai garis panduan yang jelas, penempatan kakitangan yang mencukupi, keperluan peralatan dan peruntukan kewangan yang mencukupi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **12.1.1 Dasar Program Penyenggaraan Jalan Raya**

Seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), salah satu teras dalam Misi Nasional Kerajaan adalah untuk meningkatkan tahap dan kemampunan kualiti hidup. Kerajaan akan terus menyediakan keperluan asas seperti air, tenaga, perumahan, pengangkutan dan kemudahan lain, namun penekanan harus diberikan kepada usaha menangani isu-isu berhubung penyenggaraan, penaiktarafan dan keberkesanan penggunaan sumber. Sejajar dengan dasar tersebut, Kerajaan Negeri melalui JKR telah menetapkan matlamat dasar program penyenggaraan jalan raya untuk menentukan infrastruktur yang diberi dapat dinikmati oleh rakyat bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

#### **12.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan**

JKR perlu mempunyai garis panduan dan peraturan yang lengkap dan komprehensif sebagai rujukan dan panduan untuk melaksanakan aktiviti program penyenggaraan jalan raya dan jambatan. Panduan dan peraturan ini seharusnya memenuhi piawaian yang diluluskan dan diterima pakai di seluruh Negara. Bagi memenuhi kehendak tersebut, JKR perlu menerima pakai panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Persekutuan dan Kementerian Pembangunan Infrastruktur seperti berikut:

- a) *A Guide On The Administration of Public Works Contracts*
- b) *Guidelines for Road Maintenance*
- c) *Guidelines for Bridge Maintenance*
- d) *General Specifications For Road Works*
- e) *Guidelines For Supervision & Testing of Road Works*

### **12.1.3 Kelayakan Minimum Dan Kadar Pemberian Penyenggaraan**

Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan menetapkan Kerajaan Persekutuan memberi pemberian secara khusus kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi maksud penyenggaraan jalan-jalan Negeri. Jalan Negeri yang layak mendapat pemberian penyenggaraan adalah seperti berikut:

#### **a) Jalan Bertaraf (*Standard*)**

Jalan yang boleh dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa (24 jam) sehari. Rezab jalan 66 kaki, lebar permukaan premix 14 kaki dan lebar bahu jalan 5 kaki (kiri dan kanan).

#### **b) Jalan *Sub-Standard***

Jalan yang boleh dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa (24 jam) sehari. Lebar permukaan premix antara 10 hingga 14 kaki.

#### **c) Jalan Kawasan Perumahan Kos Rendah**

Jalan boleh dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa (24 jam) sehari. Rezab jalan 66 kaki dan jalan dalam 30 kaki. Lebar permukaan premix jalan keluar/masuk 20 kaki dan jalan dalam 14 kaki. Lebar bahu jalan 5 kaki (kiri dan kanan).

#### **d) Jalan Lorong Belakang**

Jalan boleh dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa (24 jam) sehari. Lebar permukaan premix 14 kaki.

#### **e) Jalan Pertanian/Pelancongan/Jalan Kampung**

Jalan boleh dilalui oleh kenderaan awam pada bila-bila masa (24 jam) sehari. Lebar permukaan premix antara 8 hingga 14 kaki.

Bagi melaksanakan kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan, Kerajaan Negeri menerima pemberian untuk menyenggara jalan-jalan Negeri yang dinamakan Pemberian Jalan Raya Negeri daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Perkiraan pemberian tersebut adalah mengikut peruntukan Bahagian 2 Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Jalan Negeri perlu didaftarkan dalam *Malaysian Road Record Information System (MARRIS)* untuk melayakkannya mendapat Pemberian Jalan Raya Negeri. Pemberian ini diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1994.

Seksyen 2, Bahagian 2 Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan menetapkan pemberian jalan Negeri yang akan dibayar kepada tiap-tiap Negeri bagi setahun kewangan hendaklah dikira dengan mendarabkan:

- i) Belanja hitung panjang bagi sesuatu Negeri menyenggara sebatu jalan Negeri mengikut mutu minimum yang ditetapkan bagi jalan-jalan Negeri dalam Negeri yang berkenaan itu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara.
- ii) Sekian panjangnya jalan-jalan Negeri, mengikut kiraan batu, dalam Negeri itu yang layak mendapat pemberian.

Mengikut rekod *MARRIS* bagi tahun 2005 hingga 2007 yang dikemukakan oleh JKR kepada Kementerian Kewangan Malaysia, panjang jalan Negeri adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Kategori Jalan Dan Jumlah Kilometer**

Tahun	Jalan Berturap (KM)	Jalan Berkerikil (KM)	Jalan Tanah (KM)	Jumlah Panjang Jalan (KM)
2005	3,919	9,607	487	14,013
2006	3,997	9,583	491	14,071
2007	4,258	9,635	435	14,328

*Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah*

Di samping itu juga jumlah terimaan yang dianggarkan oleh JKR untuk Pemberian Jalan Negeri bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah masing-masing berjumlah RM201.16 juta, RM294.70 juta dan RM232.71 juta.

#### **12.1.4 Kaedah Pelaksanaan Penyenggaraan**

Penyenggaraan jalan raya Negeri di bawah tanggungjawab JKR dilakukan dengan 2 kaedah iaitu bagi kategori jalan berturap, kerja penyenggaraan akan dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri. Sementara bagi kategori jalan berkerikil dan jalan tanah, kerja penyenggaraan akan dilaksanakan oleh pihak JKR sendiri atau dikontrakkan melalui tawaran sebut harga dan tender. Penyenggaraan jalan akan dilaksanakan selaras dengan Panduan Penyenggaraan Jalan Raya dan berdasarkan jenis penyenggaraan serta jalan yang disasarkan.

Jenis penyenggaraan jalan raya yang akan dijalankan oleh syarikat konsesi terbahagi kepada 3 iaitu penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala dan penyenggaraan kecemasan. Sementara jenis penyenggaraan yang akan dijalankan oleh JKR sendiri terbahagi kepada 4 iaitu penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala, penyenggaraan kecemasan dan penyenggaraan pencegahan. Butiran terperinci bagi setiap jenis penyenggaraan mengikut kategori jalan adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Butiran Terperinci Penyenggaraan Mengikut Kategori Jalan**

Kategori Jalan	Jenis Penyenggaraan	Butiran Penyenggaraan	Kekerapan Penyenggaraan		
			Jalan Protokol	Jalan Bukan Protokol	
Jalan berturap di bawah tanggungjawab syarikat konsesi	Penyenggaraan Rutin	R01 Pembaikan Permukaan Jalan	Maksimum 1% daripada keseluruhan jalan berturap/tahun		
		R02 Pembaikan Bahu Jalan	Maksimum 10% daripada keseluruhan kawasan bahu jalan/tahun		
		R03 Potong Rumput	24 kali setahun	12 kali setahun	
		R04 Perabot Jalan	Membersih	4 kali setahun	
			Mengecat Semula	2 tahun sekali	
		R05 Jambatan dan Pembetung	Membersih	4 kali setahun	
			Mengecat Semula	1 tahun sekali	
		R06 Parit		2 kali setahun	
				4 kali setahun	
		R07 Penyeliaan Rutin	2 kali seminggu	1 kali seminggu	
	Penyenggaraan Berkala	Penurapan semula jalan	Tempoh siap seperti yang dinyatakan dalam setiap Arahan Kerja yang dikeluarkan oleh JKR.		
		Mengecat garisan jalan			
		Papan tanda jalan			
		Jambatan			
		Menguatkan struktur jalan seperti pemasangan Gabion dll.			
		Kerja penyenggaraan pencegahan			
	Penyenggaraan Kecemasan	Tanah runtuh	Tempoh siap seperti yang diarahkan oleh JKR. Mengurus laluan kenderaan dalam tempoh 1 jam. Pembersihan dilakukan dalam masa 24 jam.		
		Tambak/benteng runtuh dan jalan ditenggelami air			
		Jambatan runtuh			
		Pembetung dan struktur parit runtuh			
		Banjir			
		Tumpahan bahan kimia atau benda lain yang merbahaya			
		Pokok tumbang			
Jalan berkerikil dan Jalan tanah di bawah tanggungjawab JKR	Penyenggaraan Rutin	Pembaikan permukaan dan bahu jalan	Sekali setahun		
		Potong rumput	2 kali setahun		
		Perabot jalan	Sekali setahun		
		Jambatan dan pembetung	2 kali setahun		
		Parit	2 kali setahun		
	Penyenggaraan Berkala	Menabur batu jalan		Tempoh siap seperti yang dinyatakan dalam setiap Arahan Kerja yang dikeluarkan oleh JKR.	
		Tanah runtuh			
	Penyenggaraan Kecemasan	Tambak/benteng runtuh dan jalan ditenggelami air	Tempoh siap seperti yang diarahkan oleh JKR. Mengurus laluan kenderaan dalam tempoh 1 jam. Pembersihan dilakukan dalam masa 24 jam.		
		Jambatan runtuh			
		Pembetung dan struktur parit runtuh			
		Banjir			
		Tumpahan bahan kimia atau benda lain yang merbahaya			
		Pokok tumbang			
		Pembinaan pembetung			
	Penyenggaraan Pencegahan	Menaik taraf parit	Tempoh siap seperti yang dinyatakan dalam setiap Arahan Kerja yang dikeluarkan oleh JKR.		
		Struktur mengawal hakisan			

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

### 12.1.5 Sasaran Penyenggaraan

#### a) Sasaran Syarikat Konsesi

Syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan akan melaksanakan penyenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Sasaran jalan yang akan disenggara bagi penyenggaraan rutin adalah berdasarkan kawasan sepanjang 2,818.52 km jalan berturap yang ditetapkan oleh JKR dan program tahunan akan disediakan untuk aktiviti penyenggaraan. Bagi penyenggaraan berkala, sasaran yang dirancang oleh syarikat konsesi untuk dilaksanakan bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Program Penyenggaraan Berkala Syarikat Konsesi**  
**Yang Dirancang Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jenis Kerja Penyenggaraan				Jumlah Keseluruhan	
	<i>Pavement*</i>		<i>Non-Pavement*</i>	Jambatan		
	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)
2005	245.98	39.10	2.70	3.20	245.98	45.00
2006	636.32	80.82	9.47	1.16	636.32	91.45
2007	776.51	125.25	20.59	2.10	776.51	147.94
<b>Jumlah</b>	<b>1,658.81</b>	<b>245.17</b>	<b>32.76</b>	<b>6.46</b>	<b>1,658.81</b>	<b>284.39</b>

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Nota\*: *Pavement* – Pembaikan Permukaan Jalan

*Non-Pavement* – Pembaikan Bahu Jalan

Bagi penyenggaraan kecemasan, syarikat konsesi akan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan berdasarkan kejadian atau kerosakan yang tidak dapat diramal dan memerlukan tindakan yang pantas untuk dipulihkan.

#### b) Sasaran Pihak JKR

JKR sendiri akan menyenggara bagi kategori jalan berkerikil dan jalan tanah. Jenis penyenggaraan yang akan dilaksanakan adalah rutin, berkala, kecemasan dan pencegahan. Sasaran penyenggaraan jalan juga akan ditentukan di peringkat daerah berdasarkan kepada pemerhatian dan rondaan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap jalan tersebut. Selain itu, aduan daripada orang awam dan Wakil Rakyat juga akan diambil perhatian dalam memilih sasaran untuk tujuan penyenggaraan rutin, kecemasan dan pencegahan. Manakala bagi sasaran penyenggaraan berkala, ianya bergantung kepada Unit Pemeliharaan Jalan di daerah yang akan menyediakan maklumat mengenai jalan yang perlu diturap semula atau ditabur batu jalan. Sasaran penyenggaraan yang ditetapkan di peringkat daerah ini kemudiannya akan dikenal pasti oleh Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya, Ibu Pejabat JKR. Cawangan ini akan menyemak permohonan penyenggaraan dari setiap daerah dan keutamaan akan diberi kepada daerah yang memerlukan penyenggaraan segera dan mendesak. Sasaran penyenggaraan yang dirancang oleh JKR bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Sasaran Penyenggaraan Jalan Raya Oleh JKR**

Tahun	Jenis Kerja Penyenggaraan				Jumlah
	Rutin	Berkala	Jambatan	Pencegahan	
	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	
2005	40.03	13.50	7.50	13.30	74.33
2006	27.30	4.00	2.00	12.00	45.30
2007	39.15	14.80	5.68	16.00	75.63
<b>Jumlah</b>	<b>106.48</b>	<b>32.30</b>	<b>15.18</b>	<b>41.30</b>	<b>195.26</b>

*Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah*

### 12.1.6 Bajet

Peruntukan yang mencukupi amat penting bagi memastikan kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan Negeri yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi tempoh tahun 2005, 2006 dan 2007 peruntukan kewangan yang dimohon adalah masing-masing berjumlah RM132.40 juta, RM172.92 juta dan RM164.60 juta. Butir-butir mengenai permohonan bajet adalah seperti di **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Permohonan Bajet Penyenggaraan Jalan Raya**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Butiran	Jalan Disenggara Oleh JKR (RM Juta)	Jalan Disenggara Oleh Syarikat Konsesi (RM Juta)	Jumlah Dimohon (RM Juta)
Tahun			
2005	78.34	54.06	132.40
2006	45.86	127.06	172.92
2007	46.60	118.00	164.60
<b>Jumlah</b>	<b>170.80</b>	<b>299.12</b>	<b>469.92</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kementerian Kewangan Negeri*

### 12.1.7 Penyelenggaraan Rekod

#### a) Daftar Inventori Jalan Raya Dan Jambatan

Pihak JKR perlu menyelenggarakan Daftar Inventori Jalan Raya dan Jambatan bagi setiap daerah. Daftar ini hendaklah mengandungi butiran jalan raya dan jambatan serta kerja penyenggaraan yang dijalankan. Dengan adanya Daftar ini, maklumat yang cepat dan tepat mengenai jalan raya dan jambatan yang hendak disenggara akan mudah diperolehi. Daftar ini juga akan memudahkan pemilihan jalan raya dan jambatan yang hendak disenggara mengikut keutamaan.

#### b) Penyimpanan Dokumen Penyenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan

Setiap daerah perlu menghantar permohonan penyenggaraan jalan raya dan jambatan ke Ibu Pejabat. Ibu Pejabat akan meluluskan permohonan berdasarkan peruntukan dan keperluan yang mendesak. Pihak JKR di peringkat Ibu Pejabat perlu menyimpan dokumen permohonan bagi memudahkan penyemakan rekod.

**c) Daftar Aduan**

Daftar Aduan perlu disenggara untuk merekod butiran aduan yang diterima, jenis aduan dan tindakan yang diambil terhadap aduan tersebut. Dengan adanya daftar ini, tahap kepekaan pihak JKR bertindak terhadap aduan yang diterima menunjukkan JKR serius dalam memberi keselesaan dan memastikan keselamatan pengguna jalan raya.


**12.1.8 Modal Insan**

Modal insan yang mencukupi dan mempunyai kemahiran dapat menentukan program yang dirancang dilaksanakan dengan berkesan.

**a) Struktur Pengurusan**

Struktur pengurusan yang lengkap dan kemas kini adalah penting bagi memastikan program penyenggaraan jalan raya dan jambatan berjalan dengan lancar dan teratur. Bagi tujuan tersebut, JKR mewujudkan Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya di peringkat Ibu Pejabat dan menyediakan carta organisasi. Carta organisasi tersebut menunjukkan hierarki Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah. Tiga bahagian diwujudkan yang akan membantu pengurusan program penyenggaraan jalan raya dan jambatan iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Teknikal dan Bahagian Akaun. Tugas bahagian terbabit antaranya ialah mengurus hal ehwal pegawai dan kakitangan, mengurus dan memantau program penyenggaraan jalan raya dan jambatan serta mengurus kewangan JKR. Manakala di peringkat daerah pula, Unit Pemeliharaan Jalan Raya dibentuk untuk mengendalikan dan memantau program penyenggaraan jalan raya dan jambatan di 23 daerah berkenaan. Carta Organisasi di Ibu Pejabat JKR adalah seperti di **Carta 7**.

**Carta 7**  
**Carta Organisasi Cawangan Pemeliharaan Jalan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sabah

Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya memerlukan sebanyak 39 jawatan pelbagai gred. Sebanyak 18 jawatan daripadanya adalah dalam bidang kejuruteraan dan selainnya adalah kewangan dan pentadbiran. Manakala di peringkat daerah, Unit Pemeliharaan Jalan Raya di 23 daerah juga akan diketuai sama ada oleh Jurutera Penyenggaraan Jalan atau Pembantu Teknik dan dibantu oleh Juruteknik dan pemandu.

#### b) Latihan

Bagi memperkuuhkan prestasi modal insan, Jabatan Kerja Raya mempunyai Cawangan Pengurusan Sumber Manusia yang bertanggungjawab mengendalikan latihan dan kursus dalaman. Di samping itu juga, JKR akan menghantar kakitangan mengikuti latihan.

### **12.1.9 Kaedah Pemantauan**

Bagi memastikan program penyenggaraan jalan raya Negeri berjalan lancar, pemantauan akan dijalankan di peringkat Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Pejabat JKR Daerah. Mesyuarat di antara pegawai kanan dan Pengarah JKR diadakan mengikut keperluan untuk membolehkan sebarang masalah yang dihadapi dapat dibincang dan diselesaikan bersama. Bagi kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi, pemantauan akan dilakukan oleh pihak JKR dengan melantik pegawai yang akan melakukan pemeriksaan terhadap kerja-kerja yang dilakukan. Laporan pencapaian setiap bulan akan disediakan oleh syarikat konsesi dan dikemukakan kepada JKR.

**Pada pandangan Audit, perancangan program penyenggaraan jalan raya adalah baik.**

## **12.2 PELAKSANAAN**

Sesuatu program perlu dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang ditetapkan. Pemeriksaan terhadap aspek pelaksanaan penyenggaraan jalan raya dan jambatan Negeri mendapati perkara berikut:

### **12.2.1 Dasar Program Penyenggaraan Jalan Raya**

Dasar Kerajaan terhadap penyenggaraan jalan raya adalah untuk menentukan infrastruktur yang diberi dapat dinikmati oleh rakyat bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Semakan Audit mendapati JKR menetapkan misi untuk menaikkan taraf pembangunan sosio-ekonomi dengan menyediakan prasarana yang teguh dan mantap. Selain berfungsi antara lainnya untuk menyenggara kemudahan infrastruktur, JKR juga menetapkan dalam piagam pelanggannya untuk menyenggara jalan raya dengan gangguan yang minimum supaya pengguna dapat menikmati perjalanan dengan selesa dan selamat. Ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan dalam memberi penekanan terhadap usaha menangani isu berhubung penyenggaraan, penaiktarafan dan keberkesanan penggunaan sumber.

**Pada pendapat Audit, dasar program penyenggaraan jalan raya adalah baik di mana fungsi dan objektif Jabatan dinyatakan selaras dengan Dasar Negara serta seiring dengan hala tuju Kerajaan Negeri.**

### **12.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan**

Garis panduan dan peraturan yang berkaitan perlu dirujuk dan dipatuhi sebagai panduan penyenggaraan yang efektif dan efisien. Garis panduan yang diterima pakai oleh JKR untuk penyenggaraan jalan raya dan jambatan adalah seperti berikut:

#### **a) *A Guide On The Administration of Public Works Contracts***

Peraturan yang terkandung di dalam panduan ini antaranya adalah berkaitan pengurusan penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh kontraktor.

**b) Guidelines for Road Maintenance**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada jurutera penyenggaraan dari segi perancangan, pengurusan dan mengatur penyenggaraan di bawah tanggungjawab jurutera terlibat.

**c) Guidelines for Bridge Maintenance**

Garis panduan ini adalah mengenai piawaian untuk penyenggaraan komponen-komponen jambatan. Jenis kerosakan dan skop kerja pembaikan mengikut standard ditetapkan dalam panduan ini.

**d) General Specifications For Road Works**

Panduan mengenai spesifikasi kerja yang perlu dilaksanakan sama ada untuk pembinaan jalan baru, kerja pemulihan dan menaik taraf jalan serta kerja penyenggaraan berkala.

**e) Guidelines For Supervision And Testing of Road Works**

Garis panduan mengenai penyeliaan dan keperluan ujian bagi perkara yang melibatkan jalan raya. Ianya dibahagi kepada dua seksyen, pertama meliputi pemeriksaan dan keperluan ujian bagi pelaksanaan kerja kontrak dan yang kedua berkaitan penyeliaan dan keperluan ujian.

Semakan Audit mendapati JKR telah mengedar garis panduan ini kepada semua cawangan JKR terbabit. Selain itu, pihak JKR ada menerbit dan mengeluarkan panduan berbentuk nota atau risalah berkaitan amalan terbaik penyenggaraan jalan. Antara panduan itu adalah *Sharing Of Best Practices JKR's Role On Routine Maintenance Works, Periodic Maintenance Works Sharing Of Best Practices, Sharing Of Best Practices On Implementation Of Emergency Works* dan *Design And Application Of Road Line Markings*. Panduan tersebut juga disampaikan kepada kakitangan khususnya anggota yang terlibat dengan kerja penyenggaraan dalam sesi seminar dan latihan.

**Pada pendapat Audit, garis panduan dan peraturan yang diterima pakai JKR adalah baik. Garis panduan ini adalah komprehensif bagi menjamin keberkesanan dan kualiti kerja penyenggaraan mengikut piawaian di seluruh Negara.**

### **12.2.3 Kelayakan Minimum Dan Kadar Pemberian Penyenggaraan**

Seksyen 2, Bahagian 2 Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan menetapkan pemberian jalan Negeri yang akan dibayar kepada tiap-tiap Negeri bagi setahun kewangan hendaklah dikira dengan mendarabkan:

- i) Belanja hitung panjang bagi sesuatu Negeri menyenggara sebatu jalan Negeri mengikut mutu minimum yang ditetapkan bagi jalan-jalan Negeri dalam Negeri-Negeri yang berkenaan itu oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara.
- ii) Sekian panjangnya jalan-jalan Negeri, mengikut kiraan batu, dalam Negeri itu yang layak mendapat pemberian.

Jumlah pemberian penyenggaraan jalan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS). Semakan Audit mendapati JKR telah mendaftar jalan di Negeri Sabah berpandukan tatacara yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Butiran maklumat yang direkod merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Pengiraan pemberian adalah berdasarkan kepada tatacara yang diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara Bil. 1/1989. Mengikut rekod Kementerian Kewangan Negeri, kadar yang ditetapkan untuk Pemberian Penyenggaraan Jalan raya Negeri Sabah bagi tahun 2005 hingga 2007 mengikut kategori jalan adalah seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Kadar Pemberian Penyenggaraan Jalanraya/KM Yang Diluluskan**

Tahun	Kategori Jalan		
	Jalan Berturap (SRT 1) (RM)	Jalan Berkerikil (SRT 2) (RM)	Jalan Tanah (SRT 3) (RM)
2005	19,527	14,649	9,663
2006	19,648	14,662	9,864
2007	19,712	15,530	9,631

Sumber: Kementerian Kewangan Negeri

Mengikut rekod, jumlah pemberian sebenarnya diterima pada tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah masing-masing berjumlah RM338.51 juta, RM232.71 juta dan RM438.94 juta. Semakan Audit menunjukkan jumlah terimaan yang dianggarkan dan jumlah yang diterima oleh Kerajaan Negeri juga mengambil kira jalan yang disenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Terimaan ini telah diakaunkan dalam Kumpulan wang Jalan Raya Dan Jambatan. Butir-butir anggaran terimaan dan terimaan sebenar adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Anggaran Pemberian Dan Pemberian Sebenar Yang Diterima**

Tahun	Anggaran Pemberian (RM Juta)	Pemberian Sebenar Diterima (RM Juta)
2005	201.16	338.51
2006	294.70	232.71
2007	232.71	438.94

Sumber: Rekod Penyata Kewangan Negeri

Semakan Audit selanjutnya mendapati jumlah yang diterima pada tahun 2005 lebih besar berbanding tahun 2006 adalah disebabkan terimaan yang sepatutnya diterima dalam tahun 2004 diterima dalam tahun 2005.

**Pada pendapat Audit, pengurusan untuk mendapatkan pemberian adalah baik. Pihak JKR telah mendaftar jalan mengikut panduan MARRIS seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk mendapatkan pemberian yang sewajarnya.**

#### **12.2.4      Kaedah Pelaksanaan Penyenggaraan**

Semua jalan Negeri yang berturap diswastakan untuk disenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan semua jalan berkerikil dan jalan tanah disenggarakan oleh JKR sendiri atau dengan cara memanggil sebut harga dan tender.

##### **a)      Pelantikan Syarikat Konsesi**

Kerajaan melantik Syarikat Globinaco Sdn. Bhd. melalui Kementerian Kewangan pada 5 Ogos 2003, untuk kerja penyenggaraan semua jalan Negeri yang berturap di bawah bidang kuasa JKR. Semakan Audit mendapati perjanjian telah dimeterai pada 1 Julai 2004 berdasarkan kelulusan Jemaah Menteri Negeri pada 23 Jun 2004. Tempoh konsesi ini adalah selama 15 tahun mulai 1 September 2004 hingga 31 Ogos 2019. Antara syarat dan terma yang terkandung dalam perjanjian adalah seperti berikut:

- i) Kerja penyenggaraan yang perlu dilaksanakan oleh syarikat konsesi tertakluk kepada *Road Transport Act, 1987* dan *Land Ordinance (Cap.68)*, adalah rutin, berkala, kecemasan dan semua aktiviti yang berkaitan.
- ii) Jumlah minimum yang ditetapkan terhadap penyenggaraan berkala dan kecemasan adalah masing-masing berjumlah RM5 juta dan RM2 juta setiap tahun.
- iii) Sejumlah RM2,300 per kilometer jalan dibayar setiap bulan kepada syarikat konsesi terhadap kerja rutin. Perkiraan terperinci bagi bayaran berkenaan adalah seperti di **Jadual 24**.
- iv) Seramai 200 kakitangan JKR diambil berkhidmat dengan syarikat konsesi.

**Jadual 24**  
**Kadar Bayaran Bulanan Kerja Penyenggaraan Rutin Syarikat Konsesi**

Jenis	Butiran Penyenggaraan	Kadar (RM km/bulan)
RO1	Pembaikan Permukaan Jalan ( <i>Pavement</i> )	412.86
RO2	Pembaikan Bahu Jalan ( <i>Non-Pavement</i> )	54.65
RO3	Potong Rumput	510.97
RO4	Perabot Jalan: Membersih Mengecat Semula	23.07 40.78
RO5	Jambatan Dan Pembetung	761.82
RO6	Parit	485.08
RO7	Penyeliaan Rutin	10.77
<b>Jumlah</b>		<b>2,300.00</b>

Sumber: *Kandungan Perjanjian*

Semakan Audit mendapati syarat-syarat perjanjian telah dipatuhi.

**Pada pendapat Audit, pelantikan konsesi telah dilakukan dengan baik dan mengikut prosedur kewangan. Perjanjian yang ditandatangani adalah melindungi hak Kerajaan dan telah disemak oleh Peguam Besar Negeri Sabah.**

**b) Pelantikan Kontraktor Oleh JKR**

Penyenggaraan bagi kategori jalan berkerikil dilaksanakan oleh JKR sendiri dengan memanggil tender atau sebut harga. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan rutin, berkala, jambatan dan pencegahan bagi jalan berkerikil dan jalan tanah dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik melalui sebut harga dan tender. Bagi tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 13 tender telah dipanggil untuk menyenggara jalan Negeri yang masing-masing melibatkan sejumlah RM16.21 juta, RM2.04 juta dan RM19.44 juta. Manakala bagi tempoh yang sama, sebanyak 3,024 sebut harga telah ditawarkan yang masing-masing melibatkan sejumlah RM31.62 juta, RM17.32 juta dan RM25.86 juta. Proses pemilihan kontraktor bagi kerja adalah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat JKR dan juga Cawangan JKR daerah. Lawatan Audit ke Daerah Keningau, Tawau, Sandakan dan Ranau mendapati fail dan Daftar Sebut Harga ada diselenggarakan dan semua kontraktor yang dilantik mendapat kelulusan di peringkat Ibu Pejabat JKR.

**Pada pendapat Audit, proses pelantikan kontraktor dilakukan dengan baik. Pihak JKR mempunyai prosedur untuk mengenal pasti kontraktor atau syarikat yang berkemampuan melaksanakan penyenggaraan jalan.**

**12.2.5 Pencapaian Penyenggaraan**

Pelaksanaan aktiviti penyenggaraan adalah berdasarkan program yang dirancang oleh syarikat konsesi mahu pun JKR sendiri. Bagi tahun 2005 hingga 2007, syarikat konsesi dan JKR telah menjalankan penyenggaraan seperti berikut:

**a) Pencapaian Penyenggaraan Syarikat Konsesi**

**i) Program Penyenggaraan Rutin Oleh Syarikat Konsesi**

Program penyenggaraan rutin yang dijalankan oleh syarikat konsesi melibatkan 7 komponen iaitu pembaikan permukaan jalan (*pavement*), pembaikan bahu jalan (*Non-Pavement*), memotong rumput, menyenggara perabot jalan seperti papan tanda, amaran, peringatan dan tunjuk arah, menyenggara jambatan dan pembetung, menyenggara parit serta membuat penyeliaan rutin. Butiran kerja bagi setiap komponen adalah seperti di **Jadual 25.**

**Jadual 25**  
**Komponen Penyenggaraan Rutin**

Komponen	Butiran
<b>Pembaikan Permukaan Jalan (Pavement)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Patching of potholes</li> <li>2. Sealing of surface cracks</li> <li>3. Reinstate edge deterioration of back filled trenches</li> <li>4. Treatment to stripping of aggregate</li> <li>5. Treatment for rutting</li> <li>6. Clear paved surface of vegetation</li> <li>7. Treatment to deterioration of concrete pavement</li> <li>8. Repair to concrete pavements joints</li> <li>9. Repair to paving blocks and slabs</li> </ol>
<b>Pembaikan Bahu Jalan (Non-Pavement)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Regrading and clearance of vegetation</li> <li>2. Topping up of shoulders</li> <li>3. Filling irregularities in unsealed shoulders</li> <li>4. Filling pavement/shoulder level differences</li> </ol>
<b>Potong Rumput</b>	<p><i>The grass shall be cut to a height of <b>not more than 50 mm</b></i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Road shoulder</li> <li>2. Slope area</li> <li>3. Berm drain, interceptor drain and all other types of drain on slopes</li> <li>4. Median</li> </ol>
<b>Penyenggaraan Perabot Jalan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cleaning of guardrails</li> <li>2. Cleaning of signs and posts</li> <li>3. Cleaning of delineator posts, kilometer post and concrete barriers</li> <li>4. Cleaning of traffic signals aspects</li> <li>5. Repainting of guardrails beam</li> <li>6. Repainting of sign posts and traffic signal posts</li> <li>7. Repainting of delineator posts and kilometer posts</li> <li>8. Repainting of existing road kerbs and concrete barriers</li> </ol>
<b>Penyenggaraan Jambatan Dan Pembetung</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cleaning of expansion joints</li> <li>2. Cleaning of weep holes</li> <li>3. Cleaning of parapets</li> <li>4. Cleaning of bearing shelves</li> <li>5. Cleaning of graffiti and markings</li> <li>6. Cleaning of waterway or culvert opening and bridge carriageway</li> <li>7. Localised painting operation for steel members</li> <li>8. Removal of vegetation</li> <li>9. Small scale restoration works</li> <li>10. Cleaning, lubricating and greasing operation for steel bearings</li> <li>11. Routine inspection of the bridges</li> </ol>
<b>Penyenggaraan Parit</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Debris in lined drains</li> <li>2. Debris in unlined drains</li> <li>3. Debris in sumps</li> <li>4. Debris in culverts</li> <li>5. Blocked gratings</li> <li>6. Repair to damaged drains and sumps</li> <li>7. Repair to misaligned unlined drains</li> <li>8. Reseat mis-seated covers</li> <li>9. Repair to damaged covers</li> </ol>
<b>Penyeliaan Rutin</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Removal and cart away carcasses and minor obstruction which affect the traffic upon detection by the Inspectors</li> <li>2. Provide monthly reports to the government</li> </ol>

Sumber: Kandungan Perjanjian

Syarikat konsesi menjalankan kerja penyenggaraan tersebut berdasarkan jadual yang telah disediakan dan dipersetujui oleh JKR. Kerajaan negeri membayar sejumlah RM2,300 bagi satu kilometer setiap bulan atau RM27,600 bagi satu kilometer setiap tahun. Pembayaran dilakukan setelah tuntutan disahkan oleh Jurutera yang bertanggungjawab dan diluluskan oleh Ketua Penolong Pengarah. Laporan bulanan terhadap kerja yang telah dilaksanakan disediakan oleh syarikat konsesi dan dihantar kepada JKR. Mengikut rekod JKR bagi tahun 2005 hingga 2007, amaun yang telah dibayar kepada syarikat konsesi bagi penyenggaraan rutin adalah berjumlah RM159.84 juta seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Pembayaran Penyenggaraan Rutin Syarikat Konsesi**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Tahun	Amaun (RM Juta)
1.	2005	12.34
2.	2006	71.50
3.	2007	76.00
<b>Jumlah</b>		<b>159.84</b>

*Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah*

Semakan Audit terhadap laporan bulanan kerja rutin menunjukkan program kerja rutin telah dilaksanakan mengikut perihal kerja rutin yang dijadualkan. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit di Jalan Tun Fuad, Kota Kinabalu pada 7 November 2007 mendapati kerja penyenggaraan potong rumput dijalankan semasa lawatan Audit dilakukan. Mengikut program kerja konsesi, penyenggaraan potong rumput tersebut sepatutnya dijalankan pada 3 November 2007 seperti yang dijadualkan.

Selain itu, lawatan fizikal Audit terhadap kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan Negeri yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2007 di Daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Keningau, Sandakan dan Ranau mendapati beberapa kerja penyenggaraan tersebut tidak dijalankan dengan sempurna dan teratur. Terdapat juga beberapa keadaan di mana kerja penyenggaraan sepatutnya dibuat tetapi tidak dilaksanakan. Berikut merupakan beberapa contoh kerja penyenggaraan yang dimaksudkan sama ada yang tidak atau sudah dilaksanakan mengikut jenis program seperti berikut:

- **Penyenggaraan Permukaan Jalan (*Pavement*)**

Mengikut perjanjian skop kerja rutin, penampalan *potholes* perlu dilakukan apabila lubang melebihi 50mm dalam dan 200mm lebar. Lawatan Audit terhadap Jalan Tiku, Tawau dan Jalan Gomantong, Sandakan mendapati beberapa *potholes* di jalan tersebut tidak

disenggara oleh syarikat konsesi. Mengikut program, jadual penyenggaraan permukaan jalan dilakukan berterusan sepanjang tahun. **Foto 18** dan **Foto 20** menunjukkan permukaan jalan yang dilawati. Bagaimanapun, lawatan semula Audit pada 25 April 2008 mendapati *potholes* tersebut telah disenggara seperti di **Foto 19** dan **Foto 21**.

**Foto 18**  
**(Sebelum)**

**Potholes Tidak Disenggara Syarikat Konsesi Yang Akan Mengundang Bahaya Berlaku Kemalangan**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 26.7.2007  
Lokasi: Jalan Tiku, Tawau

**Foto 19**  
**(Selepas)**

**Potholes Telah Disenggara Oleh Syarikat Konsesi**



25/04/2008 09:31

Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25.4.2008  
Lokasi: Jalan Tiku, Tawau

**Foto 20**  
**(Sebelum)**

**Potholes Tidak Disenggara Syarikat Konsesi Yang Akan Mengundang Bahaya Berlaku Kemalangan**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 14.11.2007  
Lokasi: Jalan Gomantong, Sandakan

**Foto 21**  
**(Selepas)**

**Potholes Telah Disenggara Oleh Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25.4.2008  
Lokasi: Jalan Gomantong, Sandakan

- **Penyenggaraan Bahu Jalan (*Maintenance Of Road Shoulder*)**

Penyenggaraan bahu jalan perlu dilakukan apabila keadaan bahu jalan tidak rata dan berlubang yang melebihi kelebaran 1 meter persegi dan kedalaman 150 mm. Lawatan Audit di Jalan Sin On, Tawau mendapati bahu jalan masih tidak disenggara. Selain itu, lawatan Audit di Jalan Pamilaan, Tenom dan Jalan Gomantong, Sandakan mendapati runtuhannya ranting kayu yang sudah agak lama tidak dialihkan. Perkara ini akan mengundang bahaya dan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya. Keadaan jalan yang dinyatakan adalah seperti di **Foto 22** dan **Foto 24**. Lawatan semula Audit pada 25 dan 28 April 2008 mendapati bahu jalan terbabit telah disenggara seperti di **Foto 23** dan **Foto 25**.

**Foto 22**

(Sebelum)

**Bahu Jalan Tidak Disenggara  
Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 26.7.2007  
Lokasi: Jalan Sin On, Tawau

**Foto 23**

(Selepas)

**Bahu Jalan Telah Disenggara Oleh  
Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 25.4.2008  
Lokasi: Jalan Sin On, Tawau

**Foto 24  
(Sebelum)**

**Timbunan Batang Pokok Di Bahu Jalan  
Tidak Dipindahkan Bagi Menjamin  
Keselamatan Pengguna Jalan Raya**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31.10.2007  
Lokasi: Jalan Pamilaan, Tenom

**Foto 25  
(Selepas)**

**Bahu Jalan Telah Disenggara Oleh  
Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.4.2008  
Lokasi: Jalan Pamilaan, Tenom

4/28/2008 4:30:27 PM

- **Penyenggaraan Potong Rumput (Grass Cutting)**

Penyenggaraan potong rumput dilakukan mengikut pusingan iaitu bagi jalan protokol dilakukan 2 kali sebulan dan jalan bukan protokol dilakukan 1 kali sebulan. Mengikut kontrak, panjang rumput yang dipotong adalah sehingga tidak melebihi 50 mm dan kawasan terbabit perlu dibersihkan setelah kerja pemotongan selesai. Kadar bayaran bagi kerja potong rumput adalah RM510.97 sebulan bagi setiap kilometer. Lawatan fizikal Audit di Jalan Lohan Bongkud, Ranau mendapati bongkah batu tidak dialihkan seperti **Foto 26**. Keadaan ini bukan sahaja mengganggu kerja penyenggaraan bahu jalan dan potong rumput tetapi juga boleh menyebabkan parit tersebut mudah tersumbat jika dibiarkan tanpa tindakan serta membahayakan pengguna jalan raya. Lawatan semula Audit pada 28 April 2008 mendapati jalan terbabit telah disenggara seperti di **Foto 27**.

**Foto 26  
(Sebelum)**  
**Batu Di Tepi Jalan Dan Di Dalam Parit  
Perlu Dialihkan Kerana Membahayakan  
Pengguna Jalan Raya**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.11.2007  
Lokasi: Jalan Lohan Bongkud, Ranau

**Foto 27  
(Selepas)**  
**Batu Telah Dialihkan Oleh  
Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.4.2008  
Lokasi: Jalan Lohan Bongkud, Ranau

Selain itu, Lawatan fizikal Audit di Jalan Keningau-Pensiangan pada 31 Oktober 2007 mendapati rumput dan lalang di tepi jalan terbabit adalah panjang sehingga menutupi penghadang jalan seolah-olah rumput di kawasan terbabit tidak dipotong beberapa bulan. Mengikut Program Penyenggaraan Rutin Tahun 2007 syarikat konsesi, kerja potong rumput sepatutnya dilaksanakan pada setiap bulan. Kali terakhir sepatutnya rumput dipotong di kawasan terbabit adalah dari 1 hingga 20 September 2007. Keadaan ini boleh dilihat seperti di **Foto 28**. Lawatan semula Audit pada 28 April 2008 mendapati jalan terbabit telah disenggara seperti di **Foto 29**.

**Foto 28  
(Sebelum)**  
**Kerja Penyenggaraan Rumput Dan Bahu Jalan Tidak Dilaksanakan Menyebabkan Penghadang Jalan Ditutupi Dengan Semak Samun**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31.10.2007  
Lokasi: Jalan Keningau-Pensiangan

**Foto 29  
(Selepas)**  
**Kerja Penyenggaraan Telah Laksanakan Oleh Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.4.2008  
Lokasi: Jalan Keningau-Pensiangan

- **Penyenggaraan Jambatan Dan Pembetung (Bridges And Culverts)**  
Mengikut kontrak, penyenggaraan rutin bagi jambatan dan pembetung dilaksanakan 4 kali dalam setahun bagi jalan protokol dan 2 kali setahun di jalan bukan protokol. Lawatan fizikal Audit pada 15 November 2007 di Jalan Rancangan Sungai Manila, Sandakan mendapati keadaan pembetung ditutupi dengan ranting kayu. Mengikut program, jadual bagi penyenggaraan kali kedua jambatan dan pembetung dilaksanakan pada bulan Ogos. Bagaimanapun, berdasarkan keadaan sedemikian seolah kerja-kerja pembersihan telah lama tidak dilakukan. Keadaan tersebut ditunjukkan di **Foto 30**. Lawatan semula Audit pada 24 April 2008 mendapati pembetung tersebut telah disenggara seperti di **Foto 31**.

Foto 30  
(Sebelum)

Keadaan Pembetung Tidak Disenggara  
Di Rancangan Sungai Manila, Sandakan



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 15.11.2007  
Lokasi: Jalan Rancangan Sungai Manila, Sandakan

Foto 31  
(Selepas)

Pembetung Telah Disenggara  
Oleh Syarikat Konsesi



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.4.2008  
Lokasi: Jalan Rancangan Sungai Manila, Sandakan

- **Penyenggaraan Parit (Drains)**

Mengikut kontrak penyenggaraan rutin untuk parit, penyenggaraan perlu dilaksanakan 4 kali dalam setahun bagi jalan protokol dan 2 kali setahun di jalan bukan protokol. Lawatan Audit di Jalan Keningau-Pensiangan pada 31 Oktober 2007 mendapati rumput dan lalang menutupi parit sehingga pekerja syarikat konsesi membuat laluan air di tepi jalan raya untuk mencegah air dari melimpahi jalan. Berdasarkan program, penyenggaraan pertama sepatutnya dimulakan pada minggu ke-4 bulan Februari 2007 dan berakhir pada akhir bulan Jun atau dalam tempoh 17 minggu setiap kali penyenggaraan dilaksanakan. Manakala penyenggaraan kali ke-2 sepatutnya dimulakan pada minggu ke-4 bulan Ogos 2007 dan berakhir pada akhir bulan Disember 2007. Ini menggambarkan syarikat konsesi tidak melaksanakan penyenggaraan yang sepatutnya dilaksanakan pada pusingan pertama iaitu antara bulan Februari 2007 hingga bulan Jun 2007. **Foto 32** menunjukkan keadaan rumput panjang menutupi parit. Lawatan semula Audit pada 24 April 2008 mendapati kawasan terbabit telah disenggara seperti di **Foto 33**.

**Foto 32  
(Sebelum)**  
**Pekerja Syarikat Konsesi Membuat Laluan Air Supaya Tidak Melimpahi Jalan Raya**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31.10.2007  
Lokasi: Jalan Keningau-Pensiangan  
Nota: Kawasan bertanda menunjukkan kedudukan parit yang tidak disenggara

**Foto 33  
(Selepas)**  
**Parit Telah Disenggara Oleh Syarikat Konsesi**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.4.2008  
Lokasi: Jalan Keningau-Pensiangan

- **Pemeriksaan Rutin (*Routine Inspection*)**

Pemeriksaan rutin perlu dijalankan oleh syarikat konsesi untuk mengesan kerosakan dan apa-apa halangan yang boleh menyebabkan gangguan kepada pengguna jalan raya. Mengikut jadual, bagi jalan protokol ia dilakukan 2 kali seminggu dan bagi jalan bukan protokol pemeriksaan dilakukan sekali seminggu. Selain itu, syarikat konsesi perlu menyediakan laporan bulanan kepada JKR berkaitan pemeriksaan tersebut. Kerajaan memperuntukkan kadar bayaran RM10.77 bagi 1 kilometer setiap bulan bagi kerja penyeliaan rutin yang dijalankan. Syarikat konsesi mempunyai unit yang menjalankan rondaan terhadap jalan Negeri yang ia bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap laporan bulanan yang dikemukakan ke JKR menunjukkan pemeriksaan rutin ada dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke beberapa jalan mendapati kes seperti batang kayu tumbang dan bongkah batu di bahu jalan tidak dialihkan, kerosakan kecil di bahu jalan, *potholes*, parit yang ditutupi rumput dan rumput panjang tidak dipotong seperti yang dilaporkan di perenggan di atas.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja penyenggaraan rutin oleh syarikat konsesi adalah memuaskan kecuali terdapat beberapa kerja penyenggaraan rutin seperti rumput dipotong tidak mengikut jadual, *potholes* di permukaan jalan tidak ditampal dengan segera, bahu jalan yang tidak rata dan berlubang tidak dibaiki dengan segera, ranting kayu dan batu di bahu jalan tidak dialihkan dengan serta merta serta pembentung dan parit tidak disenggara dengan segera. Keadaan

tersebut berlaku disebabkan oleh bentuk struktur jalan dan keadaan cuaca yang tidak menentu adalah di luar kawalan pihak yang bertanggungjawab.

#### ii) Program Penyenggaraan Berkala Syarikat Konsesi

Program penyenggaraan berkala yang dijalankan oleh syarikat konsesi melibatkan kerja menurap semula permukaan jalan, mengecat garisan jalan, menyenggara papan tanda jalan dan jambatan serta menguatkan struktur jalan seperti pemasangan gabion dan sebagainya. Kerja-kerja penyenggaraan berkala adalah berdasarkan program Arahan Kerja syarikat konsesi yang perlu mendapat kelulusan dari pihak JKR. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2005 hingga 2007, syarikat konsesi telah melaksanakan penyenggaraan berkala masing-masing sepanjang 41 km, 118 km dan 133 km. Bayaran yang terlibat adalah masing-masing berjumlah RM19.68 juta, RM51.11 juta dan RM58.52 juta. Penyenggaraan berkala yang dilaksanakan berbanding dirancang bagi tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Penyenggaraan Berkala Dilaksanakan Berbanding Perancangan**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jenis Kerja Penyenggaraan									
	Pavement						Non-Pavement			
	Rancang		Lulus		Laksana		Rancang	Lulus	Laksana	
	Jarak (KM)	Amaun (RM juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	
2005	245.98	39.10	41.00	15.32	41.00	15.69	2.70	3.09	3.07	
2006	636.32	80.82	118.00	44.53	118.00	46.34	9.47	4.49	3.70	
2007	776.51	125.25	133.00	50.44	133.00	50.86	20.59	6.89	6.08	
<b>Jumlah</b>	<b>1,658.81</b>	<b>245.17</b>	<b>292.00</b>	<b>110.29</b>	<b>292.00</b>	<b>112.89</b>	<b>32.76</b>	<b>14.47</b>	<b>12.85</b>	

Tahun	Jenis Kerja Penyenggaraan									
	Jambatan			Jumlah Keseluruhan						
	Rancang	Lulus	Laksana	Rancang		Lulus		Laksana		
	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	Jarak (KM)	Amaun (RM Juta)	
2005	3.20	0.99	0.92	245.98	45.00	41.00	19.40	41.00	19.68	
2006	1.16	1.14	1.07	636.32	91.45	118.00	50.16	118.00	51.11	
2007	2.10	1.87	1.58	776.51	147.94	133.00	59.20	133.00	58.52	
<b>Jumlah</b>	<b>6.46</b>	<b>4.00</b>	<b>3.57</b>	<b>1,658.81</b>	<b>284.39</b>	<b>292.00</b>	<b>128.76</b>	<b>292.00</b>	<b>129.31</b>	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Berdasarkan jadual di atas, bagi tahun 2005 hingga 2007, didapati daripada 1,658.81 km yang dirancang untuk diturap semula, hanya 292 km atau 17.6% yang dapat dilaksanakan. Selain itu, daripada sejumlah RM284.39

juta yang dimohon, hanya RM128.76 juta atau 45.2% yang diluluskan dan sejumlah RM129.31 juta telah dibelanjakan iaitu melebihi bajet RM0.55 juta atau 0.4% untuk program penyenggaraan tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati, pelaksanaan ini bergantung kepada kelulusan pihak JKR dan bajet yang diluluskan. Selain itu, berikut merupakan beberapa penemuan Audit bagi penyenggaraan berkala syarikat konsesi ketika lawatan fizikal dijalankan:

- ***Close Turfing Tidak Dibuat***

Syarikat konsesi melaksanakan kerja berdasarkan Arahan Kerja yang telah diluluskan dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang tidak mematuhi spesifikasi dalam Arahan Kerja. Pemeriksaan fizikal Audit di Jalan Asrama, Kota Kinabalu mendapati beberapa ciri pemasangan gabion yang tidak menepati spesifikasi dalam Arahan Kerja yang telah diluluskan. Salah satu item dalam Arahan Kerja tersebut menghendaki ‘*close turfing at any inclination slopes, medians berms and verge*’. Bagaimanapun, syarikat konsesi tidak membuat *close turfing* tersebut. Jumlah tersebut tidak dituntut kerana kerja tersebut tidak dilaksanakan namun ia memberi kesan selepas kerja pemasangan gabion tersebut siap. Lawatan semula Audit ke kawasan terbabit mendapati tanah bersama ranting kayu dari atas bukit telah memenuhi longkang terbabit seperti di **Foto 34**.

**Foto 34**  
***Close Turfing Tidak Dibuat***



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh: 14 Disember 2007

Lokasi: Jalan Asrama, Kota Kinabalu

Nota: Kawasan bertanda menunjukkan *close turfing* yang sepatutnya dibuat.

- **Tanda Garisan Jalan Pudar**

Tanda garisan jalan sudah pudar atau hampir pudar di Jalan Berasrama Penuh Lahad Datu, Jalan Sin On Tawau, Jalan Kuala Tomani Tenom dan Jalan Lohan Bongkud Ranau. Pengecatan semula tidak dilakukan untuk keselamatan pengguna jalan raya seperti di **Foto 35 hingga 38.**

**Foto 35**  
**Garisan Jalan Hampir Hilang Di Jalan Berasrama Penuh,  
Lahad Datu dan Jalan Sin On, Tawau**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.7.2007  
Lokasi: Jalan Berasrama Penuh, Lahad Datu

**Foto 36**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 26.7.2007  
Lokasi: Jalan Sin On, Tawau

**Foto 37**  
**Garisan Jalan Hampir Hilang Di Jalan Kuala Tomani, Tenom  
Dan Jalan Lohan Bongkud, Ranau**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 1.11.2007  
Lokasi: Jalan Kuala Tomani, Tenom

**Foto 38**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.11.2007  
Lokasi: Jalan Lohan Bongkud, Ranau

- **Cerun Jalan Dan Tanah Runtuh**

Cerun jalan dan tanah runtuh di KM4.3 Jalan Golf Course Mesilou, KM1.63 Jalan Kundasang Kauluan dan KM 2.0 Jalan Poring di Daerah

Ranau masih tidak disenggarakan. Keadaan boleh dilihat seperti di **Foto 39**, **Foto 41** dan **Foto 43**. Lawatan semula Audit pada 29 April 2008 menunjukkan keadaan masih tidak berubah di kawasan terbabit seperti di **Foto 40**, **Foto 42** dan **Foto 44**.

**Foto 39**  
**Cerun Runtuh Di KM4.3 Jalan Golf Course Mesilou, Ranau Yang Perlu Dibaiki Segera**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.11.2007  
Lokasi: KM4.3 Jalan Golf Course Mesilou, Ranau

**Foto 40**  
**Cerun Runtuh Masih Tidak Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.4.2008  
Lokasi: KM4.3 Jalan Golf Course Mesilou, Ranau

**Foto 41**  
**Cerun Runtuh Di KM1.63 Jalan Kundasang Kauluan, Ranau Yang Perlu Dibaiki Segera**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.11.2007  
Lokasi: KM 1.63 Jalan Kundasang Kauluan, Ranau

**Foto 42**  
**Cerun Runtuh Masih Tidak Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.4.2008  
Lokasi: KM 1.63 Jalan Kundasang Kauluan, Ranau

**Foto 43**  
**Tanah Runtuh Di KM2.0 Jalan Poring,  
Ranau Yang Menutupi Parit**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.11.2007  
Lokasi: KM 2 Jalan Poring, Ranau

**Foto 44**  
**Tanah Runtuh Masih  
Tidak Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.4.2008  
Lokasi: KM 2 Jalan Poring, Ranau

- **Tanah Mendap**

Kerosakan jalan di KM 1.0 dan KM 3.5 Jalan Tenompok Bundu Tuhan Himbaan dan KM 0.9 Jalan Kinasaraban berlaku akibat pemendapan tanah seperti di **Foto 45**. Semakan lanjut Audit mendapati kerja *localised pavement strengthening and resurfacing works* ada dilaksanakan di KM2.4 – KM6.2 melibatkan kawasan yang dinyatakan pada bulan April 2007 dan siap disenggarakan pada bulan September 2007. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 29 November 2007 mendapati jalan berkenaan telah mendap. Lawatan semula Audit pada 29 April 2008 mendapati jalan tersebut telah disenggara tetapi masih berkeadaan tidak sempurna seperti di **Foto 46**.

**Foto 45**  
**Tanah Mendap Di Jalan Tenompok,  
Bundu Tuhan, Ranau**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.11.2007  
Lokasi: Jalan Tenompok Bundu Tuhan, Ranau

**Foto 46**  
**Tanah Mendap Yang  
Telah Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.4.2008  
Lokasi: Jalan Tenompok Bundu Tuhan, Ranau

- **Jalan Retak**

Retakan pada permukaan jalan di KM 0.4 Jalan SK Kandawayon seperti di **Foto 47**. Pemeriksaan Audit mendapati syarikat konsesi hanya menimbus batu di sekitar retakan tersebut. Lawatan semula Audit pada 29 April 2008 mendapati keadaan jalan masih tidak berubah seperti di **Foto 48**.

**Foto 47**  
**Jalan Retak Di KM0.4 Jalan  
SK Kandawayon, Ranau**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.11.2007  
Lokasi: Jalan SK kadawayon, Ranau

**Foto 48**  
**Jalan Retak Masih Tidak Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29.4.2008  
Lokasi: Jalan SK kadawayon, Ranau

- **Jalan Mengalami Kerosakan**

Di Daerah Lahad Datu, tiga jalan iaitu Jalan Dam, Jalan Segama dan Jalan Patitung telah diisyihar *beyond maintenance repair* yang mana status jalan berubah dari jalan berturap ke jalan berkerikil akibat kerosakan serius seperti di **Foto 49, Foto 51** dan **Foto 53**. Lawatan semula Audit pada 24 April 2008 mendapati Jalan Dam dan Jalan Segama sedang disenggara dan pihak Audit mendapati penyenggaraan tersebut telah siap 70% manakala Jalan Patitung masih tidak disenggara kerana kekurangan peruntukan. Keadaan jalan terbabit adalah seperti di **Foto 50, Foto 52** dan **Foto 54**.

**Foto 49**

**Jalan Dam Yang Mengalami Kerosakan Yang Serius**



**Foto 50**

**Jalan Dam Telah Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh: 24.7.2007

Lokasi: Jalan Dam, Lahad Datu

Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara

Tarikh: 24.4.2008

Lokasi: Jalan Dam, Lahad Datu

**Foto 51**  
**Jalan Segama Yang Mengalami Kerosakan Yang Serius**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.7.2007  
Lokasi: Jalan Segama, Lahad Datu

**Foto 52**  
**Jalan Segama Yang Sedang Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.4.2008  
Lokasi: Jalan Segama, Lahad Datu

**Foto 53**  
**Jalan Patitung Yang Mengalami Kerosakan Yang Serius**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.7.2007  
Lokasi: Jalan Patitung, Lahad Datu

**Foto 54**  
**Jalan Patitung Masih Tidak Disenggara**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24.4.2008  
Lokasi: Jalan Patitung, Lahad Datu

- **Guardrail**

Lawatan Audit pada 1 November 2007 mendapati *guardrail* di jambatan di Sungai Amboi di Jalan Kuala Tomani, Tenom mengalami kerosakan akibat kemalangan jalan raya. **Foto 55** menunjukkan kesan kemalangan yang berlaku. Lawatan semula pada 28 April 2008 mendapati *guardrail* tersebut telah dibaiki seperti di **Foto 56**. Pihak konsesi telah siap membaiki kerja pembaikan pada 25 April 2008.

**Foto 55**  
**Guardrail Yang Rosak Akibat Kemalangan**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 1.11.2007  
Lokasi: Jalan Kuala Tomani, Tenom

**Foto 56**  
**Guardrail Yang Telah Dibaiki**



Sumber: Fail Gambar Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 28.4.2008  
Lokasi: Jalan Kuala Tomani, Tenom

Pihak JKR memaklumkan bahawa keperluan peruntukan bagi penyenggaraan berkala untuk semua jalan adalah amat besar dan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam masa setahun. Oleh yang demikian, penyenggaraan berkala dilaksanakan mengikut keutamaan yang ditentukan oleh JKR. Pihak konsesi hanya melaksanakan kerja berdasarkan peruntukan dan program yang telah dipersetujui serta diluluskan oleh JKR.

Pada pendapat Audit, prestasi kerja program kerja berkala syarikat konsesi adalah memuaskan kecuali terdapat kerja penyenggaraan seperti tanda garisan sudah pudar belum dicat semula, jalan yang mendap disenggara tidak sempurna, permukaan jalan yang retak masih belum diturap serta *guardrail* yang rosak lewat dibaiki. Kerosakan jalan menyebabkan ketidakselesaan dan akan menyebabkan kemudarat pada pengguna jalan raya.

### iii) Kerja-Kerja Kecemasan Oleh Syarikat Konsesi

Kerja-kerja kecemasan dijalankan oleh syarikat konsesi sekiranya berlaku kejadian tidak diramal seperti tanah runtuhan, tambak/benteng runtuhan, jambatan runtuhan, pokok tumbang, pembetung dan struktur parit runtuhan, tumpahan bahan kimia atau benda lain yang berbahaya di jalan raya. Mengikut perjanjian, Kerajaan menyediakan bajet sejumlah RM2 juta setiap tahun kepada syarikat konsesi untuk kerja-kerja kecemasan. Syarikat konsesi adalah dikehendaki mengurus laluan kenderaan dalam tempoh satu jam apabila berlakunya kejadian tidak diramal di kawasan terlibat. Kerja-kerja pembersihan haruslah dilaksanakan dalam masa 24 jam oleh syarikat konsesi selepas dimaklumkan atau dikesan. Semakan Audit menunjukkan sebanyak 1,789 kes kerja-kerja kecemasan telah dijalankan di 23 daerah

bagi tahun 2005 hingga 2007 yang melibatkan sejumlah RM4.67 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Kerja-Kerja Kecemasan Dilaksanakan Syarikat Konsesi**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Bil.	Tahun	Bilangan Kes	Amaun (RM Juta)
1.	2005	381	0.99
2.	2006	621	1.44
3.	2007	787	2.24
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>1,789</b>	<b>4.67</b>

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

Semakan Audit menunjukkan penyenggaraan kecemasan yang dijalankan pada tahun 2007 berjumlah RM2.24 juta telah melebihi bajet RM2 juta yang telah diluluskan dalam perjanjian dengan jumlah RM0.24 juta. Mengikut laporan bulanan yang dikemukakan kepada JKR, semua kes-kes kecemasan telah dilaksanakan mengikut jangka masa yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kerja bagi kes-kes kecemasan adalah baik. Syarikat konsesi telah mengambil tindakan mengikut bidang kerja yang ditetapkan.**

**b) Pencapaian Sasaran Penyenggaraan Pihak JKR**

Pihak JKR bertanggungjawab menyenggara bagi kategori jalan berkerikil dan jalan tanah. Jenis penyenggaraan yang dilaksanakan adalah rutin, berkala, jambatan dan pencegahan. Semakan Audit menunjukkan penyenggaraan dilaksanakan oleh JKR berdasarkan program yang diluluskan. Rekod JKR menunjukkan bagi tahun 2005 hingga 2007 sejumlah RM70.64 juta, RM44.42 juta dan RM48.78 juta masing-masing telah dibelanjakan terhadap penyenggaraan berkenaan. Butir-butir penyenggaraan yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Program Penyenggaraan JKR Yang Diluluskan Berbanding Yang Dilaksanakan**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jenis Kerja Penyenggaraan											Peratus (%)	
	Rutin		Berkala		Jambatan		Pencegahan		Jumlah Keseluruhan				
	Lulus	Laksana	Lulus	Laksana	Lulus	Laksana	Lulus	Laksana	Lulus	Laksana			
	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)	Amaun (RM Juta)			
2005	40.03	38.83	13.50	12.87	7.50	7.23	13.30	11.71	74.33	70.64	95		
2006	27.30	26.85	4.00	3.99	2.00	1.87	12.00	11.71	45.30	44.42	98		
2007	39.15	25.99	14.80	9.61	5.68	3.85	16.00	9.33	75.63	48.78	64		
<b>Jumlah</b>	<b>106.48</b>	<b>91.67</b>	<b>32.30</b>	<b>26.47</b>	<b>15.18</b>	<b>12.95</b>	<b>41.30</b>	<b>32.75</b>	<b>195.26</b>	<b>163.84</b>	<b>84</b>		

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Berdasarkan jadual di atas, didapati 95% pada tahun 2005, sebanyak 98% pada tahun 2006 dan 64% pada tahun 2007 kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan.

**i) Kerja Penyenggaraan Yang Belum Dilaksanakan**

Sebelum kerja-kerja penyenggaraan oleh JKR daerah dilaksanakan, "Work Submisson" perlu dikemukakan kepada Ibu pejabat bagi kerja yang melebihi RM15,000. Sementara itu, JKR di daerah mengurus pemilihan kontraktor melalui panggilan sebut harga di samping menunggu waran peruntukan daripada Ibu Pejabat. Ibu Pejabat JKR bermesyuarat untuk menilai kerja yang dimohon dari daerah dan menghantar waran peruntukan kepada JKR daerah setelah permohonan diluluskan. Lawatan Audit ke Daerah Sandakan pada 12 November 2007 dan Ranau pada 26 November 2007 menunjukkan beberapa kerja belum dilaksanakan walaupun telah mendapat peruntukan. Kerja-kerja yang belum dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Senarai Kerja Penyenggaraan Yang Belum Dilaksanakan**

Daerah	Nama Jalan	No Sebut harga/ Pesanan Kerja	Nama Kontraktor	Amaun (RM)	Tarikh sebut harga	Tarikh Peruntukan Diterima	Jenis Kerja
Sandakan	Jalan Gum-Gum(a),KM3.2	JKRS.Q.2007/161	Kontraktor Indah Berkat	36,270	13/07/07	Ogos 2007	Membaiki Jambatan
	Jalan Hiew Ngee Fatt,KM0.30	JKRS.Q.2007/204	Bizzy Enterprise	49,310	19/09/07	Ogos 2007	Membina R.C Culvert
	Jalan Seguntur 2	JKRS.Q.2007/207	Amylia Enterprise	14,330	12/09/07	13 November 2007	Membersih Parit
	Jalan Lok Yen	322151	Segama General Construction	14,380	20/09/07	13 November 2007	Membersih Parit
Ranau	Jalan Kinirasan Kopongian,KM 5.70	Rnu/2007/061	Pemborong Achu	49,815	14/09/07	April 2007	Membuat Culvert
	Jalan Sinisian,KM0.30	Rnu/2007/063	Pemborong MD	49,492	26/09/07	April 2007	Membuat Parit

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Bagaimanapun, semakan lanjut Audit terhadap Arahan Kerja yang dikemukakan kepada pihak Audit mendapati kerja-kerja yang dinyatakan di atas telah dilaksanakan dan diperakukan siap pada 31 Disember 2007.

**ii) Kontrak Kerja Kecil**

Semakan Audit dilakukan terhadap Arahan Kerja Am di pejabat JKR Daerah Sandakan, Tawau, Kunak dan Keningau mendapati kebanyakan amaun kontrak kerja diberikan kepada kontraktor adalah di bawah RM15,000. Pihak Audit dimaklumkan polisi Jabatan menghendaki setiap kerja penyenggaraan yang melebihi RM15,000 perlu mendapat kelulusan khas daripada Pengarah JKR terlebih dahulu. Berdasarkan keperluan berkenaan, pihak JKR daerah telah merancang dan mengeluarkan Arahan Kerja Am yang amanannya tidak melebihi RM15,000. Contoh kontrak kerja kecil penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Contoh Arahan Kerja Am Bagi Tahun 2005 Hingga 2007 Mengikut Daerah**

Daerah	Bil.	No. GWO	Tarikh GWO	Amaun (RM)	Kontraktor	Catatan
Sandakan	1.	300941	20.10.05	14,926	Bayangan Enterprise	<i>Heavy desilting of earth drain at Jalan Koko 1 &amp; Koko 2, Sandakan</i>
	2.	300942	18.10.05	14,913	BGP Enterprise	<i>Heavy desilting of earth drain at KM0 – 2.8 Jln. Kg. Harapan, Sandakan</i>
	3.	300943	24.11.05	14,668	Syt. Harimas Cont.	<i>Reconstruct of cross culvert at KM0.7 Jln. Wing Seng, Sandakan</i>
	4.	322151	20.09.07	14,380	Suyono General Const.	<i>Desilting &amp; reshaping of earth drain</i>
	5.	322152	20.09.07	14,330	Amylia Enterprise	<i>Desilting &amp; reshaping of earth drain</i>
	6.	322153	20.09.07	14,450	Syt. Hasil Mega	<i>Cleaning &amp; desilting of earth drain</i>
Tawau	7.	303805	13.11.06	14,500	Amylia Enterprise	<i>Maintenance of state bridges</i>
	8.	303808	12.12.06	14,800	Syt. Perniagaan Maju	<i>Maintenance of road side earth drain</i>
	9.	303813	12.12.06	14,850	Syt. Mega Jaya	<i>Clearing &amp; desilting of road side earth drain</i>
	10.	317525	22.06.07	14,800	Pemborong Ramsin	<i>Replacement of rotten/damaged timbers</i>
	11.	317526	22.06.07	14,600	Sarimah Enterprise	<i>Regravelling</i>
	12.	317527	22.06.07	14,850	Pemborong Jati Diri	<i>Replacement of rotten/damaged timbers</i>
Kunak	13.	305054	28.05.07	14,840	Syt. Bena Mewah	<i>Desilting of road side drain</i>
	14.	305055	23.05.07	14,950	Kaff Enterprise	<i>Desilting of road side drain</i>
	15.	305056	28.05.07	14,895	Imam Const.	<i>Desilting of road side drain</i>
	16.	305057	23.05.07	14,900	Pemborong Wawasan Ria	<i>Desilting of road side drain</i>
Keningau	17.	318021	26.06.07	14,900	Mewah Maju	<i>Conts. Of gabion protection</i>
	18.	318022	26.06.07	14,800	Pembinaan Terus Maju	<i>Excavation of road side drain</i>
	19.	318023	26.06.07	14,990	Pemborong Rugayah Enterprise	<i>Reinstatement of collapsed culvert and cont. of gabion protection</i>
	20.	318035	26.06.07	14,840	Azy Enterprise	<i>Desilting &amp; clearing of road side drain</i>
	21.	308036	26.06.07	14,780	Pemborong Bina Juta	<i>Desilting &amp; clearing of road side drain</i>

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan program oleh JKR adalah baik di mana pelaksanaan program yang disasarkan telah mencapai purata melebihi 84%. Bagaimanapun, pihak JKR perlu melaksanakan segera kerja-kerja setelah peruntukan diterima daripada Ibu Pejabat. Ini dapat mengelakkan daripada kerosakan yang lebih serius dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.**

### 12.2.6 Prestasi Kewangan

Bagi tahun 2005 hingga 2007, daripada RM492.95 juta peruntukan yang diluluskan bagi penyenggaraan jalan raya dan jambatan, sejumlah RM436.64 juta atau 88% telah dibelanjakan bagi maksud tersebut. Prestasi kewangan JKR adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Peruntukan Yang Diluluskan Dan Perbelanjaan Sebenar**  
**Bagi Penyenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan Negeri**  
**Bagi Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jalan Disenggara Oleh JKR			Jalan Disenggara Oleh Syarikat Konsesi			Jumlah Keseluruhan			Peratus (%)
	Mohon (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Mohon (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	Mohon (RM Juta)	Lulus (RM Juta)	Belanja (RM Juta)	
2005	78.34	74.33	70.64	54.06	64.26	61.78	132.40	138.59	132.42	96
2006	45.86	45.30	44.43	127.06	115.06	106.11	172.92	160.36	150.54	94
2007	46.60	46.00	65.69	118.00	148.00	87.99	164.60	194.00	153.68	79
<b>Jumlah</b>	<b>170.80</b>	<b>165.63</b>	<b>180.76</b>	<b>299.12</b>	<b>327.32</b>	<b>255.88</b>	<b>469.92</b>	<b>492.95</b>	<b>436.64</b>	<b>88</b>

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Pada pendapat Audit, JKR telah membelanjakan peruntukan yang diberikan dengan baik. Purata perbelanjaan bagi setiap tahun 2005 hingga 2007 adalah melebihi 88%.

### 12.2.7 Penyelenggaraan Rekod

#### a) Daftar Inventori Jalan Raya Dan Jambatan

Semakan Audit mendapati pihak JKR hanya menyelenggara Daftar Jalan yang mengandungi butiran jalan sahaja. Daftar tersebut tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana tidak mempunyai data mengenai kerja penyenggaraan yang telah dijalankan iaitu sejarah dan bila kali terakhir penyenggaraan dijalankan. Maklumat yang tepat, lengkap dan kemas kini adalah penting sebagai sumber maklumat yang dapat digunakan dalam perancangan program penyenggaraan.

#### b) Penyimpanan Dokumen Penyenggaraan Jalan Raya Dan Jambatan

Semakan Audit mendapati pihak JKR di Ibu Pejabat menyimpan dokumen permohonan penyenggaraan yang telah diluluskan bagi setiap daerah. Bagaimanapun, permohonan penyenggaraan yang tidak diluluskan dikembalikan ke Pejabat JKR daerah yang memohon. Semakan lanjut Audit ke daerah yang dilawati mendapati dokumen penyenggaraan jalan raya dan jambatan tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana Pejabat JKR daerah tidak menyimpan permohonan yang telah dikembalikan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar yang telah dimohon untuk penyenggaraan.

c) **Daftar Aduan Awam**

JKR menetapkan setiap aduan awam yang diterima direkodkan sama ada melalui surat, e-mel dan khidmat pesanan ringkas (SMS) ke dalam fail atau Buku Daftar Aduan Awam. Semakan Audit di daerah yang dilawati mendapati Daftar Aduan Awam ada diwujudkan. Rekod di **Jadual 33** menunjukkan bilangan aduan awam yang diterima.

**Jadual 33**  
**Daftar Aduan Awam**

<b>Daerah/ Tahun</b>	<b>Kota Kinabalu</b>	<b>Sandakan</b>	<b>Tawau</b>	<b>Keningau</b>	<b>Ranau</b>	<b>Lahad Datu</b>	<b>Semporna</b>	<b>Kunak</b>
2005	70	7	3	-	1	2	-	-
2006	44	3	13	-	10	14	6	6
2007	72	34	9	3	13	23	2	2

*Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah*

Bagaimanapun, daftar berkenaan tidak menunjukkan tindakan telah dilakukan terhadap aduan yang diterima kerana rekod tidak dikemaskinikan kecuali daftar di pejabat JKR Keningau dan Sandakan. Pihak Audit dimaklumkan Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya sedang membangunkan satu sistem rekod berkomputer untuk tujuan merekod aduan awam. Selain itu, semakan Audit mendapati semua aduan yang diterima oleh pihak JKR merangkumi semua jalan secara am dan tidak merujuk secara spesifik lokasi jalan raya sama ada ianya Jalan Negeri, Jalan Persekutuan atau Jalan PBT disebabkan tidak ada petunjuk khas dipamerkan di semua jalan Negeri untuk menunjukkan pihak yang bertanggungjawab terhadap penyenggaraan jalan tersebut.

**Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod adalah memuaskan kecuali daftar inventori jalan dan daftar aduan awam tidak dikemas kini. Penyimpanan dan penyelenggaraan rekod yang baik dan kemas kini adalah penting bagi memudahkan rujukan serta sebagai sumber maklumat asas dalam penyediaan laporan yang tepat dan lengkap.**


#### **12.2.8 Modal Insan**

Bahagian/Cawangan/Unit yang dipertanggungjawab untuk mengurus aktiviti penyenggaraan perlu melaksanakan fungsi sewajarnya. Kakitangan yang mencukupi dan terlatih hendaklah ditempatkan di bahagian yang sesuai mengikut tugas dan tanggungjawab kakitangan berdasarkan jawatan.

**a) Struktur Pengurusan**

JKR mewujudkan Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya di peringkat Ibu Pejabat. Semakan Audit mendapati Carta Organisasi ada disediakan yang menunjukkan tanggungjawab dan fungsi setiap bahagian dan unit. Cawangan ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah berjawatan Jurutera Gred J48 dan dibantu oleh 38 kakitangan pelbagai gred. Lawatan Audit ke beberapa daerah mendapati Unit Pemeliharaan Jalan ditubuhkan untuk mengurus dan memantau kerja-kerja penyenggaraan jalan dan semua Jurutera Daerah adalah juga bertanggungjawab terhadap unit ini. Carta Organisasi Cawangan Pemiliharaan Jalan Raya adalah seperti di **Carta 8**

**Carta 8**  
**Carta Organisasi Cawangan Pemeliharaan Jalan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya

Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya mempunyai 39 jawatan pelbagai gred yang diluluskan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapat sebanyak 40 jawatan telah diisi dan ditempatkan. Selain itu, bilangan jawatan yang diisi tidak mengikut gred jawatan yang diluluskan. Kekosongan gred jawatan utama seperti 1 jawatan gred J52, 2 jawatan J48, 1 jawatan J41 dan 1 jawatan J36 menjelaskan pelaksanaan dan pemantauan program penyenggaraan jalan raya yang dirancang. Kedudukan perjawatan adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Kedudukan Perjawatan Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya**

Jenis Perkhidmatan	Gred Jawatan	Bilangan Jawatan Diluluskan	Jawatan Diisi	Catatan
Kejuruteraan (J)	J52	1	-	Jawatan Kontrak  Lebih 3 dari jawatan yang diluluskan Tidak terdapat dalam perjawatan yang diluluskan
	J48	3	1	
	J44	1	-	
	J41	4	3	
	J36	1	-	
	J29	1	1	
	J22	2	2	
	J17	5	8	
Kewangan (W)	J11	-	1	
	W32	1	1	
Pentadbiran Dan Sokongan (N)	W17	6	-	Perjawatan yang diluluskan hanya 4 Tidak ada penjawat jawatan
	N22	1	1	
	N17	4	8	
	N11	2	-	
Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir (R)	N1	2	1	Tidak terdapat dalam perjawatan yang diluluskan Tidak terdapat dalam perjawatan yang diluluskan
	R6	-	1	
	R3	5	4	
	R1	-	8	
<b>Jumlah</b>		<b>39</b>	<b>40</b>	

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya Sabah

Bagaimanapun, pihak JKR memaklumkan 1 jawatan gred J52 dan 2 jawatan gred J48 telah diisi selepas menerima laporan pemerhatian Audit pada 15 Mei 2008.

Semakan Audit juga mendapati Jurutera J41 Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya, Ibu Pejabat bertanggungjawab untuk menyelia kerja yang dijalankan oleh syarikat konsesi dan kontraktor yang dilantik dengan dibantu oleh Jurutera Penyenggaraan Jalan di daerah penyenggaraan itu dilaksanakan. Lawatan Audit di Daerah Keningau mendapati hanya seorang Jurutera J41 untuk memantau kerja syarikat konsesi di 4 kawasan iaitu Tambunan, Keningau, Tenom dan Pensiangan. Selain itu, Jurutera terbabit juga turut memantau kerja penyenggaraan yang dijalankan oleh JKR. Bagaimana pun, penyeliaan terhadap kerja-kerja penyenggaraan dilakukan oleh Pembantu Teknik di kawasan tersebut.

#### b) Latihan

Jabatan mempunyai pusat latihan untuk mengurus dan mengendalikan kursus dan latihan dalam kepada kakitangannya. Mengikut rekod, dalam tahun 2005 hingga 2007, pusat latihan telah merancang sebanyak 46 program latihan dan sebanyak 36 program telah dijalankan yang telah dihadiri oleh 307 kakitangan yang terdiri dari kakitangan teknikal. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kursus berkaitan penyenggaraan jalan raya termasuk penyeliaan dan

pemantauan kerja tidak dikendalikan selain dari kursus berkaitan peperiksaan bagi kakitangan teknikal.

**Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap modal insan adalah memuaskan. Struktur dan carta organisasi yang dibentuk menunjukkan wujudnya pembahagian tugas dan fungsi yang jelas.**

**Pada keseluruhannya, Pihak Audit berpendapat, pelaksanaan penyenggaraan jalan raya dan jambatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, syarikat konsesi perlu mematuhi program dan jadual kerja seperti yang dirancang dan diluluskan oleh JKR. Pihak JKR pula perlu menjalankan dengan segera kerja-kerja penyenggaraan untuk mengelakkan kerosakan yang lebih serius dan seterusnya dapat mengurangkan kos penyenggaraan serta penjimatan kepada Kerajaan.**

### **12.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berkesan perlu dijalankan bagi memastikan program penyenggaraan jalan raya dan jambatan Negeri berjalan lancar. Pemantauan penyenggaraan jalan Negeri adalah tanggungjawab pihak Kementerian Pembangunan Infrastruktur, Ibu Pejabat JKR dan Cawangan JKR di peringkat daerah. Peranan dan tindakan terhadap pemantauan oleh pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

#### **12.3.1 Peringkat Kementerian**

Kementerian Pembangunan Infrastruktur bertanggungjawab dalam penyediaan pembangunan infrastruktur Negeri terutama penyediaan sistem jalan raya yang selamat digunakan di kawasan bandar atau luar bandar untuk pembangunan perindustrian, pertanian, perhutanan dan pelancongan. Di samping itu juga objektif Kementerian adalah untuk menentukan kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada disenggara dan dinaik taraf serta ditingkatkan mutu.

Semakan Audit mendapati Kementerian telah mewujudkan Bahagian Pembangunan Jalan Raya untuk menyelaras dan memantau perjalanan pembinaan dan penyenggaraan jalan raya. Laporan pelaksanaan projek dan penyenggaraan dikemukakan kepada Kementerian untuk disemak dan tindakan pembetulan akan dilakukan di mana perlu.

#### **12.3.2 Peringkat Ibu Pejabat JKR**

Ibu Pejabat JKR adalah bertanggungjawab untuk mengurus penyenggaraan jalan raya sama ada yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi atau kontraktor. Kawalan bajet dan kelulusan setiap projek penyenggaraan jalan raya adalah dilakukan di peringkat Ibu Pejabat. Cawangan Pemeliharaan Jalan Raya, Ibu Pejabat bukan sahaja mengurus pelaksanaan penyenggaraan tetapi juga berperanan memantau setiap kerja-kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh syarikat konsesi atau kontraktor. Jurutera

Penyenggaraan Jalan ditetapkan untuk memantau penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan kontraktor. Lawatan ke tapak dilakukan oleh Jurutera sendiri atau oleh pegawai berjawatan teknikal. Laporan yang dikemukakan ke Cawangan ini disemak dan diteliti. Selain itu, mesyuarat di antara pegawai kanan dan Pengarah JKR diadakan mengikut keperluan untuk membolehkan sebarang masalah yang dihadapi dapat dibincang dan diselesaikan bersama.

#### **12.3.3 Peringkat JKR Daerah**

Lawatan Audit ke beberapa daerah dan tapak projek menunjukkan setiap kawasan atau daerah telah ditentukan kakitangan yang mengurus, menyelia dan memeriksa kerja-kerja yang dilaksanakan. Laporan kemajuan disediakan dan dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk mengesahkan prestasi kerja. Jurutera atau kakitangan teknikal yang diberi tanggungjawab terhadap kerja-kerja syarikat konsesi dan kontraktor melawat secara fizikal dan juga menentukan program kerja dipatuhi. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit di Daerah Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Sandakan, Keningau dan Ranau mendapati ada kelewatan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi dan juga kerja penyenggaraan yang tidak mengikut spesifikasi serta kerja yang tidak mengikut jadual seperti yang dibangkitkan di perenggan sebelum ini.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilakukan oleh pihak JKR adalah memuaskan kecuali di peringkat JKR daerah di mana kerja-kerja penyenggaraan syarikat konsesi tidak diperiksa dan diaudit secara menyeluruh dan berkesan berdasarkan spesifikasi, program dan jadual yang ditetapkan. Pemantauan yang berkesan perlu dilakukan untuk menentukan penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual bagi mencapai objektifnya. Pihak JKR perlu mengambil tindakan segera terhadap sebarang laporan atau aduan yang memerlukan perhatian segera. Program kerja syarikat konsesi di peringkat daerah perlu dipantau dengan berkesan agar jadual kerja dapat dipatuhi dan dilaksanakan tanpa ditangguhkan.**

### **13. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan terhadap penyenggaraan jalan raya adalah baik. Bagaimanapun, beberapa kelemahan seperti pengurusan modal insan bagi memantau pelaksanaan program penyenggaraan jalan raya, penyenggaraan rutin tidak mengikut jadual program dan penyenggaraan berkala syarikat konsesi tidak dapat dilaksanakan mengikut cadangan dalam Arahan Kerja. Objektif untuk menentukan tahap keselesaan dan keselamatan di jalan raya bergantung kepada penyenggaraan yang efektif dan berkesan. Pengguna jalan raya sentiasa mengharapkan kemudahan yang diberikan adalah yang paling baik berpadanan dengan cukai dan pelaburan yang dibayar. Keberkesanannya perancangan, pelaksanaan dan pemantauan penyenggaraan jalan raya oleh syarikat

konsesi dan JKR boleh merealisasikan objektif dan tujuan ini. Adalah disyorkan JKR dan syarikat konsesi mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Syarikat konsesi harus melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan rutin mengikut program dan jadual yang disediakan selaras dengan perjanjian.
- b) Sasaran dan Arahan Kerja yang dirancang sebolehnya dilaksanakan dengan segera dan berkesan untuk mengelakkan kerosakan yang lebih serius dan memerlukan pertambahan kos.
- c) Pelaksanaan kerja penyenggaraan rutin dan berkala syarikat konsesi terhadap semua perihal kerja perlu mematuhi syarat dalam kontrak. Pihak JKR juga bertanggungjawab menyelia supaya pelaksanaan kerja dilakukan dengan berkesan.
- d) Papan tanda perlu dipasang di jalan raya tertentu yang mengandungi maklumat berkenaan pihak yang bertanggungjawab terhadap jalan tersebut jika terdapat kerosakan atau kes kecemasan yang memerlukan tindakan segera.
- e) Pemeriksaan dan pengauditan yang menyeluruh oleh pihak JKR dilakukan dengan lebih berkesan terutama maklum balas dari laporan kemajuan yang diterima dari syarikat konsesi dan orang awam.
- f) Kerja-kerja penyenggaraan berkala yang mendesak perlu diutamakan untuk dilaksanakan oleh syarikat konsesi bagi mengelakkan keselamatan dan keslesaan pengguna jalan raya terjejas.
- g) Tindakan pembaikan dan penyenggaraan segera hendaklah dilakukan untuk mengelakkan kemungkinan kerosakan yang besar berlaku. Pihak JKR perlu meneliti dan memantau perkara seperti yang dibangkitkan.
- h) Pihak JKR juga perlu memastikan kerja-kerja kontrak kerja kecil mematuhi peraturan kewangan.
- i) Rekod terhadap inventori jalan raya dan aduan awam perlu diselenggara dengan kemas kini untuk memudahkan rujukan dan tindakan yang berpatutan dapat dilaksanakan.
- j) Tenaga kerja yang mencukupi dan mahir perlu ditempatkan untuk menentukan pengurusan, penyeliaan dan pemantauan kerja-kerja penyenggaraan jalan raya dan jambatan dilaksanakan dengan berkesan.
- k) Latihan berkaitan penyenggaraan jalan raya perlu diberi kepada kakitangan terlibat.

## **JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

### **AKTIVITI PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR**

#### **14. LATAR BELAKANG**

**14.1** Pada bulan Ogos 1998, Jabatan Konservasi Alam Sekitar Negeri Sabah (Jabatan) telah ditubuhkan untuk menguatkuasakan Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996. Enakmen tersebut kemudiannya telah disemak semula pada tahun 2002 dan dinamakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 yang diwartakan dan dikuatkuasakan pada bulan Januari 2006. Semakan semula Enakmen telah membawa kepada penjenamaan semula Jabatan menjadi Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah.

**14.2** Mengikut Seksyen 2, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002, takrif alam sekitar termasuklah persekitaran fizikal dan keadaan yang mempengaruhi perkembangan dan pertambahan penduduk, haiwan, tumbuh-tumbuhan, semua sumber semulajadi, ekosistem kehidupan biologi dan nilai-nilai estetik serta kebudayaan. Aktiviti perlindungan alam sekitar merangkumi penguatkuasaan dan pemantauan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) dan lain-lain agensi kerajaan antaranya Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Jabatan Hidupan Liar Sabah.

**14.3** Bagi melindungi dan menjaga alam sekitar, fungsi dan tanggungjawab Jabatan Alam Sekitar Persekutuan (JAS) dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) adalah terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 74 dan 77, Jadual ke-9 Senarai Persekutuan dan Senarai Kerajaan Negeri, Senarai 2, Perenggan 2 dan 3. Menurut Perlembagaan Persekutuan, tanggungjawab JAS meliputi kawalan alam sekitar terhadap sektor perniagaan, perdagangan dan industri, perkapalan dan perhubungan/pengangkutan termasuk pencemaran di laut. Manakala tanggungjawab JPAS adalah mengawal alam sekitar yang meliputi sektor pembangunan tanah, pertanian dan perhutanan. Dari segi persamaan pula, JAS dan JPAS merupakan dua jabatan yang bertanggungjawab mencegah pencemaran alam sekitar kesan daripada perindustrian seperti pelepasan asap dan bahan buangan berbahaya, penghasilan bunyi yang kuat dan pembuangan bahan berjadual antaranya seperti sisa aluminum oksida, sisa minyak hitam, komponen komputer yang tidak dipakai dan sisa plumbum yang boleh mencemarkan alam sekitar. Selain itu, kesan aktiviti pembangunan juga dikawal untuk mengelakkan kemusnahan alam sekitar seperti pembangunan di kawasan sensitif antaranya kawasan tebing sungai, bukit dan gunung, kawasan tinggi melebihi 25 darjah dan kawasan yang dianggap berbahaya. Untuk tujuan melindungi alam sekitar langkah-langkah pengurangan dan pencegahan pencemaran alam sekitar akibat aktiviti pembangunan tanah telah ditetapkan dalam Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005. Antara aktiviti pembangunan tanah yang perlu dikawal adalah seperti pembalakan, pertanian, kuari dan pembangunan tempat peranginan dan rekreasi. Bagi tujuan

perlindungan dan pembangunan alam sekitar, pada tahun 2007 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta kepada JPAS.

## **15. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada aktiviti perlindungan alam sekitar telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan baik dan efektif supaya semua aktiviti pembangunan tanah yang boleh menjaskan alam sekitar dapat dibendung dan dipantau sewajarnya dan pencemaran adalah di tahap minimum.

## **16. SKOP PENGAUDITAN**

Skop kajian adalah terhadap penguatkuasaan aktiviti perlindungan alam sekitar oleh JPAS. Kajian yang dijalankan adalah ditumpukan kepada pembangunan tanah yang dikawal oleh JPAS bagi tahun 2005 hingga 2007 seperti aktiviti pertanian (getah dan sawit), kuari (pasir dan batu), pembalakan dan pembangunan tempat peranginan serta rekreasi (golf dan resort).

## **17. KAEADAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap fail, laporan bulanan dan tahunan, minit mesyuarat, buletin tahunan dan rekod kewangan. Selain itu, lawatan ke kawasan pertanian, kuari, pembalakan dan pembangunan tempat peranginan serta rekreasi di Kota Kinabalu, Lahad Datu, Kinabatangan, Kota Marudu, Keningau dan Pitas dijalankan. Analisis terhadap data berkaitan juga telah dibuat selain temu bual dengan pegawai serta orang awam.

## **18. PENEMUAN AUDIT**

### **18.1 PERANCANGAN**

Isu alam sekitar menjadi bertambah penting dengan meningkatnya kesedaran terhadap pentingnya alam sekitar kepada kehidupan harian masyarakat. Oleh itu, perancangan terhadap perlindungan alam sekitar perlu diberi perhatian sewajarnya.

#### **18.1.1 Dasar Kerajaan**

Dasar Alam Sekitar Negara adalah untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Kesedaran terhadap kepentingan melindungi alam sekitar di negara ini bermula pada tahun 1972 selepas *Stockholm Conference* di Jerman pada bulan Jun 1972 yang membincangkan perlunya pengurusan alam sekitar yang mampan. Melihat kepada isu kepentingan pemeliharaan alam sekitar, maka Kerajaan Malaysia telah mewujudkan undang-undang khas yang dinamakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Pada tahun 1992 pula, satu persidangan dunia mengenai alam sekitar telah diadakan di Negara Brazil yang dinamakan *Convention Biological Diversity 1992 (Rio Declaration on Environment – 27 Principles)*. Selepas persidangan tersebut Kerajaan Malaysia telah merangka polisi alam sekitar yang dikenali sebagai

*Malaysian National Conservation Strategy 1992- 12 strategies.* Seiring dengan polisi kebangsaan, Kerajaan Negeri telah menggubal dasar alam sekitar peringkat Negeri Sabah yang dinamakan *Sabah Conservation Strategy 1992*. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi untuk memulihara dan melindungi alam sekitar negeri supaya sentiasa terpelihara daripada kemasuhan dan pencemaran. Strategi yang dirangka adalah seperti **perancangan, penilaian, penguatkuasaan, pengawalan, pembangunan, pendidikan dan pengembangan serta pengurusan maklumat alam sekitar**.

#### **18.1.2 Perundangan Dan Peraturan**

Undang-undang berkaitan alam sekitar di negara ini antara lain terdiri daripada Perlembagaan Persekutuan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, *Environmental Quality (Licensing) Regulations 1977*, *Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 1989* dan *Sarawak Natural Resources And Environment (Prescribed Activities) Order 1994*. Bagi Negeri Sabah, kawalan pembangunan tanah dikuatkuasakan melalui Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005.


Bagi menyokong pelaksanaan polisi Kerajaan Negeri terhadap alam sekitar, pada tahun 1996 undang-undang khas telah digubal dan dinamakan Enakmen Konservasi Alam Sekitar Negeri Sabah 1996. Seterusnya pada tahun 2002, enakmen tersebut disemak semula dan dinamakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002. Serentak dengan semakan semula Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996, Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005 juga telah disemak semula dan dikuatkuasakan pada 3 Januari 2006. Di dalam Perintah Perlindungan Alam Sekitar 2005, sebanyak 12 aktiviti pembangunan tanah perlu dikawal iaitu pembangunan tanah untuk tujuan pertanian, perhutanan, estet perumahan, komersial dan perindustrian, pengaliran dan saliran, penebusgunaan tanah, perikanan dan akuakultur, perlombongan, penjanaan kuasa, kuari, pembangunan tempat peranginan dan rekreasi, bekalan air serta semua aktiviti yang boleh merosakkan atau mempunyai kesan sampingan ke atas kualiti alam sekitar.

#### **18.1.3 Garis Panduan**

JPAS telah menyediakan garis panduan yang dinamakan *Handbook On Environmental Impact Assessment In Sabah* bagi tujuan penyediaan laporan EIA atau PMM (*Proposal for Mitigation Measures*) untuk 12 aktiviti yang ditetapkan dalam Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005 bagi memudahkan perunding alam sekitar yang dilantik oleh pemaju projek menyediakan laporan EIA atau PMM. Selain itu, JPAS juga ada menyediakan garis panduan khas bagi 4 daripada 12 aktiviti tersebut iaitu garis panduan penyediaan laporan EIA untuk aktiviti pembalakan yang dikenali sebagai *Environmental Impact Assessment (EIA) Guidelines for Logging and Forest Clearance Activities*, garis panduan penyediaan laporan EIA untuk penanaman kelapa sawit yang dikenali sebagai *Environmental Impact Assessment Impact (EIA) Guidelines for Oil*

*Palm Plantation Development*, garis panduan pembangunan di lereng bukit yang dikenali sebagai *Environmental Impact Assessment (EIA) Guidelines for Construction on Hillslopes* dan garis panduan aktiviti kuari dan pengambilan pasir yang dinamakan sebagai *Environmental Impact Assessment (EIA) Guidelines for River Sand And Sand Mining*. Proses aliran kerja penerimaan laporan EIA dan PMM adalah seperti di **Carta 8**.

**Carta 8**  
**Proses Aliran Kerja Penerimaan EIA Dan PMM**



Sumber Rekod : Manual Prosedur Kerja, JPAS

Selain garis panduan tersebut, JPAS juga menyediakan manual khas bagi penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan yang dikenali sebagai *Environmental Investigation, Administrative Enforcement and Prosecution Manual*. Di samping itu, JPAS ada menyediakan Manual Prosedur Kerja (MPK) yang menerangkan secara terperinci setiap proses kerja bagi setiap aktiviti yang akan dilaksanakan, antaranya pengendalian aduan awam berhubung alam sekitar, pengeluaran notis, pengeluaran tawaran kompaun, penyiasatan kesalahan berkenaan alam sekitar, pengendalian

laporan kepada polis, proses kerja penyitaan peralatan rampasan dan cara penyimpanannya serta proses penyenggaraan peralatan.

#### 18.1.4 Penguatkuasaan

Aspek penguatkuasaan dalam perlindungan alam sekitar amat penting bagi memastikan kerosakan atau pencemaran tidak berlaku atau tahap kerosakan dan pencemaran di tahap yang minimum. Oleh yang demikian, pencegahan awal melalui penguatkuasaan dan pemantauan berterusan diperlukan. Antara fungsi Penguatkuasa JPAS adalah seperti membuat pemeriksaan di lapangan dari semasa ke semasa, membuat pemeriksaan segera sekiranya didapati banyak syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi, mengadakan pemantauan dari udara bagi projek yang mendapat kelulusan EIA dan mengeluarkan surat peringatan, notis pemberhentian projek atau pun tawaran kompaun sekiranya terdapat perlanggaran syarat alam sekitar. Bagaimanapun, norma tugas bagi setiap pegawai penguatkuasa tidak ditentukan.

#### 18.1.5 Piagam Pelanggan

Kelulusan laporan EIA, PMM dan tindakan menangani aduan awam perlu diproses dengan cepat dan telus bagi memenuhi kehendak pelanggan selain mematuhi sistem penyampaian. Tujuannya adalah untuk meyakinkan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu, JPAS perlu menyediakan piagam pelanggan yang jelas, tepat dan tetap agar setiap permohonan dan kelulusan EIA atau PMM serta tindakan menangani aduan awam dapat diproses mengikut tempoh masa yang ditetapkan bagi mengelakkan kelewatan. Piagam pelanggan JPAS adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Piagam Pelanggan Kelulusan EIA, PMM Dan Aduan Awam**

Bil.	Piagam	Tempoh Masa Memproses ( Bil. Hari Bekerja)
i.	<i>Scoping Note</i>	14
ii.	<i>Terms of Reference (TOR)- Biasa</i> - Khas	28 61
iii.	Laporan EIA/PMM – Biasa - Khas	58 91
iv.	Aduan Awam	1 bulan dari tarikh aduan diterima

Sumber Rekod: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

#### 18.1.6 Pelantikan Perunding Alam Sekitar

Seksyen 48, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 menetapkan Jawatankuasa Pendaftar Perunding Alam Sekitar hendaklah ditubuhkan dan berfungsi untuk mengawal selia pendaftaran perunding alam sekitar di Negeri Sabah. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar sebagai Pengurus. Manakala ahli-ahlinya adalah Peguam Besar Negeri atau wakilnya dan Pengarah JPAS selaku setiausaha. Mengikut Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002, perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS sahaja yang boleh menyediakan laporan EIA atau PMM bagi pihak pemaju projek. Selain itu, perunding alam sekitar mestilah memiliki sijil praktis yang dikeluarkan oleh

JPAS dan sah dalam tempoh dua tahun. Buku Daftar Perunding Alam Sekitar juga hendaklah diselenggara untuk merekodkan nama syarikat dan individu yang berdaftar sebagai perunding alam sekitar.

#### **18.1.7 Kawalan Pembangunan Tanah**

Aktiviti pembangunan tanah perlu dikawal secara menyeluruh berpandukan perundangan yang berkuatkuasa bagi menjamin kualiti alam sekitar. Untuk itu, pemaju dikehendaki menjalankan kajian EIA atau PMM sebelum memulakan projek yang melibatkan pembangunan tanah. Pemaju akan melantik perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS untuk melaksanakan kajian EIA atau PMM. Laporan mengenainya akan dikeluarkan dengan menyatakan kesan pembangunan terhadap alam sekitar. Sekiranya diluluskan oleh JPAS, satu perjanjian akan ditandatangani antara pemaju dengan JPAS. Antara syarat perjanjian adalah pemaju mengemukakan laporan pematuhan secara berkala kepada JPAS yang seterusnya akan menilai laporan tersebut. Kawalan pembangunan tanah menggunakan dua kaedah iaitu berdasarkan laporan EIA dan laporan PMM. Kawalan pembangunan tanah adalah bergantung kepada keluasan tanah yang hendak dibangunkan seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005. Keterangan lengkap adalah seperti di **Lampiran I**.

#### **18.1.8 Keperluan Lojistik**

Lojistik merupakan peralatan sokongan untuk melicinkan pelaksanaan perancangan. Antara peralatan lojistik yang perlu adalah seperti kenderaan, komputer, alat pengukur pencemaran, kemudahan makmal dan peralatan sokongan lain yang berkaitan. Peralatan lojistik perlu disediakan secukupnya supaya perancangan aktiviti alam sekitar dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. JPAS ada menyediakan anggaran perbelanjaan dan justifikasi yang lengkap mengenai keperluan lojistik untuk aktiviti perlindungan alam sekitar berjumlah RM77,080 dan RM69,610 masing-masing untuk tahun 2006 dan 2007. Antara peralatan yang hendak dibeli adalah seperti *Global Positioning System (GPS)*, komputer dan botol untuk persampelan. Dari aspek penyenggaraan, JPAS ada menyediakan jadual penyenggaraan bagi alat pemantau tahap pencemaran udara. Jadual penyenggaraan bagi peralatan lain seperti kenderaan, komputer, meter pengukur bunyi, alat pengukur suhu dan kelembapan serta GPS tidak disediakan. Berikut adalah antara peralatan lojistik yang dirancang untuk dibeli bagi tahun 2007.

**Jadual 35**  
**Perolehan Lojistik Yang Dirancang Untuk Dibeli**  
**Bagi Tahun 2007**

Bil.	Jenis	Kos (RM)
1.	4 buah Kenderaan <i>(Token Vote)</i>	10
2.	Peralatan saintifik yang terkini (GPS dll.)	10,000
3.	15 Unit Komputer	15,000
4.	1 unit Lap Top	7,000
5.	Scanner, DVD/CD dan Printer	8,000
6.	40 unit botol air 2 liter untuk sampel.	720
7.	150 unit botol air 1 liter (glass amber)	3,300
<b>Jumlah</b>		<b>44,030</b>

Sumber : Rekod Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah

### 18.1.9 Keperluan Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting untuk memastikan segala yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual dan keperluan. JPAS ada menyediakan anggaran perbelanjaan pembangunan dan pengurusan termasuk penguatkuasaan dan pemantauan. Bagi tahun 2005 hingga 2007, peruntukan perbelanjaan bagi maksud pengurusan alam sekitar adalah berjumlah RM2.27 juta. Manakala peruntukan pembangunan untuk perlindungan alam sekitar adalah RM4.5 juta bagi tempoh yang sama. Selain itu, JPAS juga ada menerima 2 jenis hasil iaitu kompaun dan fi pemprosesan bagi keperluan EIA/PMM.

- a) Mengikut Kaedah-Kaedah Perlindungan Alam Sekitar (Fi Alam Sekitar) 2005, kompaun yang dibayar akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Kerajaan Negeri. Manakala terimaan daripada Fi Alam Sekitar akan dimasukkan ke dalam Tabung Perlindungan Alam Sekitar sebagai akaun amanah seperti mana kehendak Seksyen 21, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002. Tabung Perlindungan Alam Sekitar tersebut akan dibelanjakan bagi maksud seperti berikut:
  - i. Penyediaan dan pelaksanaan pelan tindakan alam sekitar.
  - ii. Perbelanjaan yang ditanggung dalam menubuhkan, melindungi, memulihara dan mengurus kawasan-kawasan perlindungan alam sekitar.
  - iii. Penyelidikan dan pembangunan berhubung dengan langkah-langkah perlindungan alam sekitar.
  - iv. Kerja-kerja penyiasatan ke atas alam sekitar.
  - v. Apa-apa kerja yang perlu akibat daripada kewujudan atau kemungkinan berlaku bahaya terhadap alam sekitar dan pencemaran.

- b) Mengikut Kaedah-Kaedah Perlindungan Alam Sekitar (Fi Alam Sekitar) 2005, jenis dan kadar terimaan fi adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Fi Alam Sekitar Seperti Yang Diwartakan Di Bawah**  
**Kaedah-Kaedah Perlindungan Alam Sekitar (Fi Alam Sekitar) 2005**

Bil.	Jenis-Jenis Fi Yang Dibayar	Amaun (Rm)
1.	Pendaftaran Pakar	500 setahun
2.	Sijil Amalan Untuk Pakar	200 setahun
3.	Pendaftaran Perunding Alam Sekitar	2,000 setahun
4.	Sijil Amalan Perunding Alam Sekitar	500 setahun
5.	Pemprosesan Kajian Terma Rujukan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Biasa)	200 seunit/projek
6.	Pemprosesan Kajian Terma Rujukan Penilaian Kesan Alam Sekitar (Khas)	500 seunit/projek
7.	Pemprosesan Cadangan Langkah-langkah Pengurangan (PMM)	100 seunit/projek
8.	Pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar – EIA (Biasa)	1,000 seunit/projek
9.	Pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar – EIA (Khas)	2,000 seunit/projek

Sumber Rekod: Kaedah-Kaedah Perlindungan Alam Sekitar (Fi Alam Sekitar) 2005

#### 18.1.10 Kempen Kesedaran

Bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap pentingnya menjaga alam sekitar, JPAS perlu merancang untuk mengadakan kempen kesedaran sama ada melalui akhbar tempatan atau media elektronik supaya orang awam akan peka dan sedar mengenai tanggungjawab mereka untuk menjaga alam sekitar. JPAS tidak menyediakan perancangan tahunan kempen kesedaran tetapi bergantung kepada keperluan semasa.

#### 18.1.11 Aduan Awam

Aduan awam merupakan salah satu sumber maklumat yang berguna kepada JPAS untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar. Oleh yang demikian, JPAS ada menyediakan proses kerja dan menyelenggarakan daftar aduan awam. Aduan awam terdiri daripada aduan lisan dan aduan bertulis. Proses aliran kerja aduan awam adalah seperti di **Carta 9**.

**Carta 9**  
**Carta Aliran Menangani Aduan Awam**



Sumber Rekod: Fail Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2000, JPAS.

#### 18.1.12 Modal Insan


Modal Insan adalah elemen penting dalam menjayakan sesuatu aktiviti untuk mencapai objektif yang dirancang.

##### a) Keperluan Guna Tenaga

Struktur organisasi lengkap mestilah menunjukkan hierarki kedudukan kakitangan, jenis bahagian yang wujud dan jawatan yang diisi. Semasa penyemakan semula Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996, struktur organisasi juga diambilkira dengan menyediakan justifikasi lengkap yang menerangkan keperluan modal insan yang hendak digunakan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 secara efisien dan efektif. Perancangan terhadap keperluan guna tenaga telah diambil kira semasa semakan undang-undang dan penstrukturran organisasi dibuat pada tahun 2001 dan 2006. Bagaimanapun, norma

kerja penguatkuasaan setiap pegawai penguatkuasa tidak dirancang. Jumlah perjawatan yang diluluskan bagi tahun 2007 adalah masing-masing 35 dan 51 jawatan. Struktur perjawatan JPAS adalah seperti di **Carta 10**.

**Carta 10**  
**Struktur Organisasi JPAS**



Sumber Rekod : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah.

#### b) Latihan

Modal insan amat penting untuk memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dan mencapai tujuannya. Bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran, JPAS perlu merancang keperluan latihan terutama yang melibatkan *core business* dan perkara berkaitan pengurusan kewangan aktiviti alam sekitar. Pada tahun 2006 dan 2007, JPAS merancang untuk menghantar masing-masing seramai 42 dan 41 kakitangan berkursus melibatkan 48 dan 53 kursus dalam

bidang yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar termasuk kursus pengurusan kewangan.

#### **18.1.13 Kaedah Pemantauan**

Pemantauan terhadap aktiviti perlindungan alam sekitar perlu diberikan tumpuan supaya tidak berlaku perlanggaran syarat dan jika berlaku perlu diambil tindakan sewajarnya. Mekanisme pemantauan meliputi mewujudkan jawatankuasa pemantau peringkat nasional dan negeri. Selain itu, kaedah pemantauan terhadap perlindungan alam sekitar di peringkat JPAS juga perlu diwujudkan supaya pemantauan alam sekitar peringkat negeri berjalan dengan efisien dan efektif.

Di peringkat nasional, JPAS adalah ahli tetap Jawatankuasa Majlis Kualiti Alam Sekitar yang berfungsi melaporkan keadaan dan pembangunan alam sekitar negeri. Selain itu, selaku ahli kepada jawatankuasa peringkat nasional, JPAS hendaklah merangka pelan tindakan pencegahan pencemaran di laut. Antara tindakan yang boleh diambil adalah membuat rondaan berkala di persisiran pantai negeri dan persekutuan terutama di bahagian pantai Wilayah Persekutuan Labuan, Kota Kinabalu dan Sandakan kerana ia merupakan tumpuan kapal-kapal dagang dan minyak. Manakala di peringkat Negeri, Jawatankuasa Tindakan Alam Sekitar (EAC) adalah berfungsi meluluskan cadangan program dan projek berkaitan alam sekitar, memantau pelaksanaan program dan projek berkaitan alam sekitar yang diluluskan. EAC juga dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali dalam setahun. Seksyen 3, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 pula menghendaki satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Majlis Perlindungan Alam Sekitar ditubuhkan dan fungsinya adalah menasihati Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan alam sekitar. Manakala pada peringkat JPAS pula pemantauan alam sekitar adalah melalui semakan terhadap laporan *Environment Compliance Report (ECR)* daripada pemaju projek dan aduan awam.

**Pada pandangan Audit, perancangan aktiviti perlindungan alam sekitar adalah baik di mana dasar alam sekitar adalah jelas, undang-undang disemak semula serta dikemas kini dan garis panduan bagi 12 aktiviti disediakan. Selain itu, MPK yang disediakan mengandungi perkara antaranya berhubung penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar. Bagaimanapun, norma kerja dan jadual lawatan penguatkuasaan tidak ditetapkan.**

## **18.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan aktiviti perlindungan alam sekitar yang jitu dan baik memberikan impak yang positif kepada alam sekitar dan menjadi pengukur kepada perancangan.

### **18.2.1 Dasar Alam Sekitar Negeri**

Semakan Audit mendapati JPAS telah merangka misi untuk *mengekalkan alam sekitar supaya bersih, sihat dan selamat untuk kehidupan yang berkualiti*. Manakala visi JPAS pula adalah *menjadikan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar sebagai suatu organisasi yang unggul ke arah mencapai pengurusan alam sekitar yang mampan*. Selain itu, objektif JPAS juga merangkumi perancangan, pengurusan, pembangunan dan pengeksplotasian sumber alam semulajadi untuk mendukung dasar Kerajaan Negeri dalam memelihara dan melindungi alam sekitar peringkat negeri.

**Pada pendapat Audit, JPAS telah merangka misi, visi dan objektifnya selari dengan dasar Kerajaan Negeri.**

### **18.2.2 Perundangan**

Dari aspek perundangan, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah sewajarnya dengan menyemak semula Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan digantikan dengan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 serta disesuaikan dengan keadaan semasa dan telah dikuatkuasakan pada bulan Januari 2006. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 dan 2007, JPAS telah mengenakan kompaun di bawah Seksyen 58, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 terhadap 8 syarikat dengan jumlah kompaun sebanyak RM75,000. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit pada akhir Januari 2008, mendapati 2 daripada 8 syarikat yang dikompaun tersebut masih mengulangi kesalahan yang sama iaitu syarikat tersebut tidak menyediakan *washing bay* untuk membersihkan kenderaan sebelum memasuki jalan awam, tidak menyediakan kawalan hakisan tanah dan sedimentasi serta sisa minyak tidak diurus dengan sempurna. Selain itu, sisa bahan pepejal juga dibuang di sekitar rumah pekerja namun tindakan kompaun tidak diambil.

**Pada pendapat Audit, peruntukan undang-undang adalah mencukupi. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan Audit bersama-sama pegawai JPAS, 2 syarikat yang telah dikompaun melakukan kesalahan berulang tetapi tidak dikompaun.**

### **18.2.3 Garis Panduan**

Garis panduan penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan EIA dan PMM telah disediakan dengan komprehensif bagi 12 aktiviti yang ditetapkan pada Jadual Pertama dan Kedua dalam Perintah Perlindungan Alam Sekitar (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2005. Semakan Audit mendapati penyediaan laporan EIA dan PMM telah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, penyediaan laporan EIA dan PMM telah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.**

#### **18.2.4 Penguatkuasaan**

Aspek penguatkuasaan dalam perlindungan alam sekitar amat penting bagi memastikan kerosakan dan pencemaran berada di tahap yang minimum. Semakan Audit terhadap dokumen dan pemeriksaan fizikal yang dijalankan di kawasan terpilih mendapati aspek penguatkuasaan oleh JPAS adalah lemah kerana pegawai penguatkuasa tidak membuat lawatan balas (lawatan kedua) terhadap 206 projek selepas laporan EIA/PMM. Selain itu, pemeriksaan Audit ke tapak projek pada 2 hingga 30 November 2007 dan 14 hingga 18 Januari 2008 mendapati banyak syarat perjanjian alam sekitar tidak dipatuhi oleh pemaju projek antaranya pengurusan sisa pepejal tidak diurus dengan baik, penandaan kawasan riparian tidak dilaksanakan, jarak penanaman pokok kelapa sawit dan getah terlalu hampir dengan tebing sungai dan tidak mematuhi syarat iaitu 10 – 20 meter, kedudukan kem balak terlalu hampir dengan sungai, minyak tumpah ke tanah, kolam mendapan tidak dibina dan tahap kandungan air *Turbidity* (NTU) adalah tinggi iaitu 84 berbanding 50 yang dibenarkan oleh *Interim National Water Quality Standards (Class IIB)*.

**Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap perlindungan alam sekitar adalah tidak memuaskan.**

#### **18.2.5 Piagam Pelanggan**

*Scoping Note, Terms of Reference (TOR)*, laporan EIA dan PMM perlu diproses untuk kelulusan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam piagam pelanggan supaya sistem penyampaian lebih telus dan memenuhi kehendak pelanggan/pemaju projek. Tujuannya adalah untuk meyakinkan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Semakan Audit mendapati, JPAS mengambil tempoh yang lama untuk memproses *Scoping Note, TOR*, laporan PMM dan laporan EIA. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 37**.

**Jadual 37**  
**Tempoh Kelewatan Memproses**

Bil.	Perkara	Tempoh Masa Memproses Yang Ditetapkan ( Bil. Hari Bekerja)	Tempoh Masa Sebenar Memproses	Bilangan Sampel Audit	Jumlah Kes Lewat	Tempoh Kelewatan
i.	Scoping Note	14	1 - 83 hari	11	8	1 - 69 hari
ii.	TOR - Biasa - Khas	28 61	6 hari - 28 bulan	26	5	1 hari - 27 bulan
iii.	Laporan PMM - Biasa - Khas	58 91	48 - 88 hari	4	-	-
iv.	Laporan EIA - Biasa - Khas	58 91	13 hari – 40 bulan	26	18	1 hari-37 bulan

Sumber Rekod: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar.

Hasil temu bual Audit dengan pegawai yang bertanggungjawab mendapati antara sebab kelewatan memproses ini berlaku adalah kerana maklumat yang diberikan oleh pemaju tidak lengkap. Maklum balas daripada pemaju terhadap maklumat yang tidak lengkap contohnya seperti lokasi, pelan dan ukuran kawasan lewat dikemukakan. Selain itu, maklum balas dari Agensi Kerajaan lain seperti Jabatan Tanah Dan Urus, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah juga lewat diterima. Selepas teguran pihak Audit, JPAS telah memperkenalkan senarai semak bagi memastikan maklumat yang diperlukan semasa perunding alam sekitar mengemukakan Scoping Note, TOR, PMM dan EIA adalah mencukupi. Sekiranya terdapat maklumat tambahan yang diperlukan, maka pemaju atau perunding alam sekitar perlu mengemukakannya dalam tempoh 14 hari. Sekiranya gagal, permohonan tersebut akan ditolak. Tujuan peraturan ini dilaksanakan adalah untuk mengelakkan daripada proses kelulusan yang terlalu lama sehingga menyebabkan kelewatan.

**Pada pendapat Audit, kaedah yang diperkenalkan oleh JPAS untuk menangani masalah kelewatan adalah baik.**

#### **18.2.6 Syarikat Perunding Alam Sekitar**

Mengikut Seksyen 50, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 menghendaki “*tiada seorang pun boleh menyerahkan mana-mana laporan penilaian kesan alam sekitar melainkan laporan tersebut telah disediakan oleh perunding alam sekitar yang memegang sijil praktis yang sah*”. Semakan Audit terhadap Buku Daftar Perunding Alam Sekitar mendapati sebanyak 34 syarikat perunding alam sekitar telah berdaftar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 syarikat perunding alam sekitar memiliki sijil praktis yang sah dan 4 syarikat sedang menunggu kelulusan pembaharuan sijil pendaftaran, manakala sebuah lagi syarikat perunding alam sekitar dibatalkan pendaftarannya oleh Jawatankuasa Penilai kerana gagal memperbaharui lesen

selepas 2 surat peringatan dikeluarkan. Seterusnya, semakan Audit mendapati daftar diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Syarikat Perunding Alam Sekitar yang dilantik mengemukakan satu laporan kepada JPS untuk memastikan bahawa pemaju projek mematuhi syarat-syarat alam sekitar yang ditetapkan. Penyediaan ECR adalah dicaj berasingan daripada bayaran penyediaan laporan EIA atau PMM. Semakan Audit terhadap rekod laporan ECR mendapati prestasi pemaju projek dalam mengemukakan laporan ECR adalah memuaskan. Pada tahun 2007 sebanyak 68 laporan EIA dan 16 laporan PMM telah diluluskan. Daripada 84 laporan tersebut sebanyak 63 pemaju telah mengemukakan laporan ECR mengikut tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, sebanyak 12 pemaju gagal mengemukakan laporan ECR dan 9 lewat mengemukakan laporan ECR antara 1 hingga 5 bulan. Kesalahan ini melanggar syarat perjanjian alam sekitar dan bercanggah dengan Seksyen 51, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 yang boleh membawa hukuman denda sehingga RM100,000. Antara punca laporan ECR gagal atau lewat dikemukakan adalah kerana syarikat Perunding Alam Sekitar lewat menerima bayaran daripada pemaju. Oleh yang demikian, JPAS perlu mengkaji semula peraturan di mana bayaran laporan ECR perlu dicaj bersama bayaran laporan EIA atau PMM. Senarai pemaju yang lewat atau gagal mengemukakan ECR adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Senarai Pemaju Yang Lewat Atau Gagal Mengemukakan ECR**

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh AEC	Bulan ECR Perlu Dikemukakan (2007)												ECR Terkini (Bulan)	Lewat	Tidak Hantar	
			1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12				
1.	P.O.I.C Sabah S/B	08/01/07			✓			✓			✓				✓	Mei, Jul.	✓	
2.	Srijaya Industri S/B	23/01/07					✓				✓					-		✓
3.	Supernesa S/B	23/01/07				✓			✓			✓				Ogos	✓	
4.	En. Voo Hein Min @ John Voo	09/02/07				✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	Sept.	✓	
5.	Superwood Sawmill (S) S/B	27/02/07						✓				✓				-		✓
6.	Lamasa S/B	28/02/07					✓			✓			✓			Julai	✓	
7.	Asiatic Lumber Industries S/B	02/03/07						✓				✓				-		✓
8.	Srijaya Industri S/B	02/03/07					✓				✓					Julai	✓	
9.	Asiatic Development Bhd.	06/03/07						✓				✓				Ogos	✓	
10.	Innokinta S/B	05/03/07							✓				✓			Okt.	✓	
11.	Srijaya Industri S/B	13/03/07							✓				✓			-		✓
12.	Corporate Jubilee S/B	23/03/07						✓				✓				Ogos	✓	
13.	Asiatic Lumber Industries S/B	23/03/07							✓				✓			-		✓
14.	Sandaway S/B	23/03/07						✓			✓			✓		-		✓
15.	Gracemart Resources S/B	30/03/07						✓			✓			✓		-		✓
16.	Capricom Resources S/B	30/03/07							✓				✓			-		✓
17.	Perunding Pertama	02/04/07							✓				✓			-		✓
18.	Kretam Holdings Berhad	14/09/07										✓	✓	✓		-		✓
19.	Sam Hing Construction (Jurutera Perunding Kinakota (M) S/B)	24/04/07						✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	Sept., Okt.	✓	
20.	Borneo Sook (Dapatsaba S/B)	09/05/07								✓				✓		-		✓
21	Sedcovest Holdings S/B	17/05/07								✓			✓			-		✓
<b>Jumlah</b>															<b>9</b>	<b>12</b>		

Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

Nota: AEC = Agreement Environment Conditions

**Pada pendapat Audit, prestasi pemaju projek dalam mengemukakan laporan ECR adalah memuaskan iaitu sebanyak 63 pemaju daripada 84 atau 75% telah mengemukakan ECR. Bagaimanapun, peringatan dan tindakan hendaklah diambil terhadap 21 pemaju yang lewat atau gagal mengemukakan laporan ECR.**

### 18.2.7 Kawalan Pembangunan Tanah

Pada tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 213 laporan EIA dan 38 laporan PMM telah diterima oleh JPAS daripada pemaju projek untuk kelulusan bagi pembangunan tanah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 173 laporan EIA dan 33 laporan PMM telah diluluskan dan selebihnya ditolak kerana tidak mematuhi peraturan kawalan pembangunan tanah. Jumlah EIA dan PMM yang diterima dan diluluskan dalam tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 39** dan **Jadual 40**.

**Jadual 39**

**Kelulusan EIA Biasa Mengikut Aktiviti Bagi Tahun 2005 Hingga Tahun 2007**

Bil.	Jenis Aktiviti	Tahun						Jumlah	
		2005		2006		2007			
		T	L	T	L	T	L	T	L
1.	Pemajuan Akuakultur	0	0	1	0	0	0	1	0
2.	Pengambilan Batu/Pasir	3	4	5	2	8	6	16	12
3.	Pemajuan Kawasan Industri	2	0	2	2	0	1	4	3
4.	Pembinaan Jalan Raya	1	0	1	3	6	2	8	5
5.	Perusahaan Kuari	7	6	10	5	6	8	23	19
6.	Perhutanan	22	20	22	25	16	14	60	59
7.	Pemajuan Kawasan Pertanian	1	1	3	0	14	6	18	7
8.	Pemajuan Kawasan Perumahan	4	4	3	3	4	3	11	10
9.	Pembinaan Jeti/Pelabuhan	2	1	0	0	0	0	2	1
10.	Pemajuan Kawasan Pelancongan	1	1	4	4	5	4	10	9
11.	Kerja-kerja Tanah	2	5	12	1	17	13	31	19
12.	Penebusgunaan Tanah	0	1	1	0	0	2	1	3
13.	Pembinaan Empangan	4	1	0	1	0	3	4	5
14.	Pemajuan Kawasan Komersil	8	6	1	5	4	2	13	13
15.	Perlادangan Hutan	0	1	1	0	2	3	3	4
16.	Pengairan Dan Saliran	0	0	1	0	0	0	1	0
17.	Pelbagai Aktiviti Di Bawah Seksyen 5A(1)	1	1	0	0	0	0	1	1
18.	Pelbagai Aktiviti Di Bawah Seksyen 13	0	0	1	0	1	0	2	0
19.	Pelbagai Aktiviti Di Bawah Seksyen 14	0	0	0	0	2	1	2	1
20.	Perhutanan Dan Perlادangan Hutan (EIA Khas)	2	2	0	0	0	0	2	2
<b>Jumlah</b>		<b>60</b>	<b>54</b>	<b>68</b>	<b>51</b>	<b>85</b>	<b>68</b>	<b>213</b>	<b>173</b>

Sumber: Bahagian Penilaian, JPAS

Petunjuk: T(terima), L(lulus)

**Jadual 40**  
**Kelulusan PMM Mengikut Aktiviti Bagi Tahun 2005 Hingga Tahun 2007**

Bil.	Jenis Aktiviti	Tahun						Jumlah	
		2005		2006		2007			
		T	L	T	L	T	L	T	L
1.	Pemajuan Kawasan Industri	0	0	1	1	0	0	1	1
2.	Pemajuan Kawasan Pertanian	0	0	12	10	3	4	15	14
3.	Pemajuan Kawasan Perumahan	0	0	5	0	4	3	9	3
4.	Pemajuan Kawasan Pelancongan	0	0	4	3	3	4	7	7
5.	Pemajuan Kawasan Komersil	0	0	1	1	2	4	3	5
6.	Perhutanan	0	0	1	1	0	0	1	1
7.	Perlادangan Hutan	0	0	0	0	1	0	1	0
8.	Jeti	0	0	0	1	0	1	0	2
9.	Infrastruktur	0	0	0	0	1	0	1	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>0</b>	<b>24</b>	<b>17</b>	<b>14</b>	<b>16</b>	<b>38</b>	<b>33</b>

Sumber: Bahagian Penilaian, JPAS

Petunjuk: T(terima), L(lulus)

Analisis Audit terhadap **Jadual 39 dan 40 di atas** mendapati rekod yang diselenggara adalah tidak teratur dan tidak kemas kini kerana terdapat permohonan laporan EIA yang diterima adalah kurang jika dibandingkan dengan laporan EIA yang diluluskan.

**Pada pendapat Audit, kaedah kawalan pembangunan tanah untuk penyediaan laporan EIA dan PMM adalah memuaskan kecuali data dan rekod yang disediakan adalah tidak teratur dan tidak kemas kini.**

#### 18.2.8 Lojistik

Lojistik merupakan peralatan sokongan untuk melicinkan pelaksanaan perancangan. Antara peralatan lojistik yang perlu adalah seperti kenderaan, komputer, alat pengukur pencemaran, kemudahan makmal dan peralatan sokongan yang berkaitan dengan penguatkuasaan. Semakan Audit pada tahun 2007 mendapati, JPAS telah membeli peralatan antaranya 190 botol untuk persampelan, sebanyak 9 unit kamera digital, 16 unit kamera biasa, 20 unit GPS dan 13 unit Suunto Tandem (ukur kecerunan). Bagaimanapun, permohonan JPAS untuk tambahan kenderaan tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

**Pada pendapat Audit, peralatan kelengkapan telah disediakan dengan baik dan mencukupi.**

#### 18.2.9 Prestasi Kewangan

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah perlu untuk memastikan segala yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual dan keperluan. Pada tahun 2005 hingga 2007 sejumlah RM2.27 juta telah diperuntukkan bagi maksud perbelanjaan pemeriksaan dan pemantauan alam sekitar. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.93 juta telah dibelanjakan termasuk bayaran eluan perjalanan urusan rasmi kakitangan. Pada tahun 2006 dan 2007, JPAS telah mengutip hasil masing-masing

sejumlah RM13,000 dan RM62,000 terhadap 8 buah syarikat kerana melanggar syarat perjanjian alam sekitar. Manakala pada tahun 2005, tidak ada kompaun dipungut.

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan berkaitan alam sekitar adalah baik.**

#### **18.2.10 Kempen Kesedaran**

Bagi meningkatkan tahap kesedaran orang awam terhadap pentingnya pemeliharaan alam sekitar kepada kehidupan harian, JPAS telah mengadakan pelbagai kempen kesedaran kepada masyarakat seperti mengadakan Majlis Pelancaran Sabah *Environment Education Network*, Program Sekolah Rakan Alam Sekitar (SERASI) sempena Minggu Alam Sekitar 2005, Seminar Kesedaran mengenai Perundungan Alam Sekitar untuk Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan, Agensi Kerajaan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan. JPAS telah mengadakan sebanyak 22 kempen kesedaran terhadap perancangan melindungi alam sekitar.

**Pada pendapat Audit, kempen kesedaran berkaitan alam sekitar adalah baik kerana kempen kesedaran telah dilaksanakan dengan jayanya.**

#### **18.2.11 Aduan Awam**

Mengikut rekod JPAS, aduan yang diterima pada tahun 2005, 2006 dan 2007 masing-masing sebanyak 117, 188 dan 233. Semakan Audit terhadap aduan yang diterima pada tahun 2007 mendapati sebanyak 202 daripada 233 kes telah diambil tindakan dan 24 kes telah dijadualkan untuk pemeriksaan. Manakala 7 kes lagi masih belum diambil tindakan kerana arahan pemeriksaan belum dikeluarkan. Semakan lanjut mendapati, carta aliran menangani aduan awam tidak lengkap kerana aduan yang diterima secara lisan tidak direkod dalam daftar selepas borang aduan dilengkapkan. Selain itu, aduan secara bertulis tidak direkod terlebih dahulu dalam daftar sebelum borang aduan dimasukkan dalam fail.

**Pada pendapat Audit, tindakan menangani aduan awam adalah baik kerana 86.7% telah diambil tindakan. Bagaimanapun, penyenggaraan daftar aduan awam kurang memuaskan.**

#### **18.2.12 Modal Insan**

Modal Insan adalah elemen penting dalam menjayakan sesuatu aktiviti untuk mencapai objektif yang dirancang.

##### **a) Guna Tenaga**

Semasa penstrukturkan semula JPAS pada tahun 2001 dan 2006, jumlah jawatan yang diluluskan adalah masing-masing 35 dan 51 orang iaitu kurang sebanyak 55 (61.1%) dan 21 (29.1%) daripada jawatan yang dimohon oleh JPAS kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007, hanya 47 daripada 51 atau 92 % jawatan yang diluluskan telah diisi termasuk 4 jawatan sementara. Semakan Audit mendapati, semua 4 kakitangan yang menyandang jawatan sementara telah berkhidmat di

antara 3 hingga 12 tahun. Bagi bahagian penguatkuasaan, JPAS telah menempatkan 13 kakitangan termasuk 3 orang di cawangan Sandakan yang terlibat dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan alam sekitar peringkat Negeri Sabah. Struktur organisasi dan pengisian jawatan JPAS yang terkini adalah seperti di **Carta 11**.

**Carta 11**  
**Struktur Organisasi JPAS**



Sumber Rekod : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah.

**Pada pendapat Audit, struktur organisasi JPAS adalah baik kerana sebanyak 47 daripada 51 jawatan atau 92% telah diisi.**

#### b) Latihan

Untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai alam sekitar, latihan yang mencukupi dan berterusan adalah perlu supaya kakitangan memiliki kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan tugas. Semakan Audit mendapati, pada tahun 2006 dan 2007, masing-masing seramai 30 dan 18 kakitangan pelbagai gred telah dihantar untuk menghadiri 92 kursus, seminar dan persidangan yang berkaitan

dengan alam sekitar antaranya Seminar Kesedaran Enakmen Perlindungan Alam Sekitar, Kursus Asas Persempadanan Maritim, *2<sup>nd</sup> Southeast Asean Natural Resources And Environmental Management Conference* dan Bengkel Penilaian Alam Sekitar Untuk Agensi Kerajaan.

**Pada pendapat Audit, latihan kepada kakitangan adalah memuaskan.**

#### **18.2.13 Pemeriksaan Fizikal**

Seksyen 51, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 menetapkan *mana-mana orang yang menjalankan apa-apa aktiviti yang ditetapkan tanpa mengemukakan laporan penilaian kesan alam sekitar dan memperoleh kelulusan Pengarah di bawah seksyen 12(3) atau mana-mana orang yang gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat perjanjian alam sekitar di bawah seksyen 12(5) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan (a) denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau (b) penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun; atau (c) kedua-dua denda dan penjara*. Tujuan pemeriksaan fizikal Audit adalah untuk menentukan sama ada peruntukan Seksyen 51, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 telah dikuatkuasakan. Lawatan Audit ke kawasan pertanian, perhutanan, pengambilan pasir dan kuari serta pembangunan tempat peranginan dan rekreasi pada 2 hingga 30 November 2007 dan pada 14 hingga 18 Januari 2008 bersama-sama dengan anggota JPAS dan Agensi yang terlibat mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Aktiviti Pertanian**

Dua kawasan pertanian iaitu *Proposed Replanting Of Oil Palm On 348.55 ha (Package 2) At Langkon Estate In Kota Marudu, Sabah* dan kawasan *The Proposed Rubber Plantation Project For Poverty Eradication At Bengkoka Peninsula, Pitas Sabah* telah dipilih bertujuan untuk menentukan sama ada syarat alam sekitar dipatuhi.

- i) Kawasan ladang sawit milik Borneo Samudera Sdn. Bhd. iaitu *Proposed Replanting Of Oil Palm On 348.55 ha (Package 2) At Langkon Estate In Kota Marudu* (laporan PMM). Penemuan Audit mendapati syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**  
**Pematuhan Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (I) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	<b>5.1 (ii &amp; iii) Kualiti Sumber Air</b> Mengamalkan penggunaan baja dan racun perosak secara terkawal. Pelupusan atau pembuangan bahan baja dan racun perosak adalah tidak dibenarkan di dalam sungai atau alur air. Pelan Pengurusan Penggunaan Baja dan racun perosak dikemukakan kepada JPAS.	X	Penyimpanan racun di tempat terbuka seperti <b>Foto 59</b> .
2.	<b>5.1.1.2</b> Laporan pemantauan kualiti air dikemukakan kepada JPAS (menunggu laporan Jabatan Kimia).		Sampel air telah diperolehi pada 29 November 2007 dan mendapat keputusan sampel menunjukkan Sungai Tigaman mempunyai kandungan Turbidity (NTU) yang tinggi iaitu 84 berbanding 50 yang dibenarkan oleh <i>Interim National Water Quality Standards (Class IIB)</i> . <b>Foto 60</b> menunjukkan sampel air yang diambil di Sungai Tigaman dan Sungai Batutai.
3.	<b>5.2 Perlindungan Sungai</b> Rizab simpanan sungai adalah 20 meter dari tebing sungai ke kawasan penanaman bagi sungai selebar 3 meter atau lebih. Sempadan perlu disukat dan ditanda di lapangan dengan cat merah dan dipasang papan tanda bagi memudahkan pengenalpastian sempadan	X	<p>Sungai Batutai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan simpanan 20 meter daripada tebing sungai tidak disukat dan ditanda.</li> <li>Jarak bagi 3 sampel pokok kelapa sawit dengan tebing sungai adalah 14.26 meter, 16 meter dan 15 meter seperti <b>Foto 61</b>.</li> </ul> <p>Sungai Tigaman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan simpanan 20 meter daripada tebing sungai tidak disukat dan ditanda.</li> <li>Jarak sampel pokok kelapa sawit dengan tebing sungai adalah 9.33 meter.</li> </ul>
4.	<b>5.3.4 Kawalan Larian Air Permukaan</b> Sistem perparitan, perangkap mendap dan kolam perangkap mendap hendaklah disediakan di kawasan tapak projek bagi mengawal aliran air permukaan dan pemendapan kelodak. Parit yang dibina hendaklah dilencongkan ke kolam perangkap mendap dan tidak dibenarkan dialir terus ke dalam sungai atau alur air.	X	Kolam perangkap mendap tidak disediakan dan aliran air daripada parit terus dilencongkan ke anak sungai.
5.	<b>5.9 (ii)</b> Laporan ECR hendaklah disediakan oleh perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh tandatangan surat akujanji. Laporan hendaklah dikemukakan pada 30 April 2007, 30 Ogos 2007 dan 30 Disember 2007.	X	Laporan ECR bulan April 2007 telah diterima. Bagaimanapun, laporan ECR bagi bulan Ogos 2007 belum dikemukakan.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

**Foto 59**  
**Racun Rumput Disimpan Di Kawasan Terbuka**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26 November 2007  
Lokasi : Rumah Pekerja Ladang Borneo Samudera Sdn. Bhd.  
Di Langkon, Kota Marudu Sabah.

**Foto 60**  
**Sampel Air Di Sungai Tigaman Dan Sungai Batutai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 29 November 2007  
Lokasi : Sungai Tigaman & Sungai Batutai, Di Langkon, Kota Marudu Sabah.

**Foto 61**  
**Jarak Penanaman Pokok Kelapa Sawit Kurang Daripada  
20 Meter Dari Tebing Sungai Batutai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 26 November 2007  
Lokasi : Ladang Langkon, Tebing Sungai Batutai

- ii) Kawasan ladang getah milik Lembaga Industri Getah Sabah iaitu *Proposed Rubber Plantation Project For Poverty Eradication at Bengkoka Peninsula Pitas By Lembaga Industri Getah Sabah*. Penemuan Audit mendapati syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**  
**Tahap Pematuhan Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	<p><b>5.2 Perlindungan Sungai</b>  Simpanan sungai adalah 20 meter bagi sungai selebar 3 meter atau lebih dan 10 meter bagi sungai selebar kurang daripada 3 meter. Sempadan perlu disukat dan ditanda di lapangan dengan cat merah dan dipasang papan tanda bagi memudahkan pengenalpastian sempadan.</p>	X	<p>Sungai Sulakulong (selebar 3.2 meter).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan simpanan 20 meter daripada tebing sungai tidak disukat dan ditanda.</li> <li>Jarak pokok getah dengan tebing sungai 4.4 meter sahaja seperti <b>Foto 62</b>.</li> <li>Tebing sungai terhakis di blok 2, menyebabkan sungai tertimbas selebar 2.6 meter seperti <b>Foto 63</b>.</li> <li>Sungai dipenuhi dengan sisa kayu akibat pembersihan ladang dan dipenuhi kelodak. Sistem perparitan yang tidak sempurna boleh menyebabkan banjir.</li> </ul> <p>Sungai Kotoyon (selebar 1.82 meter)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan simpanan 10 meter daripada tebing sungai tidak disukat dan ditanda.</li> <li>Jarak pokok getah dengan tebing sungai berdasarkan 3 sampel yang diukur adalah 2 meter, 1.21 meter dan 1.16 meter bagi pokok 1, 2 dan 3 masing-masing <b>Foto 64</b>.</li> </ul>
2.	<p><b>5.9 (ii)</b> Laporan pematuhan alam sekitar hendaklah disediakan oleh perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh tandatangan surat akujanji.</p>	X	Belum mengemukakan laporan pematuhan.

*Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar*

**Foto 62**  
**Jarak Penanaman Pokok Getah Kurang Daripada 20 Meter**  
**Di Sungai Sulakolong Dan Kawasan Simpanan Tidak Disukat/Ditanda**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 27 November 2007  
Lokasi : Tebing Sungai Sulakulong, Bengkoka Pitas Sabah.

**Foto 63**  
**Sungai Tertimbus, Timbusan Tanah Selebar 2.6 Meter Menutupi Sungai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 27 November 2007  
Lokasi : Tebing Sungai Sulakulong, Bengkoka Pitas Sabah.

**Foto 64**  
**Jarak Penanaman Pokok Getah Kurang Daripada 10 Meter Dari Tebing Sungai Kotoyon (Didalamkan) & Kawasan Simpanan Tidak Disukat/Ditanda**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 27 November 2007  
Lokasi : Sungai Kotoyon, Bengkoka Pitas Sabah.

**b) Aktiviti Perhutanan**

Sebanyak 3 kawasan pembalakan milik Rakyat Berjaya Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai sampel Audit untuk menentukan bahawa syarat-syarat alam sekitar yang dipersetujui dipatuhi semasa operasi pembalakan dijalankan. Tiga kontraktor tersebut adalah Hormat Jadi Sdn. Bhd., Asiatic Lumber Industries Sdn. Bhd. dan Onbumi Sdn. Bhd.. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**i) Hormat Jadi Sdn. Bhd. iaitu aktiviti *Proposed Logging Operation In Coupe YS3/06, YS5/06 And YS7/06 Within YSCA In Lahad Datu***

Pemeriksaan Audit telah dijalankan pada 14 dan 15 November 2007 bersama wakil kontraktor, pegawai Jabatan Perhutanan dan pegawai EIA RBJ di Kup YS3/06. Pembalakan dijalankan secara *Comprehensive Harvesting Plan (CHP)* dan dipantau oleh Kumpulan Khas Jabatan Perhutanan Sabah dan Pasukan Audit daripada Bangsa-Bangsa Bersatu. Penemuan Audit mendapati syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	5.1.1(iv) sempadan kawasan <i>Steep Area</i> iaitu kawasan yang berkecerunan 25 darjah atau lebih seluas 465ha hendaklah dilindungi dan ditanda di lapangan dengan cat merah serta dipasang dengan papan tanda pada lokasi yang mudah dilihat.	x	Temu bual dengan Pegawai Perhutanan tidak ada tanda di lapangan dikawasan <i>steep area</i> .
2.	1.2.2 (b) Membina kolam pemendapan 5 meter X5 meter X1.5 meter untuk memerangkap endapan di hujung perparitan supaya partikel tanah/sisa buangan akan termendap di kolam mendapan.	x	Tidak ada dibina. Sisa makanan dan buangan dibiarkan bertaburan di belakang rumah pekerja.
3.	5.1.4 (ii) Kawasan <i>skid trail</i> , panggung dan kawasan terdedah hendaklah direhabilitasi dengan menanam spesis tumbuhan yang diluluskan oleh Jabatan Perhutanan selepas kawasan tersebut tidak digunakan lagi.	x	Penanaman semula tumbuhan dilaksanakan.
4.	5.3 (i)&(iv) Sungai Malua dan semua sungai lain yang mempunyai kelebaran 3 meter atau lebih, sempadannya hendaklah disukat dan ditanda di lapangan dengan cat merah.	/	Telah dipatuhi.
5.	5.4 (i) bahan minyak dan sisa toksik yang digunakan dalam projek adalah tidak dibenarkan dilupuskan atau dibiarkan mengalir ke dalam parit, sungai atau alur sungai. Selain itu, bahan minyak dan sisa toksik hendaklah dikumpul dan disimpan dalam bekas yang kukuh dan tidak mudah bocor. Bekas-bekas penyimpanan tersebut hendaklah dilabel.	x	Sisa minyak di bengkel dibiarkan mengalir ke tanah dan tidak disimpan dengan sempurna. <b>Foto 65</b> .
6.	5.5(iii) Semua bahan sisa pepejal hendaklah dikumpul dan dilupuskan di tempat yang sesuai dan jika tidak hendaklah dilupuskan di kawasan pelupusan PBT.	x	Sisa bahan pepejal tidak dikumpul dengan sempurna. <b>Foto 66</b> .
7.	5.8(ii) Laporan Pematuhan Alam Sekitar hendaklah disediakan oleh Perunding Alam Sekitar yang berdaftar dengan JPAS dan dikemukakan kepada JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh menandatangani Surat Akujanji. Laporan hendaklah dikemukakan pada 30 Januari 2007, 30 Mei 2007 dan 30 September 2007.	x	Laporan tersebut tidak dikemukakan.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

**Foto 65**  
**Tumpahan Minyak Dari Bengkel Mengalir Ke Parit**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 13 November 2007  
Lokasi : Bengkel Syarikat Hormat Jadi Sdn. Bhd. Di Malua, Lahad Datu Sabah.

**Foto 66**  
**Sisa Pepejal Tidak Dilupuskan Dengan Sempurna**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 13 November 2007  
Lokasi : Bengkel Syarikat Hormat Jadi Sdn. Bhd. Di Malua, Lahad Datu Sabah.

**ii) Asiatic Lumber Industries Sdn. Bhd. iaitu aktiviti *Helicopter Logging Of YSCA In Lahad Datu***

Kawasan ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Cawangan Kinabatangan. Pemeriksaan Audit telah djalankan pada 15 November 2007 dan 20 November 2007 bersama wakil kontraktor, pegawai Jabatan Perhutanan dan

pegawai EIA RBJ di Kup YLH 5/06. Penemuan Audit mendapati syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 44**.

**Jadual 44**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	5.1.1(i) Sebarang aktiviti pembinaan jalan dan penggunaan traktor tidak dibenarkan di dalam kawasan projek.	x	Traktor digunakan untuk membina jalan dan menarik balak. <b>Foto 67</b> .
2.	1.2.2 (b) Membina kolam pemendapan 5mX5mX1.5 untuk memerangkap endapan di hujung perparitan supaya partikel tanah/sisa buangan akan termendar pada kolam mendapan.	x	Kolam mendapan untuk memerangkap sisa makanan dan kumbahan di belakang rumah pekerja tidak dibina.
3.	5.1.2 (ii) Rumah pekerja, kem pekerja atau bengkel hendaklah dibina dengan meminimumkan kerja-kerja tanah.	/	Pembinaan rumah pekerja, kem pekerja dan bengkel di kawasan kontraktor utama adalah bersih dan teratur.
4.	5.1.2(ii) Kedudukan rumah pekerja atau kem pekerja hendaklah terletak pada jarak mendatar tidak kurang 30 meter dari tebing sungai atau alur sungai selepas kawasan tersebut tidak digunakan lagi.	x	Kedudukan kem pekerja bagi sub-kontraktor (Inogaya) S/B terlalu hampir ke alur sungai. <b>Foto 68</b> .
5.	5.1.3(ii) Kawasan terdedah hendaklah direhabilitasi dengan menanam spesis tumbuhan yang diluluskan oleh Jabatan Perhutanan.	x	Tidak ada rehabilitasi dijalankan.
6.	5.2(ii)&(iv) Sempadan sungai yang disukat hendaklah ditanda di lapangan dengan cat merah dan sebarang aktiviti penebangan dan pengambilan kayu balak tidak dibenarkan.	/	Sempadan Sg. Malubuk telah ditanda dengan cat merah dan tiada kesan pembalakan.
7.	5.2(viii) Sebarang bahan tanah lebihan, sisa tumbuhan, sisa pepejal, kumbahan, bahan minyak atau bahan-bahan toksik tidak dibenarkan dilupuskan di simpanan sungai, di dalam sungai atau alur air.	x	Lebihan tanah dan sebiji tayar dibuang ke rizab anak Sg. Malubuk dan jika berlaku hujan lebat sisa tanah dan tayar tersebut akan jatuh ke anak sungai tersebut. <b>Foto 69</b> .
8.	5.4(ii) bahan minyak dan sisa toksik hendaklah dikumpul dan disimpan dalam bekas yang kukuh dan tidak mudah bocor.	x	Sisa minyak traktor dibiarkan mengalir ke tanah dan tidak disimpan dengan sempurna. <b>Foto 70</b> .
9.	5.8(ii) Laporan Pematuhan Alam Sekitar hendaklah disediakan oleh Perunding Alam Sekitar yang berdaftar dengan JPAS dan dikemukakan kepada JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh menandatangani Surat Akujanji. Laporan handaklah dikemukakan pada 30 Mac 2007, 30 Julai 2007 dan 30 November 2007.	x	Laporan tersebut tidak dikemukakan.

*Sumber: Jabatan Perlindungan Alam Sekitar*

Selepas pemeriksaan Audit, pada 27 November 2007, Jabatan Perhutanan Sabah telah mengarahkan operasi pembalakan oleh syarikat berkenaan diberhentikan sehingga laporan EIA bagi operasi *Tractor Logging* diluluskan. Semasa mesyuarat *Exit Conference* pada 28 April 2007, pihak JPAS memaklumkan bahawa laporan EIA bagi operasi *Tractor Logging* tersebut telah diluluskan.

**Foto 67**  
**Traktor Di Kawasan Yang Diluluskan *Heli-Logging***




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 20 November 2007  
Lokasi : Sub Kontraktor (Ino Gaya) di Kawasan Pembalakan Di Kuamut,  
Kinabatangan Sabah.

**Foto 68**  
**Sisa Pepejal Dari Rumah Pekerja Di Alirkan Terus Ke Sungai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 20 November 2007  
Lokasi : Sub Kontraktor Syarikat (Ino Gaya) di bawah Syarikat ASIATIC LUMBER  
Sdn. Bhd. Di Kuamut, Kinabatangan Sabah.

**Foto 69**  
**Sisa Pepejal Dan Tanah**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 13 November 2007  
Lokasi : Sungai Melubuk Kecil, ASIATIC LUMBER Sdn. Bhd. Di Sungai Malubuk Kecil.

**Foto 70**  
**Tumpahan Minyak Traktor Berdekatan Sg. Malubuk Kecil**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 13 November 2007  
Lokasi : Kawasan Pembalakan, ASIATIC LUMBER Sdn. Bhd. Di Sungai Malubuk Kecil.

iii) Onbumi Sdn. Bhd. iaitu aktiviti *Proposed Logging Operation In Coupe YS4/06 And YS6/06 Within YSCA In Lahad Datu*

Kawasan ini adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Cawangan Kinabatangan. Pemeriksaan Audit di Kup YS4/06, YS6/06 dan YS8/06 telah dijalankan pada 20 November 2007 bersama wakil kontraktor, pegawai Jabatan Perhutanan dan pegawai EIA RBJ. Penemuan Audit mendapati syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi(/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	5.1.1(iv) sempadan kawasan <i>Steep Area</i> iaitu kawasan yang berkecerunan 25 darjah atau lebih seluas 212ha hendaklah dilindungi dan ditanda dilapangan dengan cat merah serta dipasang dengan papan tanda pada lokasi yang mudah dilihat.	x	Melalui temubual dengan renjer kontraktor tidak diketahui kedudukan kawasan <i>steep area</i> seluas 212 ha.
2.	1.2.2 (b) Membina kolam pemendapan 5 meter X 5 meter X 1.5 meter untuk memerangkap endapan di hujung perparitan supaya partikel tanah/sisa buangan akan termendap di kolam mendapan.	x	Kolam mendapan tidak dibina. Sisa makanan dan buangan dibiaran bertaburan di belakang rumah pekerja.
3.	5.1.3(i) rumah pekerja, kem pekerja atau bengkel hendaklah dibina dengan meminimumkan kerja-kerja tanah dan pembersihan kawasan.	/	Rumah pekerja dan kem pekerja kelihatan bersih.
4.	5.2 (i)&(iv) Sungai Malua dan semua sungai lain yang mempunyai kelebaran 3 meter atau lebih, sempadannya hendaklah disukat dan ditanda di lapangan dengan cat merah.	/	Kawasan simpanan Sungai Malua telah ditanda dan jarak adalah 84.1 meter dari tebing sungai pada kedudukan mendatar.
5.	5.4 (i) bahan minyak dan sisa toksik yang digunakan dalam projek adalah tidak dibenarkan dilupuskan atau dibiaran mengalir ke dalam parit, sungai atau alur sungai. Selain itu, bahan minyak dan sisa toksik hendaklah dikumpul dan disimpan dalam bekas yang kukuh dan tidak mudah bocor. Bekas-bekas penyimpanan tersebut hendaklah dilabel.	x	Sisa minyak dibengkel dibiaran mengalir ke tanah dan tidak disimpan dengan sempurna. <b>Foto 71</b> .
6.	5.5(iii) Semua bahan sisa pepejal hendaklah dikumpul dan dilupuskan di tempat yang sesuai dan jika tidak hendaklah dilupuskan di kawasan pelupusan PBT.	x	Sisa bahan pepejal telah dikumpul tetapi tempat penyimpanan adalah tidak sempurna dan sebahagian sisa pepejal telah dibakar. <b>Foto 72</b> .
7.	5.8(ii) Laporan Pematuhan Alam Sekitar hendaklah disediakan oleh Perunding Alam Sekitar yang berdaftar dengan JPAS dan dikemukakan kepada JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh menandatangani Surat Akujanji. Laporan hendaklah dikemukakan pada 30 Januari 2007, 30 Mei 2007 dan 30 September 2007.	x	Laporan ECR pertama telah disediakan pada bulan Ogos 2007 dan dikemukakan kepada JPAS.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

**Foto 71**  
**Sisa Minyak Terpakai Tidak Disimpan Dengan Teratur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 19 November 2007  
Lokasi : Bengkel, Onbumi Sdn. Bhd. Hutan Simpan Segama, Kinabatangan Sabah.

**Foto 72**  
**Sisa Bahan Pepejal Dan Minyak Terpakai  
Tidak Disimpan Dengan Sempurna**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 19 November 2007  
Lokasi : Bengkel, Onbumi Sdn. Bhd. Hutan Simpan Segama, Kinabatangan Sabah.

**c) Pembangunan Tempat Peranginan Dan Rekreasi**

Pada 2 November 2007, pemeriksaan Audit terhadap pematuhan syarat alam sekitar telah dijalankan di tapak pembangunan projek di *Parcel 5* milik Syarikat Karambunai Resort Sdn. Bhd. bersama-sama dengan 2 orang pegawai JPAS.

Tahap pematuhan pemaju terhadap Syarat-syarat Alam Sekitar adalah seperti di **Jadual 46.**

**Jadual 46**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	<b>5.1: Perlindungan Kawasan Persisiran Pantai Dan Sungai</b> <b>5.1 (i) :</b> Kawasan anjakan pembangunan pantai sekurang-kurangnya 20 meter dari paras air pasang ( <i>mean high water mark</i> ) di sepanjang kawasan projek hendaklah disediakan dan dipasang papan tanda di lapangan semasa fasa pembinaan.	X	Papan tanda atau <i>setback mark</i> tidak dipasang untuk menandakan sempadan kawasan anjakan pembangunan pantai. <b>Foto 73.</b>
2.	<b>5.1 (iii) :</b> Sebarang aktiviti penebusgunaan tanah, pembinaan rumah pekerja, bengkel, tandas, jalan atau struktur bangunan lain tidak dibenarkan di dalam kawasan anjakan pembangunan pantai.	X	Struktur bangunan dibina kurang 20 meter dari paras air pasang dalam kawasan anjakan pantai. <b>Foto 74.</b>
3.	<b>5.11</b> Laporan pematuhan Alam Sekitar hendaklah disediakan oleh perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS dan dikemukakan kepada JPAS sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh menandatangani Surat Akujanji.	/	Laporan pematuhan telah dikemukakan.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

**Foto 73**  
**Syarat Alam Sekitar 5.1(i) Dan (iii) Tidak Dipatuhi**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 2 November 2007

Lokasi : Parcel 5, Nexus Resorts Karambunai II

**Foto 74**  
**Syarat Alam Sekitar 5.1(i) Dan (iii) Tidak Dipatuhi**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 2 November 2007  
Lokasi : Parcel 5, Nexus Resorts Karambunai II*

**d) Pengambilan Pasir Dan Kuari**

**i) Pengambilan Pasir**

Pemeriksaan fizikal telah dijalankan ke premis pemaju pada 2 November 2007 bersama dengan pegawai JPAS. Premis yang dipilih adalah Syarikat Liew Siew Tong terletak di Lot PT. 20-03021105 dan CL. 025312912, Kampung Tamoi, Papar. Syarat-syarat alam sekitar tidak dipatuhi seperti di **Jadual 47**.

**Jadual 47**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat-Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (I) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	5.1(i) Penjuru sempadan kawasan penggalian pasir sungai hendaklah ditanda di lapangan dengan memasang papan tanda di tepi sungai serta memasang penanda di kawasan sungai bagi menunjukkan kawasan penggalian pasir yang dibenarkan.	X	Papan tanda di penjuru sempadan ada dibuat tetapi tidak dipasang. Selain itu, penanda di kawasan sungai bagi menunjukkan kawasan penggalian pasir yang dibenarkan tidak ditandakan. <b>Foto 75.</b>
2.	5.1(iv) Sebarang aktiviti penggalian pasir sungai tidak dibenarkan di kawasan tebing sungai dan di luar kawasan <i>recommended mining area</i> yang dinyatakan dalam EIA.	/	Kawasan tidak dicerobohi.
3.	5.2(i) Aktiviti pemprosesan pasir sungai hanya boleh dilaksanakan di dalam kawasan CL. 025312912.	X	Kawasan pemprosesan dilaksanakan di kawasan Lot PT. 20-03021105 di mana kawasan ini bukan kawasan yang ditetapkan dalam peta. Permohonan untuk memproses di kawasan CL. 025312912 telah dikemukakan kepada JPAS tetapi belum mendapat kelulusan.
4.	5.2(iii) Rumah pekerja, bengkel, kawasan penapisan pasir hendaklah dibina dengan meminimalkan kerja-kerja tanah dan pembersihan kawasan di kawasan CL.025312912.	/	Tidak ada bengkel di kawasan pemprosesan.
5.	5.2(iv) Kedudukan rumah pekerja, kawasan simpanan pasir dan kawasan penapisan pasir hendaklah terletak pada jarak mendatar tidak kurang 30 meter dari tebing sungai atau alur air.	/	Kawasan penyimpanan pasir lebih daripada 30 meter.
6.	5.3(i) Pemaju projek hendaklah menyediakan sistem perparitan dan kolam perangkap kelodak di kawasan tapak projek tersebut.	/	Perangkap kelodak ada disediakan. <b>Foto 76.</b>
7.	5.8(ii) Semua bahan sisa pepejal hendaklah dikumpul dan dilupuskan di kawasan yang terletak pada jarak mendatar tidak kurang 30 meter dari tebing sungai atau alur air.	X	Jarak mendatar bahan sisa pepejal hanya terletak 22 meter dari tebing sungai. <b>Foto 77.</b>
8.	5.9(i) Memastikan jentera dan kenderaan pengangkutan yang digunakan, dibersihkan sebelum memasuki jalan awam agar jalan tersebut tidak dicemari dengan lumpur, pasir dan tanah.	X	Jentera dan kenderaan tidak dibersihkan terlebih dahulu.
9.	5.9(ii) Menyediakan kemudahan untuk membersihkan jentera dan kenderaan pengangkutan yang digunakan di dalam kawasan projek.	X	Kemudahan pembersihan tidak disediakan kerana kemudahan tersebut tidak disediakan.
10.	5.9.1.1 Laporan Pematuhan Alam Sekitar hendaklah disediakan oleh Perunding Alam Sekitar yang berdaftar dengan JPAS dan dikemukakan kepada JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh menandatangani Surat Akujanji.	/	Laporan Pematuhan telah dikemukakan.
11.	5.10 (i) Aktiviti penggalian dan pemprosesan pasir serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan di dalam kawasan projek hendaklah terhad kepada masa jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang sahaja.	X	Masa operasi syarikat adalah jam 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

**Foto 75**  
**Papan Tanda Bagi Menunjukkan Sempadan Tidak Dipasang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 2 November 2007  
Lokasi : Kawasan Pengekstrakan Pasir, Syarikat Liew Siew Tong, Kg. Tamoi Papar.

**Foto 76**  
**Kolam Perangkap Kelodak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 2 November 2007  
Lokasi : Kawasan Pengekstrakan Pasir, Syarikat Liew Siew Tong, Kg. Tamoi Papar.

**Foto 77**  
**Jarak Sisa Pepejal kurang 30 meter daripada tebing sungai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 2 November 2007

Lokasi : Kawasan Pengekstrakan Pasir, Syarikat Liew Siew Tong, Kg. Tamoi Papar.

ii) **Proposed Sandstone Quarry Located At Kampung Kauran (NT 133088552)**

**Keningau Sabah**

Pada 14 hingga 18 Januari 2008, pengauditan terhadap pematuhan syarat alam sekitar dan penilaian kesan aktiviti kuari terhadap alam sekitar telah dijalankan bersama-sama dengan pegawai JPAS dan Jabatan Tanah Dan Ukur di tapak kuari batu di Kg. Kauran, Keningau yang diusahakan oleh Pemborong Trusjaya. Tahap pematuhan pemaju terhadap Syarat-syarat Alam Sekitar adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**  
**Tahap Pematuhan Pemaju Terhadap Syarat Alam Sekitar**

Bil.	Syarat-syarat Alam Sekitar (Senarai Langkah-langkah Mitigasi Dan Kawalan)	Mematuhi (/) / Tidak Mematuhi (X)	Catatan
1.	4.3 Pengawalan Kawasan Perlindungan.	X	Sungai Kauran sebagai riparian rizab tidak dilaksanakan, tidak disukat dan ditanda.
2.	4.4 Pengawalan Pencemaran Air.	/	Tidak terjejas dan air sungai berkeadaan jernih.
3.	Laporan pematuhan alam sekitar hendaklah disediakan oleh perunding alam sekitar yang berdaftar dengan JPAS sekurang-kurangnya setiap 4 bulan dari tarikh tandatangan Surat Akujanji.	X	Laporan pematuhan belum dikemukakan kepada JPAS.

Sumber : Jabatan Perlindungan Alam Sekitar

### iii) Operasi Kuari Tanpa Lesen Di Keningau

Pemeriksaan Audit telah dijalankan pada 14 hingga 18 Januari 2008 bersama-sama pegawai Jabatan Tanah Dan Ukur (JTU) Kota Kinabalu dan Cawangan Keningau serta pegawai JPAS. Semakan dokumen di JTU Cawangan Keningau mendapati pada tahun 2005, sebanyak 4 permohonan operasi kuari telah dikemukakan tetapi belum diluluskan. Semakan lanjut terhadap borang permohonan mendapati pengusaha kuari tersebut telah beroperasi antara 2 hingga 8 tahun. Anggaran pengeluaran tahunan yang diberikan oleh pengusaha kuari bagi pasir, batu dan *crush stone* adalah sebanyak 83,400 cu. yards setahun. Kapasiti anggaran pengeluaran tahunan batu dan pasir adalah seperti di **Jadual 49**.

**Jadual 49**  
**Kapasiti Anggaran Pengeluaran Tahunan Bagi Batu dan Pasir**

Bil.	Nama Syarikat	Jenis Geran	Tarikh Permohonan	Kapasiti Pengeluaran Tahunan			Tarikh Operasi
				Batu (Cu.Yard)	Pasir (Cu.Yard)	Crush Stones (Cu.Yard)	
1.	Milhasil Sdn.Bhd.	NT133074316	10.11.2005	12,000	12,000	12,000	01.01.05
2.	Advance Grow Sdn.Bhd.	PL16628312	08.12.2005	3,600	6,000	12,000	01.01.05
3.	Pemborong Muhibah	133059739	12.09.2005	3,400	3,000	-	01.08.99
4.	Yun Fook Plantation	CL135792219	13.09.2005	6,000	9,600	4,800	02.10.05
<b>Jumlah</b>				<b>25,000</b>	<b>30,600</b>	<b>28,800</b>	

Sumber Rekod: Jabatan Tanah Dan Ukur Cawangan Keningau.

Mengikut Seksyen 168 Ordinan Tanah 1961, pengusaha kuari boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya sekali, jika didapati bersalah. Manakala kadar royalti yang dikenakan adalah berjumlah RM0.35 per cu. yards terhadap setiap pengeluaran atau pengambilan bahan batu dan pasir.

Semakan Audit mendapati pada bulan November tahun 2007, JTU Kota Kinabalu telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat pekeliling pemberhentian operasi pengambilan batu dan pasir sungai kepada syarikat tersebut. Bagaimanapun, penguatkuasaan yang lemah oleh JTU telah menyebabkan operasi kuari tersebut terus berjalan tanpa tindakan undang-undang. Operasi kuari tanpa lesen ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 iaitu melibatkan 28 pengusaha kuari di seluruh Sabah tetapi sehingga kini tindakan menangani masalah ini tidak dibuat dan operasi kuari tanpa lesen terus berlaku. Kuari yang beroperasi tanpa lesen adalah seperti di **Foto 78** dan **Foto 79**.

**Foto 78**  
**Kuari Tanpa Lesen Di Keningau**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 14 Januari 2008  
Lokasi : Syarikat Muhibbah, Keningau.

**Foto 79**  
**Kuari Tanpa Lesen Di Keningau**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 14 Januari 2008  
Lokasi : Syarikat Sri Jutaya, Keningau.

Temu bual dengan salah seorang pengusaha kuari tersebut mendapati beliau telah mengemukakan permohonan kepada JTU Cawangan Keningau. Bagaimanapun, maklum balas pegawai JTU Cawangan Keningau bahawa setiap permohonan kuari perlu diajukan dan dibawa dalam mesyuarat *Land Utilisation Committe* (LUC) untuk ketetapan sebelum dihantar ke Ibu Pejabat untuk kelulusan. Pihak Audit mendapati, selepas 2 tahun permohonan tersebut masih belum diluluskan. Ini menunjukkan sistem penyampaian (*delivery*

system) JTU tidak memuaskan dan tidak mencapai hasrat Kerajaan Negeri dalam mengurangkan karenah birokrasi. Ini mengakibatkan kehilangan hasil royalti kepada Kerajaan Negeri yang dianggarkan berjumlah RM117,880 bagi tempoh antara 2 hingga 8 tahun. Anggaran hasil yang gagal dikutip adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Anggaran Kerugian Hasil**

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Operasi	Tarikh Pemeriksaan Audit	Tempoh Operasi Tanpa Lesen (a) (Tahun)	Anggaran Pengeluaran Batu/Pasir/Crush Stone Cu. Yards Setahun (b)	Anggaran Hasil Yang Gagal Dikutip (RM) ((a) x (b) x 35 Sen)
1.	Milihasil Sdn.Bhd.	01.01.03	14-18.01.2008	5	36,000	63,000
2.	Advance Grow Sdn.Bhd.	01.01.05	14-18.01.2008	3	21,600	22,680
3.	Pemborong Muhibah	01.08.99	14-18.01.2008	8	6,400	17,920
4.	Yun Fook Plantation	02.10.05	14-18.01.2008	2	20,400	14,280
<b>Jumlah</b>						<b>117,880</b>

Sumber Rekod: Jabatan Tanah Dan Ukur Cawangan Keningau.

Implikasinya tidak ada laporan EIA maka hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurus alam sekitar secara mampan tidak tercapai dan Seksyen 12(5), 40(1) dan 51, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 tidak dapat dikuatkuasakan.

**Pada pendapat Audit, berdasarkan pemeriksaan fizikal terhadap tapak projek mendapati pematuhan terhadap syarat alam sekitar tidak memuaskan kerana semua pemaju projek yang dipilih secara rawak tidak mematuhi syarat perjanjian yang telah ditandatangani.**

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pelaksanaan aktiviti pelindungan alam sekitar oleh JPAS adalah memuaskan kecuali penguatkuasaan tidak efektif untuk membuat pemeriksaan balas terhadap projek yang telah mendapat kelulusan EIA/PMM sehingga ramai pemaju projek yang melanggar syarat perjanjian alam sekitar seperti pengurusan sisa pepejal tidak diurus dengan baik, penandaan kawasan riparian tidak dilaksanakan, jarak penanaman pokok kelapa sawit dan getah terlalu hampir dengan tebing sungai dan tidak mematuhi syarat iaitu 10 – 20 meter, kedudukan kem balak terlalu hampir dengan sungai, minyak tumpah ke tanah, kolam mendapan tidak dibina dan tahap kandungan air *Turbidity* (NTU) adalah tinggi iaitu 84 berbanding 50 yang dibenarkan oleh *Interim National Water Quality Standards ( Class IIB)* tidak diambil tindakan. Ini kerana pemeriksaan dan pemantauan alam sekitar merupakan *core business* JPAS.

## **18.3 PEMANTAUAN**

### **18.3.1 Jawatankuasa Alam Sekitar**

Jawatankuasa peringkat kebangsaan yang ditubuhkan berhubung alam sekitar adalah terdiri daripada Majlis Alam Sekeliling, Jawatankuasa Jerebu dan Jawatankuasa Kepelbagaian Biologi. Manakala di peringkat negeri, perlindungan alam sekitar dipantau oleh Majlis Perlindungan Alam Sekitar seperti kehendak Seksyen 3, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002. Semakan Audit mendapati Majlis ini telah memainkan peranannya dengan baik sebagai penasihat kepada Kerajaan Negeri berkaitan isu alam sekitar. Pada tahun 2007, Majlis telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dan membincangkan perkara alam sekitar terutama berkaitan masalah pencemaran yang berlaku antaranya pencemaran kilang kelapa sawit di Sungai Kinabatangan dan kesan perlombongan di kawasan bekas lombong tembaga di Mamut, Ranau. Hasilnya, di bawah RMK9, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM8.7 juta untuk merawat air yang tercemar akibat kesan lombong di Mamut, Ranau dan sejumlah RM2 juta diperuntukkan untuk kajian program pencegahan pencemaran dan peningkatan kualiti air Sungai Kinabatangan. Selain itu, satu Jawatankuasa Tindakan Pembersihan Akibat Tumpahan Minyak telah ditubuhkan pada tahun 2007. Keahliannya adalah YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai pengurus dan dianggotai oleh beberapa Agensi, antaranya Pihak Berkusa Tempatan, Jabatan Laut, Polis Marin dan Jabatan Kerja Raya. Manakala, JPAS dan JAS bertindak sebagai Urusetia bersama. Pada bulan Januari 2008, mesyuarat telah diadakan dan satu draf Tindakan Menangani Tumpahan Minyak telah disediakan untuk persetujuan Menteri.

### **18.3.2 Peringkat Jabatan**

Di peringkat JPAS, kaedah pemantauan adalah melalui laporan ECR yang perlu disediakan oleh pemaju projek dan pemeriksaan ke tapak. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2000 hingga 2007, sebanyak 52 pemaju projek lewat mengemukakan laporan ECR antara 1 hingga 5 bulan berbanding tempoh yang ditetapkan iaitu antara 1 bulan hingga 4 bulan sekali. Manakala, sebanyak 34 lagi syarikat tidak mengemukakan laporan ECR. Pihak JPAS telah mengambil langkah yang proaktif iaitu dengan menghantar surat peringatan atau menghubungi pihak pemaju projek terbabit supaya mengemukakan laporan ECR. Bagaimanapun, masih terdapat pemaju projek yang tidak mengemukakan laporan ECR. Antara sebab yang dikenalpasti adalah pemaju projek bertukar alamat premis dan nombor telefon. Adalah didapati pihak JPAS juga tidak melawat tapak projek tersebut untuk memastikan sama ada pemaju projek masih beroperasi atau tidak supaya tindakan sewajarnya mengikut peruntukan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 boleh diambil. Sekiranya masih beroperasi, seksyen yang berkaitan adalah Seksyen 51 (kegagalan mematuhi terma perjanjian syarat-syarat alam sekitar), Seksyen 52 (kegagalan mematuhi notis pemberhentian), Seksyen 53 (kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen) dan Seksyen 54 (kegagalan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat deklarasi pengurangan) boleh diambil. Kegagalan mematuhi mana-mana seksyen yang dinyatakan di atas menyebabkan

pemaju boleh dikenakan tindakan undang-undang. Selain itu, jadual pemantauan berkala tidak disediakan ke kawasan yang diluluskan laporan EIA/PMM.

**Pada pendapat Audit, aspek pemantauan aktiviti perlindungan alam sekitar adalah memuaskan kerana jawatankuasa yang dibentuk di peringkat negeri telah memainkan peranannya dengan baik di mana isu pokok seperti pencemaran di kawasan bekas lombong dan sungai telah ditangani. Manakala di peringkat JPAS pemantauan alam sekitar dan tidak memuaskan kerana masalah kekurangan kakitangan untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan terhadap pemaju projek.**

## 19. RUMUSAN DAN SYOR

Pada keseluruhannya, prestasi aktiviti perlindungan alam sekitar adalah memuaskan. Dari aspek perancangan, JPAS telah mengambil langkah sewajarnya dengan merangka visi, misi dan objektif jabatan selari dengan dasar Kerajaan Negeri mengenai alam sekitar, mengemaskini Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan menyediakan garis panduan bagi 12 aktiviti yang ditetapkan. Manakala aspek pelaksanaan, aktiviti perlindungan alam sekitar oleh JPAS adalah memuaskan di mana antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti data dan rekod EIA dan PMM tidak kemas kini, terdapat laporan ECR lewat atau tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dan prestasi pemaju projek tidak memuaskan serta melanggar syarat EIA/PMM yang ditetapkan tanpa diambil tindakan undang-undang oleh JPAS. Jawatankuasa Alam Sekitar dan Majlis Alam Sekitar menjadi nadi untuk merangka polisi alam sekitar negeri telah berfungsi dengan memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan peringkat JPAS adalah tidak memuaskan sehingga banyak syarikat yang melanggar syarat-syarat alam sekitar gagal diambil tindakan. Oleh yang demikian, pihak Audit mengesyorkan JPAS supaya mengambil tindakan berikut:

- a) Jawatan sementara diserap ke jawatan tetap bagi memastikan pegawai sementara yang berpengalaman tidak beralih ke syarikat swasta dan ini akan merugikan JPAS khasnya dan Kerajaan Negeri amnya dari segi latihan yang telah diberikan dan pengalamannya.
- b) Rundingan dan kerjasama antara agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi kuari tanpa lesen yang berlaku perlu utuh.
- c) Mengkaji semula cara bayaran penyediaan laporan EIA, PMM dan ECR di mana bayaran kepada perunding alam sekitar untuk menyediakan laporan EIA atau PMM adalah termasuk bayaran menyediakan laporan ECR dan dibayar secara interim atau berperingkat mengikut tempoh sah EIA atau PMM.
- d) Perunding alam sekitar dilantik bagi pihak JPAS untuk memantau alam sekitar dan laporan ECR untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan. JPAS hanya perlu memantau prestasi perunding alam sekitar yang menjadi ejen pemantau kepada JPAS.

- e) Selepas laporan EIA atau PMM disediakan oleh perunding alam sekitar diluluskan, JPAS perlu mengadakan taklimat kepada pemaju projek supaya mereka faham tanggungjawab masing-masing dalam menjaga alam sekitar.
- f) Bagi pesalah yang melanggar perjanjian syarat alam sekitar, tindakan di bawah Seksyen 51, Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 perlu diambil terutama kepada mereka yang mengulangi kesalahan yang sama.
- g) Merancang penguatkuasaan/pemantauan secara berjadual.
- h) Kenderaan perlu ditambah untuk memudahkan JPAS memeriksa dan memantau projek dan lapangan serta membuat pemeriksaan terhadap setiap aduan yang dikemukakan.

## JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN


### PENGURUSAN PROJEK TEBATAN BANJIR

#### 20. LATAR BELAKANG

**20.1** Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah (JPS) dahulunya dikenali sebagai Jabatan Parit dan Talair (JPT) Sabah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1967 dan bernaung di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah (dahulu dikenali sebagai Kementerian Pertanian Dan Perikanan Sabah). Objektif utama JPS ialah menyediakan dan membekalkan perkhidmatan kejuruteraan yang tidak mampu dilaksanakan oleh golongan sasaran persendirian dan seterusnya menjamin penggunaan tanah secara optimum dan pengurusan air negeri yang lebih cekap. Selain itu, JPS juga berperanan untuk menyediakan perkhidmatan pencegahan banjir dan saliran utama di kawasan tumpuan masyarakat untuk mewujudkan suasana selesa bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial.

**20.2** Mulai Januari 1998, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa JPS dilantik sebagai Jabatan yang bertanggungjawab terhadap tebatan banjir bandaran, mengambil alih tugas yang sebelum ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah. Ini adalah berikutan banjir teruk yang berlaku di bandar atau pekan di Negeri Sabah. Sejak itu, tanggungjawab tebatan banjir bandaran menjadi salah satu tugas utama bagi Jabatan ini. Dengan bertambahnya fungsi JPS dalam bidang tebatan banjir bandaran, penduduk di kawasan bandar juga mendapat faedah dari kerja-kerja tebatan banjir bandaran yang dilaksanakan di bandar dan pekan-pekan utama dalam negeri. Kawasan yang kerap dilanda banjir di Negeri Sabah antaranya adalah Kota Kinabalu, Sandakan dan Kota Marudu seperti di **Peta 1**.

**Peta 1**  
**Lokasi Kawasan Yang Kerap Dilanda Banjir Di Negeri Sabah**



Sumber : Rekod JPS, Sabah

**20.3** Objektif Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah untuk memperbaiki sistem sungai supaya kekerapan banjir di kawasan bandar dapat dikurangkan melalui pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti oleh Jabatan setiap tahun. Di bawah RMK-8 (2001-2005), JPS telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi program RTB dengan bajet sejumlah RM35.60 juta manakala di bawah RMK-9 (2006-2010) diperuntukan siling sejumlah RM100.10 juta. Kerajaan Negeri Sabah pula di bawah RMK-8 telah memperuntukkan sejumlah RM14.99 juta manakala di bawah RMK-9 memperuntukkan siling sejumlah RM15 juta.

## **21. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Projek Tebatan Banjir telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan bandar.

## **22. SKOP PENGAUDITAN**

Skop pengauditan terhadap program tebatan banjir bandaran bagi tempoh tahun 2002 hingga 2007. Pemilihan sampel dan skop kajian adalah berdasarkan kos terlibat yang tinggi dan lokasi yang kerap berlaku kejadian banjir kilat iaitu di kawasan Telipok dan Darau. Projek yang dipilih ialah RTB Bandaran Sungai Telipok serta RTB Bandaran Sungai Darau Paket 1, Paket 2 dan Paket 3.

## **23. KAEADAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan ialah dengan membuat semakan terhadap rekod kewangan, dokumen kontrak dan fail tender serta rekod berkaitan di Ibu Pejabat dan cawangan JPS di Daerah Penampang. Lawatan ke tapak projek juga dilakukan. Analisis terhadap maklumat berkaitan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan projek untuk mendapat gambaran sebenar juga telah dilakukan.

## **24. PENEMUAN AUDIT**

### **24.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang baik adalah aspek yang penting dan perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Ia akan dapat memastikan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan pada awalnya.

#### **24.1.1 Dasar Kerajaan**

Dasar Kerajaan Negeri berkaitan projek tebatan banjir ini adalah untuk mewujudkan suasana selesa untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial dengan penyediaan kerja-kerja Pencegahan banjir dan saluran utama di kawasan tumpuan masyarakat. Kerajaan Negeri melalui JPS telah merancang untuk melaksanakan

beberapa projek tebatan banjir bagi memperbaiki sistem saliran yang sedia ada oleh kerana kekerapan banjir yang tinggi disebabkan bertambahnya pengaliran air lebih akibat pembangunan kawasan yang begitu pesat. Projek tebatan banjir ini nanti tentunya akan dapat meningkatkan tahap keselesaan rakyat terutama di kawasan yang sering dilanda banjir.

#### **24.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Projek-projek tebatan banjir akan dilaksanakan berdasarkan undang-undang yang termaktub dan peraturan yang berkuatkuasa seperti berikut:

##### **a) Ordinan Parit Dan Talair 1956**

Ordinan Parit Dan Talair 1956 adalah berkaitan dengan penubuhan dan pengawalan kawasan parit dan saliran di Negeri Sabah. Seksyen 2 Ordinan ini mendefinisikan kerja pengairan adalah termasuk membina dan menyenggara saluran dan saliran termasuk *earth drains*, tebing sungai, ban, kunci air, pembetung, sluis, parit dan kerja lain yang serupa untuk tujuan pengairan. Mengikut Seksyen 14 pula bayaran pampasan boleh dibuat kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pembinaan pengairan dan saliran.

##### **b) Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69**

Ordinan ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil tanah milik yang diperlukan untuk sesuatu maksud awam. Projek RTB ini akan melibatkan pengambilan tanah. Proses pengambilan tanah ini dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur iaitu jabatan yang diberi kuasa berdasarkan peruntukan yang ada di dalam Ordinan tersebut.

#### **24.1.3 Rekod Sungai Dan Laporan Banjir Tahunan**

Dua rekod atau data perlu diselenggara oleh JPS sebagai sumber maklumat utama dalam menyediakan Pelan Tindakan Mengatasi Banjir dengan mengenal pasti kawasan sasaran projek. Dua rekod tersebut ialah:

##### **a) Rekod Sungai-sungai**

Berdasarkan satu pangkalan data berkomputer yang dinamakan *Sabah Catchment Management Information System* di Bahagian Pengurusan Sumber Air, JPS iaitu unit yang bertanggungjawab untuk mengumpul dan mengemas kini data mengenai sungai yang diperolehi daripada JPS daerah. Maklumat yang akan dicatatkan ke dalam daftar ini ialah nama daerah, kod sungai, nama sungai, luas kawasan tadahan sungai dan panjang sungai.

##### **b) Laporan Banjir Tahunan**

Laporan Banjir Tahunan perlu disediakan oleh JPS untuk mengenal pasti kawasan yang terlibat dan kerap berlaku banjir. Seterusnya JPS akan dapat menyedia dan menyusun strategi untuk mengatasi masalah di kawasan sasaran. Untuk

menyediakan laporan tersebut, Ibu Pejabat JPS Kota Kinabalu mengkehendaki setiap JPS daerah menghantar Laporan Banjir Semasa ke Bahagian Hidrologi Dan Ukur setiap kali selepas banjir berlaku di sesuatu daerah.

JPS akan menyediakan Pelan Tindakan Mengatasi Banjir Negeri Sabah yang mengandungi senarai kawasan di setiap daerah yang kerap terdedah kepada bencana banjir serta anggaran bilangan penduduk yang terlibat dan perancangan awal atau program yang bakal dilaksanakan bagi mencegah banjir di sesuatu kawasan. Bagaimanapun, setiap program yang dinyatakan masih memerlukan kajian terperinci dijalankan sebelum ianya boleh dilaksanakan. Di bawah RMK-8 JPS telah mengenal pasti 7 projek manakala di bawah RMK-9 sebanyak 12 projek baru dan 4 projek sambungan. Pelaksanaan projek RTB ini akan dapat mengurangkan kerugian dari segi kerosakan harta benda dan juga kehilangan nyawa dan ini tentunya akan meningkatkan kesejahteraan hidup penduduk.

#### **24.1.4 Kaedah Pelaksanaan**

Kaedah pelaksanaan yang akan dibuat oleh JPS untuk melaksanakan projek RTB adalah melalui kajian awal, proses pengambilan tanah dan seterusnya pelantikan kontraktor.

##### **a) Kajian Awal**

Peranan untuk menyediakan kajian awal dan menyediakan reka bentuk untuk projek RTB akan diserahkan kepada juru perunding untuk dilaksanakan. Bagaimanapun JPS Negeri Sabah tidak terlibat dengan proses pelantikan juru perunding tersebut. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan pelantikan juru perunding diuruskan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia. Manakala projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah diuruskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

##### **b) Pengambilan Tanah**

JPS akan bekerjasama dengan Jabatan Tanah dan Ukur dalam menyelesaikan hal berkaitan dengan pengambilan tanah memandangkan ianya adalah di dalam bidang kuasa jabatan tersebut. JPS akan memaklumkan Jabatan Tanah dan Ukur kawasan yang akan terlibat dengan sesuatu projek untuk proses pewartaan mengikut Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69. Seterusnya Jabatan Tanah dan Ukur akan membuat semakan bagi menentukan pemilik tanah, membuat penilaian ke atas tanah yang terlibat dan akan mengeluarkan surat tawaran pampasan kepada pemilik tanah. Jabatan Tanah dan Ukur juga akan memaklumkan JPS kos yang diperlukan untuk bayaran pampasan tersebut. JPS seterusnya akan menyalurkan peruntukan pampasan tersebut kepada Jabatan Tanah dan Ukur untuk dibuat bayaran.

**c) Pelantikan Kontraktor**

Projek RTB Sungai Darau Pakej 1, 2 dan 3 ditawarkan kepada kontraktor yang dilantik melalui proses tender terbuka yang diiklankan dalam akhbar utama manakala bagi projek RTB Sungai Telipok, kontraktor dilantik terus oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Tanggungjawab bagi menyediakan Laporan Penilaian Tender untuk semua tawaran yang diterima akan dilakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPS mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Jawatankuasa Penilaian Tender JPS ini akan membuat analisis terhadap kelayakan penender melalui tiga peringkat iaitu:

**i) Penilaian Peringkat Pertama**

Pada peringkat ini antara perkara penting yang disemak ialah tender yang diterima telah mematuhi kesemua syarat tender yang dinyatakan di dalam iklan dan disokong dengan dokumen-dokumen wajib seperti salinan akaun syarikat yang telah diaudit dan salinan penyata bulanan akaun bank mengenai wang dalam tangan penender. Mana-mana tawaran tidak mengikut peraturan tidak akan dinilai pada peringkat kedua.

**ii) Penilaian Peringkat Kedua**

Penilaian peringkat kedua antaranya adalah berkaitan dengan keupayaan kewangan iaitu dinilai berasaskan sama ada modal pusingan mencukupi bagi membiayai projek-projek dalam tangan dan keupayaan teknikal yang berasaskan faktor-faktor seperti pengalaman kerja, kakitangan teknikal dan peralatan asas.

**iii) Penilaian Peringkat Ketiga**

Pada peringkat ini penentuan tawaran adalah berasaskan kepada tawaran yang paling menguntungkan dengan mengambil kira penilaian yang dibuat di peringkat pertama dan kedua.

Laporan Penilaian Tender akan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah. Penender yang dipilih akan diberitahu melalui surat tawaran. Perjanjian kontrak akan ditandatangani antara pihak Kerajaan dan kontraktor.

**d) Koordinasi Antara JPS Dengan Agensi Lain**

Koordinasi dengan jabatan atau agensi lain amat diperlukan untuk memastikan projek RTB ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagi melancarkan proses pelaksanaan projek RTB, koordinasi dengan agensi-agensi lain yang terlibat dilakukan dengan melibatkan mereka dalam mesyuarat yang diadakan dari semasa ke semasa. Mesyuarat tersebut adalah penting untuk menyelesaikan sebarang masalah atau halangan yang timbul.

#### **24.1.5 Perjanjian Kontrak**

Dokumen perjanjian kontrak yang ditandatangani bagi projek ini mestilah mengandungi terma yang melibatkan jaminan kepentingan Kerajaan seperti dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995**. Kontraktor dikehendaki mengemukakan perkara yang dikehendaki dalam syarat perjanjian kontrak seperti bon pelaksanaan, insurans dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebelum kerja bermula.

#### **24.1.6 Projek RTB**

##### **a) Projek RTB Sungai Telipok**

Pelan lukisan dan reka bentuk saliran menunjukkan komponen utama kerja yang dicadang oleh juru perunding adalah kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam sungai sepanjang 4.7 km, membina 2 buah *RC drop structure* dan 4 buah *drainage inlet structure*.

##### **b) Projek RTB Sungai Darau Pakej 1**

Projek ini adalah membina 6,015 unit *pre-cast concrete 'L' shape* yang akan digunakan bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 2.

##### **c) Projek RTB Sungai Darau Pakej 2**

Pelan lukisan dan reka bentuk saliran menunjukkan komponen utama projek adalah kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam sungai sepanjang 410 meter dan memasang penahan cerun '*L*' *shape* yang dibina dalam Pakej 1.

##### **d) Projek RTB Sungai Darau Pakej 3**

Berdasarkan kajian juru perunding, didapati sungai adalah kecil dan berliku-liku menyebabkan pengaliran airnya tidak lancar. Pihak juru perunding telah mencadangkan agar sungai yang ada diluruskan dan didalamkan. Sehubungan itu, satu pelan tapak dan reka bentuk saliran berkaitan dengan spesifikasi dan komponen utama projek telah disediakan iaitu kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam sungai (*widening & profiling by excavation and concrete block lining* (1.2 km)), membina *drainage inlet structure* dan *improvement of downstream section*.

#### **24.1.7 Keperluan Kewangan**

Bajet yang mencukupi penting bagi memastikan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah, anggaran kos untuk projek akan disediakan oleh Bahagian Perancang dan dimajukan kepada Kementerian Kewangan Negeri melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah. Bagi projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan pula, anggaran kos akan dimajukan ke JPS Persekutuan yang seterusnya akan mengemukakannya kepada Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Putrajaya melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah. Untuk melaksanakan projek RTB Sungai Telipok, JPS telah memohon sejumlah RM25 juta daripada Kementerian Kewangan


Negeri. Bagi menyiapkan keseluruhan projek RTB Sungai Menggatal (termasuk Sungai Darau) pula JPS telah mengemukakan permohonan bajet sejumlah RM102 juta kepada JPS Persekutuan.

#### 24.1.8 Modal Insan

##### a) Keperluan Guna Tenaga


Kedudukan Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai dalam struktur organisasi JPS adalah seperti ditunjukkan dalam **Carta 13** dan **Carta 14**. Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai yang bertanggungjawab bagi program Projek Tebatan Banjir adalah diketuai oleh seorang Jurutera Gred J52. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk merancang dan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir bandaran bagi mengurangkan berlakunya banjir melalui penyenggaraan dan pembaikan sungai-sungai termasuk kerja-kerja mengorek dan melencong sungai.

**Carta 13**  
**Carta Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah**



Sumber : Rekod JPS Sabah

**Carta 14**  
**Carta Organisasi Bahagian Kejuruteraan, Sungai Dan Pantai**



Sumber : Rekod JPS Sabah

Guna tenaga yang mencukupi dan terlatih amat perlu bagi memastikan setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap. Jumlah kakitangan sedia ada di Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai adalah seramai 12 orang berdasarkan kelulusan penggredan semula pada tahun 2004 terhadap empat jawatan iaitu Jurutera (Gred J48 kepada Gred J52 dan Gred J41 kepada Gred J44), Juruteknik (Gred J22 kepada Gred J26) dan Pelukis Pelan (Gred J22 kepada Gred J26). Namun, 8 lagi jawatan masih belum diisi. Penggredan semula jawatan tersebut sesuai dengan beban tanggungjawabnya. Butiran mengenai perjawatan sedia ada adalah seperti di **Jadual 51**.

**Jadual 5**  
**Bilangan Jawatan Sedia Ada**

Bil.	Nama Jawatan	Gred	Bilangan Jawatan Sedia Ada
1.	Jurutera	J52	1
2.	Jurutera	J41	4
3.	Pembantu Teknik	J36	1
4.	Pembantu Teknik	J29	2
5.	Juruteknik	J26	1
6.	Pelukis Pelan	J26	1
7.	Juruteknik	J17	3
8.	Pelukis Pelan	J17	6
9.	Pembantu Tadbir Rendah	N11	1
<b>Jumlah</b>			<b>20</b>

Sumber : Rekod JPS, Sabah

#### b) Latihan

Bagi memastikan pelaksanaan sesuatu projek yang dirancang itu berjalan lancar, JPS perlu mempunyai kakitangan yang berkemahiran dan terlatih dari segi pengurusan, teknikal dan pentadbiran. JPS Sabah tidak mengendalikan kursus sendiri tetapi bergantung kepada program yang dianjurkan oleh JPS Persekutuan yang akan meminta pencalonan peserta kursus dari semasa ke semasa. Kursus-kursus tersebut bertujuan meningkatkan kemahiran dan kepakaran personel JPS termasuk berkaitan dengan pengurusan banjir.

##### 24.1.9 Kaedah Pemantauan

Kaedah pengawasan atau pemantauan yang sewajarnya oleh JPS amat penting bagi memastikan projek yang hendak dilaksanakan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta projek dilaksanakan dengan cekap serta mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan. Bagi projek ini Pengarah JPS Negeri sebagai Penguasa Projek telah mewakilkan kuasanya secara bertulis kepada Jurutera Daerah Penampang. Kaedah pemantauan yang dilakukan adalah dengan merekodkan kemajuan kerja ke Buku Harian Tapak, laporan kemajuan kerja dan mesyuarat tapak yang diadakan dari semasa ke semasa.

**Pada pandangan Audit, perancangan projek tebatan banjir oleh JPS adalah baik.**

#### 24.2 PELAKSANAAN

##### 24.2.1 Dasar Kerajaan

Misi Nasional dalam usaha pembangunan negara seperti yang dinyatakan dalam RMK-9 telah mengenal pasti salah satu teras utama iaitu meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup rakyat. Kerajaan akan terus berusaha untuk memenuhi keperluan asas serta mengekalkan keamanan, keselamatan dan keharmonian. Oleh

itu, pelaksanaan projek RTB ini oleh Kerajaan Negeri melalui JPS bagi kerja-kerja pencegahan banjir dan saluran utama di kawasan tumpuan masyarakat seperti di Sungai Telipok dan Sungai Darau untuk mewujudkan suasana selesa bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial adalah selaras dengan misi nasional.

**Pada pendapat Audit, penetapan projek adalah selaras dengan Dasar Kerajaan Persekutuan.**

#### **24.2.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Semakan Audit mendapati JPS telah menggunakan undang-undang yang berkaitan dalam merancang dan melaksanakan projek tebatan banjir ini. JPS sebagai agensi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan saliran dan pengairan di Negeri Sabah diberi kuasa di bawah Ordinan Parit Dan Talair 1956 untuk menjalankan peranannya dalam melaksanakan projek berkaitan tebatan banjir. Proses pengambilan balik tanah pula JPS telah bekerjasama dengan Jabatan Tanah Dan Ukur, pihak berkuasa di bawah Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69 bagi memastikan projek RTB ini dapat dilaksanakan dengan lancar.

**Pada pendapat Audit, JPS telah mematuhi dan menggunakan undang-undang yang berkaitan dalam melaksanakan projek berkaitan tebatan banjir ini.**

#### **24.2.3 Rekod Sungai Dan Laporan Banjir Tahunan**

Pelan Tindakan Mengatasi Banjir dapat disediakan dengan baik dengan adanya rekod atau data lengkap sungai dan rekod mengenai kejadian banjir yang berlaku. Semakan Audit di Bahagian Pengurusan Sumber Air pada 3 Januari 2008 mendapati JPS ada menyelenggara rekod senarai sungai yang sentiasa dikemas kini manakala Laporan Banjir Tahunan pula ada di Bahagian Hidrologi Dan Ukur. Rekod tersebut menjadi asas JPS dalam membuat perancangan untuk mengatasi masalah banjir di kawasan sasaran.

##### **a) Penyelenggaraan Rekod Sungai-Sungai**

Semakan Audit di Bahagian Pengurusan Sumber Air mendapati usaha sedang dilakukan untuk mengemas kini senarai sungai yang terdapat di Negeri Sabah ke dalam satu pangkalan data berkomputer yang dinamakan *Sabah Catchment Management Information System*. Unit ini bertanggungjawab untuk mengumpul dan mengemas kini data mengenai sungai yang diperolehi daripada JPS daerah. Sehingga 3 Januari 2008 terdapat 79 buah tadahan sungai di Negeri Sabah telah didaftarkan ke dalam sistem tersebut. Semakan Audit mendapati maklumat yang dicatatkan dalam daftar ini ialah nama daerah, kod sungai, nama sungai, luas kawasan tadahan sungai dan panjang sungai. Berdasarkan daftar ini, JPS dapat mengenal pasti profil sungai yang ada di Negeri Sabah.

**b) Penyelenggaraan Laporan Banjir Tahunan**

Laporan Banjir Tahunan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hidrologi Dan Ukur adalah berdasarkan Laporan Banjir Semasa yang diterima daripada cawangan JPS di daerah sejak tahun 2002. Jumlah kejadian banjir yang telah direkodkan bagi tempoh 2002 hingga 2007 adalah sebanyak 36 kali dan taburannya mengikut kawasan adalah seperti di **Jadual 52**. Oleh kerana daftar ini alat untuk memudahkan mengenal pasti kawasan-kawasan yang kerap dilanda banjir dan keberkesanan projek RTB untuk mengurangkan atau mengatasi masalah banjir di sesuatu kawasan daftar ini sepatutnya sentiasa dikemas kini.

**Jadual 52**  
**Kejadian Banjir Direkodkan Bagi Tempoh Tahun**  
**2002 Hingga 2007**

Bil.	Kawasan	Kejadian Banjir Direkodkan					
		2002	2003	2004	2005	2006	2007
1.	Beaufort	-	1	-	-	1	-
2.	Membakut	-	-	-	-	1	-
3.	Sipitang	1	-	-	-	-	-
4.	Papar	-	-	-	-	1	-
5.	Kota Kinabalu:						
	a) Sg. Telipok	-	-	-	1	2	1
	b) Sg Darau	-	-	-	1	2	-
6.	Penampang	-	-	-	-	1	-
7.	Keningau	-	1	1	-	-	-
8.	Tenom	1	-	-	-	-	-
9.	Ranau	-	-	-	-	-	-
10.	Bongawan	1	-	-	-	1	-
11.	Kinabatangan	1	1	1	1	1	-
12.	Kota Marudu	1	1	1	-	1	-
13.	Lahad Datu	-	2	-	-	1	-
14.	Tawau	-	-	2	-	-	-
15.	Kota Belud	-	-	-	-	1	-
16.	Kimanis	-	-	-	-	1	-
17.	Tuaran	-	-	-	-	1	-
18.	Kinarut	-	-	-	-	1	-

Sumber: Rekod JPS, Sabah

Nota: Laporan Banjir Tahunan tersebut tidak menggambarkan keseluruhan kejadian banjir yang berlaku di Negeri Sabah kerana JPS di peringkat daerah tidak menghantar Laporan Banjir Semasa secara konsisten walaupun terdapat arahan sedemikian.

Semakan Audit terhadap rekod Pelan Tindakan Mengatasi Banjir JPS mendapati punca utama kejadian banjir bagi kawasan di atas adalah disebabkan oleh curahan hujan yang lebat di lembangan sungai mengakibatkan air sungai melimpah. Keadaan fizikal sungai juga didapati agak kecil, cetek dan berliku.

**Pada pendapat Audit, penyelenggaraan dua jenis rekod di atas adalah memuaskan. Bagaimanapun, Laporan Banjir Tahunan tidak kemas kini dan tidak menggambarkan keseluruhan kejadian banjir yang berlaku.**

#### **24.2.4 Kaedah Pelaksanaan**

Pihak JPS telah melaksanakan projek RTB ini berdasarkan kaedah pelaksanaan yang telah dirancang iaitu kajian awal, pengambilan tanah dan pelantikan kontraktor.

##### **a) Kajian Awal**

JPS Negeri Sabah tidak terlibat dengan proses pelantikan juru perunding untuk membuat kajian awal dan menyediakan reka bentuk bagi projek RTB Sungai Telipok kerana proses tersebut diuruskan oleh Kementerian Kewangan Negeri yang telah melantik PY Konsep Perunding Sdn. Bhd. manakala JPS Persekutuan pula telah melantik Perunding Bumi Utama bagi projek RTB Sungai Menggatal (termasuk Sungai Darau Paket 1, Paket 2 dan Paket 3).

##### **b) Pengambilan Tanah**

Setelah kawasan untuk dilaksanakan projek dikenal pasti maka proses pengambilan tanah telah dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur iaitu jabatan yang diberi kuasa berdasarkan peruntukan yang sedia ada mengikut Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69.

###### **i) Projek RTB Sungai Telipok**

Tanah yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini terletak dalam kawasan Kota Kinabalu Industrial Park Sdn. Bhd. (KKIPSB) sebuah syarikat milik Kerajaan Negeri. Oleh itu, dalam hal ini JPS bergantung kepada KKIPSB untuk menyelesaikan hal berkaitan hak milikan tapak terlebih dahulu bagi memastikan projek ini berjalan lancar. Kos untuk bayaran pampasan ke atas tanah dan rumah penduduk yang terlibat dalam projek ini ditanggung oleh KKIPSB yang disalurkan kepada Jabatan Tanah dan Ukur.

###### **• Bayaran Pampasan Rumah Dan Tanah**

Bayaran pampasan akan dibuat ke atas struktur bangunan atau rumah, tanah dan tanaman. Berdasarkan semakan Audit di JPS ke atas rekod status kawasan yang terlibat, setakat 31 Disember 2007 adalah didapati Jabatan Tanah Dan Ukur telah membayar keseluruhan pampasan rumah dan tanah yang terlibat berjumlah RM8.98 juta dan statusnya adalah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Status Pampasan Rumah Dan Tanah**

Bil.	Status	Rumah (Bilangan Pemilik)	Tanah (Bilangan Hakmilik)
1.	Telah selesai urusan pembayaran pampasan	62	33
2.	Menunggu maklum balas pemilik terhadap tawaran yang telah diberikan	28	25
3.	Masih menunggu maklum balas daripada pemilik terhadap tawaran yang telah dikaji semula	4	-
4.	Pemilik yang masih tidak bersetuju dengan bayaran pampasan yang telah dikaji semula	3	-
5.	Pemilik yang telah dibayar sebahagian pampasan namun masih belum merobohkan struktur bangunan mereka.	9	4
<b>Jumlah</b>		106	62

Sumber: Rekod JPS, Sabah

- **Bayaran Pampasan Tanaman**

Bagi pampasan terhadap tanaman yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri pula Jabatan Tanah Dan Ukur telah membayar pampasan sejumlah RM5,000 kepada 2 pemilik tanaman yang terlibat. Manakala 8 pemilik lain masih belum memberi maklum balas terhadap tawaran yang telah diberikan.

- **Struktur Bangunan Awam**

Selain daripada itu terdapat tiga buah struktur bangunan awam yang dimiliki oleh agensi yang berlainan seperti di **Jadual 54** belum dipindahkan kerana masih digunakan.

**Jadual 54**  
**Struktur Bangunan Awam**

Bil.	Jenis Bangunan	Pemilik Bangunan	Bilangan
1.	Surau	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah	1
2.	Sekolah Agama	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah	1
3.	Tadika Perpaduan	Jabatan Perpaduan	1
<b>Jumlah</b>			3

Sumber: Rekod JPS, Sabah

Sehingga tahun 2008, sudah 3 tahun daripada tarikh sepatutnya siap, pihak KKIPSB masih belum dapat menyelesaikan kesemua urusan berkaitan dengan milikan tapak ini. Berdasarkan minit mesyuarat tapak

didapati halangan yang menyebabkan urusan tapak ini belum selesai sehingga menjelaskan pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

- ❖ Keengganan sebilangan penduduk memberi kerjasama kerana tidak mahu berpindah dan merobohkan rumah mereka walaupun pampasan telah dibayar sebahagiannya. Pada 6 Julai 2007, JPS telah mula mengambil langkah membawa masalah ini ke Mesyuarat Jawatankuasa OSA yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Semakan Audit ke atas fail Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSA mendapati langkah ini telah dapat mempercepatkan tindakan untuk menyelesaikan masalah. Jawatankuasa tersebut telah memutuskan agar tindakan segera oleh pihak Pejabat Pemungut Hasil Tanah (PPHT) dengan mengeluarkan Notis Pengosongan Kawasan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pula Notis Perobohan kepada rumah-rumah yang telah pun dibayar pampasan.
- ❖ Bagi kawasan yang terlibat dengan tambahan kerja pula, proses untuk pemberian notis sedang dilakukan. Selain itu, didapati pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) juga sedang dalam proses mengenal pasti cadangan tapak alternatif yang sesuai bagi bangunan surau dan sekolah agama setelah diarahkan oleh Jawatankuasa OSA. Tindakan untuk membawa masalah tapak ini ke Mesyuarat Jawatankuasa OSA adalah baik.

Semakan Audit terhadap Laporan Banjir Tahunan mendapati kejadian banjir di kawasan Telipok masih berlaku iaitu sekali pada tahun 2005 dan 2 kali pada tahun 2006. Keberkesanan projek untuk menghindarkan kejadian banjir daripada berlaku tidak mencapai matlamatnya disebabkan oleh projek belum siap dan terdapat lanjutan masa kerana masalah tanah yang menjelaskan penyiapan projek. Dalam kejadian banjir pada tahun 2005 Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah telah membelanjakan sejumlah RM63,150 pemberian dalam bentuk bantuan wang tunai kepada 421 orang mangsa. Bagaimanapun, tidak ada bantuan diberikan bagi kejadian banjir yang berlaku pada tahun 2006.

#### **ii) Projek RTB Sungai Darau Pakej 1**

Adalah didapati kawasan tapak yang digunakan bagi tapak penyimpanan unit *pre-cast concrete 'L' shape* adalah milik Kerajaan Negeri dan tidak terdapat sebarang struktur rumah atau bangunan di kawasan tersebut.

#### **iii) Projek RTB Sungai Darau Pakej 2**

Bagi projek ini masalah tapak dapat diselesaikan oleh JPS. Berdasarkan laporan JPS mengenai status kawasan yang terlibat setakat 31 Disember 2007,

Jabatan Tanah Dan Ukur telah membayar pampasan untuk 33 buah rumah dan bangunan dan kepada 12 pemilik tanah yang kesemuanya berjumlah RM3.80 juta.

**iv) Projek RTB Sungai Darau Pakej 3**

Kawasan tanah untuk projek RTB Sungai Darau Pakej 3 melibatkan tanah rezab Kampung Darau dan tidak ada masalah dari segi pengambilan tanah. Namun terdapat struktur bangunan penduduk Kampung Darau seperti rumah, stor dan gerai yang melibatkan 46 pemilik dan sebuah surau milik Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Berdasarkan laporan JPS mengenai status kawasan yang terlibat setakat 31 Disember 2007, Jabatan Tanah Dan Ukur telah membayar pampasan penuh kepada seramai 21 pemilik rumah, manakala 25 pemilik lagi termasuk pihak MUIS telah dibayar sebahagian pampasan yang kesemuanya berjumlah RM1.09 juta. Berdasarkan minit mesyuarat tapak, didapati halangan yang menyebabkan pelaksanaan projek ini terjejas adalah seperti berikut:

- Terdapat sebilangan penduduk yang masih enggan berpindah dan merobohkan struktur rumah mereka dan telah dibayar sebahagian pampasan. Terdapat juga penduduk yang membuat permohonan melalui pemimpin mereka untuk menangguhkan perpindahan kerana belum lagi dapat mencari tempat baru untuk berpindah.
- Pihak MUIS masih belum mengenal pasti tapak yang sesuai untuk memindahkan bangunan surau yang masih digunakan oleh penduduk kampung.

**c) Pelantikan Kontraktor**

Bagi projek RTB Sungai Telipok yang tersenarai dalam RMK-8, kontraktor Syarikat BAV Construction dilantik secara terus oleh Kementerian Kewangan untuk melaksanakan projek ini dengan kos RM14 juta. Bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 1 dan 3 yang menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan pula, proses kelulusan tender dibuat di Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS). Berdasarkan Laporan Penilaian Tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender JPS, Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah telah bermesyuarat dan menerima tawaran daripada Bekaya (Sabah) Sdn. Bhd. bagi RTB Sungai Darau Pakej 1, Fokus Niaga Contractor bagi RTB Sungai Darau Pakej 2 dan syarikat Shermadef Construction Sdn. Bhd. bagi RTB Sungai Darau Pakej 3.

**Pada pendapat Audit, kaedah pelaksanaan seperti melantik juru perunding untuk kajian awal dan pelantikan kontraktor adalah baik kecuali pengambilan tanah.**

#### **24.2.5 Pematuhan Perjanjian Kontrak**

Semakan Audit mendapati dokumen perjanjian kontrak yang ditandatangani bagi projek ini mengandungi terma yang melibatkan jaminan kepentingan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995**. Sebelum perjanjian kontrak ditandatangani antara Pengarah JPS dengan kontraktor, kontraktor dikehendaki mengembalikan Surat Setuju Terima Tender yang telah ditandatangani. Semakan Audit mendapati perkara ini telah dipatuhi. Di antara syarat yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak adalah seperti berikut:

**a) Bon Pelaksanaan**

Syarat perjanjian kontrak menerangkan bahawa kontraktor perlu menyediakan Bon Pelaksanaan berjumlah 5% daripada harga kontrak atau Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran kemajuan kontrak sehingga mencapai jumlah 5% harga kontrak. Selain daripada itu Bon Pelaksanaan ini juga perlu sah laku dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan berjumlah RM700,000 bagi projek RTB Sungai Telipok telah dikemukakan. Bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 1, 2 dan 3, Wang Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM190,100, RM275,379 dan RM515,072 masing-masing telah dibuat potongan secara berterusan daripada bayaran kemajuan kerja setiap projek. Adalah didapati tempoh sah laku jaminan tersebut berkuatkuasa sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan. Bagi projek RTB Sungai Telipok dan Sungai Darau Pakej 1 yang terdapat pelanjutan masa didapati tempoh kuat kuasanya juga telah diperbaharui selaras dengan setiap pelanjutan masa.

**b) Insurans**

Klausula 33 dalam dokumen Perjanjian Kontrak menetapkan kontraktor menyediakan Polisi Insurans Tanggungan Awam manakala Klausula 36 adalah berkaitan dengan keperluan pengambilan Insurans Kerja. Bagi projek RTB Sungai Telipok, nilai polisi insurans tanggungan awam dan insurans kerja masing-masing adalah RM200,000 dan RM14 juta. Bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 1 pula ialah masing-masing bernilai RM200,000 dan RM3.80 juta bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 2 masing-masing berjumlah RM200,000 dan RM5.51 juta manakala bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 3 masing-masing berjumlah RM500,000 dan RM10.30 juta. Semakan Audit mendapati polisi insurans berkenaan telah dikemukakan dalam tempoh ditetapkan serta meliputi tempoh kontrak dan tempoh tanggungan kecacatan. Bagi projek RTB Sungai Telipok, Sungai Darau Pakej 1 dan Pakej 3 yang terdapat pelanjutan masa didapati tempoh kuat kuasanya juga telah diperbaharui selaras dengan setiap pelanjutan masa.

**c) Caruman PERKESO**

Klausula 35 menjelaskan bahawa kontraktor tidak perlu menyediakan polisi Insurans Pampasan Pekerja jika pekerja di dalam projek ini dilindungi oleh Skim Perlindungan Pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

1969. Semakan Audit mendapati kontraktor bagi ketiga-tiga projek tersebut ada membuat caruman kepada PERKESO.

**d) Lesen Pusat Khidmat Kontraktor Dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia**

**Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995 dan Tambahan Pertama Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1995** menyatakan dengan jelas hanya kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan mempunyai perakuan pendaftaran dengan CIDB dalam gred dan kategori bagi tender kerja boleh terlibat dalam perolehan kerja Kerajaan. Semakan Audit mendapati bagi projek RTB Sungai Darau Paket 1, 2 dan 3 syarikat adalah berdaftar dengan PKK dan CIDB dalam kelas atau gred dan kepala yang bersesuaian. Syarikat BAV Construction yang melaksanakan projek RTB Sungai Telipok pula didapati lesen pendaftarannya dengan CIDB adalah dalam Gred 5 Tidak Melebihi RM5 juta sedangkan kos projek tersebut berjumlah RM14 juta. Sepatutnya syarikat yang melaksanakan projek ini mestilah berdaftar dalam Gred G7 Tiada Had. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah meluluskan Syarikat BAV Construction melaksanakan projek ini.

**e) Bayaran Pendahuluan**

Mengikut peraturan, kontraktor boleh memohon pendahuluan untuk melaksanakan projek. Bagi projek RTB Sungai Telipok dan Sungai Darau Paket 1 dan 2, kontraktor tidak memohon bayaran pendahuluan. Bagi projek RTB Sungai Darau Paket 3 pula didapati kontraktor telah memohon bayaran pendahuluan berjumlah RM1.68 juta. Kontraktor juga telah menyediakan jaminan bank bagi wang pendahuluan ini dengan nilai yang sama berkuatkuasa sepanjang tempoh projek termasuk tempoh tanggungan kecacatan. Semakan Audit mendapati bayaran balik ke atas bayaran pendahuluan ada dibuat melalui potongan daripada bayaran kemajuan kerja projek.

**Pada pendapat Audit, kontraktor telah mematuhi semua syarat kontrak yang ditetapkan.**

**24.2.6 Prestasi Fizikal Projek RTB**

Prestasi fizikal projek dapat dinilai daripada segi tempoh kerja sebenarnya disiapkan dan pematuhan spesifikasi kerja. Prestasi fizikal 4 projek RTB adalah seperti berikut:

### a) Projek RTB Sungai Telipok

**Latar Belakang Projek**

No. Kontrak	JPS/N/SAB/SG/121/2002
Kontraktor	BAV Construction
Harga Kontrak Asal	RM14 juta
Perubahan Kerja 1	RM6.28 juta
Tempoh Kontrak	1 Oktober 2002 hingga 31 Mac 2005
Kemajuan Kerja	4 kali lanjutan masa iaitu pada 31 Mac 2006, 31 Mac 2007, 31 Mac 2008 dan 31 Mac 2009 disebabkan masalah tapak. Setakat 31 Mei 2008 hanya 94% siap berbanding 100% yang dirancang.

Matlamat projek ini apabila siap adalah untuk menyediakan Sungai Telipok yang lebih besar dengan meluruskan, melebarkan dan mendalamkannya untuk meningkatkan kemampuannya sebagai sumber saliran utama keluar air daripada kawasan sepanjang sungai dari Pekan Telipok sehingga ke hilir termasuk kawasan KKIPSB. Projek ini dijangka akan memberi impak besar dalam mengurangkan masalah banjir dalam kawasan tersebut dari segi kekerapan dan kesannya. Kawasan yang dicadangkan untuk dibina sejauh 4.7 km dan juga tambahan sepanjang 0.942 km lagi kerana terdapat keperluan untuk kerja tambahan seperti di **Foto 78**.

**Foto 78**  
**Pandangan Dari Udara Kawasan RTB Sungai Telipok**



Sumber: Foto JPS, Sabah

#### i) Komponen Projek

Pelaksanaan projek ini adalah berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh juru perunding PY Konsep Perunding Sdn. Bhd.. **Bagaimanapun**, sehingga kini JPS masih belum dapat mengemukakan kepada pihak Audit

**laporan kajian kemungkinan yang dilakukan oleh juru perunding untuk projek ini.** Berdasarkan semakan Audit ke atas fail projek yang mengandungi dokumen kontrak serta pelan lukisan dan reka bentuk saliran menunjukkan komponen utama kerja yang telah dilaksanakan adalah kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam sungai sepanjang 4.7 km, membina 2 buah *RC drop structure* dan 4 buah *drainage inlet structure*.

- **Kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sungai**

Berdasarkan pelan lukisan kerja-kerja mendalam dan melebar sungai yang telah dilakukan ialah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Butiran Kerja-kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sungai Telipok**

Kedudukan (ditunjukkan dalam pelan)	Kedalaman (meter)	Lebar Sungai Atas (meter)	Lebar Sungai Bawah (meter)
<b>Chainage 2554 hingga 3810</b>	5.5	90	50
<b>Chainage 2520 hingga 2554</b>	4.25	100	65
<b>Chainage - 480 hingga 1260</b>	4	110	70

Sumber: Rekod JPS, Sabah

Sehingga projek siap sepenuhnya, kawasan sungai yang telah siap dilebarkan dan didalamkan belum boleh dimanfaatkan kerana projek ini belum siap dan diberi 4 kali lanjutan masa. Lawatan Audit pada 2 Disember 2007 mendapati sungai yang telah siap dilebarkan dan didalamkan telah cetek semula dan ditumbuhinya semak samun seperti contoh di **Foto 79** dan **80**.

**Foto 79**  
**Keadaan Sungai Yang Menjadi Cetek Semula**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 2 Disember 2007  
Lokasi: Sg. Telipok

- ***Reinforced Concrete (RC) Drop Structure***

Dua buah *RC drop structure* di *chainage* 3214 hingga 3142 dan *chainage* 1430 hingga 1348 disiapkan dalam tempoh kontrak kerana tidak mempunyai masalah tapak. *RC drop structure* ini berfungsi untuk memperlakukan kederasan aliran air. Berdasarkan pelan, *RC drop structure* di kedudukan *chainage* 1430 hingga 1348 disiapkan pada 11 Jun 2004 manakala yang di *chainage* 3214 hingga 3142 siap pada 15 Ogos 2003. Sehingga projek siap sepenuhnya *RC drop structure* belum boleh dimanfaatkan. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati kedua-dua *RC drop structure* yang telah siap telah pun ditimbuni kelodak tanah (*sediment*) dan diseliputi semak. Keadaan di kedua-dua buah *RC drop structure* berkaitan adalah seperti di **Foto 81** hingga **85**.

**Foto 81**

***RC Drop Structure Yang Diseliputi Semak***



**Foto 82**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 November 2007

Lokasi : Sg.Telipok (*chainage* 3214 hingga 3142)

**Foto 83**



**Foto 84**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit

Tarikh: 12 November

Lokasi : Sg.Telipok (*chainage* 1430 hingga 1348)

**Foto 85**  
**RC Drop Structure Yang Dipenuhi Kelodak Tanah (Sediment)**  
**Dan Diseliputi Semak**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 November 2007  
Lokasi : Sg.Telipok (chainage 1430 hingga 1348)

- **Pembinaan Drainage Inlet Structure**

*Drainage inlet structure* ialah suatu komponen struktur konkrit *sump* yang disambung dengan *culvert* paip sedia ada di sepanjang sungai bagi menyalurkan air dari kawasan tадahan (*catchment area*) ke sungai. Semakan Audit terhadap *bills of quantities* bagi item 5.4 *Sundries* terdapat peruntukan untuk membina *drainage inlet structure* bergantung jika terdapat keperluan dan arahan daripada Pengguna Projek. Setakat tarikh pengauditan pada 31 Disember 2007 terdapat 4 *drainage inlet structure* yang telah siap dibina. Pembinaan keempat-empat *drainage inlet structures* dapat disiapkan dalam tempoh kontrak iaitu di *chainage* 330 pada 28 Ogos 2003, di *chainage* 660 pada 1 Oktober 2003, di *chainage* 1500 pada 1 November 2003 dan di *chainage* 2820 pada 18 September 2003 kerana tidak mempunyai masalah tapak.

Lawatan Audit ke tapak projek pada 12 November 2007 dan 2 Disember 2007, mendapati kesemua empat *drainage inlet structure* yang dibina diseliputi semak samun dan juga dipenuhi kelodak tanah (*sediment*) serta kawasan sungai di sekelilingnya telah cetek semula. Keadaan *drainage inlet structure* di tapak adalah seperti di **Foto 86** hingga **91**.

**Foto 86**  
**Drainage Inlet Structure No.1 Diseliputi Semak Dan Dipenuhi Kelodak Tanah**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 2 Disember 2007  
Lokasi : Sg.Telipok (chainage 330)

**Foto 88**  
**Drainage Inlet Structure No. 2 Diseliputi Semak Dan Dipenuhi Kelodak Tanah**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 November 2007  
Lokasi : Sg.Telipok (chainage 2820)

**Foto 90**

**Drainage Inlet Structure No. 3 (kiri) dan No.4 (kanan) Diseliputi Semak Dan Dipenuhi Kelodak Tanah**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 November 2007

Lokasi : Sg.Telipok (chainage 1500)

**Foto 91**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 November 2007

Lokasi : Sg.Telipok (chainage 660)

## ii) Arahan Perubahan Kerja

Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Permohonan Perubahan Kerja Kontrak yang dipengerusikan oleh Pengarah JPS dan dianggotai oleh Penolong Pengarah (Kejuruteraan Sungai dan Pantai) dan Ketua Bahagian (Ukur Bahan) pada 15 Ogos 2005 telah memutuskan untuk memohon tambahan kerja kepada Kementerian Kewangan pada 16 Ogos 2005 disebabkan oleh banjir besar yang melanda kawasan Telipok pada 17 Julai 2005 dan telah diluluskan sejumlah RM6.28 juta menjadikan kos projek RTB Sungai Telipok meningkat menjadi RM20.28 juta. **Foto 92 hingga 94** adalah antara kesan yang ditinggalkan oleh banjir besar yang melanda Pekan Telipok pada 17 Julai 2005.

**Foto 92**  
**Kesan Banjir di Pekan Telipok Pada Tahun 2005**



Sumber: Foto JPS, Sabah  
Lokasi: Kawasan Pekan Telipok

**Foto 94**  
**Kesan Banjir di Pekan Telipok Pada Tahun 2005**



Sumber: Foto JPS, Sabah  
Lokasi: Kawasan Pekan Telipok

- **Komponen Projek**

Perubahan kerja yang telah diluluskan ialah kerja-kerja pengorekkan dan melurus sungai sepanjang 0.942 km, pembinaan sebuah *RC drop structure*, *detention pond* dan *drainage control structure* serta pembayaran tambahan kos *preliminaries* disebabkan oleh pelanjutan tempoh siap kontrak dan pertambahan nilai kontrak.

- **Kemajuan Projek**

Lawatan Audit pada 30 Disember 2007 mendapati hanya satu komponen yang dapat disiapkan iaitu sebuah *RC drop structure* di *chainage* 4092.5 hingga 4034 pada 31 Julai 2007.

Adalah didapati *RC drop structure* tersebut berkeadaan baik seperti di **Foto 95** dan **96**. Kerja-kerja lain masih belum dimulakan kerana menghadapi masalah milik tapak.

**Foto 95**

*Drainage Inlet Structure Yang Berkeadaan Baik*



**Foto 96**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 12 November 2007

Lokasi : Sg. Telipok (chainage 4092.5 hingga 4034)

### iii) Kemajuan Pembayaran

Bayaran dibuat secara berperingkat mengikut kemajuan kerja yang telah dilaksanakan dan setelah Sijil Bayaran Kemajuan disahkan oleh Jurutera Daerah Penampang yang dilantik sebagai wakil Pegawai Pengguna Projek. Berdasarkan semakan Audit ke atas 3 baucar bayaran kemajuan mendapat prosedur bayaran kemajuan kerja adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Sehingga bayaran interim yang terakhir pada 20 Ogos 2007, sejumlah RM15.30 juta atau 75.4% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM20.28 juta telah dibayar kepada kontraktor.

## b) Projek RTB Bandaran - Sungai Darau Pakej 1

### Latar Belakang Projek

No. Kontrak	JPS/P/SAB/SG/110/2002
Kontraktor	Bekaya (Sabah) Sdn. Bhd.
Harga Kontrak Asal	RM3.80 juta
Pelarasan Jumlah	RM0.23 juta
Harga Kontrak	
Tempoh Kontrak	11 Disember 2002 hingga 9 Disember 2003
Kemajuan Kerja	2 kali lanjutan masa pada 8 Jun 2004 dan 9 November 2004 disebabkan kesukaran mendapatkan bekalan bahan binaan terutama besi.
Tarikh Siap	9 November 2004

### i) Komponen Projek

Projek ini adalah untuk membina sebanyak 6,015 unit *pre-cast concrete 'L' shape* yang akan digunakan bagi projek RTB Sungai Darau Paket 2 yang memulakan projek pada 26 September 2005. Semasa lawatan Audit ke tapak pembinaan pada 12 November 2007 mendapati unit *pre-cast concrete 'L' shape* yang siap, disusun di tapak simpanan seperti di **Foto 97** dan **98**.

**Foto 97**

*RC L Shape Unit Di Tapak Simpanan*



**Foto 98**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sg. Darau

Tarikh: 12 November 2007

*Pre-cast concrete 'L' shape* ini untuk kegunaan projek RTB Sungai Darau Paket 2 yang bermula pada 29 September 2005. Bagaimanapun, *pre-cast* ini hanya mula dipasang pada 1 Disember 2007 kerana projek tersebut menghadapi masalah tapak. Sebanyak 177 unit telah pun dipindah ke tapak pembinaan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 122 unit telah pun dipasang. Kos untuk pemindahan ke tapak pembinaan dan pemasangan adalah termasuk di dalam projek RTB Sungai Darau Paket 2.

### ii) Nilai Kontrak

Nilai kontrak telah bertambah daripada RM3.80 juta menjadi RM4.03 juta. Semakan Audit ke atas fail projek mendapati pertambahan nilai kontrak ini disebabkan oleh permohonan kontraktor untuk menyemak semula harga besi yang meningkat dan terdapat keperluan untuk membina *hoarding* bagi menggantikan *chain link fence* seperti di **Jadual 54**. Pengiraan tuntutan daripada kontraktor ekoran kenaikan harga besi dibuat dan disemak semula oleh JPS berdasarkan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia seterusnya dimajukan ke JPS Persekutuan untuk kelulusan.

**Jadual 54**  
**Pelarasan Jumlah Harga Kontrak**

Bil.	Perkara	Pelarasan Jumlah Harga Kontrak (RM)	Sebab
1.	Pelarasan Jumlah Harga Kontrak No.1	44,532	Terdapat keperluan untuk membina <i>hoarding</i> bagi menggantikan <i>chain link fence</i>
2.	Pelarasan Jumlah Harga Kontrak No.2	62,216	Kenaikan harga besi keluli di pasaran
3.	Pelarasan Jumlah Harga Kontrak No.3	117,499	Kenaikan harga besi keluli di pasaran

Sumber: Rekod JPS, Sabah

### **iii) Bayaran Kemajuan**

Setiap projek yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor akan dibayar secara berperingkat mengikut kemajuan kerja yang telah dilaksanakan setelah Sijil Bayaran Kemajuan disahkan oleh Jurutera Daerah Penampang yang dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa Projek. Berdasarkan semakan Audit ke atas 3 baucar bayaran kemajuan mendapati pembayaran dibuat berdasarkan peraturan dan kemajuan kerja yang telah ditetapkan dan keseluruhannya berjumlah RM4.03 juta.

### **iv) Sijil Perakuan Siap Kerja**

Projek ini telah disahkan siap pada 9 November 2004. Sijil Siap Kerja projek telah dikeluarkan pada 17 Mei 2005 dan telah diperakui oleh Pegawai Penguasa. Mengikut surat tawaran dan kontrak yang ditandatangani seperti dinyatakan dalam *Appendix To The Conditions Of Contract*, tempoh tanggungan kecacatan oleh kontraktor terhadap kerja yang dilaksanakan adalah selama 12 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Oleh itu, Tempoh Tanggungan Kecacatan akan bermula pada 10 November 2004 dan berakhir pada 9 November 2005. Semakan Audit mendapati dalam tempoh tanggungan kecacatan ini tidak terdapat sebarang laporan kecacatan atau kerosakan. Sijil Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada 17 November 2005 dengan diperakui oleh Pegawai Penguasa.

### c) Projek RTB Bandaran - Sungai Darau Pakej 2

#### Latar Belakang Projek

No. Kontrak	JPS/P/SAB/SG/115/2004
Kontraktor	Fokus Niaga Contractor
Harga Kontrak Asal	RM5.51 juta
Perubahan Kerja 1	RM0.33 juta
Tempoh Kontrak	26 September 2005 hingga 22 September 2008
Kemajuan Kerja	Setakat 31 Mei 2008 kemajuan projek adalah lebih pantas iaitu 86% berbanding yang dirancang sebanyak 74%.

Matlamat projek ini adalah untuk menyediakan infrastuktur bagi mengatasi masalah banjir di sepanjang Sungai Darau. Keadaan sungai yang kecil serta berliku-liku menyebabkan pengalirannya tidak lancar. Sungai sedia ada tidak mampu lagi mengalirkan kapasiti air yang banyak apabila berlaku hujan lebat dan seterusnya menyebabkan berlakunya banjir. Untuk mengatasi masalah ini kawasan yang dicadangkan untuk dibina seperti di **Foto 99** sejauh 410 meter. Sungai sedia ada akan dinaiktaraf dengan melurus, mendalam serta melebar dan seterusnya tebing dipasang dengan unit *pre-cast concrete 'L' shape*.

**Foto 99**  
Pandangan Dari Atas Kawasan RTB Sg. Darau Pakej 2



Sumber: Foto JPS, Sabah

#### i) Komponen Projek

Syarikat Perunding Utama telah dilantik oleh pihak JPS Persekutuan sebagai perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi projek ini. Semakan Audit ke atas fail projek mendapati berdasarkan kajian tersebut didapati sungai tersebut adalah kecil dan berliku-liku menyebabkan pengaliran airnya tidak lancar. Pihak juru perunding telah mencadangkan agar sungai yang ada didalamkan dan diluruskan. Sehubungan itu, reka bentuk saliran dibuat di mana

komponen kerja utama adalah melurus, melebar serta mendalam sungai dan seterusnya tebing dipasang dengan unit *pre-cast concrete 'L' shape* (*widening & profiling by excavation and concrete block lining* (410 meter)).

- **Kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sungai**

Bagi komponen yang pertama iaitu kerja melurus, melebar, mendalam sungai dan seterusnya membina pelindung cerun bertujuan untuk melindungi benteng cerun dari arus air yang deras semasa hujan lebat. Spesifikasi kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam yang dilakukan ialah di kedudukan seperti di **Jadual 55**. Panjang saliran yang dibina pelindung cerun ini adalah 410 meter.

**Jadual 55**  
**Kerja-kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sg. Darau Paket 2**

Kedudukan (ditunjukkan dalam pelan)	Kedalaman (meter)	Lebar Sungai Atas (meter)	Lebar Sungai Bawah (meter)
<b>Chainage 2500 hingga 2761</b>	3.5	34	26
<b>Chainage 2834 hingga 2910</b>	3.45	37	23

Sumber: Rekod JPS, Sabah

Selepas itu pelindung cerun dipasang menggunakan unit *pre-cast concrete 'L' shape*. Unit *pre-cast concrete 'L' shape* yang telah dipasang adalah seperti di **Foto 100** dan **101**.

**Foto 100**  
**L Shape Unit Yang Mula Dipasang Di RTB Sungai Darau Paket 2**



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 2 Disember 2007  
Lokasi: Sg. Darau

## ii) Nilai Kontrak

Nilai kontrak telah bertambah daripada RM5.51 juta menjadi RM5.84 juta. Pertambahan nilai kontrak sebanyak RM334,308 adalah disebabkan terdapat keperluan untuk tambahan sambungan R.C. box culvert berukuran 3 meter

lebar di kiri dan kanan sungai untuk laluan serta kerja pengalihan kemudahan awam seperti paip air, kabel elektrik dan telefon. Pertambahan nilai kerja ini telah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perubahan Kerja yang dipengerusikan oleh Pengarah JPS.

**iii) Kemajuan Pembayaran**

Bayaran dibuat secara berperingkat mengikut kemajuan kerja yang telah dilaksanakan setelah Sijil Bayaran Kemajuan disahkan oleh Jurutera Daerah Penampang yang dilantik sebagai wakil Pegawai Penguasa Projek. Berdasarkan semakan Audit ke atas 3 baucar bayaran mendapati prosedur bayaran kemajuan kerja adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Setakat bayaran interim terakhir pada 16 Mei 2008, sejumlah RM3.92 juta atau 67.1% daripada nilai kontrak yang berjumlah RM5.84 juta telah dibayar kepada kontraktor.


**d) Projek RTB Bandaran - Sungai Darau Pakej 3**

**Latar Belakang Projek**

No. Kontrak	JPS/P/SAB/SG/114/2005
Kontraktor	ShermaDef Construction Sdn. Bhd.
Harga Kontrak	RM10.30 juta
Tempoh Kontrak	19 Mei 2006 hingga 18 Mei 2008
Kemajuan Kerja	1 kali lanjutan masa pada 18 Mei 2009 disebabkan masalah tapak. Setakat 30 April 2008 hanya 48% siap berbanding 96% yang dirancang.

Matlamat projek ini adalah untuk menyediakan infrastuktur bagi mengatasi masalah banjir kepada kawasan perniagaan dan kediaman di sepanjang Sungai Darau. Keadaan sungai yang kecil serta berliku-liku menyebabkan ianya tidak lancar dalam pengalirannya. Saliran yang ada tidak mampu lagi mengalirkan kapasiti air yang banyak apabila berlaku hujan lebat dan seterusnya menyebabkan berlakunya banjir. Untuk mengatasi masalah ini kawasan yang dicadangkan untuk dibina adalah sejauh 1.2 km, kawasan yang bertanda biru tebing sungainya akan dipasang dengan *concrete block* selepas didalam dan dilebarkan manakala yang bertanda merah pula adalah kerja-kerja *improvement of downstream section*. Apabila siap ianya dapat menyediakan infrastruktur Sungai Darau yang lebih besar dan dapat meningkatkan kemampuannya untuk mengalirkan air berlebihan ke laut. **Foto 102** adalah kawasan yang dicadangkan untuk dibina sejauh 1.2 km.

Foto 102  
Pandangan Dari Udara Kawasan RTB Sg. Darau Paket 3



Sumber: Foto JPS, Sabah

i) Komponen Projek

Syarikat Perunding Utama telah dilantik oleh pihak JPS Persekutuan sebagai perunding untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi projek ini. Semakan Audit ke atas fail projek mendapati berdasarkan kajian didapati sungai tersebut adalah kecil dan berliku-liku menyebabkan pengaliran airnya tidak lancar. Pihak juru perunding telah mencadangkan agar sungai yang ada didalamkan dan diluruskan. Sehubungan itu, satu pelan tapak dan reka bentuk saliran berkaitan dengan spesifikasi dan komponen utama projek ialah kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam sungai (*widening & profiling by excavation and concrete block lining (1.2 km)*), membina *drainage inlet structure* dan *improvement of downstream section*.

• Kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sungai

Bagi komponen yang pertama iaitu kerja melurus, melebar, mendalam sungai dan seterusnya membina pelindung cerun bertujuan untuk melindungi benteng cerun dari arus air yang deras semasa hujan lebat. Spesifikasi kerja-kerja melurus, melebar dan mendalam yang dilakukan ialah di kedudukan seperti **Jadual 56**. Panjang saliran yang dibina pelindung cerun ini adalah 1.2 km.

**Jadual 56**  
**Kerja-kerja Melurus, Melebar Dan Mendalam Sg. Darau Paket 3**

Kedudukan	Kedalaman (meter)	Lebar Sungai Atas (meter)	Lebar Sungai Bawah (meter)
<b>chainage 2910 hingga 4143</b>	3.45	36	23


Sumber: Rekod JPS, Sabah

Selepas itu pelindung cerun dipasang menggunakan *Betomat concrete grass block mat*. Bagaimanapun, kontraktor menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan *Betomat concrete grass block mat* tersebut disebabkan syarikat pengeluar tunggal bahan tersebut telah pun menutup operasinya. Kontraktor telah meminta juru perunding lain untuk menyediakan satu kertas cadangan bagi menggantikannya dengan bahan lain iaitu dengan *pre-cast concrete Hollow blocks* secara *design & build*. Kontraktor seterusnya mengajukan kertas cadangan tersebut kepada Pengarah JPS dan telah diluluskan dengan syarat sebarang pertambahan kos adalah tanggungjawab kontraktor.

- **Kaedah Pemasangan Bahan Pelindung Cerun**

Kaedah pemasangan bahan pelindung cerun *Hollow blocks* sebagai mana spesifikasi lukisan teknikal yang dikeluarkan oleh kontraktor adalah seperti di **Rajah 3**.

**Rajah 3**  
**Lukisan Teknikal Pemasangan Hollow Blocks**



Sumber: Rekod JPS, Sabah

- ❖ cerunan tebing akan dihampar dengan *geotextile* manakala *rip rap* iaitu timbunan batu selebar 3.5 meter akan digunakan untuk menguatkan tekanan *Hollow block* pada dasar tebing.

- ❖ pelindung cerun *Hollow block* yang akan disusun di atas hamparan *geotextile* bermula dari bahagian bawah iaitu pada *rip rap* ke bahagian atas. **Foto 103** menunjukkan kerja-kerja pemasangan *Hollow block* di tapak pembinaan sedang dijalankan manakala **Foto 104** dan **105** menunjukkan struktur *Hollow Block* yang dipasang dengan baik.

**Foto 103**  
**Kerja-kerja Pemasangan *Hollow Block* Sedang Dijalankan**



Sumber: Foto JPS, Sabah

**Foto 104**  
**Struktur *Hollow Block* Yang Dipasang Dengan Baik**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 11 November 2007  
Lokasi: Sg Darau

*Hollow block* tersebut dibuat di tapak khas yang disediakan oleh kontraktor menggunakan acuan besi seperti di **Foto 106** dan **107**.

Semasa lawatan Audit yang dibuat pada 12 November 2007 *Hollow block* yang telah siap disusun dengan baik seperti di **Foto 108**.

**Foto 106**  
**Acuan Besi Untuk Membuat Hollow Block**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 November 2007  
Lokasi: Sg. Darau

**Foto 107**  
**Hollow Block Yang Telah Siap**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 November 2007  
Lokasi: Sg. Darau

**Foto 108**  
**Hollow Block Yang Telah Siap Disusun Dengan Baik**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 12 November 2007  
Lokasi: Sg. Darau

❖ **Pembinaan Drainage Inlet Structure**

Di dalam *bill of quantities* terdapat *provisional sum* untuk membina *drainage inlet structure* bergantung kepada keperluan di tapak. Adalah

didapati setakat 31 Disember 2007 belum ada *drainage inlet structure* yang telah siap dan belum ada pembayaran dibuat.

❖ ***Improvement Of Downstream Section***

Berdasarkan *bill of quantities* dokumen kontrak terdapat *provision* untuk kerja-kerja *improvement of downstream section* iaitu di kawasan yang berpaya. Adalah didapati setakat 31 Disember 2007 ianya masih belum dilaksanakan.

**ii) Kemajuan Pembayaran**

Bayaran dibuat secara berperingkat mengikut kemajuan kerja yang telah dilaksanakan setelah Sijil Bayaran Kemajuan disahkan oleh Jurutera Daerah Penampang yang dilantik sebagai wakil Pegawai Pengguna Projek. Berdasarkan semakan Audit terhadap 3 baucar bayaran kemajuan mendapati prosedur bayaran kemajuan kerja adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Setakat bayaran interim terakhir pada 16 Mei 2008 sejumlah RM3.55 juta atau 34.5% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM10.30 juta telah dibayar kepada kontraktor.

**e) Koordinasi Antara JPS Dengan Agensi Lain**

Koordinasi dengan jabatan atau agensi lain amat diperlukan untuk memastikan projek RTB ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagi melancarkan proses pelaksanaan pembinaan projek RTB, Mesyuarat Jawatankuasa Pemindahan Kemudahan Awam akan dihadiri oleh agensi-agensi yang terlibat seperti pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), Jabatan Tanah Dan Ukur, Telekom Malaysia dan Jabatan Air Sabah dalam mesyuarat yang diadakan dari semasa ke semasa. Mesyuarat Jawatankuasa Pemindahan Kemudahan Awam yang ditubuhkan ini amat berkesan sebagai satu mekanisme bagi agensi-agensi yang terlibat membuat perbincangan untuk memastikan kelancaran proses pemindahan kemudahan awam yang terlibat dengan projek RTB ini.

**Pada pendapat Audit, prestasi fizikal projek adalah memuaskan kecuali bagi projek RTB Sungai Telipok dan Sungai Darau Paket 3 yang terdapat lanjutan masa kerana menghadapi masalah tanah.**

**24.2.7 Prestasi Kewangan**

Bagi menyiapkan projek RTB Sungai Telipok, JPS telah menerima bajet sejumlah RM15 juta dalam RMK-9. Jumlah yang diluluskan masih tidak mencukupi untuk membiayai keseluruhan kos projek tersebut yang berjumlah RM25 juta. Oleh itu, JPS telah mengagihkan bajet yang diluluskan di mana RM14 juta daripada jumlah tersebut adalah untuk kerja-kerja pembinaan projek, manakala bakinya untuk membiayai lain-lain kos yang terlibat termasuk pampasan tanah. JPS juga mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri untuk perubahan kerja sejumlah RM6.28 juta

menjadikan nilai kontrak berjumlah RM20.28 juta. Prestasi perbelanjaan bagi kerja-kerja pembinaan adalah RM16.51 juta atau 81.4%.

Bagi melaksanakan projek RTB Sungai Menggatal pula, JPS Malaysia telah meluluskan siling RMK-9 sejumlah RM19.4 juta manakala sejumlah RM18 juta kemudiannya telah diluluskan untuk kebenaran *forward commitment* di mana tambahan siling dengan jumlah sama akan diluluskan dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9. Oleh itu JPS dibenarkan menanggung nilai kerja sehingga berjumlah RM37.4 juta dalam RMK-9 walaupun Kajian Separuh Penggal RMK-9 belum diluluskan. Jumlah yang dibenarkan masih tidak mencukupi untuk membayai keseluruhan kos projek tersebut yang berjumlah RM102 juta. Oleh itu, berdasarkan bajet yang dibenarkan, JPS telah mengagihkan bajet tersebut kepada projek RTB Sungai Darau Paket 1, 2 dan 3. Prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 57**.

**Jadual 57**  
**Perbelanjaan Pembinaan Projek RTB Sungai Menggatal Sehingga 20 Jun 2008**

Bil.	Nama Projek	Bajet Diagihkan (RM Juta)	Tambahan Peruntukan Bagi Perubahan Kerja/ Pelarasaran Harga (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	RTB Sg. Darau (Paket 1)	3.80	Diluluskan pelarasaran harga kontrak sebanyak RM0.23 juta menjadikan jumlah keseluruhan ialah RM4.03 juta	4.03	100
2.	RTB Sg. Darau (Paket 2)	5.51	Diluluskan tambahan kerja bernilai RM0.33 juta menjadikan jumlah keseluruhan ialah RM5.84 juta	3.92	67.2
3.	RTB Sg. Darau (Paket 3)	10.30	-	4.60	44.7

Sumber : Rekod JPS, Sabah

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan projek RTB adalah memuaskan kecuali bagi projek RTB Sungai Telipok dan Sungai Darau Paket 3 yang terdapat lanjutan masa kerana menghadapi masalah tanah.**


#### **24.2.8 Modal Insan**

Bagi mewujudkan pengurusan yang mantap, pengurusan guna tenaga dan latihan yang mencukupi amat penting. Projek Rancangan Tebatan Banjir adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai.

a) Guna Tenaga


Kedudukan Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai dalam struktur organisasi JPS ditunjukkan dalam **Carta 15** dan **16**. Ia diketuai oleh seorang Jurutera Gred J52 berperanan untuk merancang dan melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir. Dari segi tugas pemantauan pula Pengarah JPS Negeri telah mewakilkan kuasanya sebagai Pengguna Projek secara bertulis kepada Jurutera Daerah Penampang bagi memantau kelancaran kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor. Keseluruhannya jumlah kakitangan sedia ada di Bahagian Kejuruteraan, Sungai dan Pantai adalah seramai 12 orang dan terdapat lapan kekosongan jawatan yang belum diisi disebabkan kenaikan pangkat seperti di **Carta 16**.

**Carta 15**  
Carta Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sabah



Sumber : Rekod JPS, Sabah

**Carta 16**  
**Carta Organisasi Bahagian Kejuruteraan, Sungai Dan Pantai**



Sumber : Rekod JPS, Sabah

### b) Latihan

Bagi memastikan kakitangan dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan, mereka perlulah mendapat kemahiran dan latihan yang bersesuaian. JPS Sabah tidak menganjurkan latihan sendiri sebaliknya bergantung kepada panggilan kursus daripada pihak JPS Persekutuan dan akan mencalonkan nama peserta bagi menghadiri sesuatu latihan atau kursus yang bersesuaian dengan bidang tugas kakitangan. Kursus berkaitan dengan pengurusan banjir yang telah dihadiri oleh kakitangan JPS yang tentunya memberi faedah kepada kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan tugas masing-masing seperti di **Jadual 58**.

**Jadual 58**  
**Senarai Kursus /Latihan/Seminar Yang Dihadiri Oleh Kakitangan JPS**

Bil.	Nama Kursus/Latihan	Tahun	Bilangan Peserta (Orang)
1.	Kursus Operasi Banjir	2007	3
2.	Seminar Kebangsaan Projek Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)	2007	1
3.	<i>Stormwater Quality Management</i>	2007	3
4.	<i>East and Southeast Asia Regional Seminar On Flood Hazard Mapping</i>	2007	1
5.	<i>Managing Rivers in the 21<sup>st</sup> Century: Solutions Towards Sustainable River Basins</i>	2007	1
6.	<i>Train the Trainer</i> (Program Kesedaran Air & Bio-Diversiti Sungai)	2006	3
7.	Kursus Amali, Operasi Dan Penyenggaraan Alat Gas Purge Waterlevel Pressure Sensing Unit	2006	1
8.	Pengurusan Dan Pentadbiran Kontrak	2006	2
9.	Kursus Rekabentuk Sistem Perparitan Menggunakan MSMA	2006	1
10.	Kursus Amali, Operasi Dan Penyelenggaraan Alat Telemetrik Scadatron	2006	1
11.	<i>Erosion and Sediment Control Plan (SECP) Dalam MSMA</i>	2005	3
12.	<i>River Rehabilitation Seminar</i>	2005	1
13.	<i>Region Focused Training Course on Flood Hazard Mapping</i>	2005	1
14.	Kursus Kejuruteraan Sungai	2005	1
15.	Kursus Tebatan Banjir	2005	2
16.	<i>Workshop On Design of On Site Detention Ponds</i>	2005	1
17.	Satu Negeri Satu Sungai	2005	1
18.	<i>Effective Implementation Of Integrated Water Resources Management In Malaysia</i>	2005	1
19.	Kursus Pemahaman Sistem SCADA & Automasi	2005	1
20.	<i>Technical Course On Geotechnical Engineering</i>	2005	1

Sumber : Rekod JPS, Sabah

**Pada pendapat Audit, kekosongan jawatan di Bahagian Kejuruteraan seramai 8 orang atau 67% adalah tidak memuaskan kerana ini akan menjelaskan aktiviti JPS.**

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat, pelaksanaan projek RTB adalah memuaskan kecuali bagi projek RTB Sungai Telipok di mana terdapat 4 kali lanjutan masa dan RTB Sungai Darau Pakej 3 terdapat 1 kali lanjutan masa disebabkan oleh masalah tanah yang menjelaskan kelancarannya menyebabkan banjir masih berlaku.

### **24.3 PEMANTAUAN**

Pengarah JPS Negeri adalah pihak yang dipertanggungjawapkan untuk melakukan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan. Namun bagi projek ini Pengarah JPS Negeri telah mewakilkan kuasanya sebagai Pengguna Projek secara bertulis kepada Jurutera Daerah Penampang.

#### **a) Peringkat Jabatan**

Projek ini adalah di bawah seliaan Bahagian Kejuruteraan Sungai dan Pantai di peringkat Ibu Pejabat JPS. Semakan Audit mendapati, untuk menentukan projek ini berjalan dengan lancar, pihak Ibu Pejabat JPS ada menerima laporan kemajuan kerja projek daripada JPS daerah. Selain itu, dalam mesyuarat tapak yang dibuat dari semasa ke semasa, Bahagian Kejuruteraan Sungai dan Pantai juga menerima laporan mesyuarat tersebut bagi memantau perbincangan di antara jurutera daerah dengan pihak kontraktor bagi membincangkan dan seterusnya menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek.

#### **b) Pemantauan Oleh Jurutera Daerah**

Untuk memastikan kerja pembinaan adalah mengikut jadual dan spesifikasi di dalam kontrak, semakan Audit mendapati pemantauan melalui cara berikut telah diikuti sehingga projek dapat disiapkan:

- i) Seorang wakil pegawai Pengguna Projek berada di tapak pembinaan sepenuh masa bagi merekodkan segala aktiviti ke Buku Harian Tapak. Pengguna Projek atau wakil telah membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa dan ada menurunkan tandatangan mereka di dalam buku tersebut.
- ii) JPS daerah telah menerima Laporan Kemajuan Kerja Bulanan termasuk perbelanjaan yang terlibat daripada kontraktor. Berdasarkan laporan tersebut prestasi dan pencapaian projek dipantau oleh pihak JPS.
- iii) Laporan ujian kiub (*cube test*) dibuat terhadap kerja-kerja konkrit dan keputusan ujian ada dikemukakan oleh kontraktor kepada pihak pegawai Pengguna Projek.
- iv) Mesyuarat Tapak telah diadakan dan minitnya disediakan selepas setiap mesyuarat untuk merekodkan setiap perbincangan. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh wakil dari JPS dan kontraktor. Sekiranya terdapat kemudahan awam milik agensi berkenaan terlibat dengan projek tersebut maka Mesyuarat Jawatankuasa Pemindahan Kemudahan Awam akan berbincang dan ianya telah dihadiri oleh wakil daripada agensi berkaitan seperti SESB, Telekom Malaysia serta Jabatan Air Sabah.

**Pada pendapat Audit, pemantauan adalah baik.**

## 25. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan projek tebatan banjir adalah baik. Projek RTB ini jika dilaksanakan dengan sempurna akan dapat memberi manfaat kepada penduduk persekitaran yang menghadapi masalah banjir. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan terdapat kelemahan dari segi penyediaan Laporan Banjir Tahunan yang tidak kemas kini. Bagi projek RTB Sungai Telipok objektifnya masih belum tercapai disebabkan projek belum dapat disiapkan sepenuhnya oleh kerana masalah tanah. Begitu juga dengan komponen yang telah siap lebih awal tidak disenggara dengan baik. Bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 3 pula masalah tanah juga perlu diberi perhatian. Untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dengan baik dan faedahnya berpanjangan adalah disyorkan agar cadangan yang diberikan dapat diambil perhatian sebagai langkah penambahbaikan.

- a) Laporan Banjir Tahunan hendaklah dipastikan tepat dan kemas kini bagi menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku memandangkan ianya dapat membantu JPS dalam membuat analisis mengenai keadaan banjir serta mengenal pasti kawasan yang perlu diberi perhatian untuk dilaksanakan projek. Tindakan perlu diambil bagi memastikan setiap JPS daerah menghantar laporan yang lengkap (termasuk laporan tidak ada banjir) setiap kali berlaku banjir ke Bahagian Hidrologi Dan Ukur bagi memastikan Laporan Banjir Tahunan yang dikeluarkan adalah tepat dan kemas kini serta menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku.
- b) Bagi projek RTB Sungai Telipok, JPS perlu mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah perpindahan penduduk yang telah menjelaskan kelancaran projek. Pembinaan komponen *RC drop structure* dan *drainage inlet structure* yang telah dapat disiapkan lebih awal tetapi belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya memandangkan terdapat lanjutan masa projek menyebabkan komponen tersebut terbengkalai dan fungsinya tidak dapat dimanfaatkan. Tindakan perlu dilakukan bagi memastikan keadaan komponen projek yang telah siap lebih awal sentiasa berkeadaan baik dan dapat digunakan apabila projek siap sepenuhnya nanti. Struktur yang telah siap hendaklah dijaga dengan baik kerana sebarang kerosakan pastinya akan meningkatkan kos untuk kerja pembaikan pada masa hadapan.
- c) Bagi projek RTB Sungai Darau Pakej 3 pula masalah milik tapak perlu dibawa ke Jawatankuasa OSA seperti mana projek RTB Sungai Telipok bagi mempercepatkan proses penyelesaian masalah tapak agar tidak lagi berlaku lanjutan masa yang kedua ke atas projek ini.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**PEMBANGUNAN PROGRAM PEMBASMIAK KEMISKINAN**

**26. LATAR BELAKANG**

**26.1** Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) ditubuhkan pada 17 November 1995 dan bertanggungjawab atas semua aktiviti dan program yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan. Mengikut bancian pada tahun 2004/2005, seramai 19,534 KIRT telah berdaftar dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan layak menerima bantuan. Bagaimanapun, berdasarkan pendaftaran terbuka sehingga 30 September 2007, terdapat seramai 21,514 keluarga miskin tegar di Sabah. Miskin Tegar didefinisikan sebagai golongan yang mempunyai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan dan mengikut PGK makanan kaedah tahun 2005, garis kemiskinan bagi Negeri Sabah ialah RM503 sebulan. Oleh itu, isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang dari RM503 sebulan adalah tergolong sebagai miskin tegar. Mengikut rekod bancian tahun 2002, kadar kemiskinan di Negeri Sabah masih lagi tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 16%.

**26.2** Program Pembasmian Kemiskinan ini dilaksanakan melalui 3 program iaitu Program Peningkatan Ekonomi (PPE), Program Pembangunan Sumber Manusia (Pembangunan Insan) dan Mini Estet Sejahtera (MESEJ). PPE adalah projek kecil-kecilan yang tertumpu kepada bidang pertanian, perikanan dan penternakan haiwan. Program ini dilaksanakan sama ada secara individu atau berkelompok. Manakala PPE yang berdasarkan ternakan laut dan pengkulturan rumpai laut pula dikenali sebagai MESEJ Atas Air (MAA) di mana penempatan peserta disediakan. Kedua-dua program dirancang boleh memberi pulangan dalam masa 6 hingga 9 bulan selepas projek dilaksanakan. Program Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pula merupakan asas penting untuk membolehkan Ketua Isi Rumah (KIR)/Ahli Isi Rumah (AIR) miskin tegar dan miskin mengubah sikap, memperbaiki kehidupan dan berdikari di samping menerima dan mendapat manfaat daripada program/projek pembangunan pembasmian kemiskinan yang disertai. Program ini dilaksanakan melalui Kursus Pemulihan Sikap KIR/AIR dan Kursus Latihan dan Kemahiran KIR/AIR. Manakala Mini Estet Sejahtera (MESEJ) merupakan projek baru yang diwujudkan dalam RMK9. Program ini bertujuan untuk membantu Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) meningkatkan pendapatan melalui pelaksanaan projek ekonomi yang berdaya maju dan menghasilkan pengeluaran yang tinggi berdasarkan tanaman utama iaitu getah dan kelapa sawit. Program MESEJ adalah terdiri daripada aspek pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial. Semua pengurusan dan kos pembangunan ekonomi MESEJ dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Manakala kos pembangunan sosial iaitu keperluan penyediaan asas seperti infrastruktur dan utiliti disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS).

**26.3** Program dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah, Majlis Daerah, agensi Kerajaan Negeri seperti Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) selaku Agensi Pelaksana. Manakala Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Koperasi Pembangunan Desa bertindak sebagai Agensi Pembimbing.

**26.4** Dalam RMK-8 (2001-2005) dan RMK-9 (2006-2010), KPLBS telah diluluskan siling peruntukan oleh Kerajaan Negeri Sabah masing-masing berjumlah RM56.82 juta dan RM70 juta. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 jumlah peruntukan kewangan untuk Program Pembasmian Kemiskinan yang diluluskan adalah sejumlah RM22.50 juta. Manakala yang dibelanjakan adalah sejumlah RM11.90 juta seperti di **Jadual 60**. Peruntukan bagi projek MESEJ dari Kerajaan Persekutuan disalurkan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS). Dalam RMK-9, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM27 juta bagi maksud PPMS. Bagi tahun 2007, sejumlah 8 program PPMS dengan peruntukan sebanyak RM13 juta telah diluluskan.

**Jadual 60**  
**Peruntukan Kewangan Dan Perbelanjaan Sebenar**

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)
2005	2.50	2.50
2006	8.00	3.84
2007	12.00	5.56
<b>Jumlah</b>	<b>22.50</b>	<b>11.90</b>

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar

## 27. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program pembasmian kemiskinan khusus kepada Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) telah dirancang dengan teliti, dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta dipantau secara berterusan bagi mencapai matlamatnya.

## 28. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah terhadap rekod dan dokumen pelaksanaan program PPE dan PPSM bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 yang diselenggarakan oleh KPLBS, Majlis Perbandaran Tawau (MPT), 3 Pejabat Daerah (Pitas, Kota Belud dan Tongod) dan Agensi Pembimbing yang berkaitan serta JPPS.

## **29. KAE DAH PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa dokumen-dokumen, rekod-rekod serta fail berkenaan dengan program pembasmian kemiskinan. Selain itu membuat pemeriksaan fizikal ke atas 18 projek PPE yang dipilih secara rambang di daerah Pitas, Tawau, Kota Belud dan Tongod. Temu bual dengan peserta projek juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas terhadap keberkesanan program.

## **30. PENEMUAN AUDIT**

### **30.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting sebelum sesuatu aktiviti atau projek dilaksanakan. Antara perkara penting yang perlu dititikberatkan semasa merancang sesuatu aktiviti atau projek ialah penentuan objektif atau matlamat projek, anggaran kos, komponen projek, tempoh yang terlibat dan perancangan tenaga kerja. Aspek perancangan KPLBS adalah seperti berikut:

#### **30.1.1 Dasar Kerajaan**

- a)** Teras ketiga daripada 5 teras utama Misi Nasional 2006-2020 menggariskan untuk menangani masalah ketidaksamaan sosio ekonomi secara membina dan produktif. Kerajaan mendokong matlamat untuk membasi kemiskinan, menjana pembangunan lebih seimbang serta memastikan manfaat pembangunan dinikmati rakyat secara adil dan saksama. Kerajaan menetapkan sasaran untuk membasi sepenuhnya kemiskinan tegar menjelang 2010. Program membasi kemiskinan akan memberi tumpuan kepada usaha bina upaya di kalangan golongan miskin dengan menambah baik akses kepada pendidikan dan kemahiran, memupuk nilai positif serta membina keyakinan dan motivasi diri. Ini bertujuan menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah secara aktif dalam ekonomi. Program khusus akan dilaksanakan bagi menangani kemiskinan di kawasan luar bandar terutama di kalangan Bumiputera Sabah. Bagi golongan yang tidak berdaya untuk menyertai aktiviti ekonomi secara terus, kerajaan tetap akan memberi bantuan kewangan secara terus kepada golongan warga emas dan golongan kurang upaya serta daif.
- b)** Sejajar dengan Misi Nasional, objektif utama agenda pembangunan sosial negeri ialah untuk membasi kemiskinan, mengagihkan kekayaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Memandangkan kadar kemiskinan di Negeri Sabah masih lagi tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 16% pada tahun 2002, Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan usaha ke arah pembasmian kemiskinan, khususnya kemiskinan tegar, termasuk kalangan etnik Bumiputera minoriti di bawah RMK9. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri ini kepada 0.5% dan kemiskinan tegar

kepada sifar menjelang penghujung RMK9. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaksanaan lebih banyak program peningkatan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan sasar secara mapan. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada penambahbaikan sistem dan mekanisme penyaluran bantuan serta pemantauan yang berkesan ke atas program-program yang dilaksanakan demi untuk memastikan kumpulan sasar menikmati faedah yang maksimum dan berkekalan.

### **30.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan**

Undang-undang dan peraturan seperti prosedur kewangan dan Seksyen 28 (1) Ordinan Tanah (Bab 68) akan dirujuk dan diguna pakai dalam melaksanakan program bagi memastikan ia berjalan lancar.

### **30.1.3 Garis Panduan Program**

Garis panduan program adalah penting untuk dijadikan sebagai panduan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan bagi memastikan hala tuju program tidak tersasar dan matlamat dapat dicapai. Selain itu, semua pihak yang bertanggungjawab seperti Agensi Pelaksana dan Pembimbing memahami fungsi dan peranan masing-masing. Dokumen ini perlu disediakan dan diagihkan kepada Agensi Pelaksana dan Pembimbing di setiap daerah yang melaksanakan program. Sehubungan itu, KPLBS hendaklah menyediakan Garis Panduan Program seperti berikut yang mengandungi tatacara dan proses kerja yang lengkap dan terperinci bagi memastikan keberkesan projek.

- a) Garis Panduan PPE
- b) Garis Panduan Program Pembangunan Sumber Manusia (Pembangunan Insan)

### **30.1.4 Kertas Cadangan Projek**

Kertas cadangan projek adalah penting bagi memastikan projek berdaya maju dan dapat meningkatkan tahap pendapatan peserta projek. Agensi Pembimbing dan Agensi Pelaksana perlu menyediakan kertas cadangan projek bagi program yang dirancang dan dikemukakan ke KPLBS untuk kelulusan. Kertas cadangan projek ini perlu mengandungi nama projek, lokasi projek, Agensi Pembimbing, keterangan projek, anggaran kos projek, faedah dan justifikasi projek serta ulasan Agensi Pembimbing.

### **30.1.5 Sasaran Program**

Sasaran utama program pembasmian kemiskinan adalah tertumpu kepada penduduk miskin tegar. Oleh itu, penduduk miskin tegar perlu berdaftar sebagai Ketua Isi Rumah Miskin Tegar dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sebelum layak untuk mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri.

- a) Berdasarkan Daftar Senarai Ketua Isi Rumah Miskin Tegar Negeri Sabah Tahun 2004/2005, bilangan yang berdaftar adalah seramai 19,534 orang. Bagi mendapat maklumat terkini tentang bilangan KIRMT, KPLBS akan mendapatkan maklumat berkenaan daripada KKLW.
- b) Bancian kemiskinan terakhir dilakukan oleh Kementerian Penbangunan Luar Bandar dan Wilayah ialah pada tahun 2004/2005 dan sehingga tahun 2007 bancian belum lagi dibuat untuk mengemaskini data KIRMT. Bilangan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar di Negeri Sabah mengikut daerah bagi tahun 2004/2005 adalah seperti di **Jadual 61**.

**Jadual 61**  
**Bilangan Ketua Isi Rumah Miskin Tegar Bagi Tahun 2004/2005**  
**Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)**

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Pitas	2,230
2.	Tongod	1,868
3.	Kota Belud	1,616
4.	Papar	1,541
5.	Tuaran	1,351
6.	Semporna	1,063
7.	Nabawan	1,213
8.	Tenom	1,008
9.	Beluran	945
10.	Kudat	911
11.	Ranau	819
12.	Tawau	657
13.	Sandakan	675
14.	Kota Marudu	542
15.	Kunak	548
16.	Tambunan	407
17.	Penampang	370
18.	Keningau	344
19.	Beaufort	228
20.	Kinabatangan	201
21.	Membakut	207
22.	Lahad Datu	184
23.	Kota Kinabalu	201
24.	Kuala Penyu	156
25.	Sipitang	117
26.	Paitan	59
27.	Telupid	62
28.	Pensiangan	10
29.	Labuk Sugut	1
<b>Jumlah</b>		<b>19,534</b>

Sumber : Rekod KPLBS

- c) Memandangkan kadar kemiskinan di Negeri Sabah masih lagi tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 16% pada tahun 2002, di bawah RMK9 Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan usaha ke arah pembasmian kemiskinan, khususnya kemiskinan tegar, termasuk di kalangan etnik Bumiputera minoriti. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri ini

kepada 0.5% dan kemiskinan tegar kepada sifar menjelang penghujung RMK9 iaitu tahun 2010. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri akan menumpukan kepada pelaksanaan lebih banyak program peningkatan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan sasar secara mapan. Di samping itu, penekanan juga akan diberikan kepada pembaikan sistem dan mekanisme penyaluran bantuan serta pemantauan yang berkesan ke atas program-program yang dilaksanakan demi untuk memastikan kumpulan sasar menikmati faedah yang maksimum dan berkekalan.

### **30.1.6 Kaedah Pelaksanaan**

KPLBS merancang melaksanakan program pembasmian kemiskinan ini dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan yang bertindak sebagai Agensi Pelaksana. Manakala Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan Koperasi Pembangunan Desa bertindak selaku Agensi Pembimbing yang akan memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam hal-hal teknikal. Agensi Pelaksana juga bertanggungjawab untuk memohon, mengurus dan mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan. Bagi tujuan tersebut pelaksanaan program akan dijalankan seperti berikut:

**a) Pemilihan Peserta**

Peserta projek akan dipilih oleh Agensi Pelaksana melalui Mesyuarat Jawatankuasa SPKR peringkat daerah sebelum dihantar ke KPLBS untuk kelulusan.

**b) Tapak Projek**

Tapak bagi pelaksanaan projek PPE akan dilaksanakan sama ada di atas tanah milik persendirian atau tanah hak milik kerajaan yang ditentukan oleh KPLBS setelah menerima cadangan daripada Agensi Pelaksana melalui Kertas Cadangan Projek. Bagi projek yang dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan hendaklah dimohon kebenaran daripada Jabatan Tanah dan Ukur.

**c) Bantuan Kemudahan**

Peserta akan diberi bantuan kemudahan dalam bentuk kelengkapan dan peralatan kerja serta khidmat nasihat berdasarkan jenis projek yang disertai. Bagi projek perolehan/bekalan, nama penerima bantuan bekalan/peralatan (lengkap dengan nombor kad pengenalan dan nama kampung) hendaklah disertakan bersama-sama borang akuan terimaan bantuan oleh peserta semasa membuat tuntutan bayaran. Bagi projek perolehan/bekalan untuk kegunaan kelompok/kumpulan penduduk hendaklah dipastikan penerimaan, penggunaan dan pemeliharaan adalah menjadi tanggungjawab Agensi Pelaksana yang kemudian dipertanggungjawabkan kepada JKKK/JKDB.

**d) Peruntukan Kewangan**

KPLBS sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap program pembasmian kemiskinan akan menyalurkan peruntukan kewangan ke setiap Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan selaku Agensi Pelaksana yang juga akan membuat bayaran bagi projek PPE dan PPSM. Peruntukan disalurkan sebaik sahaja setiap permohonan PPE dan PPSM daripada Agensi Pelaksana dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Peningkatan Ekonomi SPKR peringkat Kementerian. Peruntukan tidak boleh digunakan untuk membekal peralatan komputer kepada institusi berorientasikan keuntungan seperti sekolah swasta dan pejabat-pajabat kerajaan. Buku Vot bulanan TF 023A hendaklah dikemukakan ke Kementerian setiap bulan walaupun tidak ada perbelanjaan dilakukan untuk tindakan penyesuaian dan rekod.

**e) Kaedah Perolehan Perkhidmatan dan Bekalan**

Agensi Pelaksana bertanggungjawab melantik kontraktor bagi perolehan perkhidmatan dan bekalan. Perolehan perkhidmatan adalah seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, membina kemudahan fizikal dan menyediakan kemudahan pengangkutan. Manakala perolehan bekalan adalah seperti peralatan kerja, baja, racun dan makanan ternakan. Kontraktor akan dilantik sama ada melalui panggilan tender, sebut harga dan pemberian terus seperti mana ditetapkan oleh peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa. Bagi projek fizikal, spesifikasi serta kos projek hendaklah diteliti dan dikira berasaskan “schedule of rates for minor works” yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya dan/atau jabatan teknikal yang berkaitan.

**f) Latihan Kepada Peserta Oleh PPSM**

Latihan merupakan asas penting untuk membolehkan peserta mengubah sikap, memperbaiki kehidupan, berdikari, di samping menerima dan memanfaatkan program/aktiviti pembangunan yang disalurkan oleh Kerajaan. Sehubungan itu, 2 program latihan seperti berikut perlu dijalankan oleh KPLBS.

- i) Kursus Pemulihan Sikap
- ii) Kursus Latihan dan Kemahiran

**30.1.7 Modal Insan**


Bilangan tenaga kerja yang mencukupi penting untuk memastikan sesuatu program dapat dilaksanakan dengan baik. Ini kerana sesuatu program melibatkan proses perancangan dan pemantauan terhadap perlaksanaannya termasuk penyimpanan serta pengemaskinian rekod-rekod.

**a) Keperluan Guna Tenaga**

Perlaksanaan Program Pembangunan Pembasmian Kemiskinan diuruskan oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan yang terdiri daripada seramai 5 kakitangan, diketuai oleh Pegawai Tadbir Gred N48 yang akan bertanggungjawab kepada

Timbalan Setiausaha Tetap (Pegawai Tadbir Gred N52). Carta Organisasi KPLBS dan bagi Bahagian Pembasmian Kemiskinan adalah seperti **Carta 17**.

**Carta 17**  
**Carta Organisasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah**



Sumber: KPLBS

### b) Latihan

Latihan akan diberikan kepada kakitangan KPLBS bagi memastikan kemahiran dalam pengurusan, kewangan dan teknikal dapat dipertingkatkan melalui kursus/seminar yang dihadiri

#### 30.1.8 Keperluan Kewangan

Perancangan yang teliti mengenai keperluan kewangan bagi menampung perbelanjaan program yang akan dijalankan adalah amat penting. Bagi tahun 2005 hingga 2007, KPLBS menganggarkan jumlah peruntukan yang diperlukan adalah sejumlah RM24.90 juta untuk melaksanakan 520 projek melalui 2 jenis program iaitu PPE dan PPSM yang dirancang seperti di **Jadual 62**.

**Jadual 62**  
**Bilangan Projek Dan Anggaran Peruntukan DiPerlukan**  
**Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2007**

Tahun	Jenis Program/Bilangan Projek/Amaun				Jumlah	
	PPE		PPSM			
	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)	Bil. Projek	(RM Juta)
2005	52	2.5	-	-	52	2.50
2006	100	10	134	1.20	234	11.20
2007	100	10	134	1.20	234	11.20
Jumlah	255	22.5	268	2.40	520	24.90

Sumber: Rekod KPLBS

#### 30.1.9 Kaedah Pemantauan

Program ini perlu dipantau setiap masa untuk menentukan projek dilaksanakan dengan berkesan serta memastikan aktivitinya berjalan lancar dan dilaksanakan mengikut prosedur dan jadual yang telah ditetapkan. Berdasarkan Garis Panduan PPP, SPKR (2006-2010), Agensi Pelaksana perlu melaporkan kemajuan fizikal dan kewangan projek, mengemukakan penyata kewangan projek dan melaporkan masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek. Wakil yang dilantik oleh KPLBS boleh melakukan lawatan penyeliaan secara berkala. Bagi sebarang perubahan terhadap projek pula perlu mematuhi syarat dan peraturan serta mendapat kelulusan.

Sehubungan itu, jawatankuasa di peringkat Negeri, Kementerian dan daerah diwujudkan. Jawatankuasa di maksudkan adalah Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri, Jawatankuasa Teknikal Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri, Jawatankuasa Penyelarasaran Peningkatan Ekonomi SPKR peringkat Kementerian dan Jawatankuasa Pemandu SPKR Daerah. Selain itu, laporan kemajuan bulanan ke Kementerian terhadap program/aktiviti yang dilaksanakan perlu disediakan oleh Agensi Pelaksana. Dengan adanya pemantauan, setiap masalah dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan untuk

mengatasinya dapat dibuat dengan segera supaya matlamat program pembasmian kemiskinan tercapai.

**a) Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri**

Jawatankuasa Pemandu SPKR Negeri akan mengadakan mesyuarat untuk memantau terhadap perkembangan program-program pembasmian kemiskinan seluruh negeri melalui usaha pendekatan bersepada pelbagai jabatan dan agensi di samping menetapkan perkara-perkara dasar bila perlu.

**b) Jawatankuasa Teknikal Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri**

Segala laporan serta pemerhatian dan cadangan-cadangan yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPKR Negeri. Jawatankuasa Teknikal SPKR Negeri perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali mengikut jadual.

**c) Jawatankuasa Penyelarasan Peningkatan Ekonomi (SPKR) Peringkat Kementerian**

Prestasi kemajuan projek yang dilaksanakan secara komersil oleh Agensi Pelaksana perlu dipantau dan dikawal selia oleh satu Jawatankuasa Pemandu Projek Peringkat Ibu Pejabat. Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.

**d) Jawatankuasa Pemandu (SPKR) Daerah**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu (SPKR) Daerah bermesyuarat 3 bulan sekali dan turut disertai wakil dari Kementerian. Jawatankuasa ini berperanan memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan membuat pemantauan serta pelaporan setiap bulan.

**e) Laporan Kemajuan Bulanan**

Laporan kemajuan bulanan pelaksanaan projek hendaklah dikemukakan ke Kementerian dengan 1 set salinan masing-masing kepada Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Unit Pengesahan Projek Negeri Kota Kinabalu.

**Pada pandangan Audit, perancangan program pembasmian kemiskinan oleh Kementerian adalah baik.**

## **30.2 PELAKSANAAN**

Keberkesanan pelaksanaan program adalah bergantung kepada kecekapan sesuatu projek di dalam program berkenaan seperti mana yang dirancang dan mematuhi peraturan

yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek di bawah program pembasmian kemiskinan ini mendapati perkara berikut:

### **30.2.1 Dasar Kerajaan**

Sejajar dengan dasar Kerajaan Persekutuan dan Negeri, KPLBS menetapkan dalam visinya untuk menjadi sebuah Kementerian yang berfungsi sebagai penggerak utama dalam menjadikan kawasan luar bandar di Sabah satu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan. Sehubungan itu, melalui misinya, KPLBS telah mengurus dan menyelaras program-program pembangunan luar bandar untuk membasmikan golongan miskin dan miskin tegar dari garis kemiskinan selaras dengan dasar dan hala tuju Negara. Mengenai pembangunan pembasmian kemiskinan, dalam RMK-8 dan RMK-9 KPLBS telah merealisasikan dasar tersebut menerusi strategi pembangunan dan kaedah pelaksanaan yang bersepada bagi meningkatkan kualiti hidup golongan sasaran seperti berikut:

- i) Menyediakan program/projek yang boleh meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup penduduk dan seterusnya menjana pembangunan ekonomi luar bandar.
- ii) Menyediakan program/projek khusus untuk pembasmian kemiskinan dengan memberikan tumpuan kepada golongan miskin tegar.
- iii) Berusaha untuk mengubah dan melahirkan penduduk luar bandar yang mapan dan berdaya maju.
- iv) Berusaha untuk membanteras kemiskinan bagi mengeluarkan golongan miskin dan miskin tegar daripada garis kemiskinan.

**Pada pendapat Audit, dasar yang disediakan adalah baik kerana sejajar dengan matlamat dan dasar utama Kementerian serta DPN dan DEB.**

### **30.2.2 Undang-Undang**

Bagi projek PPE yang dilaksanakan di atas tanah milik kerajaan, peserta mendapat kebenaran menggunakan tanah berkenaan daripada KPLBS setelah mendapat kebenaran dari Pejabat Tanah dan Ukur serta mematuhi Sekyen 28 (1) Ordinan Tanah (Bab 68). Semakan Audit mendapati 16 projek PPE telah dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan dengan kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Ukur. **Jadual 63** menunjukkan projek PPE yang dilaksanakan di atas tanah milik Kerajaan dengan kebenaran.

### **Jadual 63**

#### **Projek PPE Yang Dilaksanakan Di Atas Tanah Milik Kerajaan Dengan Kebenaran**

Bil.	Projek	Tahun
1.	Pengeringan Ikan Masin di Kg. Sg. Pukul, Tawau	2005/2006
2.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Kg. Merotai, Tawau	2006
3.	Ternakan Lebah Madu di Kg. Sungai Tongkang Sebatik, Tawau	2006
4.	Tanaman Halia di Kg. Lakos, Pitas	2007
5.	Tanaman Halia di Kg. Gailun Laut, Pitas	2007
6.	Tanaman Halia di Kg. Pituru Mangkapon, Pitas	2007
7.	Ternakan Balat di Kg. Desa Seberang, Pitas	2007
8.	Bagang Terapung Tetap di Mempakad Laut, Pitas	2006
9.	Bagang Terapung Tetap Kg. Pongiton Polod, Pitas	2006
10.	Tanaman Pisang Sabah di Kg. Rosob, Pitas	2006
11.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Kg. Kiandut, Pitas	2007
12.	Ternakan Kambing di Kg. Kiandut, Pitas	2007
13.	Tanaman Halia di Kg. Minusoh, Tongod	2006
14.	Tanaman Halia di Kg. Sogo-Sogo, Tongod	2005
15.	Tanaman Haalia di Kg. Kuala Tongod, Tongod	2006
16.	Tanaman Pisang Emas di Kg. Mandamai, Pitas	2006

Sumber : KPLBS

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek yang melibatkan tanah hak milik kerajaan adalah baik.**

#### **30.2.3 Garis Panduan Program**

Semakan Audit mendapati KPLBS telah menyediakan Garis Panduan Program bagi setiap projek. KPLBS juga mengguna pakai Garis Panduan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) SPKR – RMK9 (2006 – 2010) yang disediakan oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Malaysia (KKLW). Garis panduan berkenaan menggariskan aspek seperti kumpulan sasar, skop dan kadar bantuan, mekanisme pelaksanaan, kaedah pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan.

**Pada pendapat Audit, penggunaan Garis Panduan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) SPKR adalah baik.**

#### **30.2.4 Kertas Cadangan Projek**

Kertas cadangan projek disediakan oleh Agensi Pembimbing dan dikemukakan ke KPLBS untuk kelulusan melalui Agensi Pelaksana seperti Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Semakan Audit terhadap 18 daripada 177 Kertas Cadangan Projek yang disediakan mendapati syarat-syarat asas yang dikehendaki sepertimana borang khas (Projek peningkatan Ekonomi, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, KPLBS) adalah dipatuhi. Tiga contoh Kertas Cadangan Projek untuk PPE yang disediakan oleh Agensi Pembimbing adalah seperti di **Jadual 64**.

**Jadual 64**  
**Contoh Kertas Cadangan Bagi Projek PPE Yang Telah Diluluskan**

Bil.	Projek	Kriteria Kertas Cadangan Projek
1.	Projek Membina Pelantar Penjemuran Ikan Masin di Kg. Sg. Pukul, Pulau Sebatik Tawau	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuan Projek</li> <li>• Senarai Nama Peserta</li> <li>• Kaedah Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek</li> <li>- Tatacara Pelaksanaan</li> <li>- Penyelenggaraan Projek</li> <li>- Daya Maju Projek/Unjuran Pulangan</li> </ul> </li> <li>• Anggaran Kos</li> <li>• Faedah Dan Justifikasi Projek</li> <li>• Ulasan/Sokongan Agensi Pembimbing</li> <li>• Ulasan Pegawai Daerah/Pengerusi Jawatankuasa SPKR Peringkat</li> </ul>
2.	Projek Menterak Itik Penelur di Kg. Taun Gusi Keranjang Kota Belud	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuan Projek</li> <li>• Senarai Nama Peserta</li> <li>• Kaedah Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek</li> <li>- Tatacara Pelaksanaan</li> <li>- Penyelenggaraan Projek</li> <li>- Daya Maju Projek/Unjuran Pulangan</li> </ul> </li> <li>• Anggaran Kos</li> <li>• Faedah Dan Justifikasi Projek</li> <li>• Ulasan/Sokongan Agensi Pembimbing</li> <li>• Ulasan Pegawai Daerah/Pengerusi Jawatankuasa SPKR Peringkat</li> <li>• Jawatankuasa SPKR Peringkat Daerah</li> </ul>
3.	Projek Tanaman Halia di Kg. Sogo-Sogo, Tongod	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tujuan Projek</li> <li>• Senarai Nama Peserta</li> <li>• Kaedah Pelaksanaan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek</li> <li>- Tatacara Pelaksanaan</li> <li>- Penyelenggaraan Projek</li> <li>- Daya Maju Projek/Unjuran Pulangan</li> </ul> </li> <li>• Anggaran Kos</li> <li>• Faedah Dan Justifikasi Projek</li> <li>• Ulasan/Sokongan Agensi Pembimbing</li> <li>• Ulasan Pegawai Daerah/Pengerusi Jawatankuasa SPKR Peringkat Daerah</li> </ul>

Sumber : Rekod Agensi Pelaksana

**Pada pendapat Audit, kertas cadangan projek yang disediakan oleh Agensi Pembimbing adalah baik.**

### **30.2.5 Prestasi Pencapaian Program**

Menurut Pegawai KPLBS, pendaftaran secara terbuka penduduk yang telah dikenal pasti sebagai miskin tegar telah dibuat Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Malaysia (KKLW) mulai tahun 2006 melalui Agensi Pelaksana. Bilangan KIRT mengikut daerah bagi tempoh tahun 2004/2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 65**. Bilangan keluarga miskin tegar di negeri Sabah mengikut rekod pendaftaran terbuka pada 30 September 2007 ialah seramai 21,514 orang.

**Jadual 65**  
**Bilangan KIRT Mengikut Daerah Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Daerah	Tahun		
		2004/2005	2006 (21 Jun 2006)	2007 (30 September 2007)
1.	Pitas	2,230	2,566	2,381
2.	Tongod	1,868	2,027	1,881
3.	Kota Belud	1,616	1,988	1,740
4.	Papar	1,541	1,928	1,766
5.	Tuaran	1,351	1,805	1,623
6.	Semporna	1,063	1,383	1,287
7.	Nabawan	1,213	1,386	1,766
8.	Tenom	1,008	1,193	1,097
9.	Beluran	945	1,146	1,052
10.	Kudat	911	1,032	1,008
11.	Ranau	819	921	855
12.	Tawau	657	825	745
13.	Sandakan	675	899	807
14.	Kota Marudu	542	616	573
15.	Kunak	548	676	611
16.	Tambunan	407	496	396
17.	Penampang	370	455	410
18.	Keningau	344	407	355
19.	Beaufort	228	328	274
20.	Kinabatangan	201	236	207
21.	Membakut	207	275	242
22.	Lahad Datu	184	209	200
23.	Kota Kinabalu	201	283	254
24.	Kuala Penyu	156	205	171
25.	Sipitang	117	27	132
26.	Paitan	59	68	61
27.	Telupid	62	72	68
28.	Pensiangan	10	10	2
29.	Labuk Sugut	1	1	0
<b>Jumlah</b>		<b>19,534</b>	<b>23,589</b>	<b>21,514</b>

Sumber : Rekod KPLBS

Bagi memastikan objektif program pembasmian kemiskinan tercapai, pelaksanaan adalah tertumpu kepada penduduk miskin tegar yang berdaftar. Semakan Audit mendapati prestasi program tidak dapat dinilai pencapaiannya secara individu/komprehensif kerana KPLBS tidak menyelenggara/menyediakan daftar/laporan kemajuan peserta program. Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai nama peserta yang terlibat dalam 18 persampelan PPE yang dipilih dengan Daftar KIRT Tahun 2004/2005 mendapati ada peserta yang tidak berdaftar. Daripada 271 bilangan

peserta, 46 daripadanya adalah peserta yang tidak berdaftar. Bilangan peserta yang tidak termasuk dalam daftar KIRT berdasarkan persampelan yang dipilih adalah seperti di **Jadual 66**. Bagi peserta Projek Ikan Dalam Sangkar Kampung Merotai, 2 daripadanya baru dikemukakan untuk didaftarkan di Pendaftaran Terbuka pada 2 April 2008 oleh Majlis Perbandaran Tawau.

**Jadual 66**  
**Bilangan Peserta PPE Yang Tidak Berdaftar**

Bil	Projek PPE	Daerah	Bilangan Peserta
1.	Ikan Masin Kg. Sg. Pukul	Tawau	14
2.	Ikan Dalam Sangkar Kg. Merotai		4
3.	Bagang Terapung Tetap Kg. Pongiton Polod		2
4.	Tanaman Halia Kg. Lakos		2
5.	Tanaman Halia Kg. Gailun Laut		5
6.	Tanaman Halia Kg. Pituru Mangkapon		1
7.	Tanaman Kacang Tanah Kg. Sulakolong		9
8.	Ternakan Balat Kg. Desa Seberang		1
9.	Tanaman Pisang Emas Kg. Mandamai		6
10.	Tanaman Pisang Sabah Kg. Rosob		2
<b>Jumlah</b>			<b>46</b>

Sumber : Rekod KPLBS

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian program tidak dapat diukur kejayaan atau kegagalan sesuatu projek kerana tidak ada maklumat lengkap disediakan.

### 30.2.6 Kaedah Pelaksanaan

Semakan Audit terhadap 18 projek PPE mendapati:

#### a) Pemilihan Peserta

Peserta dipilih oleh Jawatankuasa Teknikal PPRT/Pembasmian Kemiskinan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Timbalan Presiden bagi Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala ahlinya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan di peringkat daerah dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Senarai peserta sepatutnya adalah yang berdaftar dan dikemukakan kepada Pejabat Daerah selaku Agensi Pelaksana untuk dikemukakan kepada KPLBS. Semakan Audit mendapati 271 peserta yang terlibat dalam 18 projek PPE adalah terdiri daripada golongan yang dikategorikan miskin.

#### b) Tapak Projek

Tapak projek bagi PPE dijalankan sama ada di atas tanah peserta atau atas tanah Kerajaan. Semakan Audit terhadap persampelan 18 projek PPE mendapati sebanyak 2 projek telah dilaksanakan di atas tanah milik peserta dan 16 projek atas tanah milik Kerajaan. Lawatan Audit terhadap 2 projek di daerah Pitas dan Kota Belud mendapati projek dilaksanakan atas tanah milik peserta dan tanah milik kerajaan seperti kelulusan di Kertas Cadangan Projek. Tapak projek mengikut Kertas Cadangan Projek yang diluluskan adalah seperti di **Foto 109** dan **Foto 110**.

**Foto 109**  
**Tanaman Pisang Yang Dibuat Atas**  
**Tanah Milik Kerajaan dan Ditumbuhi Rumput**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 21 November 2007

Lokasi : Kg. Rosob, Pitas

Status Tanah: Milik Kerajaan

**Foto 110**  
**Reban Itik Penelur Dan Tanpa Petak Sarang**  
**Itik Bertelur Di Tanah Milik Peserta**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Januari 2008

Lokasi : Kg. Taun Gusi Keranjangan

Status Tanah : Milik Peserta

**c) Bantuan Kemudahan, Perkhidmatan dan Bekalan**

Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan juga bertanggungjawab melantik kontraktor bagi kerja-kerja pembersihan kawasan projek, membina kelengkapan projek, membekalkan peralatan kerja, baja, membekal racun dan menyediakan pengangkutan. Semakan Audit mendapati seramai 39 kontraktor yang dilantik secara panggilan tender, sebut harga dan pemberian terus untuk menyediakan perkhidmatan dan bekalan tersebut untuk peserta mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Bentuk bantuan yang diberikan kepada peserta program adalah terdiri daripada binaan bangunan, mesin, peralatan kerja, kos pengeluaran/bahan mentah, kos operasi, kos khidmat pengurusan yang disampaikan kepada peserta melalui kontraktor atau Agensi Pelaksana. Semakan Audit terhadap 18 baucar bayaran bagi tahun 2005 hingga 2007 mendapati prosedur bayaran terhadap perolehan peralatan projek mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Lawatan Audit ke pejabat Auditi dan tapak fizikal bagi 18 projek PPE mendapati perkara-perkara berikut seperti di **Lampiran II**.

**d) Latihan Kepada Peserta Melalui Program Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)**

Pelaksanaan PPSM ini melibatkan 2 komponen utama iaitu Kursus Pemulihan Sikap dan Kursus Latihan dan Kemahiran kepada peserta projek. Adalah didapati kursus yang dijalankan adalah secara *ad-hoc*, berdasarkan permintaan dan keperluan dari Agensi Pelaksana seiring dengan projek yang hendak dilaksanakan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, KPLBS telah menjalankan 18 kursus iaitu 1 kursus pemulihan sikap dan 17 kursus latihan dan kemahiran melibatkan 956 peserta. Bagi tempoh yang sama, pencapaian pengendalian kursus ini bagaimanapun adalah hanya 7 peratus daripada bilangan yang dirancang iaitu sebanyak 268 kursus. Bilangan kursus dan jenis mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 67**.

**Jadual 67**  
**Jenis Kursus Yang Dikendalikan**

Bil.	Jenis Kursus	Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Peserta Kursus
1.	Kursus Pemulihan Sikap	2005	1	200
2.	Kursus Latihan Dan Kemahiran	2005	5	202
		2006	5	104
		2007	7	450
<b>Jumlah</b>			<b>18</b>	<b>956</b>

Sumber: Rekod KPLBS


**Pada pendapat Audit, program latihan kepada peserta oleh PPSM adalah tidak memuaskan kerana kursus tidak dirancang dan tidak diadakan dengan lebih kerap.**

### 30.2.7 Modal Insan

#### a) Guna Tenaga

Tenaga kerja yang mencukupi dapat mengurangkan beban kerja yang banyak. Semakan Audit mendapati semua 5 jawatan telah diisi. Pegawai Tadbir Gred N48 dan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 bertanggungjawab menyelia dan memantau semua projek yang dilaksanakan di seluruh Sabah. Manakala Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 dan Pembantu Am Rendah Gred N1 bertanggungjawab merekodkan maklumat. **Carta 18 dan Jadual 68** menunjukkan carta organisasi dan kedudukan perjawatan di Bahagian Pembasmian Kemiskinan.

**Carta 18**  
**Carta Organisasi Bahagian Pembasmian Kemiskinan**



**Jadual 68**  
**Kedudukan Perjawatan Unit Pembasmian Kemiskinan**

Jenis Perkhidmatan	Gred Jawatan	Bilangan Jawatan Diluluskan	Jawatan Diisi
Pegawai Tadbir	N48	1	1
Penolong Pegawai Tadbir	N27	1	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1	1
Pembantu Tadbir Rendah	N11	1	1
Pembantu Am Rendah	N1	1	1
<b>Jumlah</b>		<b>5</b>	<b>5</b>

Sumber: Rekod KPLBS

Analisis Audit terhadap jadual di atas, secara perbandingan antara bilangan kakitangan dengan projek nisbahnya adalah seorang kakitangan bersamaan dengan 35 projek.

**b) Latihan**

Bagi memastikan pengurusan terhadap pelaksanaan program cekap dan berkesan, KPLBS perlu memberikan latihan kepada kakitangan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, hanya seorang kakitangan KPLBS yang berjawatan N48 yang pernah menghadiri bengkel pengurusan manakala yang selebihnya tidak pernah mengikuti sebarang kursus. Bagaimanapun, KPLBS ada membuat *in-house training* dari semasa ke semasa.

**Pada pendapat Audit, bilangan kakitangan di Unit Pembasmian Kemiskinan adalah mencukupi bagi menjalankan projek dengan baik.**

**30.2.8 Prestasi Kewangan**

Peruntukan kewangan bagi projek PPE dilluluskan melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Peningkatan Ekonomi SPKR Peringkat Kementerian. Setelah diluluskan, peruntukan disalurkan kepada Agensi Pelaksana oleh KPLBS. Semakan Audit mendapati Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan mengemukakan senarai peserta dan cadangan projek kepada KPLBS untuk peruntukan kewangan melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PPRT/Pembasmian Kemiskinan Daerah. Berdasarkan permohonan tersebut bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 KPLBS telah mengeluarkan peruntukan sejumlah RM9.58 juta kepada Agensi Pelaksana bagi melaksanakan projek PPE. Semakan Audit juga mendapati Buku Vot bulanan TF 023A dikemukakan ke Kementerian seperti mana peraturan walaupun tiada sebarang perbelanjaan dilaksanakan.

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, daripada sejumlah RM20.35 juta yang diluluskan bagi PPE dan PPSM, hanya sejumlah RM9.76 juta atau 48% dibelanjakan meninggalkan baki sejumlah RM10.59 juta atau 52%. Lebihan peruntukan pada tahun

2006 sejumlah RM4.15 juta dan RM6.44 juta pada tahun 2007 adalah disebabkan KPLBS mendapati permohonan projek baru oleh Agensi Pelaksana melibatkan kos yang tinggi. Cadangan balas KPLBS tiada tindakan susulan daripada Agensi Pelaksana. Kesemua 18 projek ini masih belum boleh dikeluarkan daripada senarai kemiskinan selain projek terbengkalai dan telah berhenti. Peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 69**.

**Jadual 69**  
**Prestasi Perbelanjaan Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	% Perbelanjaan
2005	2.50	2.50	-	100
2006	8.00*	3.77	4.15	47.6
2007	12.00*	3.49	6.44	35.1
<b>Jumlah</b>	<b>22.50</b>	<b>9.76</b>	<b>10.59</b>	<b>48</b>

Sumber: Rekod KPLBS

Nota: Peruntukan yang diluluskan adalah termasuk peruntukan bagi pelaksanaan program Mini Estet Sejahtera (MESEJ)

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah tidak memuaskan kerana sebanyak RM10.59 juta atau 52% tidak dibelanjakan.**

### 30.2.9 Prestasi Projek Program Peningkatan Ekonomi

Sebanyak 18 projek PPE di 4 daerah iaitu Pitas, Kota Belud, Tongod dan Tawau telah dipilih secara rawak untuk dijalankan pengauditan. Semakan Audit terhadap 18 projek PPE berunsurkan pertanian ini melibatkan seramai 271 peserta dengan kos projek berjumlah RM1.54 juta. Jenis-jenis projek yang diusahakan di bawah projek ini adalah tanaman halia (6 projek), tanaman pisang Sabah/emas (2 projek) dan masing-masing satu projek bagi tanaman kacang tanah, penternakan itik penelur, membina bagang terapung tetap dan ternakan ikan dalam sangkar masing-masing dua projek dan masing-masing satu projek bagi projek ikan masin, pemeliharaan lebah madu, pemeliharaan trepang atau gamat serta penternakan kambing. Butiran dan prestasi projek adalah seperti di **Jadual 70**.

**Jadual 70**  
**Prestasi Projek Peningkatan Ekonomi (PPE)**

Bil.	Nama Projek	Bilangan Peserta	Daerah	Kos Projek (RM)	Tahun	Status Projek
A.	<b>Tanaman Halia (6 projek)</b>					
	Di Kampung Lakos	10	Pitas	38,650	2007	Masih diusahakan
	Di Kampung Gailun Laut	10	Pitas	38,600	2007	Masih diusahakan
	Di Kampung Pituru Mangkapon	5	Pitas	19,450	2007	Belum siap
	Di Kampung Sogo-Sogo	10	Tongod	14,500	2005	Berhenti
	Di Kampung Kuala Tongod	19	Tongod	36,748	2006	Masih diusahakan
	Di Kampung Minusoh	19	Tongod	36,748	2006	Berhenti
B.	<b>Tanaman Kacang Tanah (1 projek)</b>					
	Di Kampung Sulakolong	15	Pitas	33,750	2005	Berhenti
C.	<b>Bagang (Menangkap ikan Bilis- 2 projek)</b>					
	Di Kampung Mempakad Laut	60	Pitas	406,044	2006	Masih diusahakan
	Bagang Terapung Tetap di Kampung Pongiton Polod	20	Pitas	133,908	2006	Rosak dan terbengkalai
D.	<b>Tanaman Pisang Sabah/Emas (2 projek)</b>					
	Di Kampung Rosob	9	Pitas	29,400	2006	Tidak diusahakan dan terbengkalai
	Di Kampung Mandamai	10	Pitas	35,204	2006	Masih diusahakan
E.	<b>Kandang Trepang atau Gamat (1 projek)</b>					
	Di Kampung Desa Seberang	5	Pitas	39,340.00	2007	Masih diusahakan
F.	<b>Ternakan Itik Penelur (1 projek)</b>					
	Di Kampung Taun Gusi Keranjangan	3	Kota Belud	22,640.00	2007	Bekalan anak dan makanan itik belum dibekalkan sepenuhnya
G.	<b>Ikan Masin (1 projek)</b>					
	Penjemuran Ikan Masin di Kampung Sungai Pukul, Sebatik	20	Tawau	132,133.00	2005/2006	Tidak diusahakan dan terbengkalai
H.	<b>Ternakan Lebah Madu (1 projek)</b>					
	Di Kampung Sungai Tongkang, Sebatik	10	Tawau	26,950.00	2006	Tidak diusahakan dan terbengkalai
I.	<b>Ternakan Ikan Dalam Sangkar (2 projek)</b>					
	Di Persisiran Pantai Kampung Merotai	6	Tawau	54,700.00	2006	Masih diusahakan
	Di Kampung Kiandut	30	Pitas	273,662.50	2007	Belum siap
J.	<b>Ternakan Kambing ( Projek MAA- 1 projek)</b>					
	Di Kampung Kiandut	10	Pitas	169,057.00	2007	Belum siap
	<b>Jumlah</b>	<b>271</b>		<b>1,541,484</b>		

Sumber: Rekod Agensi Pelaksana

**a) Projek Tanaman Halia**

Peserta projek diberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan penyediaan tapak, bibit, baja, peralatan seperti cangkul, *knapsack sprayer*, *wheel barrow*, *mask*, kasut, sarung tangan dan racun kimia serta pengangkutan untuk pemasaran. Pemeriksaan Audit ke tapak projek tanaman halia di enam (6) kampung berkaitan mendapati:

**i) Tanaman Halia Di Kampung Pituru Mangkapon, Pitas**

Projek ini dilaksanakan atas tanah milik kerajaan. Mengikut arahan kerja, kontraktor sepatutnya membersihkan 5 ekar tanah, menyediakan peralatan, baja, bahan tanaman, racun dan pengangkutan dengan kontrak bernilai RM19,450. Kerja yang dimulakan pada 23 Mac 2007, juga sepatutnya disiapkan pada 13 April 2007. Pemeriksaan Audit ke atas projek ini pada 21 November 2007 mendapati kontraktor yang dilantik oleh Pejabat Daerah Pitas tidak menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya. Kontraktor hanya membersihkan 3 ekar sahaja kawasan yang hendak ditanam halia. Peserta juga tidak dibekalkan dengan 52.50 beg baja seperti yang dinyatakan dalam spesifikasi kerja. Kontraktor memberikan alasan sebab berlaku kelewatan menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan adalah kerana keadaan cuaca, pembekal lewat menghantar bekalan dan keadaan jalan yang tidak baik.

Lawatan Audit kedua pada 15 Januari 2008 mendapati projek ini masih juga belum disiapkan oleh kontraktor walaupun setelah lebih setahun berbanding tempoh kontrak sepatutnya disiapkan dalam tempoh 22 hari. Namun telah dibayar sepenuhnya pada 26 Disember 2007 termasuk baja yang belum dibekalkan bernilai RM1,575. Akibatnya matlamat untuk membasmi kemiskinan tidak tercapai kerana peserta tidak dapat melaksanakan projek. Kawasan yang terbabit adalah seperti contoh di **Foto 111** dan **Foto 112**.

**Foto 111**  
**Sebahagian Kawasan Tanah Bagi**  
**Tanaman Halia Yang Telah Dibersihkan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Pituru Mangkapon

**Foto 112**  
**Sebahagian Daripada Kawasan Seluas 2 Ekar Bagi Tanaman**  
**Halia Yang Masih Belum Dibersihkan Tetapi Telah DiBayar**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Pituru Mangkapon

**ii) Tanaman Halia Di Kampung Gailun Laut, Pitas**

Seramai 10 peserta terlibat dalam projek penanaman halia yang bernilai RM38,600 ini dan diusahakan atas tanah milik kerajaan seluas 10 ekar. Projek dimulakan pada 23 Mac 2007 dan telah diperakui siap oleh Pejabat Daerah pada 13 April 2007. Berdasarkan temu bual dengan salah seorang daripada 10 peserta, pihak Audit dimaklumkan bahawa kontraktor yang dilantik tidak membekalkan baja tahi ayam sebanyak 52.50 beg bernilai RM3,150 seperti yang dikehendaki dalam spesifikasi kerja. Semakan Audit di Pejabat Daerah Pitas pula mendapati rekod penerimaan barang dan kemudahan oleh peserta tidak diselenggara. **Foto 113** menunjukkan projek tanaman halia di Kampung Gailun Laut, Pitas.

**Foto 113**  
**Tanaman Halia Di Kampung Gailun Laut**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Gailun Laut, Pitas*

**Maklum balas pihak Pejabat Daerah Pitas menjelaskan bahawa bekalan baja tahi ayam telah diperakui terima oleh peserta pada 15 Julai 2008.**

**iii) Tanaman Halia Di Kampung Lakos, Pitas**

Projek ini dimulakan pada tahun 2007 di atas tanah milik kerajaan seluas 10 ekar dengan kos bernilai RM38,650 dan melibatkan seramai 10 peserta. Projek telah dimulakan pada 23 Mac 2007 dan diperakui siap oleh Pejabat Daerah pada 13 April 2007. Projek telah dibayar kepada kontraktor yang dilantik pada 19 April 2007. Lawatan Audit ke tapak projek pada 22 November 2007 mendapati projek ini berjalan lancar dan tanaman halia tumbuh subur seperti di **Foto 114**.

**Foto 114**  
**Tanaman Halia Yang Tumbuh Subur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22 November 2007  
Lokasi : Kg. Lakos, Pitas

**iv) Tanaman Halia Di Kampung Sogo-Sogo, Tongod**

Projek tanaman halia di kampung ini dilaksanakan pada tahun 2005. Projek di atas tanah milik kerajaan seluas 5 ekar ini bernilai RM14,500. Seramai dua kontraktor dan satu JKKK terlibat dalam pelaksanaan projek ini. Penghantaran benih halia siap sepenuhnya pada 29 Disember 2005 dan kemudian kerja-kerja penanaman dilakukan oleh peserta. Pemeriksaan Audit ke tapak projek pada 17 Disember 2007 mendapati tapak projek tanaman halia dipenuhi semak samun seperti di **Foto 115**. Menurut Pegawai di Pejabat Daerah, pada bulan Februari 2006 keseluruhan Daerah Tongod termasuk Kampung Sogo-Sogo telah dilanda banjir yang melibatkan kawasan tanaman halia. Temu bual dengan peserta pula mendapati mereka tidak berminat lagi meneruskan projek ini.

**Foto 115**  
**Kawasan Tanaman Halia**  
**Di Kampung Sogo-sogo Dipenuhi Semak Samun**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Disember 2007

Lokasi : Kg. Sogo-Sogo, Tongod

v) **Tanaman Halia Di Kampung Minusoh, Tongod**

Projek di Kampung Minusoh, Tongod bernilai RM36,748 ini dilaksanakan pada tahun 2006 melibatkan seramai 19 peserta atas tanah milik kerajaan seluas 9.5 ekar. Pelaksanaannya melibatkan tiga kontraktor dan satu JKKK. Pemeriksaan Audit ke tapak projek pada 17 Disember 2007 mendapati pokok halia tidak tumbuh atau telah mati seperti di **Foto 116**. Hasil maklumat daripada Pegawai Pejabat Daerah, bencana kemarau telah berlaku sepanjang bulan Julai 2007 mengakibatkan benih pokok halia di batas menjadi buruk kerana suhu cuaca yang sangat panas. Walaupun ada sedikit tanaman yang boleh tumbuh, terlalu sedikit untuk memberi pendapatan yang boleh membantu peserta keluar dari kemiskinan. Akibatnya peserta tidak berminat lagi meneruskan tanaman yang masih hidup dan projek terhenti.

**Foto 116**

**Projek Tanaman Halia Di Kampung Minusoh Yang Tidak Berjaya**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Disember 2007

Lokasi : Kg. Minusoh, Tongod

**vi) Tanaman Halia Di Kampung Kuala Tongod, Tongod**

Projek di Kampung Kuala Tongod, Tongod bernilai RM36,748 yang mula dilaksanakan pada tahun 2006 atas tanah milik kerajaan seluas 0.5 ekar ini masih diteruskan. Seramai tiga kontraktor dan satu JKKK terlibat dalam melaksanakan projek ini. Lawatan Audit ke tapak projek salah seorang daripada 2 peserta di Kampung Kuala Tongod pada 18 Disember 2007 mendapati projek masih diusahakan seperti di **Foto 117**.

**Foto 117**

**Projek Tanaman Halia  
Di Kampung Kuala Tongod Masih Diteruskan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 18 Disember 2007

Lokasi : Kg. Kuala Tongod, Tongod

**b) Projek Tanaman Kacang Tanah Di Kampung Sulakolong, Pitas**

Peserta projek diberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan penyediaan tapak, bibit, baja, peralatan seperti cangkul, *knapsack sprayer*, *wheel barrow*, *mask*, kasut, sarung tangan dan racun kimia serta pengangkutan untuk pemasaran. Projek di Kampung Sulakolong, Pitas ini dimulakan pada 12 Disember 2005 dan siap pada 24 Disember 2005. Projek diusahakan di atas tanah milik peserta sendiri seluas 10 ekar dengan kos perbelanjaan sebanyak RM33,750. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati tapak projek ditumbuhinya semak samun seperti di **Foto 118**.

**Foto 118**  
**Bekas Tapak Tanaman Kacang Tanah**  
**Yang Tidak Diteruskan Dan Ditumbuhinya Semak Samun**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Sulakolong, Pitas*

**Maklum balas dari pihak Pejabat Daerah Pitas menjelaskan bahawa peserta telah mengusahakan projek dan menjual hasil kacang sebanyak 2 kali tanaman, namun peserta tidak berminat mengusahakannya lagi setelah kawasan tanaman sering diserang tikus dan babi hutan.**

**c) Projek Bagang Terapung Tetap**

Peserta projek disediakan bagang terapung tetap dan dibina di pesisiran pantai untuk menangkap dan mengeringkan ikan bilis. Peserta juga disediakan kelengkapan menangkap ikan bilis seperti sauh, jaring serta peralatan memasak ikan bilis dan kemudahan sokongan. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, sebanyak 2 projek bagang terapung tetap telah dibina di daerah Pitas dengan belanja sejumlah RM539,952 dan melibatkan seramai 80 peserta. Pemeriksaan Audit terhadap 2 projek tersebut seperti berikut mendapati:

i) **Projek Di Kampung Pongiton Polod, Pitas**

Sebanyak 4 kemudahan projek bagang telah berjaya disediakan dengan perbelanjaan sejumlah RM133,908 dan melibatkan 20 peserta. Kemudahan, kelengkapan dan peralatan dibina dan dibekalkan oleh kontraktor secara terus yang dilantik oleh Pejabat Daerah Pitas setelah mendapat pengecualian daripada tatacara tender. Semakan Audit mendapati projek telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 18 September 2006. Bagaimanapun Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 November 2007 mendapati 3 buah bagang tersadai di lokasi iaitu di persisiran sungai Kampung Pongiton Polod dan rosak akibat banjir besar. Menurut ketua peserta, bagang tersebut belum pernah digunakan lagi. Manakala sebuah lagi bagang telah ditarik oleh Pejabat Daerah ke Kampung Mapan-Mapan, Pitas kerana peserta adalah penduduk kampung tersebut. Maklum balas pegawai Pejabat Daerah Pitas menjelaskan bahawa bagang tidak diusahakan adalah kerana peserta tidak berminat lagi untuk mengusahakan bagang tersebut dan kurang kesefahaman antara peserta dalam satu projek. Selain itu, jenis ikan tangkapan mempunyai nilai pasaran yang murah, ikan bilis berkurangan, bilangan bagang pengusaha persendirian bertambah dan wujud operasi pukat jerut. Bagang mulai rosak dan reput yang boleh membahayakan keselamatan peserta.

Lawatan Audit kali kedua pada 15 Januari 2008 mendapati keadaan bagang masih sama seperti lawatan Audit yang pertama. Pemerhatian Audit mendapati kayu yang digunakan untuk membina bagang kebanyakannya telah reput walaupun baru berusia 1 tahun 3 bulan sejak tarikh siap iaitu pada 18 September 2006. Berdasarkan serpihan sampel kayu yang diambil dari bagang tersebut pada 15 Januari 2008, Pejabat Perhutanan Daerah Tawau mengesahkan bahawa kayu tersebut adalah jenis kayu lembut dan tidak sesuai digunakan untuk kawasan yang terdedah kepada air. Semakan Audit selanjut ke atas spesifikasi kerja mendapati jenis kayu yang sepatutnya digunakan tidak dinyatakan. Temu bual dengan pegawai di Pejabat Daerah Pitas memaklumkan bahawa tiada sebarang tindakan diambil. Contoh bagang tersadai di persisiran pantai, rosak dengan keadaan kayu yang telah reput adalah seperti di **Foto 119 dan 120**.

**Foto 119**  
**3 Buah Bagang Yang Rosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Pongiton Polod, Pitas

**Foto 120**  
**Kayu Binaan Bagang Berusia 1 Tahun 3 Bulan Yang Telah Reput**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Pongiton Polod

Maklum balas Pegawai Daerah Pitas menjelaskan bahawa tindakan akan diambil untuk memperbaiki bagang yang rosak dan menggantikan peserta yang tidak berminat dengan peserta baru.

**ii) Projek Bagang di 12 buah kampung di Daerah Pitas**

Projek bagang ini melibatkan seramai 60 peserta dari 12 buah kampung (5 peserta dan 1 bagang setiap satu kampung) dan bernilai RM406,044. Sebanyak 12 buah bagang dibina dan kemudahan kelengkapan serta

peralatan telah diserahkan kepada peserta pada 13 September 2006. Sebanyak 3 kontraktor telah dilantik berasingan secara tender dan satu kontraktor secara panggilan sebut harga bagi membina bagang, membekal peralatan dan operasi. Butirannya adalah seperti di **Jadual 71**.

**Jadual 71**  
**Pembahagian Kerja Kontrak**

Bil.	Kontraktor	Perkara	Kaedah Perolehan	Kos (RM)
1.	B.L Anan Sungai Enterprise	Membekal peralatan bagang di 12 kampung Daerah Pitas	Tender	149,988
2.	Azera Enterprise	Kos operasi bagi bagang di 12 kampung Daerah Pitas	Tender	76,320
3.	Husni Enterprise	Membina bagang terapung tetap di 12 kampung Daerah Pitas	Tender	179,736
<b>Jumlah</b>				<b>406,044</b>

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Pitas

Berdasarkan Laporan Projek Bagang Terapung Tetap yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Pitas, daripada 12 kumpulan hanya 4 kumpulan sahaja yang masih aktif. Sehubungan itu pada tahun 2007, Pejabat Daerah telah menukar seramai 15 peserta dengan peserta lain dari kampung yang sama. Adalah dilaporkan juga hasil yang diperolehi tidak memberangsangkan disebabkan keadaan cuaca dan sikap peserta. Berdasarkan Laporan yang sama, unjuran pendapatan yang dijangkakan oleh Jabatan Perikanan jika diusahakan dengan baik adalah sebanyak RM1,685 untuk setiap peserta bagi tempoh 15 hari operasi setiap bulan. Sehingga Jun 2007, jumlah pendapatan daripada 4 kumpulan yang aktif adalah sebanyak RM14,705 berbanding dengan anggaran pendapatan yang sepatutnya berjumlah RM303,000 (RM1,685 x 20 peserta x 9 bulan operasi). Keseluruhan jika projek berjaya, jumlah pendapatan yang dianggarkan adalah sejumlah RM909,000 (RM1,685 x 60 peserta x 9 bulan operasi). Temu bual dengan peserta mendapati kelengkapan seperti sauh dan pukat yang digunakan adalah pendek dan bagi meningkatkan jumlah berat tangkapan, kelengkapan perlu lebih panjang dan bilangannya ditambah. Selain itu, Pejabat Daerah Pitas telah memohon dan diluluskan peruntukan tambahan pada 21 Jun 2007 berjumlah RM37,856 daripada KPLBS bagi membaiki kerosakan bagang-bagang tersebut. Kerja-kerja pembaikian yang dijalankan oleh Kontraktor Khasema Citra Enterprise telah siap pada 3 September 2007.

Lawatan Audit terhadap 1 daripada 12 buah projek bagang iaitu di Kampung Mempakad Laut pada 21 November 2007 mendapati bagang telah rosak dan tidak boleh beroperasi. Contoh bagang rosak adalah seperti di **Foto 121**.

**Foto 121**  
**Bagang Di Kampung Mempakad Laut Yang Rosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 21 November 2007

Lokasi : Kg. Mempakad Laut

**d) Tanaman Pisang Sabah/Emas**

Seperi projek lain yang berasaskan pertanian, peserta projek diberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan penyediaan tapak, anak pisang, baja, peralatan seperti cangkul, *knapsack sprayer*, *wheel barrow*, parang, pencakar dan racun kimia serta pengangkutan untuk pemasaran.

**i) Tanaman Pisang Sabah di Kampung Rosob, Pitas**

Kontraktor Sri Abadi Enterprise telah dilantik secara panggilan sebut harga bagi melaksanakan projek seluas 10 ekar ini dengan kos bernilai RM29,400 dan bayaran dibuat pada 28 Disember 2006. Projek telah dimulakan pada 12 Disember 2006 dan diperakui siap oleh Pejabat Daerah pada 26 Disember 2006. Lawatan Audit ke tapak projek pada 21 November 2007 mendapati pokok pisang masih kecil dan layu walaupun setelah setahun ditanam malah kawasan tanaman pisang dipenuhi rumput dan lalang seperti di **Foto 122** dan **123**. Hasil temu bual dengan 3 daripada 9 peserta terlibat, pihak Audit dimaklumkan bahawa peserta tidak mengetahui mengenai kewujudan projek tersebut. Manakala semakan di Pejabat Daerah Pitas mendapati rekod serahan kemudahan projek kepada peserta tidak diselenggara dan tiada sebarang rekod mengenai kutipan hasil.

**Foto 122**  
**Tapak Tanaman Pisang Di Kampung Rosob, Pitas**  
**Dipenuhi Lalang dan Rumput**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Rosob, Pitas

**Foto 123**  
**Pokok Pisang Yang Terbiar**  
**Dan Hampir Mati Serta DiTumbuhinya Lalang**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Rosob, Pitas

**ii) Tanaman Pisang Emas di Kampung Mandamai, Pitas**

Projek tanaman pisang emas seluas 10 ekar dan disertai 10 peserta ini dimulakan sejak tahun 2006 atas tanah milik kerajaan dengan kos projek bernilai RM35,204. Kontraktor yang dilantik secara panggilan sebut harga

telah berjaya melaksanakan kerjanya dengan mematuhi peraturan dan spesifikasi kerja yang ditetapkan termasuk menanam pokok pisang. Pemeriksaan Audit di tapak projek pada 22 November 2007 mendapati projek ini masih dijalankan sejak 14 bulan diserahkan kepada peserta dan pokok-pokok pisang tumbuh subur seperti di **Foto 124**. Mengikut Jabatan Pertanian Tawau, pokok pisang boleh berbuah dan boleh dipetik pada usia 8 bulan. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah hasil pendapatan yang diperolehi oleh peserta kerana tidak ada sebarang rekod atau laporan mengenainya dibuat oleh peserta atau Pejabat Daerah Pitas.

**Foto 124**  
**Tanaman Pisang Emas**  
**Di Kampung Mandamai, Pitas Tumbuh Subur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22 November 2007  
Lokasi : Kg. Mandamai, Pitas

**e) Kandang Trepang/Balat atau Gamat (*Sea Cucumber*)**

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 sebanyak 5 projek kandang trepang/balat telah dilaksanakan di daerah Pitas melibatkan 35 orang peserta dengan kos projek RM273,950. Peserta disediakan kandang balat dan diberi bantuan khidmat nasihat serta peralatan seperti karung guni dan benih balat. Pemeriksaan Audit terhadap projek balat di Kampung Desa Seberang, Pitas mendapati:

**i) Projek Balat di Kampung Desa Seberang, Pitas**

Projek asal kandang trepang adalah di Kampung Mapan-Mapan, Pitas tetapi dipindahkan ke Kampung Desa Seberang, Pitas pada 4 Oktober 2007 setelah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Program Peningkatan Ekonomi/Program Pembangunan Rakyat Miskin Tegar. Projek dimulakan pada 5 November 2007 dan perlu disiapkan oleh kontraktor Azera Enterprise

yang dilantik secara panggilan sebut harga pada 26 November 2007 dengan kos projek sebanyak RM39,340. Seramai 5 peserta terlibat dalam projek ini. Lawatan Audit ke tapak projek pada 22 November 2007 mendapati projek masih belum siap dibina. Semakan lanjut Audit terhadap Perintah Kerja Am berkaitan kerja ini mendapati perakuan kerja siap telah diperakui terlebih dahulu oleh Juruteknik Pejabat Daerah dengan bukti tandatangannya tetapi tanpa tarikh. Bagaimanapun semasa lawatan Audit, pembayaran belum lagi dibuat oleh Pejabat Daerah dan pembayaran sebanyak RM39,340 dibuat pada 5 Disember 2007. Adalah diperhatikan lokasi kandang balat adalah sejauh 3 kilometer daripada rumah peserta. Kandang balat yang belum siap adalah seperti di **Foto 125**.

**Foto 125**  
**Kandang Balat (Gamat) Sedang Di Bina**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22 November 2007  
Lokasi : Persisiran pantai Kg. Desa Seberang,Pitas*

Maklum balas pihak Pejabat Daerah Pitas menjelaskan projek telah disiapkan dan sedang beroperasi dengan lancar. Ada peserta telah memelihara balat sekitar 4,000 ekor. Peserta juga telah membina rumah sementara berdekatan dengan tapak projek untuk menjaga kandang. Keadaan kandang balat dan hasilnya adalah seperti Foto 126.

**Foto 126**  
**Keadaan Kandang Dan Hasil Tangkapan Balat**



Sumber : Fail Foto Pejabat Daerah Pitas  
Tarikh : 18 Julai 2008  
Lokasi : Persisiran pantai Kg. Desa Seberang,Pitas

**f) Projek Ternakan Itik Penelur**

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 sebanyak satu projek ternakan itik penelur telah dilaksanakan di Daerah Kota Belud dengan kos RM22,640 dan melibatkan seramai 3 peserta. Peserta projek disediakan reban itik dan diberi bantuan anak itik, kotak tempat itik bertelur makanan itik dan khidmat nasihat. Lawatan Audit terhadap projek ini di Kampung Taun Gusi Keranjangan, Kota Belud mendapati kelemahan seperti berikut:

**i) Anak itik tidak dibekalkan sekali gus**

Projek melibatkan seramai 3 peserta dan dibina atas tanah milik peserta. Kontraktor yang dilantik secara panggilan sebut harga bertanggungjawab melaksanakan projek yang bernilai RM22,640. Mengikut kontrak setiap peserta disediakan reban itik berukuran 20' x 24' x 8', dibekalkan sebanyak 300 ekor anak itik berumur 1 hingga 2 hari sekali gus dan baja dari hari pertama sehingga itik bertelur (usia 8 bulan) sebanyak 4,500 kg (90 bag/50kg). Lawatan Audit mendapati peserta tidak diberikan kesemua 900 ekor anak itik sebaliknya hanya 400 ekor sahaja. Selaku Agensi Pembimbing,

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Kota Belud telah mencadangkan pemberian bilangan anak itik tersebut pada fasa pertama kerana saiz reban sedia ada tidak dapat menampung sekali gus 300 ekor anak itik. Baki anak itik akan diberikan pada fasa kedua iaitu selepas peserta memperbesarkan saiz reban itik mereka dalam tempoh enam bulan. Bagaimanapun semakan lanjut Audit mendapati harga anak itik sebanyak RM1,800 telah dibayar sepenuhnya pada 2 Ogos 2007. Adalah dimaklumkan bahawa baki 500 anak itik itu disimpan di Jabatan Haiwan Kionsom, Inanam. Butiran serahan anak itik kepada peserta adalah seperti di **Jadual 72** dan **Foto 127** menunjukkan sebahagian anak itik yang telah dibekalkan kepada peserta.

**Jadual 72**  
**Bilangan Pemberian Anak Itik**

Bil.	Nama Peserta	Bilangan Anak Itik Sepatutnya Dibekalkan (ekor)	Bilangan Anak Itik Diberikan Kepada Peserta (ekor)
1.	En. Anjamun Anih	300	150
2.	Pn. Aloha @ Lumuh Piani	300	150
3.	Pn. Perah Piani	300	100
Jumlah		900	400

*Sumber: Temubual Dengan Peserta*

**Foto 127**  
**Sebahagian Itik Penelur Yang Telah Dibekalkan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 20 November 2007*

*Lokasi : Kg. Taun Gusi Keranjangan, Kota Belud*

### ii) Makanan Itik Kurang Dibekalkan

Mengikut kontrak, setiap peserta dibekalkan baja makanan itik sebanyak 30 bag iaitu 10 bag pada peringkat permulaan (*duck starter*), 10 bag pada peringkat pembesaran (*duck grower*) dan 10 bag lagi semasa itik mula bertelur (*duck layer*). Makanan ini sepatutnya diberikan bermula dari satu hari hingga ke masa itik mula bertelur iaitu ketika berusia 8 bulan. Perkiraan Audit mendapati jumlah baja yang dibekalkan oleh kontraktor adalah sebanyak 23 beg berdasarkan bilangan itik yang telah diserahkan kepada peserta pada fasa pertama. Walaupun baki 500 itik diserahkan oleh kontraktor, baki 67 bag baja belum diserahkan. Bagaimanapun didapati kontraktor menuntut bayaran penuh sebanyak RM5,240 dan dibayar pada 2 Ogos 2007. Oleh itu dianggarkan sejumlah RM3,900 (RM5,240/90 bag x 67 bag) telah terlebih dibayar kepada kontraktor. Didapati juga baja yang diakui terima ditukarkan kepada wang tunai dan diberikan kepada pihak ketiga selaku Ketua Projek. Bagaimanapun Pihak Audit tidak dapat mengesahkannya kerana Ketua Projek tidak menyimpan sebarang rekod pembelian dan pengagihan baja. Temu bual dengan peserta menyatakan mereka ada menerima baja makanan itik seperti di **Jadual 73**.

**Jadual 73**  
**Jumlah Pemberian Baja Dan Itik Setakat 17 Januari 2008**

Bil.	Nama Peserta	Jumlah Baja (1 Karung/50 Kg)	Jumlah Itik (Ekor)
1.	En. Anjamun Anih	10	150
2.	Pn. Aloha @ Lumuh Piani	10	150
3.	Pn. Perah Piani	3	100

Sumber: Temubual Dengan Peserta

### iii) Petak Sarang Untuk Itik Bertelur Tidak Dibekalkan

Berdasarkan spesifikasi kerja, kontraktor dikehendaki membuat dan membekalkan sebanyak 300 petak sarang itik bertelur atau 100 petak bagi setiap peserta. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak membuat 300 petak sarang untuk itik bertelur bernilai RM3,600. Lawatan Audit selanjutnya mendapati kerja membina reban itik telah disahkan siap dan bayaran dibuat pada 2 Ogos 2007 namun tanpa petak sarang itik bertelur. Dengan itu Pejabat Daerah Kota Belud telah membuat bayaran bagi kerja yang belum siap sejumlah RM3,600. Reban itik yang dibina tanpa petak sarang itik bertelur adalah seperti di **Foto 128** dan **Foto 129**.

### **Reban Itik Penelur Dan Tanpa Petak Sarang Itik Bertelur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 17 Januari 2008

Lokasi : Kg. Taun Gusi Keranjangan

**Foto 129**

### **Reban Itik Penelur Dan Tanpa Petak Sarang Itik Bertelur**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 20 November 2007

Lokasi : Kg. Taun Gusi Keranjangan, Kota Belud

Berdasarkan rekod yang disemak, pihak Audit mendapati Agensi Pembimbing tidak memainkan peranan dalam memantau perjalanan dan kemajuan projek ini.

Maklum balas Pegawai Daerah Kota Belud menjelaskan tindakan akan diambil supaya kontraktor membekalkan petak sarang telur yang berkaitan.

### **g) Projek Pengeringan Ikan Masin**

Projek Pengeringan Ikan Masin dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pekerjaan yang boleh meningkatkan sumber pendapatan kepada peserta. Peserta disediakan kemudahan tempat menjemur ikan, stor menyimpan ikan yang dihubungkan dengan jeti pendaratan dan jambatan serta peralatan dan kelengkapan. Peserta juga diberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan bimbingan serta pemasaran oleh Jabatan Perikanan Tawau selaku agensi pembimbing. Bagi tempoh 2005 hingga 2007, peruntukan sejumlah RM132,133 telah dibelanjakan yang melibatkan seramai 20 peserta dalam projek pengeringan ikan masin.

Lawatan Audit terhadap projek di Kampung Sungai Pukul Sebatik, Tawau mendapati kemudahan termasuk bekalan bernilai RM132,133 telah siap dibina dan dibekalkan sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik secara panggilan tender pada 20 Oktober 2006. Tempat penjemuran ikan siap dibina pada 8 Disember 2005, stor dan jeti siap pada 28 September 2006 dan jambatan siap pada 20 Oktober 2006. Bagaimanapun, didapati sehingga tarikh lawatan Audit pada 9 Januari 2008, projek tersebut masih belum lagi beroperasi. Pihak MPT selaku Agensi Pelaksana, menjelaskan kelemahan ini adalah kerana lokasi projek jauh dari rumah peserta iaitu kira-kira 3 kilometer. Untuk ke tapak projek juga perlu menggunakan bot kerana tiada kemudahan jalan raya. Lawatan Audit selanjutnya mendapati projek ini tidak dikaji dengan teliti terutama kemudahan asas seperti bot kepada peserta sebelum dilaksanakan menyebabkan projek terbengkalai begitu sahaja. MPT juga tidak membuat pemantauan serta mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah ini. Akibatnya projek ini merupakan satu pembaziran jika tiada sebarang tindakan pampaikan dibuat terhadapnya. Kesannya, objektif membasmi kemiskinan tidak tercapai. Tempat mengeringkan ikan sepatutnya lengkap dengan jaring tetapi didapati ada yang tiada jaring. Keadaan jeti, stor dan tempat menjemur ikan adalah seperti di **Foto 130** hingga **Foto 135**.

**Foto 130**  
**Jeti Pendaratan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

**Foto 131**  
**Keadaan Jeti Yang Rosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

**Foto 132**  
**Stor Pengeringan Ikan Masin,**  
**Jambatan Dan Tempat Pengeringan Ikan Yang Terbiar**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

**Foto 133**  
**Stor Rosak- Dinding Stor Tertanggal**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

**Foto 134**  
**Tempat Pengeringan Ikan**  
**Dengan Sebahagian Jaring Yang Masih Tinggal**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

**Foto 135**  
**Tempat Pengeringan Ikan Tanpa Jaring**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 9 Januari 2008

Lokasi : Kg. Sg. Pukul, Tawau

Mengikut pegawai Majlis Perbandaran Tawau, antara faktor lain ialah keadaan cuaca yang tidak menentu mengakibatkan peserta kurang berminat. Bagaimanapun, pihak Majlis Perbandaran Tawau bersama KPLBS akan mengambil tindakan menggantikan peserta yang kurang berminat dengan peserta baru yang berminat.

#### **h) Ternakan Lebah Madu**

Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 seramai 31 orang peserta terlibat dalam projek ternakan lebah madu melibatkan belanja sejumlah RM101,490. Projek diusahakan atas tanah Kerajaan dan disediakan dengan pengempur madu, pengasap, topeng, *honey tester*, *hive* (tempat mengumpul madu) dan stor. Keluasan kawasan tapak projek adalah 10 ekar. Pemeriksaan Audit terhadap projek ternakan lebah madu di Kampung Sungai Tongkang Sebatik, Tawau seluas 10 ekar pada 7 November 2007 mendapati projek yang bernilai RM26,950 melibatkan 10 peserta ini tidak mendatangkan sebarang hasil sejak 11 bulan dari tarikh siap dibina iaitu pada 28 Disember 2006. Lawatan Audit juga mendapati sebahagian daripada kelengkapan untuk memproses madu yang telah diserahkan kepada peserta tidak digunakan. Mengikut peserta, sebab utama kelengkapan tersebut tidak digunakan adalah kerana kotak perangkap lebah yang dipasang tidak menghasilkan madu kerana tiada lebah datang walaupun difahamkan kawasan tersebut adalah diketahui banyak lebah. Semakan Audit selanjutnya mendapati peserta tidak diberikan kursus kemahiran pengendalian projek ternakan lebah madu. Ini adalah kegagalan pemantauan kemajuan projek dan tindakan tidak diambil terhadap masaalah tersebut. Akibatnya projek tidak berjaya dan merupakan satu pembaziran kepada wang Kerajaan. Contoh sebahagian daripada peralatan dan kelengkapan projek lebah madu yang masih belum digunakan dan disimpan dalam stor adalah seperti di **Foto 133** dan **137**.

**Foto 136**  
**Alat Pemutar Sarang Lebah yang Masih Tersimpan Di Stor**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 November 2007

Lokasi : Sg. Tongkang, Sebatik, Tawau

**Foto 137**  
**Kotak Hive Yang Masih Disimpan Di Stor**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 7 November 2007

Lokasi : Sg. Tongkang, Sebatik, Tawau

Maklum balas pihak Majlis Perbandaran Tawau dan KPLBS menjelaskan akan berusaha untuk mencari tempat lain yang bersesuaian supaya kelengkapan yang masih baik keadaannya boleh dimanfaatkan supaya tidak berlaku pembaziran.

**i) Ternakan Ikan Dalam Sangkar Terapung Di Kampung Kuala Merotai, Tawau**

Projek ini telah dimulakan pada tahun 2006 dengan kos RM46,700 melibatkan 6 peserta. Para peserta dibekalkan dengan sangkar ikan, rumah atas rakit, bot kecil dengan enjin sangkut 15 kuasa kuda (*hp*), tangki air plastik, set generator, pam air elektrik, bibit ikan kerapu dan makanan ikan. Lawatan Audit pada 22 Januari 2008 mendapati projek ini masih lagi beroperasi tetapi belum pernah mengeluarkan hasil kerana pada fasa pertama, ikan-ikan mati akibat pencemaran air. Oleh itu, peruntukan tambahan sebanyak RM8,000 telah diberikan untuk pembelian bibit ikan kerapu liar. Hasil ternakan ikan boleh dijual selepas dipelihara 6 hingga 7 bulan. **Foto 138** dan **139** menunjukkan Rumah Rakit dan Sangkar Ternakan Ikan di Kg. Kuala Merotai, Tawau.

**Foto 138**  
**Rumah Rakit Dan Sangkar Ternakan Ikan Yang Masih Digunakan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Kuala Merotai, Tawau

**Foto 139**  
**Sangkar Ikan Terapung Yang Masih Digunakan**




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 22 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Kuala Merotai, Tawau

**j) Projek Ternakan Kambing Dan Ikan Dalam Sangkar Di Daerah Pitas**

Kawasan projek yang terlibat seluas 300 ekar telah dirancang dalam RMK9 untuk dilaksanakan projek tanaman getah melalui program MESEJ. Bagaimanapun kawasan berkenaan yang terletak di daerah Pitas tidak sesuai untuk tanaman getah menyebabkan projek tersebut telah ditukar menjadi projek penternakan

kambing dan penternakan ikan dalam sangkar. Keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Bil 2/2006. Pelan lokasi projek di Kampung Kiandut, Pitas adalah seperti **Gambarajah 1**.

**Gambarajah 1**  
**Pelan Lokasi MAA Di Kampung Kiandut, Pitas**



Sumber : Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah

Lawatan Audit terhadap projek ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan kambing di Kampung Kiandut mendapat:

i) **Ternakan Ikan Dalam Sangkar Di Kampung Kiandut, Pitas**

Tiga kontraktor telah ditawarkan secara panggilan tender untuk melaksanakan projek ini. Kontraktor yang dilantik ini bertanggungjawab membina dan menyediakan 30 unit sangkar ikan, membekalkan bibit ikan siakap, makanan ikan dan kemudahan sokongan seperti bot, enjin, stor dan jeti pendaratan. Seramai 30 orang peserta terlibat dalam projek ini. Butiran mengenai kontrak adalah seperti di **Jadual 74**.

**Jadual 74**  
**Pembahagian Kontrak Kerja**

Bil.	Skop Kerja	Kontraktor	Tarikh Mula	Tarikh Jangka Siap	Tarikh Lanjutan Masa Dengan Kebenaran Sehingga	Kos (RM)
1.	Pembelian Bibit/ Makanan Ikan/Petrol	Pemborong Gobion Enterprise	18/9/2007	15/10/2007	05/11/2007	70,500
2.	Kos Kemudahan Sokongan	J.B Enterprise	18/9/2007	29/10/2007	19/11/2007	64,000
3.	30 Unit Sangkar Ikan	Khasema Citra Enterprise	23/10/2007	19/11/2007	10/12/2007	139,162
<b>Jumlah</b>						<b>273,662</b>

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Pitas

Lawatan Audit ke tapak projek pada 15 Januari 2008 mendapati, stor dan semua 30 unit sangkar masih belum siap dibina walaupun telah diberikan lanjutan masa. Mengikut spesifikasi kerja, 30 unit sangkar ikan hendaklah dibina dengan menggunakan jaring/sangkar, *culvert*, tong *drum*, plastik, tali dan kayu. Adalah didapati sangkar ikan tidak dilengkapi dengan jaring dan sauh. Oleh itu anak benih ikan serta makanan ikan belum dapat dibekalkan oleh kontraktor. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh penyerahan projek ini kerana tiada dokumen yang berkaitan dikemukakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Pejabat Daerah Pitas telah membuat pembayaran penuh kos projek ini berjumlah RM273,662 walaupun projek belum siap. Juga didapati tiada bukti pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan projek ada dijalankan. Contoh sangkar ikan yang tidak lengkap dan stor yang sedang dibina adalah seperti di **Foto 140** dan di **Foto 141**.

**Foto 140**  
**Sangkar Ikan Tanpa Jaring Dan Sauh (Culvert)**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas*

**Foto 141**  
**Stor Belum Siap Dibina**  
**Walaupun Telah Melampaui Tempoh Dibenarkan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas*

**ii) Projek Ternakan Kambing Di Kampung Kiandut, Pitas**

Projek dilaksanakan atas tanah seluas 10 ekar daripada 300 ekar yang pada asalnya untuk tanaman getah. Baki 290 ekar adalah untuk dibangunkan penempatan dan kemudahan kepada peserta seperti rumah, infrstruktur dan utiliti di bawah Projek Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Seramai 10 peserta terlibat disediakan dengan induk kambing, makanan, garam vitamin, ubatan, kandang, stor, pagar, mesin rumput dan copper serta

tanaman pastura. Berdasarkan Kertas Cadangan Projek yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Daerah Pitas, kawasan yang sesuai bagi ternakan kambing adalah di atas muka bumi yang rata dan berbukit. Sebanyak 2 kontraktor dilantik untuk menyediakan tapak dan membina sebuah kandang serta membeli dan membekalkan 156 ekor anak kambing dan 1,000 kg baja makanan untuk seekor kambing sehingga boleh dijual. Pengagihan kontrak kerja adalah seperti di **Jadual 75**.

**Jadual 75**  
**Pengagihan Kontrak Kerja**

Bil.	Skop Kerja	Kontraktor	Tarikh Mula	Tarikh Jangka Siap	Lanjutan Masa Dengan Kebenaran Sehingga	Kos (RM)
1.	Penyediaan Tapak dan Pembinaan Kandang	Hamlie Enterprise	18.9.2007	30.10.2007	19.11.2007	76,425
2.	Pembelian Kambing dan Makanan	PR Enterprise	23/10/2007	19/11/2007	27/11//2007	92,632
<b>Jumlah</b>						<b>169,057</b>

Sumber: Rekod Pejabat Daerah Pitas

Kontraktor dilantik secara pemberian terus dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Lawatan Audit ke tapak projek pada 15 Januari 2008 mendapati tapak projek masih belum siap sepenuhnya walaupun telah melewati tempoh lanjutan masa yang dibenarkan. Adalah didapati juga induk kambing yang dibekalkan hanya berjumlah 90 ekor berbanding sepatutnya 156 ekor iaitu kekurangan sebanyak 66 ekor. Juga, oleh kerana kandang kambing masih belum siap, sebanyak 90 ekor induk kambing tersebut disimpan sementara di kandang penternak lain selama 6 bulan iaitu 65 ekor di Kampung Kerasik, Pitas dan 25 ekor di Kampung Tajau, Kudat. Kontraktor memberikan alasan bahawa keadaan cuaca hujan menjadi punca pembinaan kandang lewat disiapkan dan kesukaran mendapatkan bekalan kambing dan bahan makanan kambing menjadi punca bekalan belum dapat disempurnakan sepenuhnya. Bagaimanapun, kos projek berjumlah RM169,057 telah dibayar sepenuhnya pada 31 Disember 2007 kepada dua kontraktor yang terlibat. Selain itu, pelan dan spesifikasi kerja pembinaan kandang kambing seperti saiz dan jenis kayu dan atap yang sepatutnya digunakan tidak dinyatakan. Lawatan Audit mendapati kandang kambing juga dibina atas tanah berpaya dan berair walaupun kertas kerja yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternakan Daerah Pitas mencadangkan tapak bagi

kandang dibina dikawasan yang bentuk muka bumiya rata dan berbukit. Adalah diperhatikan juga lokasi tapak projek adalah jauh daripada tempat tinggal peserta iaitu 3 kilometer dan tiada kemudahan pengangkutan. Oleh itu, penempatan peserta sepatutnya disediakan terlebih dahulu supaya peserta dapat tinggal berdekatan dengan tapak projek dengan kelengkapan kemudahan perumahan, infrastruktur dan utiliti. Tapak projek dan kandang kambing yang belum siap termasuk yang dibina di atas tanah berpaya adalah seperti di **Foto 142** hingga **Foto 145**.

**Foto 142**  
**Tapak Projek Ternakan Kambing Yang Masih Belum Siap**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 21 November 2007  
Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas

**Foto 143**  
**Kandang Kambing Belum Siap Dibina**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 15 Januari 2008  
Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas

**Foto 144**  
**Tangga Kandang Yang Belum Siap**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 15 Januari 2008

Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas

Maklum balas pihak Pejabat Daerah Pitas menjelaskan bahawa tindakan untuk menyiapkan kandang kambing telah diambil. Kambing pula telah dipindahkan ke kandang sementara peserta, sementara menunggu jalan raya dan kemudahan penempatan disediakan oleh KPLBS yang telah dimohon oleh pihak Pejabat Daerah Pitas. Keadaan kandang kambing yang telah siap adalah seperti di **Foto 145**.

**Foto 145**  
**Kandang Kambing Dibina Atas**  
**Tanah Berpaya Bakau Dan Belum Siap**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 21 November 2007

Lokasi : Kg. Kiandut, Pitas

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan projek Program Peningkatan Ekonomi yang disemak adalah tidak memuaskan kerana kemudahan, peralatan, bahan-bahan dan perkidmatan tidak dibekalkan, lewat siap dan siap tetapi masih belum digunakan.**

### **30.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan dari semasa ke semasa adalah penting bagi memastikan semua projek yang telah dilaksanakan berjalan lancar, cekap dan berkesan. Pemantauan terhadap projek melibatkan 4 peringkat iaitu Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Negeri (SPKR), dan Jawatankuasa Teknikal Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat Negeri (SPKR), Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Jabatan/Pejabat Daerah/Agensi Pembimbang. Selain itu, laporan kemajuan bulanan terhadap program/aktiviti yang disediakan oleh Agensi Pelaksana ke Kementerian dapat mengenal pasti lebih awal kelemahan dan masalah setiap projek dan tindakan untuk mengatasinya dapat dibuat dengan segera supaya matlamat program pembasmian kemiskinan tercapai.

#### **30.3.1 Jawatankuasa Pemandu Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri**

Jawatankuasa Pemandu SPKR Peringkat Negeri perlu mengadakan mesyuarat untuk mengambil maklum terhadap perkembangan program-program pembasmian kemiskinan seluruh negeri melalui usaha pendekatan bersepadan pelbagai jabatan dan agensi di samping menetapkan perkara-perkara dasar bila perlu. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Jawatankuasa Pemandu SPKR Negeri aktif kerana minit mesyuarat tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

#### **30.3.2 Jawatankuasa Teknikal Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Negeri**

Segala laporan serta pemerhatian dan cadangan-cadangan yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SPKR Negeri dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPKR Negeri. Jawatankuasa Teknikal SPKR Negeri bermesyuarat 3 bulan sekali mengikut jadual. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Teknikal SPKR tidak bermesyuarat sejak tahun 2005. Namun, diaktifkan semula dan bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada 5 Julai 2007. Mulai tahun 2008, Jawatankuasa Teknikal SPKR Negeri telah diganti dengan nama Jawatankuasa SPKR-Focus Group Negeri dan setakat pertengahan Julai 2008 telah bermesyuarat sebanyak 3 kali.

#### **30.3.3 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah**

KPLBS bertanggungjawab sepenuhnya dalam memantau semua projek PPE yang telah dilaksanakan. Menurut Garis Panduan PPP SPKR – RMK9 (2006 – 2010), Mesyuarat PPE SPKR sepatutnya dibuat 3 bulan sekali. Sebarang masalah yang timbul berkaitan dengan projek PPE dibincangkan dalam Mesyuarat Penyelarasaran Peningkatan Ekonomi SPKR yang diadakan dari semasa ke semasa. Lawatan ke tapak projek juga

perlu dibuat mengikut keperluan. Semakan Audit mendapati mesyuarat diadakan pada setiap bulan keperluannya bagi menyelesaikan masalah yang timbul. Pada tahun 2005, mesyuarat diadakan sebanyak 15 kali, tahun 2006 sebanyak 19 kali dan 10 kali pada tahun 2007. Berdasarkan laporan lawatan fizikal yang telah dibuat oleh KPLBS bagi tahun 2005 hingga 2007, didapati projek yang dilawati adalah seperti di **Jadual 76**.

**Jadual 76**  
**Laporan Lawatan Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Bil.	Daerah	Bilangan Laporan Lawatan	Jenis Projek	Tahun
1.	Kunak	1	1)Pemeliharaan ikan sangkar kg panggi kunak	2006
2.	Matunggong	3	1)Projek Ternakan Lebah Madu Kg Gombizau. 2) Projek Menyalam Sigal. 3)Projek Bengkel Membuat Gong	2006
3.	Kudat	1	1)Projek Kilang Padi Kg, Bangau	2006
4.	Semporna	7	1)Projek Tanaman Ubi Kayu Kg Pantau-Pantau 2) Projek Pengkulturan Rumpai Laut Kg Pantau-Pantau 3)Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar kg Silawa 4)Tanaman Ubi Kayu Kg, Kubang Laut 5)Tanaman Ubi Kayu Kg Egang-Egang 6) Tanaman Ubi Kayu Kg Seri Bayu, Tagasan 7) Tanaman Ubi Kayu Kg Seri Damai	2006
5.	Pitas	2	1)Projek Tanaman Pisang Kg Tampakahu 2) Projek Tanaman Pisang Kg Batu	2007
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>		

Sumber: Rekod KPLBS

#### **30.3.4 Jabatan/Pejabat Daerah/Agenzi Pembimbng**

Bagi memastikan projek yang sedang dilaksanakan berjaya, peranan Agenzi Pelaksana diperingkat daerah adalah amat penting. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPKR Daerah perlu diadakan 3 bulan sekali dan dihadiri oleh wakil dari Kementerian untuk mengetahui masalah yang timbul dan mencari jalan mengatasinya. Semakan Audit di 4 daerah yang dipilih iaitu Pitas, Tawau, Kota Belud dan Tongod mendapati kekerapan mesyuarat yang dijalankan tidak mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 4 kali setahun. Bilangan mesyuarat yang diadakan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 77**. Manakala laporan yang dibuat oleh Agenzi Pelaksana dalam memantau projek di bawah seliaan mereka adalah seperti di **Jadual 78**.

**Jadual 77**  
**Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPKR Mengikut Daerah Dan tahun**

Bil.	Daerah	2005	2006	2007
1.	Pitas	*	2	5
2.	Tawau	3	1	2
3.	Kota Belud	1	2	3
4.	Tongod	*	*	5
<b>Jumlah</b>		<b>4</b>	<b>5</b>	<b>15</b>

Sumber: Rekod Agensi Pelaksana

Nota: \* Maklumat tidak diperolehi

Bagi tahun 2005 hingga 2007, bilangan lawatan mengikut laporan yang dibuat oleh Agensi Pelaksana dalam memantau projek di bawah seliaan mereka adalah seperti di **Jadual 78**.

**Jadual 78**  
**Laporan Bilangan Lawatan Pegawai Agensi Pelaksana Bagi Tempoh 2005 Hingga 2007**

Bil.	Daerah	Bilangan Projek Mengikut Daerah	Laporan Bilangan Lawatan
1.	Tawau	3	2
2.	Semporna	48	19
3.	Menumbok	1	3
4.	Pitas	56	4
5.	Kemabong/Tenom	2	4
6.	Tambunan	3	1
7.	Ranau	2	1
8.	Tuaran	3	1
9.	Kunak	1	1
10.	Tongod	9	1
<b>Jumlah</b>		<b>128</b>	<b>37</b>

Sumber: Rekod KPLBS

### 30.3.5 Laporan Kemajuan Bulanan Projek

Agensi Pelaksana hendaklah mengemukakan laporan kemajuan bulanan projek ke Kementerian dengan 1 set salinan masing-masing kepada Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Unit Pengesahan Projek Negeri Kota Kinabalu. Semakan Audit mendapati laporan berkenaan tidak dikemukakan ke KPLB. Manakala laporan yang sama ke Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Unit Pengesahan Projek Negeri tidak diketahui kerana tiada maklumat. Bagaimanapun, laporan pemantauan ada dikemukakan oleh 10 daerah berdasarkan pemantauan yang dijalankan pada tahun 2005 hingga 2007. Daerah berkenaan adalah Tawau, Semporna, Menumbok, Pitas, Kemabong, Tambunan, Ranau, Tuaran, Kunak dan Tongod.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dibuat adalah memuaskan kerana mesyuarat jawatankuasa yang membincangkan kemajuan program/aktiviti pembasmian kemiskinan di peringkat negeri dan daerah tidak dijalankan mengikut jadual. Laporan pemantauan oleh Kementerian dan Agensi Pelaksana juga tidak menyeluruh berbanding bilangan projek yang dilaksanakan.**

**Berdasarkan sample yang dipilih, pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat, Pembangunan Program Pembasmian Kemiskinan melalui Program Peningkatan Ekonomi tidak mencapai matlamatnya kerana pelaksanaan tidak teratur dan pemantauan yang tidak berkesan.**

### **31. RUMUSAN DAN SYOR**

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang dijalankan adalah tidak memuaskan. Daripada 18 projek PPE itu, sebanyak 7 projek tidak berjaya, 4 belum siap dan 7 lagi masih beroperasi. Diantara kelemahan yang ditemui ialah:

- Kementerian tidak menyediakan sistem maklumat yang lengkap untuk merekodkan prestasi pencapaian program;
- Prestasi perbelanjaan tidak memuaskan kerana sejumlah RM10.59 juta atau 52% peruntukan tahun 2006 dan 2007 tidak dibelanjakan;
- Kemudahan peralatan, bahan-bahan dan perhidmatan tidak dibekalkan dan ada projek yang telah siap tidak digunakan menyebabkan wujud pembaziran;
- Projek terbengkalai dan peserta tidak mendapat manfaat serta tahap pemantauan adalah tidak memuaskan.

Penambahbaikan perlulah dibuat supaya projek yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Adalah disyorkan agar tindakan seperti berikut diambil;

- a) Agensi Pelaksana dan pembimbing membuat pemantauan projek secara berkala.
- b) KPLBS/Agensi Pelaksana memilih kontraktor yang kompeten dan berwibawa.
- c) Pelaksanaan sesuatu projek adalah ditempat yang bersesuaian.
- d) Latihan hendaklah diberikan kepada kakitangan yang berkenaan agar kecekapan dapat dipertingkatkan.
- e) Memastikan semua spesifikasi kerja adalah jelas dan lengkap.
- f) Memastikan semua spesifikasi kerja dalam kontrak dipatuhi dan sebarang perubahan kerja perlu mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab iaitu KPLBS.
- g) Peserta perlu diberi taklimat berkaitan dengan kepentingan projek agar sikap sambil lewa dan seterusnya mengharapkan bantuan berulang kali tidak berlaku.
- h) Agensi Pelaksana perlu menyelenggara rekod terimaan dan serahan projek, bekalan kelengkapan dan peralatan kepada peserta.

- i) Mewujudkan kaedah bagi mengukur pencapaian projek supaya sasaran Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% menjelang penghujung tahun 2010 dapat ukur dari semasa ke semasa.
- j) Jawatankuasa Pemandu SPKR Negeri, Jawatankuasa SPKR- *Focus Group* Daerah dan Negeri dan Jawatankuasa Pemandu SPKR Daerah perlu aktif dan mengadakan mesyuarat mengikut jadual.
- k) Mengemukakan laporan bulanan kemajuan projek kepada KPLBS, Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan Unit Pengesahan Projek Negeri.
- l) Menggantikan peserta yang tidak berminat terhadap projek dengan peserta baru yang berminat.

## MAJLIS DAERAH PENAMPANG

### PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

#### 32. LATAR BELAKANG

**32.1** Majlis Daerah Penampang (Majlis) ditubuhkan pada bulan Januari 1962 di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan Negeri Sabah 1961. Keluasan kawasan perkadaran Majlis ialah 5,695 ekar dengan bilangan penduduk seramai 135,363 orang (statistik Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2005). Objektif Majlis adalah untuk membangun dan mengurus tadbir Daerah Penampang dengan persekitaran yang bersih, teratur, selamat dan selesa untuk didiami. Untuk mencapai objektif tersebut, Majlis menjalankan fungsi seperti berikut:

- a) Memberi perkhidmatan berkaitan dengan kebersihan, keindahan dan kesihatan awam seperti perkhidmatan mengutip sampah dan memotong rumput;
- b) Mengawal aktiviti pembangunan di kawasan perkadaran;
- c) Menyedia dan mengurus kemudahan awam dan infrastruktur seperti taman rekreasi, lorong pejalan kaki dan perhentian bas;
- d) Memproses pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi bagi pelbagai aktiviti perniagaan;
- e) Mengawal pembinaan dan pengubahsuaian bangunan termasuk rumah setinggan; dan
- f) Mengawal binatang yang berkeliaran.

**32.2** Setakat akhir tahun 2007, Majlis telah menerima pakai 22 Undang-undang Kecil yang digubal antara tahun 1967 hingga tahun 1987 dan Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 yang digubal semasa Kerajaan *Colony of North Borneo*. Undang-undang Kecil tersebut antara lain berkaitan dengan peraturan bagi mengawal aktiviti perniagaan, mengawal pembinaan dan keselamatan bangunan di kawasan Majlis serta mengawal kebersihan di Daerah Penampang bagi menjamin keselesaan penduduk. Pentadbiran Majlis juga turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 untuk mengawal aktiviti perniagaan hiburan serta pekeliling dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri dari semasa ke semasa. Peniaga dan orang ramai perlu mematuhi Undang-undang Kecil dan peraturan yang ditetapkan supaya Majlis dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan baik ke arah pencapaian objektif penubuhannya. Oleh itu, aktiviti penguatkuasaan terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis perlu dijalankan untuk menentukan undang-undang dan peraturan berkenaan dipatuhi.

### **33. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan aktiviti penguatkuasaan telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan.

### **34. SKOP PENGAUDITAN**

Jabatan Audit Negara melaksanakan kajian terhadap aktiviti penguatkuasaan berdasarkan kepada kepentingan aktiviti ini terhadap pematuhan semua undang-undang dan peraturan Majlis yang berkuatkuasa. Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti penguatkuasaan bagi tahun 2006 dan 2007. Undang-undang yang terlibat untuk diaudit adalah berkaitan dengan pematuhan syarat lesen perniagaan, bangunan dan kebersihan. Selain itu, menjalankan pemeriksaan fizikal Audit terhadap 67 premis perniagaan yang dipilih secara rambang untuk menentukan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat yang ditetapkan.

### **35. KAEADAH PENGAUDITAN**

Semakan Audit dibuat terhadap fail, laporan kewangan, rekod dan daftar yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap premis perniagaan dan temu bual dengan pegawai serta anggota penguatkuasa di Unit Penguatkuasa serta pegawai dari Unit Pelesenan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kewangan, Bahagian Kesihatan dan Bahagian Pembangunan (Unit Kejuruteraan dan Unit Penilaian) juga dibuat.

### **36. PENEMUAN AUDIT**

#### **36.1 PERANCANGAN**

Perancangan adalah penting bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta selaras dengan undang-undang yang berkaitan. Oleh itu, perancangan yang teliti perlu dibuat terhadap undang-undang dan peraturan Majlis, prosedur penguatkuasaan, rancangan aktiviti penguatkuasaan, modal insan, keperluan peralatan, kemudahan stor dan kenderaan, keperluan kewangan, penyelenggaraan rekod dan mekanisme pemantauan. Semakan Audit terhadap aspek perancangan mendapati perkara seperti berikut:

##### **36.1.1 Undang-undang Dan Peraturan**

Undang-undang yang digubal perlu dikuatkuasakan selaras dengan dasar Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri untuk memastikan Pihak Berkuasa Tempatan memberi perkhidmatan yang baik kepada penduduk. Kerajaan juga memberi perhatian yang serius kepada usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan supaya isu berkaitan pelanggaran undang-undang

dapat ditangani di peringkat daerah. Sehubungan dengan itu, Majlis hendaklah memastikan urus tadbir Daerah Penampang dilaksanakan selaras dengan undang-undang yang berkaitan. Melalui kuasa yang dinyatakan di bawah Seksyen 50 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Majlis boleh menggubal Undang-undang Kecil untuk mengurus tadbir Daerah Penampang.

Majlis telah menggubal 22 Undang-undang Kecil untuk mengawal aktiviti perniagaan, sosial dan kebersihan tempat awam. Selain itu, Majlis juga menggunakan Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 yang digubal semasa Kerajaan *Colony of North Borneo* untuk kegunaan semua PBT di Negeri Sabah pada masa itu. Undang-undang Kecil tersebut hendaklah dibaca bersama dengan *Penampang District Council Instrument* 1961. Butiran lanjut Undang-undang Kecil tersebut adalah seperti berikut:

**a) Kawalan Aktiviti Perniagaan Bukan Bercorak Hiburan**

Bagi mengawal aktiviti perniagaan bukan bercorak hiburan seperti hotel, restoran, kedai dobi, bengkel dan salun, sebanyak 13 Undang-undang Kecil telah digubal. Undang-undang Kecil tersebut antaranya ialah Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) 1978, Undang-undang Kecil (Premis Makanan) 1978, Undang-undang Kecil (Dobi) 1978, Undang-undang Kecil (Salun Pendandan Rambut) 1978, Undang-undang Kecil (Pasar) 1978 dan Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1978. Undang-undang Kecil tersebut menetapkan syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga seperti kebersihan, ciri keselamatan dan kadar bayaran lesen.

**b) Kawalan Aktiviti Perniagaan Bercorak Hiburan**

Majlis juga telah menggubal Undang-undang Kecil berkaitan kawalan perniagaan bercorak hiburan iaitu Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987. Selain itu, Majlis turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 yang digubal oleh Kerajaan Negeri dan arahan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk mengawal aktiviti perniagaan bercorak hiburan seperti karaoke, diskotik, pusat rekreasi dan pementasan seperti sarkis, wayang kulit dan opera. Ordinan tersebut menghuraikan syarat yang perlu dipatuhi oleh peniaga antaranya ialah berkaitan masa beroperasi, kadar lesen, pelan struktur premis perniagaan, kesesuaian lokasi, kebersihan premis, pengudaraan yang mencukupi dan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti pintu kecemasan dan alat pemadam api. Syarat berhubung masa pusat hiburan awam dibenarkan beroperasi dan kadar bayaran lesen operasi juga diperjelaskan melalui surat arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri serta Kaedah Teater Dan Hiburan Awam (Pindaan) 1993. Selain itu, sijil pengesahan dari pihak Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat yang mengesahkan ciri keselamatan dan kesesuaian premis tersebut untuk dijadikan pusat hiburan perlu diperolehi sebelum lesen operasi pusat hiburan diluluskan oleh Majlis.

**c) Kawalan Kesihatan, Kebersihan Dan Aktiviti Sosial**

Tiga Undang-undang Kecil berkaitan kawalan terhadap kesihatan dan kebersihan digubal iaitu Undang-undang Kecil (*Conservancy And Hygiene*) 1984, Undang-undang Kecil (Rumah Penyembelihan) 1978 dan Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984. Peraturan yang perlu dipatuhi antaranya ialah tanggungjawab pemilik premis menyediakan tong sampah dan memastikan kebersihan premis mereka serta larangan membuat kekotoran di tempat awam. Sementara itu, sebanyak 5 lagi Undang-undang Kecil berkaitan pelbagai aktiviti sosial seperti penggunaan lorong dan tempat awam serta pemeliharaan binatang digubal. Undang-undang Kecil yang terlibat antaranya ialah Undang-undang Kecil (Lorong Dan Tempat Awam) 1978 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987.

**d) Kawalan Pembinaan Atau Pengubahsuaian Bangunan**


Bagi aktiviti melibatkan pembinaan dan pembangunan, Majlis menggunakan Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 yang digubal semasa Kerajaan *Colony of North Borneo* untuk kegunaan semua PBT di Negeri Sabah pada masa itu. Majlis menggunakan Undang-undang Kecil tersebut sebagai garis panduan untuk mengawal pembinaan dan pengubahsuaian atau penyambungan bangunan termasuk premis perniagaan dan rumah setinggan. Menurut Undang-undang Kecil tersebut, pelan tapak dan pelan bangunan termasuk pengubahsuaian perlu disemak dan diluluskan oleh Majlis dengan mengambil kira kesesuaian tapak, keselamatan bangunan dan pengguna, pembinaan jalan dan perparitan.

Selain daripada syarat dan peraturan, undang-undang yang digubal turut menetapkan tindakan yang boleh diambil oleh Majlis seperti pembatalan lesen dan denda yang boleh dikenakan sekiranya syarat lesen tidak dipatuhi. Ordinan Hiburan Awam (Pindaan) 2003 pula membenarkan Majlis untuk menutup dan menyita premis pusat hiburan yang tidak mematuhi syarat lesen. Manakala Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 membenarkan Majlis meroboh bangunan yang dibina atau diubah suai tanpa kelulusan. Majlis juga boleh mengenakan kompaun kepada orang awam dan peniaga yang melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984, Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987.

**36.1.2 Prosedur Penguatkuasaan**


Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dijalankan dengan teratur, cekap dan berkesan, Majlis merancang untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi Unit Penguatkuasa. MPK berkenaan menyatakan proses kerja, tindakan dan peringkat anggota yang terlibat untuk menyiasat aduan awam serta menjalankan penguatkuasaan terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan yang terlibat. Carta aliran proses tindakan terhadap aduan awam dan carta aliran proses kerja aktiviti penguatkuasaan Undang-undang Kecil dan peraturan masing-masing adalah seperti di **Carta 19 dan 20**.

**Carta 19**  
**Carta Aliran Proses Tindakan Terhadap Aduan Awam**



Sumber: Majlis Daerah Penampang

**Carta 20**  
**Carta Aliran Proses Penguatkuasaan Undang-undang Kecil Dan Peraturan**



Sumber: Majlis Daerah Penampang

### 36.1.3 Rancangan Aktiviti Penguatkuasaan

Bagi memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi, Majlis perlu merancang aktiviti penguatkuasaan setiap tahun. Tanggungjawab penguatkuasaan akan dilaksanakan mengikut zon oleh 6 pasukan penguatkuasa yang terdiri daripada 5 hingga 9 anggota. Rancangan aktiviti penguatkuasaan tahunan tersebut yang terdiri

daripada pemeriksaan berkala premis perniagaan, pemeriksaan harian, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu tidak disediakan.

#### **36.1.4 Keperluan Peralatan, Kemudahan Stor Dan Kenderaan**

Bagi memantapkan urusan penguatkuasaan, anggota penguatkuasa perlu dilengkappkan atau dibekalkan dengan peralatan dan kemudahan yang sesuai seperti pakaian seragam, kenderaan, kamera, alat perhubungan *walkie talkie*, alat keselamatan seperti kayu cota dan kemudahan stor penyimpanan barang yang disita.

Pada tahun 2006 dan 2007, Unit Penguatkuasa tidak menyediakan perancangan keperluan kemudahan baru atau tambahan. Permohonan Unit Penguatkuasa untuk mendapatkan sebarang kemudahan dan peralatan dibuat dari semasa ke semasa yang mana perbelanjaannya akan dibuat daripada butiran perbelanjaan umum yang dikawal oleh Bahagian Pentadbiran.

#### **36.1.5 Keperluan Kewangan**

Peruntukan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi membolehkan Unit Penguatkuasa menjalankan aktivitinya dengan baik dan berkesan. Bahagian Kewangan Majlis ada mengeluarkan pekeliling yang menghendaki setiap Bahagian atau Unit mengemukakan cadangan bajet yang diperlukan. Bagaimanapun, tidak ada maklum balas daripada Bahagian atau Unit termasuk Unit Penguatkuasa. Ini menyebabkan Bahagian Kewangan menyediakan bajet tahunan Majlis berdasarkan bajet tahun sebelumnya serta keperluan yang dijangkakan oleh Bahagian Kewangan sendiri.

#### **36.1.6 Penyelenggaraan Rekod**

Maklumat pelesen dan aktiviti penguatkuasaan perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Sistem perekodan yang baik boleh membantu Majlis membuat pemantauan mengenai tahap pematuhan orang awam termasuk para peniaga terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis, menentukan kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis telah diambil tindakan pembetulan dan merancang tindakan susulan terhadap kes yang masih belum diselesaikan.


Rekod atau laporan yang perlu disediakan oleh Majlis yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti Fail Individu Pelesen, Rekod/Daftar Aduan Awam, Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil Dan Peraturan Majlis, Daftar Kompaun, Daftar Keputusan Mahkamah, Daftar Barang Disita/Dialihkan, Laporan Harian Kerja Penguatkuasaan, Laporan Mingguan aktiviti penguatkuasaan kepada Pegawai Eksekutif serta Fail Minit Mesyuarat Bulanan (Unit Penguatkuasa atau Pihak Pengurusan).

### 36.1.7 Modal Insan

Struktur pengurusan yang teratur, modal insan yang cukup serta terlatih dan berpengalaman adalah perlu bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan Undang-undang dan peraturan Majlis.

#### a) Keperluan Guna Tenaga

Penguatkuasaan terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan di Daerah Penampang adalah di bawah tanggungjawab Unit Penguatkuasa Majlis. Fungsi utama Unit ini adalah menguatkuasakan semua dasar, peraturan dan undang-undang yang digunakan untuk mengurus tadbir Daerah Penampang. Pada tahun 2006 dan 2007, terdapat 50 jawatan diluluskan untuk Unit ini. Berdasarkan carta organisasi Majlis yang terkini, Unit Penguatkuasa ini akan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32 yang akan melapor terus kepada Pegawai Eksekutif. Beliau dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27, 8 Pembantu Penguatkuasa Gred N17, 2 Pembantu Penguatkuasa Gred N11, 36 Pembantu Rendah Awam (PRA) Gred R1 dan 2 Pemandu. Carta Organisasi Unit Penguatkuasa yang menunjukkan struktur pengurusan dan tanggungjawab adalah seperti di **Carta 21**.



Sumber: Majlis Daerah Penampang

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, Majlis merancang untuk mewujudkan 1 jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41. Tugas dan tanggungjawab Pegawai Undang-undang tersebut adalah untuk memastikan keses yang membabitkan perundangan dapat diambil tindakan dan diselesaikan.

Antara kes yang memerlukan tindakan Pegawai Undang-undang setelah notis dan amaran tidak diendahkan oleh peniaga dan orang ramai adalah seperti perniagaan tanpa lesen, ketidakpatuhan kepada peraturan dan syarat lesen, menjalankan perniagaan secara haram, mendirikan atau membuat penyambungan bangunan/premis tanpa kelulusan Majlis.

**b) Latihan**

Latihan yang berkaitan perlu dirancang dan diberi secara berterusan kepada semua anggota yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan. Bahagian yang mengendalikan latihan perlu memastikan kesesuaian latihan dengan jawatan yang disandang. Untuk itu, anggota penguatkuasa perlu diberi latihan terutama berkaitan perundangan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berhubung prosedur dan tindakan undang-undang. Pengendalian urusan berkaitan latihan adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Dan Pentadbiran Majlis. Pada tahun 2006 dan 2007, Majlis tidak membuat perancangan latihan untuk anggota Penguatkuasa. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, kakitangan perkhidmatan awam perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun.

**36.1.8 Mekanisme Pemantauan**

Pemantauan yang berterusan perlu dijalankan bagi memastikan Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis dipatuhi seperti keperluan mendapatkan lesen bagi semua jenis perniagaan, pematuhan terhadap syarat lesen, pematuhan peraturan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan, peraturan berkaitan kebersihan dan sebagainya. Untuk itu, pemantauan perlu dilaksanakan terhadap aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan seperti pemeriksaan premis perniagaan, rampasan barang niaga, pengeluaran notis peringatan dan pengeluaran kompaun.

Bagi memastikan Unit Penguatkuasa menjalankan kerja penguatkuasaan dengan baik dan berkesan, Pegawai Eksekutif membuat penyeliaan terus terhadap aktiviti Unit tersebut. Unit ini akan melaporkan kes pelanggaran undang-undang dan peraturan Majlis kepada Pegawai Eksekutif dengan segera. Penolong Pegawai Penguatkuasa yang mengetuai Unit ini seterusnya akan menyediakan laporan setiap minggu kepada Pegawai Eksekutif berdasarkan laporan harian yang disediakan oleh anggota yang menjalankan kerja penguatkuasaan. Selain itu, aktiviti Unit Penguatkuasa juga akan dipantau melalui Mesyuarat Pengurusan Majlis, Mesyuarat Penuh Majlis dan Jawatankuasa *Ad-hoc* Penguatkuasa Majlis (dianggotai oleh ahli-ahli Majlis dan agensi Kerajaan yang berkaitan) yang akan diadakan pada setiap bulan.

**Pada pandangan Audit, perancangan aktiviti penguatkuasaan adalah memuaskan kecuali perancangan tahunan mengenai aktiviti penguatkuasaan, program latihan kepada anggota dan keperluan peralatan, kemudahan serta kewangan yang tidak disediakan.**

## **36.2 PELAKSANAAN**

Semakan Audit terhadap pematuhan undang-undang dan peraturan serta pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan mendapatkan perkara seperti berikut:

### **36.2.1 Undang-undang Dan Peraturan**

Untuk penguatkuasaan yang lebih efektif, undang-undang yang digubal perlu mencukupi, komprehensif dan kemas kini. Berdasarkan Seksyen 50 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Majlis telah menggubal 22 Undang-undang Kecil pada tahun 1967 hingga tahun 1987. Antara Undang-undang Kecil yang digubal ialah Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1978, Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) 1978, Undang-undang Kecil (Pasar) 1978, Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge*) 1987 dan Undang-undang Kecil (Premis Makanan) 1978. Selain itu, Majlis masih menggunakan Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 yang digubal semasa Kerajaan *Colony of North Borneo* untuk kegunaan semua PBT di Negeri Sabah pada masa itu. Majlis juga turut menguatkuasakan Ordinan Hiburan Awam 1958 untuk mengawal aktiviti perniagaan hiburan.

Semakan Audit terhadap 2 Undang-undang Kecil iaitu Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1978 dan Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 mendapatkan Undang-undang Kecil tersebut belum pernah dipinda. Kadar lesen operasi bagi bengkel kereta yang ditetapkan di bawah Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1978 ialah RM60 setahun. Kadar tersebut adalah rendah berbanding kadar yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan lain di Negeri Sabah seperti Majlis Daerah Papar sejumlah RM720 setahun walaupun bersebelahan sempadan. Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1977 bagi Majlis Daerah Papar juga telah 3 kali dipinda iaitu pada tahun 1983, 1987 dan 1989. Manakala Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951 pula digubal semasa Kerajaan *Colony of North Borneo*. Menurut *Penampang District Council Instrument 1961*, Undang-undang Kecil tersebut hanya boleh dikuatkuasakan di kawasan bandar iaitu Donggongan, Kasigui dan Putatan dan tidak meliputi kawasan perkadaran lain seperti kawasan perumahan dan komersial seperti Beverly Hills, Bundusan Plaza dan Pekan Koidupan. Majlis seharusnya menggubal sendiri Undang-undang Kecil (Bangunan) berdasarkan kuasa di bawah Seksyen 50 Ordinan Kerajaan Tempatan Negeri Sabah 1961 yang boleh dikuatkuasakan di seluruh kawasan perkadaran Majlis sepetimana Undang-undang Kecil (Bangunan) 1983 bagi Majlis Daerah Keningau.

Semakan Audit selanjutnya mendapatkan Majlis telah mencadangkan untuk mewujudkan 4 Undang-undang Kecil baru iaitu Undang-undang Kecil (Tempat Letak Kereta), Undang-undang Kecil (Kerja-kerja Tanah), Undang-undang Kecil (*Massage Establishment*) dan Undang-undang Kecil (Vandalisme). Perkara ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa *Ad-hoc* Undang-undang Kecil Majlis pada bulan Oktober 2005 dan dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri pada

bulan Februari 2006. Bagaimanapun, sehingga kini Majlis masih belum mendapat kelulusan.

**Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai adalah memuaskan kecuali Undang-undang Kecil yang tidak pernah disemak dan cadangan mewujudkan Undang-undang Kecil baru yang belum diluluskan.**

### **36.2.2 Prosedur Penguatkuasaan**

Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap, Manual Prosedur Kerja (MPK) untuk panduan Unit Penguatkuasa hendaklah lengkap, jelas dan boleh dilaksanakan. Semakan Audit mendapati MPK bagi Unit Penguatkuasa yang menyatakan proses kerja penguatkuasaan telah disediakan bagi aduan awam dan 9 Undang-undang Kecil seperti berikut:

- a) Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984;
- b) Undang-undang Kecil (Penjaja) 1978;
- c) Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951;
- d) Undang-undang Kecil (Pendaftaran Dan Kawalan Anjing) 1987;
- e) Undang-undang Kecil (Iklan) 1978;
- f) Undang-undang Kecil (Tamu) 1978;
- g) Undang-undang Kecil (Pasar) 1978;
- h) Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987; dan
- i) Undang-undang Kecil (*Conservancy and Hygiene*) 1984.

Semakan lanjut Audit mendapati MPK yang disediakan itu tidak lengkap kerana tidak menyatakan perkara penting seperti berikut:

- a) Keperluan untuk merancang aktiviti penguatkuasaan tahunan.
- b) Tempoh penyediaan laporan aktiviti penguatkuasaan tidak disediakan (laporan harian, mingguan dan bulanan).
- c) Prosedur melaksanakan pemeriksaan tidak dinyatakan.
- d) Ketetapan masa pengeluaran notis amaran pertama, kedua dan ketiga tidak dinyatakan.
- e) Kaedah pengeluaran kompaun atau tindakan penyitaan tidak dinyatakan.
- f) Prosedur melaksanakan pemeriksaan mengejut dan operasi bersepadu tidak dinyatakan.
- g) Prosedur melaksanakan tindakan pendakwaan dan memfail tindakan mahkamah juga tidak dinyatakan. Ini menyebabkan tindakan mahkamah yang perlu diambil mengikut peruntukan undang-undang tidak pernah dilaksanakan.
- h) MPK bagi 14 Undang-undang Kecil yang lain tidak disediakan seperti berikut:

- i) Undang-undang Kecil (Minuman Keras) 1967;
- ii) Undang-undang Kecil (*Dealing in Scrap*) 1978;
- iii) Undang-undang Kecil (Premis Makanan) 1978;
- iv) Undang-undang Kecil (Salun Pendandan Rambut) 1978;
- v) Undang-undang Kecil (Hotel Dan Penginapan) 1978;
- vi) Undang-undang Kecil (Dobi) 1978;
- vii) Undang-undang Kecil (Penjualan Petrol) 1978;
- viii) Undang-undang Kecil (Mesin Timbang Dan Sukat Awam) 1978;
- ix) Undang-undang Kecil (Lorong Dan Tempat Awam) 1978;
- x) Undang-undang Kecil (*Dairies and Dairymen*) 1978;
- xi) Undang-undang Kecil (Perniagaan Berbahaya) 1978;
- xii) Undang-undang Kecil (Rumah Penyembelihan) 1978;
- xiii) Undang-undang Kecil (Faedah Dan Kadar Tidak Dibayar) 1987; dan
- xiv) Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987.

Pada pendapat Audit, Manual Prosedur Kerja bagi Unit Penguatkuasa adalah tidak memuaskan kerana kaedah perancangan aktiviti penguatkuasaan, prosedur menjalankan pemeriksaan, kaedah pengeluaran notis, kompaun dan penyitaan, prosedur melaksanakan tindakan pendakwaan dan sebagainya tidak dinyatakan. Selain itu, MPK bagi 14 Undang-undang Kecil tidak disediakan.

### **36.2.3 Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan**

Aktiviti penguatkuasaan yang terdiri daripada pemeriksaan berkala premis perniagaan, pemeriksaan harian, pemeriksaan mengejut dan operasi bersepada hendaklah dilaksanakan sepetimana dirancang. Semakan Audit terhadap prestasi aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan mendapati perkara berikut:

#### **a) Pelaksanaan Aktiviti Penguatkuasaan**

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan rancangan aktiviti penguatkuasaan tahunan untuk dilaksanakan pada tahun 2006 dan 2007. Oleh itu, aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan penetapan tugas harian dan secara *ad-hoc* seperti berikut:

##### **i) Pemeriksaan Premis Perniagaan**

Bagi memastikan pemeriksaan tersebut dilakukan dengan sistematik dan merangkumi semua premis perniagaan, satu jadual lawatan pemeriksaan berkala bagi tempoh satu tahun perlu disediakan. Jadual tersebut perlu mengandungi nama dan alamat premis yang akan dilawati, tarikh lawatan dan pegawai yang akan membuat lawatan mengikut zon. Selain itu, senarai semak yang mengandungi perkara yang diperiksa oleh anggota penguatkuasa juga perlu disediakan bagi memudahkan pemeriksaan dibuat dengan menyenaraikan perkara yang diperiksa dan tindakan yang diambil oleh anggota penguatkuasa.

Mengikut rekod Majlis, terdapat 885 unit premis perniagaan di kawasan perkadaran yang terdiri daripada 611 unit rumah kedai dan 274 unit kedai industri. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai perancangan untuk menyesuaikan beban kerja dengan keanggotaan. Unit Penguatkuasa yang terdiri daripada 41 anggota terlibat sepenuhnya dengan pemeriksaan premis perniagaan yang dibahagikan kepada 6 pasukan mengikut zon. Jika satu pasukan mempunyai bilangan anggota yang sama iaitu sekurang-kurangnya 6 anggota, analisis Audit mendapati setiap pasukan penguatkuasa hanya memeriksa 6 unit premis perniagaan untuk satu hari. Oleh itu, pemeriksaan berkala ke atas 885 premis perniagaan boleh dilaksanakan dalam tempoh 25 hari bekerja sahaja. Jika Majlis menjalankan pemeriksaan ke semua premis perniagaan sekurang-kurangnya 2 kali setahun, maka Unit Penguatkuasa masih mempunyai banyak masa yang boleh digunakan untuk tugas-tugas lain seperti membuat rondaan di sekitar pekan (pemeriksaan harian) dan operasi bersepadu.

Sungguhpun Majlis mempunyai anggota penguatkuasa yang mencukupi untuk menjalankan pemeriksaan ke atas 885 premis perniagaan sebanyak 2 kali setahun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pada tahun 2006 dan 2007 Majlis ada menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap kesemua 885 premis perniagaan kerana rekod yang lengkap tidak diselenggara.

Semakan Audit selanjutnya mendapati pemeriksaan berkala ke premis perniagaan ada dilaksanakan mengikut zon. Bagaimanapun, jadual pemeriksaan berkala tidak disediakan. Borang Laporan Pemeriksaan juga kurang lengkap kerana tidak mengandungi ruangan untuk mencatatkan nombor Lesen Operasi serta tarikh kuatkuasa Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi. Antara kelemahan yang dikenal pasti semasa pemeriksaan premis perniagaan adalah perniagaan beroperasi tanpa lesen dan pengubahsuaihan struktur bangunan perniagaan tanpa kelulusan. Pihak Majlis ada mengeluarkan Notis Amaran kepada peniaga yang melanggar peraturan dan syarat lesen. Bagaimanapun, tindakan yang lebih tegas seperti mengambil tindakan mahkamah tidak pernah diambil.

Semakan Audit juga mendapati Majlis gagal menyediakan jadual pemeriksaan berkala disebabkan tidak membuat perancangan awal berhubung aktiviti penguatkuasaan yang akan dilaksanakan. Akibatnya, Majlis tidak dapat menentukan dengan tepat bilangan premis perniagaan yang telah dilawati dan diperiksa untuk jangka masa tertentu. Kekerapan pemeriksaan ke sesuatu premis perniagaan juga tidak dapat diketahui. Premis perniagaan yang tidak dilawati untuk suatu tempoh yang lama akan mengundang risiko kepada pelanggaran syarat lesen yang ditetapkan.

## ii) Pemeriksaan Harian

Pemeriksaan harian dilaksanakan setiap hari oleh anggota penguatkuasa terutama bagi kawasan berisiko tinggi seperti tamu harian dan tamu mingguan serta pasar malam yang sering menjadi tumpuan penjaja haram. Pemeriksaan dilaksanakan dengan cara pasukan penguatkuasa membuat rondaan di sekitar zon yang ditetapkan. Tujuan pemeriksaan adalah untuk memastikan undang-undang dan peraturan sentiasa dipatuhi oleh peniaga dan penduduk. Perkara yang diperiksa antara lain meliputi kebersihan kawasan, penjaja haram, pemantauan aktiviti vandalisme dan penggunaan kaki lima oleh pekedai yang menghalang laluan pejalan kaki. Untuk memastikan kebersihan pekan terkawal, kompaun dikeluarkan kepada orang awam dan peniaga yang membuang sampah merata-rata.

Semakan Audit terhadap Daftar Kompaun mendapati Majlis telah mengeluarkan sebanyak 166 kompaun pada tahun 2006 dan 160 kompaun pada tahun 2007 di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984. Selain itu, pasukan peronda turut melakukan rampasan terhadap barang yang dijual oleh penjaja haram seperti bahan makanan dan rokok. Berdasarkan rekod Majlis, terdapat 35 kes rampasan bagi tempoh bulan Julai hingga Disember 2007. Pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan kes rampasan bagi tempoh sebelumnya kerana tidak ada rekod diselenggarakan. **Foto 145** menunjukkan rokok yang di rampas.

**Foto 145**  
**Sebahagian Barang Rampasan Di Dalam Stor**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 08.01.2008  
Lokasi : Stor Majlis Daerah Penampang

### **iii) Operasi Bersepadu**

Operasi Bersepadu melibatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan dengan bantuan atau kerjasama pihak berkuasa lain seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna. Operasi bersepadu perlu dirancang dengan mengambil kira kekerapan serta tujuan operasi seperti membanteras penjaja haram. Laporan berhubung operasi bersepadu yang telah dilaksanakan perlu disediakan sebaik sahaja operasi selesai. Ia bertujuan untuk memudahkan pemantauan terhadap hasil operasi yang telah dijalankan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan rancangan untuk menjalankan operasi bersepadu. Bagaimanapun, Majlis ada melaksanakan 3 operasi bersepadu bagi membentras penjaja haram pada tahun 2006 dan 2 kali pada tahun 2007 bagi tujuan yang sama. Selain itu, Majlis ada menyertai operasi bersepadu yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah Penampang. Sebanyak 7 Operasi Pencegahan Jenayah Bersepadu telah dijalankan pada tahun 2006 dan 3 Operasi Pendatang Tanpa Izin Bersepadu pada tahun 2007.

### **iv) Pemeriksaan Mengejut**

Pemeriksaan mengejut juga perlu dilaksanakan terhadap perniagaan yang berisiko seperti pusat hiburan. Untuk itu, jadual pemeriksaan mengejut hendaklah disediakan. Ia bertujuan untuk memastikan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan. Semakan Audit mendapati jadual pemeriksaan mengejut tidak disediakan oleh Majlis. Bagaimanapun, mengikut Majlis pemeriksaan mengejut terhadap premis perniagaan ada dijalankan, tetapi tidak dapat dipastikan kekerapan dan hasil pemeriksaannya kerana daftar/rekod mengenainya tidak disediakan. Adalah didapati laporan ada disediakan tetapi difailkan bercampur aduk dengan fail pemeriksaan yang lain dan sukar untuk dikesan.

### **b) Aduan Awam**

Aduan awam merupakan salah satu mekanisme untuk Unit Penguinkuasa mengambil tindakan. Oleh itu, aduan awam perlu direkod dengan teratur dan tindakan segera perlu diambil untuk menyelesaikannya supaya tindakan pembetulan dapat diambil dengan sewajarnya. Mengikut Piagam Pelanggan Majlis, aduan perlu diambil tindakan dalam tempoh 1 hari dari tarikh aduan diterima.

Semakan Audit mendapati setiap aduan yang diterima direkodkan oleh kerani aduan terus ke dalam Daftar Aduan Awam. Aduan juga akan direkodkan ke Borang Maklumat Aduan Awam dan dikemukakan kepada Unit Penguinkuasa serta Bahagian/Unit lain yang berkaitan untuk tindakan penyiasatan. Hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil, dicatat di Borang Maklumat Aduan Awam dan

diserahkan kembali kepada kerani aduan untuk direkod dan seterusnya dimaklumkan kepada pengadu melalui telefon.

Bilangan aduan awam yang diterima pada tahun 2006 dan 2007 adalah masing-masing sebanyak 2,052 dan 1,974. Aduan awam yang diterima antara lainnya berhubung dengan masalah kebersihan pekan, kerosakan kemudahan awam seperti lampu jalan, jalanraya, perparitan, masalah landskap atau rumput tidak dipotong dan pengubahsuaian bangunan. Bagaimanapun, bilangan aduan awam khusus untuk tindakan Unit Penguatkuasa sukar diperolehi kerana aduan tidak direkodkan secara berasingan mengikut Bahagian/Unit yang sepatutnya mengambil tindakan.

**c) Pembayaran Kompaun**

Hanya anggota penguatkuasa yang diberi kuasa boleh mengeluarkan kompaun terhadap kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (Anti-Sarap) 1984. Amaun yang dikenakan adalah RM100. Bagaimanapun, rayuan boleh dibuat kepada Penolong Pegawai Penguatkuasa atau Pegawai Eksekutif untuk mengurangkan bayaran kompaun tersebut. Berdasarkan Daftar Pengeluaran Kompaun, bilangan kompaun yang telah dikeluarkan pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 79**.

**Jadual 79**  
**Kompaun Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2006 Dan 2007**

Jenis Kompaun	Tahun 2006		Tahun 2007	
	Bil. Kompaun	Amaun (RM)	Bil. Kompaun	Amaun (RM)
Di bawah Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984	166	13,820	160	15,030

Sumber : Rekod Majlis Daerah Penampang

Semakan Audit mendapati amaun yang dikenakan adalah betul iaitu RM100. Daripada 166 kompaun berjumlah RM13,820 yang dikeluarkan pada tahun 2006 dan 160 kompaun berjumlah RM15,030 pada tahun 2007. Sebanyak 105 kompaun bernilai RM7,880 atau 63.3% pada tahun 2006 dan 38 kompaun bernilai RM2,900 atau 23.8% pada tahun 2007 telah dibayar oleh peniaga atau orang awam. Bagaimanapun, sebanyak 61 kompaun berjumlah RM5,940 atau 36.7% pada tahun 2006 dan 122 kompaun bernilai RM12,130 atau 76.2% pada tahun 2007 masih belum dibayar. Adalah didapati Unit Penguatkuasa tidak mengambil tindakan susulan terhadap kompaun yang belum dibayar.

Keberkesanan penguatkuasaan melalui kuasa mengkompaun yang diberikan kepada anggota penguatkuasa di bawah Undang-undang Kecil (Anti-Sarap) 1984 telah memberi impak kepada peningkatan tahap kebersihan kawasan perkadaran

Majlis. **Foto 146** menunjukkan persekitaran Pekan Donggongan yang bersih akibat keberkesanan kompaun.

**Foto 146**  
**Pekan Donggongan Dalam Keadaan**  
**Bersih Akibat Keberkesanan Kompaun**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 05.02.2008

Lokasi : Pekan Donggongan, Penampang

**d) Tindakan Rampasan**

Majlis boleh mengambil tindakan merampas barang perniagaan yang menyalahi peraturan dan syarat lesen yang ditetapkan. Barang rampasan tersebut hendaklah direkod dan dilabelkan dengan betul serta disimpan di stor yang dikhaskan sehingga dituntut oleh pemilik. Tindakan segera perlu diambil untuk melupuskan barang mudah rosak dan barang yang tidak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan dengan cara memohon arahan mahkamah.

Berdasarkan Borang Penyerahan Barang-barang Yang Disita, terdapat 35 kes rampasan pada tahun 2007. Maklumat rampasan pada tahun 2006 dan tahun sebelumnya tidak diperolehi. Ini disebabkan daftar barang rampasan tidak diselenggara. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan sebenar tindakan rampasan yang telah dilaksanakan. Semakan Audit mendapati rampasan barang hanya ke atas penjaja kecil yang bermiaga tanpa kebenaran Majlis. Antara barang yang dirampas termasuk rokok, alat timbang, papan tanda, meja, kerusi, troli tolak dan khemah. **Foto 147** menunjukkan sebahagian daripada barang rampasan.

**Foto 147**  
**Sebahagian Daripada Barang Yang Dirampas (Alat Timbang)**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 08.01.2008  
Lokasi : Stor Majlis Daerah Penampang

Barang yang tidak mudah rosak disimpan di stor sehingga pemiliknya membuat tuntutan dan membayar denda yang dikenakan. Daripada 35 kes rampasan tersebut, hanya satu kes yang telah dituntut oleh pemiliknya setelah membayar kompaun sejumlah RM100. Pelupusan terhadap barang tidak mudah rosak yang tidak dituntut belum pernah dilaksanakan. Sementara itu, tidak ada maklumat mengenai rampasan dan pelupusan barang rampasan yang mudah rosak seperti makanan dan sayur-sayuran.

Pemeriksaan fizikal terhadap stor mendapati barang rampasan khususnya yang dibuat sebelum tahun 2007 tidak dilabelkan dan disimpan bercampur aduk. Ketiadaan daftar menimbulkan risiko kesilapan memulangkan barang kepada pemilik sebenar dan tindakan pelupusan sukar untuk dilaksanakan selain menyempitkan ruang stor. **Foto 148** menunjukkan keadaan barang-barang rampasan yang disimpan di dalam stor.

**Foto 148**  
**Barang Rampasan Bercampur Aduk**  
**Dan Tidak Dilabel Serta Tidak Didaftarkan**



*Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 08.01.2008  
Lokasi : Stor Majlis Daerah Penampang*

**e) Pemeriksaan Fizikal Audit**

Pihak Audit bersama penguatkuasa Majlis telah mengadakan pemeriksaan fizikal secara rambang ke 67 premis perniagaan di kawasan perkadaran Majlis yang terdiri daripada 17 pusat hiburan, sebanyak 12 restoran, sebanyak 3 pusat rekreasi keluarga, sebanyak 12 salun biliard, sebanyak 13 salun pendandan rambut, sebuah hotel, sebanyak 4 bengkel/kerja-kerja besi dan 5 bangunan yang diubah suai. Tujuan lawatan adalah untuk menentukan sama ada penguatkuasaan undang-undang telah diambil terhadap pemilik premis perniagaan yang melanggar undang-undang berkaitan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 28 atau 41.8% premis perniagaan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan iaitu melibatkan 32 kes pelanggaran undang-undang dan peraturan mengikut jenis perniagaan berkaitan. Hal ini menyebabkan Majlis kerugian hasil yang dianggarkan berjumlah RM38,436 dan Kerajaan Negeri berjumlah RM8,020 setiap tahun. Keskes pelanggaran undang-undang dan peraturan tersebut adalah seperti berikut:

**i) Lesen Perniagaan Dan Lesen Operasi**

Untuk menjalankan perniagaan, peniaga perlu mempunyai Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi mengikut jenis perniagaan yang ingin dijalankan seperti restoran, hotel dan pusat hiburan. Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi perlu diperbaharui setiap tahun. Bagaimanapun, bayaran bagi Lesen Operasi dibuat pada setiap bulan. Bayaran Lesen Perniagaan dipungut oleh Pejabat Daerah sebagai hasil Kerajaan Negeri dan Lesen Operasi dipungut oleh Majlis sebagai hasil Majlis. Lawatan Audit terhadap 62 pemegang lesen mendapati perkara berikut:

- **Perniagaan Tanpa Lesen**

Lawatan Audit di 12 salun biliard mendapati 3 atau 25% daripadanya tidak mempunyai Lesen Perniagaan dan 1 atau 7.7% daripada 13 salun pendandan rambut yang diperiksa tidak mempunyai kedua-dua Lesen Perniagaan dan Lesen Operasi. Selain kesalahan beroperasi tanpa lesen, perkara ini juga mengakibatkan kerugian hasil berjumlah RM100 untuk Lesen Perniagaan dan RM1,620 untuk Lesen Operasi setahun.

- **Lesen Tamat Tempoh**

Pemeriksaan Audit mendapati Lesen Operasi bagi 4 atau 33.3% daripada 12 salun biliard yang diperiksa telah tamat tempoh sah laku antara tahun 1999 hingga tahun 2007 tetapi peniaga masih meneruskan operasi perniagaannya. Berdasarkan bayaran Lesen Operasi sejumlah RM45 bagi satu meja sebulan, Majlis mengalami kerugian hasil sejumlah RM8,640 setahun. Sehingga bulan Disember 2007, tunggakan Lesen Operasi bagi 4 premis perniagaan tersebut adalah berjumlah RM43,200.

- **Lesen Menjual Arak**

Dua premis iaitu seorang pengusaha pusat karaoke dan sebuah restoran menjual arak beroperasi tanpa lesen. Bagaimanapun, tidak diketahui sejak bila kedua-dua premis ini mula menjual arak. Selain Lesen Operasi dan Lesen Perniagaan, pusat hiburan dan restoran yang menjual minuman keras juga perlu mendapatkan lesen menjual arak dengan kadar RM660, RM960 atau RM1,320 satu bulan mengikut kelas dan berdasarkan tempoh masa penjualan yang dibenarkan. Lesen ini dipungut oleh Pejabat Daerah sebagai hasil Kerajaan Negeri. Perkara ini menyebabkan kerugian hasil kepada Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya berjumlah RM7,920 setahun.

## ii) **Pematuhan Syarat Lesen Dan Kadar Bayaran Lesen**

Peniaga hendaklah menjalankan perniagaannya mengikut syarat dan kadar lesen. Pemeriksaan terhadap 62 premis yang dipilih secara rambang mendapati terdapat 22 kes di mana syarat lesen dan kadar lesen tidak dipatuhi seperti berikut:

- Mengikut peraturan, pusat hiburan dikenakan bayaran lesen sebanyak RM180 bagi ruang terbuka manakala bagi premis yang menyediakan ruang bilik dikenakan kadar tambahan sebanyak RM1 setiap kaki persegi mengikut bilangan dan keluasan bilik. Lawatan Audit di 8 pusat hiburan mendapati kadar lesen operasi bagi 2 atau 25% pusat hiburan dikenakan berdasarkan kadar ruang terbuka iaitu RM180 sebulan dan mempunyai 15 bilik seluas 2,168 kaki persegi yang sepatutnya dikenakan bayaran lesen tambahan berjumlah RM2,168 sebulan. Bagaimanapun, tidak ada sebarang bayaran yang dikenakan. Akibatnya, Majlis mengalami anggaran kerugian hasil berjumlah RM26,016 setahun.

- Pusat hiburan juga antara lainnya disyaratkan untuk menyediakan alat pemadam api untuk tujuan keselamatan jika berlaku kebakaran. Lawatan Audit di 8 pusat hiburan mendapati kesemuanya mempunyai alat pemadam api yang telah diperiksa dan disahkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat dan masih berkuatkuasa. Bagaimanapun, sebanyak 2 atau 25% daripadanya menyimpan alat pemadam api berkenaan di dalam stor yang sukar diperolehi jika berlaku kebakaran.
- Pemeriksaan Audit di 12 salun biliard mendapati 2 atau 16.7% daripadanya menggunakan 4 meja biliard berbanding 3 meja yang sepatutnya mengikut syarat lesen. Berdasarkan kadar Lesen Operasi sejumlah RM45 bagi satu meja sebulan, Majlis kerugian hasil sejumlah RM1,080 setahun.
- Pemeriksaan di 13 premis salun pendandan rambut mendapati 1 atau 7.7% premis menggunakan 5 kerusi berbanding 3 kerusi yang sepatutnya mengikut syarat lesen. Berdasarkan kadar Lesen Operasi sejumlah RM45 sebulan bagi satu kerusi, Majlis kerugian hasil sejumlah RM1,080 setahun.
- Mengikut Ordinan Hiburan Awam 1958, masa operasi bagi pusat hiburan seperti pub/karaoke, *amusement centre* dan biliard perlu ditetapkan dalam syarat lesen dan hendaklah dipatuhi oleh pelesen. Berdasarkan keputusan Kabinet Negeri, masa operasi yang ditetapkan bagi pusat hiburan adalah antara jam 6.00 malam hingga 1.00 pagi pada hari Isnin hingga Jumaat dan antara jam 6.00 malam hingga 2.00 pagi pada hari Sabtu dan Ahad. Lawatan fizikal Audit bersama penguatkuasa Majlis telah dijalankan pada 11 Januari 2008 (hari Jumaat) terhadap 12 pusat hiburan yang dipilih secara rambang untuk menentukan pengusaha pusat hiburan mematuhi masa operasi antara jam 6.00 malam hingga 1.00 pagi. Lawatan Audit yang dijalankan antara jam 1.30 pagi hingga 2.30 pagi pada hari tersebut mendapati 7 atau 58.3% daripadanya masih beroperasi.
- Berdasarkan kuasa di bawah Undang-undang Kecil Majlis (*Food And Eating Premises*) 1978, Majlis telah menetapkan supaya pengusaha dan pekerja premis makanan perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan layak menjalankan perniagaan makanan sekali setiap 6 bulan. Majlis kemudiannya akan mengeluarkan Kad Kesihatan kepada peniaga atau pekerja yang telah menjalani pemeriksaan tersebut. Lawatan Audit terhadap 12 kedai makan/restoran mendapati 4 atau 33.3% daripadanya mempunyai pekerja yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan atau tidak mempunyai Kad Kesihatan. Dari pada semua 25 pekerja, sebanyak 10 atau 40% daripadanya tidak mempunyai Kad Kesihatan.

### **iii) Pembinaan Dan Pengubahsuaian Bangunan Tanpa Kelulusan**

Mengikut Seksyen 2(1) Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951, pembinaan atau pengubahsuaian bangunan perlu mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu. Mengikut pihak Majlis, pemasangan *awning* juga ditafsirkan sebagai pengubahsuaian bangunan yang perlu mendapat kelulusan Majlis. Pihak Majlis menetapkan *awning* yang boleh dipasang adalah berukuran 8 kaki daripada dinding di bahagian hadapan bangunan dan 5 kaki daripada dinding di bahagian belakang bangunan. Selain itu, pemasangan *awning* ini adalah bertujuan untuk melindungi harta daripada hujan dan sinaran matahari sahaja dan ruangan tersebut tidak boleh digunakan untuk menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan. Pemilik yang melakukan pembinaan atau pengubahsuaian bangunannya tanpa kelulusan boleh dikenakan denda atau tindakan meroboh bangunan atau bahagian yang diubahsuai.

Pihak Audit bersama penguatkuasa Majlis telah menjalankan pemeriksaan di sekitar pekan Donggongon pada 8 Januari dan 5 Februari 2008 dan mendapati banyak pengubahsuaian atau pemasangan *awning* dibuat terhadap premis. Lima daripada premis berkenaan (kesemuanya adalah restoran) yang dipilih untuk pemeriksaan lanjut mendapati 1 premis telah mendapat kelulusan Majlis, sebanyak 2 premis tidak mendapat kelulusan Majlis dan 2 premis lagi tidak mematuhi ukuran pemasangan *awning* iaitu antara 9.5 kaki hingga 25 kaki daripada dinding bangunan berbanding 8 kaki yang diluluskan. Selain itu, kesemua 5 premis perniagaan tersebut menjalankan aktiviti perniagaan di ruangan berkenaan dengan meletakkan meja untuk pelanggan yang menyebabkan laluan orang ramai terhalang.

Sebahagian premis yang memasang *awning* tanpa kelulusan Majlis atau tidak mematuhi syarat yang ditetapkan adalah seperti di **Foto 149, 150 dan 151**.

**Foto 149**  
**Pemasangan Awning Restoran Tanpa Kelulusan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 08.01.2008  
Lokasi : Premis Perniagaan Di Pekan Donggongan, Penampang

**Foto 150**  
**Pemasangan Awning Restoran Tanpa Kelulusan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 05.02.2008  
Lokasi : Premis Perniagaan Di Pekan Donggongan, Penampang

**Foto 151**  
**Pemasangan Awning Restoran Yang**  
**Tidak Mematuhi Syarat Kelulusan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 08.01.2008

Lokasi : Premis Perniagaan Di Pekan Donggongan, Penampang

Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti penguatkuasaan adalah memuaskan kecuali jadual penguatkuasaan tidak disediakan, rekod pemeriksaan tidak lengkap, tindakan yang diambil tidak disusuli dengan tindakan yang lebih tegas seperti mengambil tindakan mahkamah, aduan awam yang diterima serta tindakan yang diambil tidak direkodkan dengan teratur, tindakan susulan terhadap peniaga atau orang awam yang belum membayar kompaun tidak diambil dan barang yang dirampas tidak disusun, direkod serta dilabelkan secara teratur. Selain itu, pemeriksaan fizikal Audit mendapati 28 atau 41.8% daripada 67 premis perniagaan yang diperiksa tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

#### **36.2.4 Keperluan Peralatan, Kemudahan Stor Dan Kenderaan**

Anggota penguatkuasa perlu dilengkapi dengan peralatan yang sesuai dengan bidang tugas mereka. Antara peralatan yang diperlukan ialah alat komunikasi seperti *walkie-talkie*, komputer, kamera, alat keselamatan seperti kayu cota dan pakaian seragam. Selain itu, kenderaan yang sesuai dan kemudahan stor untuk menyimpan barang rampasan juga perlu disediakan.

##### **a) Peralatan Dan Pakaian Seragam**

Pada tahun 2007, Unit Penguatkuasa mempunyai 10 *walkie-talkie*, sebanyak 5 komputer dan 2 kamera. Menurut Majlis, kamera tersebut tidak mencukupi untuk 6 pasukan penguatkuasa yang sekurang-kurangnya sebuah kamera bagi setiap pasukan. Enam anggota termasuk Ketua Unit Penguatkuasa belum mempunyai pakaian seragam. Selain itu, Unit Penguatkuasa juga memerlukan peralatan tambahan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tugas seperti di **Jadual 80.**

**Jadual 80**  
**Keperluan Peralatan Tambahan Unit Penguatkuasa**

Bil.	Jenis Peralatan	Kuantiti
1.	Tukul Kuku Kambing (Besi)	10 unit
2.	Tukul Satu Paun	10 unit
3.	Sarung Tangan Kulit	50 pasang
4.	Peti Kecemasan	2 unit
5.	Topi Keselamatan	50 unit
6.	Chain Saw	2 unit
7.	Rantai Besi	50 kaki panjang
8.	Tali	300 kaki panjang
9.	Mata Kail Besi	10 unit
10.	Kasut But (untuk kegunaan meroboh rumah setinggan)	50 pasang


Sumber : Rekod Majlis Daerah Penampang

Hasil pemeriksaan Audit juga mendapati anggota penguatkuasa tidak dilengkapkan dengan alat untuk mempertahankan diri seperti kayu cota untuk perlindungan diri semasa menjalankan tugas.

**b) Kemudahan Stor**

Pemeriksaan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai stor yang sesuai untuk menyimpan barang rampasan. Pemeriksaan fizikal Audit di stor Majlis mendapati barang rampasan seperti rokok, meja, kerusi dan papan tanda disimpan bercampur aduk. Barang yang dirampas sebelum tahun 2007 tidak dilabel dan direkodkan. Selain itu, barang rampasan terpaksa disimpan di dalam pejabat Unit Penguatkuasa kerana ruang stor tidak mencukupi. Keadaan penyimpanan barang rampasan adalah seperti di **Foto 152** dan **153**.

**Foto 152**  
**Barang Rampasan Disimpan Bercampur**  
**Aduk Dan Tidak Dilabel Serta Didaftarkan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
 Tarikh : 08.01.2008  
 Lokasi : Stor Majlis Daerah Penampang

**Foto 153**  
**Barang Rampasan Yang Disimpan**  
**Di Dalam Pejabat Unit Penguatkuasa**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 05.02.2008  
Lokasi : Pejabat Unit Penguatkuasa, Majlis Daerah Penampang

Pihak Majlis perlu mengambil tindakan pelupusan terhadap barang rampasan yang telah lama tidak dituntut pemiliknya dan tidak diperlukan sebagai bahan bukti di Mahkamah.

c) **Kenderaan**

Majlis mempunyai 3 buah kenderaan untuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Kenderaan tersebut adalah sebuah Isuzu Trooper yang dibeli pada tahun 1988 dan 2 lori (*Dumper/Tipper*) yang masing-masing dibeli pada tahun 2003 dan 2007. Adalah didapati keadaan kedua-dua lori berkenaan adalah baik dan sedang digunakan untuk mengangkut anggota penguatkuasa semasa membuat rondaan dan barang-barang rampasan. Manakala keadaan Isuzu Trooper pula tidak memuaskan dan usang serta sering kali mengalami kerosakan. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan Isuzu Trooper tersebut mendapati kenderaan ini telah mengalami 7 kali kerosakan pada tahun 2006 dan 2007 melibatkan kos penyenggaraan berjumlah RM5,555. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan bilangan dan jumlah kos penyenggaraan sebenar kenderaan sejak dibeli kerana rekod penyenggaraan tidak kemas kini. **Foto 154** menunjukkan kenderaan Isuzu Trooper berkenaan.

**Foto 154**  
**Isuzu Trooper SAA 7702B Yang Rosak**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh : 08.01.2008  
Lokasi : Kenderaan Unit Penguatkuasa, Majlis Daerah Penampang

Pada pendapat Audit, kemudahan peralatan, stor dan kenderaan Unit Penguatkuasa adalah tidak memuaskan kerana peralatan dan ruang stor tidak mencukupi serta barang-barang rampasan tidak disusun dan dilabel dengan teratur. Pelupusan barang-barang rampasan yang tidak diperlukan lagi juga tidak pernah dibuat. Selain itu, kenderaan Isuzu Trooper sudah lama dan sering kali mengalami kerosakan.

### **36.2.5 Prestasi Kewangan**

Bagi membolehkan Unit Penguatkuasa menjalankan aktivitinya dengan baik, peruntukan yang mencukupi perlu diberikan kepada Unit berkenaan. Semakan Audit mendapati Unit Penguatkuasa tidak menyediakan kertas kerja mengenai keperluan kewangan Unit setiap tahun walaupun telah diminta berbuat demikian oleh Bahagian Kewangan Majlis. Bajet tahunan Majlis yang disediakan oleh Bahagian Kewangan adalah berdasarkan bajet tahun sebelumnya serta keperluan yang dijangkakan sendiri oleh Bahagian Kewangan sendiri. Laporan kewangan yang berasingan bagi setiap Unit/Bahagian juga tidak disediakan.

Berdasarkan kompaun yang dikeluarkan sebanyak 166 pada tahun 2006 dan 160 pada tahun 2007, Unit Penguatkuasa dapat mengutip hasil bagi pihak Majlis masing-masing sejumlah RM13,820 dan RM15,030.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Unit Penguatkuasa tidak dapat diukur kerana bajet tahunan dan laporan perbelanjaan bagi Unit ini tidak disediakan.**

### **36.2.6 Penyelenggaraan Rekod**

Maklumat pelesen dan aktiviti penguatkuasaan perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Sistem perekodan yang baik boleh membantu Majlis membuat pemantauan mengenai tahap pematuhan orang awam termasuk para peniaga terhadap Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis, menentukan kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis telah diambil tindakan pembetulan dan merancang tindakan susulan terhadap kes yang masih belum diselesaikan. Rekod atau laporan yang perlu disediakan oleh Majlis yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan adalah seperti Fail Individu Pelesen, Rekod/Daftar Aduan Awam, Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil Dan Peraturan Majlis, Daftar Kompaun, Daftar Barang Disita/Dialihkan, Laporan Harian Kerja Penguatkuasaan, Laporan Mingguan Kepada Pegawai Kerja dan Fail Minit Mesyuarat Bulanan (Unit Penguatkuasa atau pihak pengurusan). Semakan Audit mendapati daftar seperti berikut perlu disediakan.

#### **a) Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil Dan Peraturan**

Daftar Kes Pelanggaran Undang-undang Kecil Dan Peraturan perlu disediakan untuk memantau tindakan penyelesaian terhadap sesuatu kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis. Daftar ini hendaklah mengandungi butiran seperti bentuk kesalahan, tindakan yang telah diambil seperti pengeluaran notis amaran, tawaran kompaun, tindakan mahkamah (jika ada), tindakan pembetulan kesalahan yang telah diambil dan kedudukan kes sama ada telah atau belum selesai. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Penguatkuasa tidak menyelenggara daftar berkenaan. Maklumat mengenai kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis disimpan bercampur aduk di dalam fail. Oleh itu, sukar ditentukan sama ada sesuatu kes pelanggaran Undang-undang Kecil dan peraturan Majlis telah diselesaikan atau sebaliknya.

#### **b) Daftar Barang Disita/Dialihkan**

Daftar Barang Disita/Dialihkan perlu disediakan. Antara lainnya patut mengandungi butiran seperti nama barang disita, tarikh disita, lokasi penyitaan, rujukan pengenalan/label barang disita, tarikh dituntut oleh pemilik dan catatan tindakan yang telah atau akan diambil. Daftar ini adalah penting untuk memudahkan pengesanan apabila barang berkenaan dituntut oleh pemiliknya selepas membayar kompaun atau denda, dilupuskan atau dijadikan bahan bukti pendakwaan serta menentukan ia berada dalam simpanan Majlis dengan selamat. Semakan Audit mendapati daftar berkenaan tidak diselenggara. Maklumat barang yang disita/dialihkan hanya terdapat pada Borang Penyitaan, Borang Penyerahan Barang-barang Yang Disita dan Borang Tuntutan/Pengembalian Barang-barang Yang Dialihkan. Berdasarkan kepada Borang Penyerahan Barang-barang Yang Disita terdapat 32 kes penyitaan pada tahun 2007. Tidak ada rekod penyitaan pada tahun 2006 dan tahun sebelumnya.

**Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod adalah tidak memuaskan kerana daftar yang penting bagi memudahkan tindakan susulan kes pelanggaran undang-undang dan peraturan serta kawalan terhadap barang-barang yang disita tidak disediakan.**

#### **36.2.7 Modal Insan**


Kakitangan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian dengan tugas akan menyumbang kepada pencapaian matlamat penguatkuasaan Undang-undang dan peraturan Majlis.

##### **a) Guna Tenaga**

Bagi memastikan keberkesanan Unit Penguatkuasa, aspek penguatkuasaan dan perundangan hendaklah diambil kira.

Semakan Audit mendapati semua 50 jawatan yang diluluskan telah diisi. Berdasarkan struktur sedia ada, Unit Penguatkuasa diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32 dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27, 8 Pembantu Penguatkuasa Gred N17, 2 Pembantu Penguatkuasa Gred N11, 36 Pembantu Rendah Awam Gred R1 dan 2 Pemandu. Pada bulan Oktober 2007, Majlis telah memohon untuk mewujudkan jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41. Tugas dan tanggungjawab Pegawai Undang-undang tersebut adalah untuk memastikan kes-kes yang membabitkan perundangan dapat diselesaikan. Bagaimanapun, sehingga kini Majlis belum mendapat jawapan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri. Carta Organisasi Unit Penguatkuasa adalah seperti di **Carta 22**.

**Carta 22**  
**Carta Organisasi Unit Penguatkuasa**  
**Majlis Daerah Penampang**



Sumber: Majlis Daerah Penampang

Bidang tugas anggota Unit Penguatkuasa hanya meliputi aktiviti penguatkuasaan sahaja. Ini menyebabkan tidak ada pegawai dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti berkaitan perundungan seperti memproses permintaan untuk tindakan mahkamah, melaksanakan pendakwaan dan memfail kes mahkamah. Selain itu, Pengerusi Majlis dijawat oleh Pegawai Daerah yang bertanggungjawab terhadap pengurusan Pejabat Daerah. Oleh itu, Pengerusi Majlis tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pengurusan Majlis.

Semakan Audit selanjutnya mendapati penurunan kuasa mengkompaun yang diberi kepada 10 anggota penguatkuasa hanya untuk Undang-undang Kecil (Anti Sarap) 1984. Ini menyebabkan penguatkuasaan terhadap kehendak Undang-

undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987 yang memperuntukkan kuasa mengkompaun tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

**b) Latihan**

Majlis tidak merancang keperluan latihan kepada anggota penguatkuasa. Sebaliknya diluluskan secara *ad-hoc*. Sepanjang tahun 2006 dan 2007, hanya 2 kursus telah dihadiri oleh 11 pegawai dari Unit Penguatkuasa iaitu pada tahun 2007. Kursus tersebut adalah Kursus Asas Penguatkuasaan yang dihadiri oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32, 4 Pembantu Penguatkuasa Gred N17, 1 Pembantu Penguatkuasa Gred N11 dan 1 Pembantu Rendah Awam Gred R1.

**Pada pendapat Audit, pengurusan modal insan adalah tidak memuaskan kerana tanggungjawab Unit Penguatkuasa tidak mengambil kira aspek perundangan, penurunan kuasa mengkompaun di bawah Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987 tidak diberi kepada anggota penguatkuasa dan program latihan tidak disedia untuk anggota penguatkuasa.**

Secara keseluruhannya, pihak Audit berpendapat pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan adalah tidak memuaskan. Program penguatkuasaan tidak disediakan, prosedur adalah tidak lengkap, penurunan kuasa mengkompaun tidak diberi kepada anggota penguatkuasa untuk Undang-undang Kecil lain selain Undang-undang Kecil (Anti Sarap), peralatan tidak mencukupi, penyelenggaraan rekod yang tidak kemas kini dan latihan tidak meliputi semua anggota penguatkuasa. Selain itu, tidak ada pegawai dipertanggungjawabkan secara khusus untuk mengendalikan aktiviti berkaitan perundangan menyebabkan tindakan tegas tidak dapat diambil. Pemeriksaan fizikal Audit juga mendapati 28 atau 41.8% daripada 67 premis perniagaan yang diperiksa tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

### **36.3 PEMANTAUAN**

Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan, dipantau oleh Ketua Unit Penguatkuasa iaitu Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N32 yang bertanggungjawab terus kepada Pegawai Eksekutif. Bagi memudahkan pemantauan, laporan harian aktiviti penguatkuasaan disediakan oleh setiap 6 pasukan penguatkuasa mengikut 6 zon. Laporan tersebut difailkan dalam fail setiap pasukan berkenaan. Melalui laporan harian tersebut, Penolong Pengawai Penguatkuasa menyediakan laporan mingguan berhubung aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang minggu dan seterusnya diseraf kepada Pegawai Eksekutif. Pegawai Eksekutif, setelah meneliti laporan tersebut

mengarahkan tindakan yang perlu diambil untuk menyelesaikan sesuatu kes pelanggaran undang-undang dan peraturan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati laporan harian dan laporan mingguan ini hanya mula dilaksanakan pada bulan September 2007 iaitu selepas Penolong Pegawai Penguatkuasa (Gred N32) mengambil alih tugas Ketua Unit berkenaan pada bulan Ogos 2007. Mengikut Ketua Unit Penguatkuasa, sebelum ini pelaporan dibuat berdasarkan kes yang perlu diambil perhatian dan arahan lanjut daripada Pegawai Eksekutif. Bagaimanapun, pemeriksaan sukar dibuat kerana laporan bagi semua pasukan difailkan bercampur aduk.

Selain itu, aktiviti pemantauan juga dilaksanakan melalui mesyuarat dan perbincangan yang diadakan oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa dengan Ketua Pasukan dan anggota penguatkuasa dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, kekerapan mesyuarat dan perbincangan tersebut tidak dapat ditentukan kerana minit mengenainya tidak disediakan. Tindakan penguatkuasaan juga diambil berdasarkan arahan yang diterima daripada Pegawai Eksekutif. Aktiviti penguatkuasaan turut dipantau oleh pihak pengurusan melalui mesyuarat bulanan, Mesyuarat Penuh Majlis dan Jawatankuasa *Ad-hoc* Penguatkuasa Majlis yang dianggotai oleh ahli-ahli Majlis dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Pada tahun 2007, mesyuarat bulanan pihak pengurusan telah diadakan sebanyak 13 kali, empat kali Mesyuarat Penuh Majlis dan Jawatankuasa *Ad-hoc* Penguatkuasa Majlis mengadakan 6 kali mesyuarat. Hal-hal yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

**Pada pendapat Audit, keberkesanan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan adalah tidak memuaskan kerana kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan di peringkat perancangan dan pelaksanaan sepatutnya boleh dielakkan melalui pemantauan yang baik.**

### **37. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian ialah penyediaan rancangan tahunan aktiviti penguatkuasaan, Manual Prosedur Kerja bagi Unit Penguatkuasa yang tidak lengkap, peralatan yang tidak mencukupi, penyelenggaraan rekod aktiviti penguatkuasaan tidak teratur, perekodan, pelabelan dan penyusunan barang rampasan yang tidak lengkap dan teratur, pelupusan barang rampasan tidak diambil dan latihan tidak meliputi semua anggota penguatkuasa. Selain itu, Majlis tidak mempunyai pegawai kanan yang dipertanggungjawabkan secara sepenuh masa untuk merancang, melaksana dan memantau aktiviti Majlis. Majlis juga tidak mendapat panduan yang berkesan dari Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri berkaitan perundungan seperti memfail tindakan mahkamah menyebabkan tindakan tersebut tidak pernah diambil. Kesannya, undang-undang dan peraturan tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya kerana hanya notis amaran ataupun kompaun yang dikeluarkan.

Bagi memperbaiki keadaan ini, pihak Audit mengesyorkan pihak Majlis mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Pihak Majlis perlu menyediakan satu perancangan lawatan untuk tempoh satu tahun yang menyenaraikan tempat dan aktiviti yang akan dibuat lawatan. Perancangan ini bukan sahaja mengambil kira aduan awam tetapi juga klasifikasi perniagaan berisiko tinggi dari aspek keselamatan dan keselesaan awam serta perniagaan tanpa lesen atau tamat tempoh.
- b) Majlis perlu menyediakan perancangan untuk melaksanakan operasi bersepadu yang jelas dengan mengambil kira tujuan, kelengkapan, kekerapan, bilangan anggota dan tempat di mana operasi hendak dijalankan.
- c) Majlis juga perlu mendapatkan kerjasama daripada pihak lain seperti Kementerian Kesihatan dan anggota Polis DiRaja Malaysia semasa membuat pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan terutamanya yang berisiko tinggi. Ia bertujuan untuk memastikan tindakan lebih tegas dapat diambil supaya peniaga sentiasa mematuhi undang-undang yang ditetapkan.
- d) Majlis perlu mengambil tindakan komprehensif terhadap notis peringatan yang dikeluarkan.
- e) Majlis perlu mengkaji kemungkinan untuk mendapatkan pegawai penguatkuasa dari Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Negeri bagi mengadakan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan di Daerah Penampang.
- f) Majlis juga perlu menyesuaikan beban kerja dengan tenaga kerja yang ada dan sekiranya tidak mencukupi membuat mobilisasi anggota dari bahagian lain.
- g) Memandangkan Majlis tidak mempunyai kepakaran dalam bidang perundungan, Majlis perlu mempertimbangkan untuk melantik penal firma guaman untuk menyelesaikan kes berkaitan perundungan pada bila-bila masa diperlukan.
- h) Majlis perlu menyemak semula Undang-undang Kecil dan membuat pindaan di mana perlu.
- i) Manual Prosedur Kerja bagi Unit Penguatkuasa Majlis juga perlu disemak semula dan diperkemaskan lagi supaya ia lebih lengkap, jelas dan sesuai dilaksanakan pada keadaan semasa untuk membantu anggota penguatkuasa melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan teratur.
- j) Majlis juga perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan jawatan ketua Majlis secara sepenuh masa untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan.
- k) Menurunkan kuasa mengkompaun kepada anggota penguatkuasa bagi Undang-undang Kecil (*Pub and Bar Lounge Premises*) 1987 dan Undang-undang Kecil (Kawalan Binatang) 1987 supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

- l) Menyediakan laporan dan rekod aktiviti penguatkuasaan yang lengkap dan kemas kini serta difailkan dengan teratur.
- m) Menyediakan rekod yang teratur bagi aduan awam yang diterima dan tindakan yang diambil oleh Unit Penguatkuasa.
- n) Menyediakan stor barang rampasan yang mencukupi dan selamat serta merekod, melabel dan menyusun atur barang rampasan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- o) Majlis mengambil tindakan melupuskan barang rampasan yang tidak dituntut oleh pemiliknya atau tidak lagi diperlukan sebagai bahan bukti.

## MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN

### PROJEK USAHA SAMA SANDAKAN HARBOUR SQUARE


#### 38. LATAR BELAKANG

**38.1** Majlis Perbandaran Sandakan (Majlis) sebelum itu dikenali Lembaga Bandaran Sandakan ditubuhkan pada 16 Disember 1961 di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Seterusnya pada 1 Januari 1982, Lembaga Bandaran Sandakan dan Majlis Daerah Luar Bandar Sandakan digabungkan bagi membentuk Majlis Perbandaran Sandakan bertujuan untuk membangun dan mengurus tadbir Daerah Sandakan yang luasnya 337.84 kilometer persegi. Untuk tujuan percuariaan, kawasan Majlis terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian Bandar (29,450 ekar), separa Bandar (36,290 ekar), luar Bandar (482,220 ekar) dan laut (21,850 ekar).

**38.2** Secara umumnya, Majlis berperanan untuk menyediakan kemudahan perbandaran seperti jalan Majlis, lampu jalan, memajukan kawasan awam seperti kawasan rekreasi, taman-taman, bangunan perniagaan, perumahan dan sebagainya. Majlis juga memberi dan menyediakan perkhidmatan seperti meluluskan pelan pembangunan dan mengeluarkan lesen premis perniagaan. Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan semua bandar utama, Majlis telah mengambil langkah mengadakan projek usaha sama dengan pihak swasta untuk pembaharuan semula bandar Sandakan. Melalui pembangunan usaha sama ini, bandar Sandakan akan menjadi sebuah pusat perkembangan ekonomi, sosial dan pelancongan yang utama di Sabah. Majlis diberi kuasa melalui Seksyen 55, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 untuk memungut hasil seperti cukai, sewa, lesen dan semua keuntungan hasil daripada perdagangan dan perkhidmatan yang dijalankan oleh Majlis.

**38.3** Seiring dengan bandar Sandakan yang diiktiraf sebagai Bandaraya Alam Semulajadi pada tahun 2004, projek pembangunan pembaharuan semula bandar Sandakan telah diilhamkan dan dikenali sebagai *Sandakan Harbour Square* (SHS). Keseluruhan projek pembangunan SHS dianggarkan bernilai RM240 juta melibatkan kawasan seluas 12 ekar terdiri daripada tapak pasar lama seluas 2.32 ekar dan kawasan ditebus guna (*reclaimed area*) seluas 9.68 ekar. Melalui pelaksanaan usaha sama ini, Majlis dijanjikan memperolehi balasan berupa sebuah pasar umum, jeti ikan, *open space*, *town square/esplanade* dan 1 unit rumah kedai 3 tingkat. **Foto 155** dan **Foto 156** menunjukkan lakaran keseluruhan kawasan *Sandakan Harbour Square*.

**Foto 155**  
**Lokasi Kawasan Sandakan Harbour Square**



Sumber: Rekod Gambar Yang Diambil Oleh Pemaju

**Foto 156**  
**Perspektif Kawasan Sandakan Harbour Square**  
**Jika Siap Sepenuhnya**



Sumber: Rekod Gambar Yang Diambil Oleh Pemaju Ditambah Grafik Melalui Komputer Sebagai  
Bangunan Yang Akan Dibina

## **39. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek usaha sama SHS yang dijalankan oleh Majlis dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat untuk pembaharuan semula bandar Sandakan.

## **40. SKOP PENGAUDITAN**

Kajian Audit ini meliputi projek usaha sama pembangunan Sandakan Habour Square antara Majlis dan Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn. Bhd..

## **41. KAEDAH PENGAUDITAN**

Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak fail berkaitan perancangan dan dasar projek, dokumen perjanjian usaha sama, rekod kewangan, pengurusan serta pemantauan projek di Bahagian Pembangunan Majlis. Selain itu, lawatan ke tapak projek dan temu bual juga dijalankan terhadap pegawai Majlis.

## **42. PENEMUAN AUDIT**

### **42.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan faktor penting dalam menggariskan agenda yang akan diikuti serta kaedah pelaksanaan yang akan dijalankan bagi memastikan kejayaan sesuatu projek.

#### **42.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Setiap projek yang akan dilaksanakan hendaklah selari dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan hendaklah menepati matlamat pembangunan atau projek yang hendak dilaksanakan itu.

Melalui Hala Tuju Kerajaan Negeri, pembangunan ekonomi merupakan antara tumpuan utama bagi pembangunan dan kemajuan negeri Sabah. Dasar Kerajaan Negeri untuk membawa pembangunan dan kemajuan di negeri Sabah secara menyeluruh dan antara agenda yang ditumpukan ialah agenda pembangunan ekonomi. Majlis akan merancang dan mengatur strategi untuk mempastikan pembangunan perbandaran yang sesuai dan teratur dengan persekitaran yang bersih dan hijau. Dasar Kerajaan Negeri bagi program penswastaan adalah untuk mengurangkan penglibatan Kerajaan dalam kegiatan ekonomi supaya Kerajaan dapat memberi perhatian yang lebih kepada tugas pentadbirannya. Kerajaan Negeri mengamalkan polisi penswastaan bagi meningkatkan kecekapan dan menggalakkan penyertaan sektor swasta. Oleh itu, bagi mencapai dan sejahtera dengan dasar Kerajaan Negeri, Majlis telah merancang untuk membangunkan semula pasar umum Sandakan dan kawasan sekitar demi kebaikan rakyat khususnya masyarakat setempat.

#### **42.1.2 Undang-undang dan Peraturan**

Secara umumnya, Seksyen 55, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 membolehkan Majlis memperolehi hasil dalam menjalankan apa-apa perdagangan atau perkhidmatan dalam bidang kuasa Majlis. Kerajaan Negeri juga mengeluarkan peraturan berkaitan dengan projek usaha sama antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan pihak swasta terutamanya dari segi kelulusan permohonan, syarat-syarat usaha sama dan perkara-perkara yang perlu dilaksanakan oleh pemaju. Majlis perlu mematuhi Dasar dan Garis Panduan projek usaha sama yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi memudahkan dan menyegerakan Pihak Berkuasa Tempatan menapis permohonan-permohonan daripada para pemaju. Oleh kerana pelaksanaan projek melibatkan permohonan dan pengambilan balik tanah dan tebus guna kawasan laut, pelaksanaannya juga tertakluk kepada peruntukan undang-undang tanah. Manakala tebus guna kawasan laut yang memerlukan pasir bagi kerja-kerja penambakan juga tertakluk kepada Perintah Konservasi Alam Sekitar (Aktiviti-aktiviti Ditetapkan) 1999.

#### **42.1.3 Kertas Cadangan Usaha sama**

Mengikut proses kerja Majlis yang melibatkan projek usaha sama, satu kertas cadangan perlu disediakan untuk dibincang oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Mesyuarat Penuh Majlis. Setelah mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Penuh Majlis, kertas cadangan akan dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan sebelum diperakuan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Majlis telah merancang untuk membina semula pasar baru menggantikan pasar lama yang uzur dan tidak ekonomi untuk disenggara. Pada bulan Oktober 1997, kajian awal dijalankan oleh Jurutera Majlis berkenaan dengan konsep pembangunan semula pasar baru bandar Sandakan bertajuk “*Conceptual Paper On Proposed Sandakan New Market*”. Secara ringkasnya kertas cadangan tersebut menyentuh berkenaan pembinaan pasar baru di samping mendirikan bangunan komersil di sekitarnya. Lokasi ini dipilih kerana kemudahan dan sokongan perkhidmatan dan infrastruktur yang sedia ada serta berdekatan dengan laut di mana hasil laut mudah dipunggah dan dipasarkan. Oleh itu, tapak projek yang dicadang untuk pembangunan adalah tapak pasar lama sedia ada dengan tambahan kawasan melibatkan kawasan laut yang perlu ditambah. Kertas cadangan juga menyentuh berkenaan kemungkinan menjemput sektor swasta bersama-sama mengambil bahagian dalam projek tersebut.

Melalui konsep pembangunan pembaharuan semula bandar Sandakan, pasar umum dan kawasan sekitar akan dibangunkan semula sebagai sebuah pusat komersil dengan penyertaan sektor swasta. Majlis akan menyediakan tanah sebagai modal manakala sektor swasta akan menyediakan keperluan kewangan, perancangan, reka bentuk dan pembinaan keseluruhan pembangunan. Lanjutan daripada itu, pada tahun 2001 idea pembangunan SHS telah dicadangkan oleh sebuah syarikat swasta. Cadangan

pemajuan projek telah dibawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas antara pihak Majlis dan syarikat swasta sejak bulan Jun 2001 bagi membincangkan perkara-perkara penting sebelum usaha sama dilaksanakan. Pada bulan November 2001, pihak pemaju telah mengarahkan dua buah syarikat arkitek iaitu Arkitek MAA dan ADC Arkitek untuk mempersemprehankan cadangan projek.

#### **42.1.4 Kaedah Pelaksanaan Usaha Sama**

Projek pembangunan yang hendak dilaksanakan sama ada secara usaha sama, projek itu terlebih dahulu perlu dibincangkan dan dipersetujui oleh satu jawatankuasa di peringkat Majlis yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pembangunan sebelum diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Penuh Majlis. Memandangkan kos yang terlibat untuk membangunkan kawasan tersebut adalah tinggi, Majlis melalui Jawatankuasa Pembangunan merancang untuk melantik syarikat swasta untuk melaksanakan projek usaha sama ini. Melalui kaedah usaha sama, Majlis akan menyediakan tapak manakala pemaju akan menjalankan kerja pembangunan seperti menyediakan pelan pembangunan, kerja pengukuran tanah, penilaian tanah dan spesifikasi kerja yang terlibat dengan pembangunan projek.

##### **a) Kelulusan Tapak Projek**

- i) Mengikut perancangan keluasan tanah untuk pembangunan projek seluas 12 ekar adalah terdiri daripada 2.32 ekar milik Majlis iaitu tapak pasar lama dan 9.68 ekar kawasan laut yang perlu ditambak. Mengikut Seksyen 70 Ordinan Kerajaan Tempatan 196, hak milik tanah tapak pasar lama Majlis perlu diserah semula kepada Yang di-Pertua Negeri sebelum permohonan baru termasuk kawasan laut dibuat. Selanjutnya permohonan perlu dibuat kepada Jabatan Tanah dan Ukur melalui Pejabat Pemungut Hasil Tanah, Cawangan Sandakan yang kemudiannya perlu mendapat kelulusan daripada Setiausaha Hasil Bumi.
- ii) Kawasan laut seluas 9.68 ekar perlu ditambak. Proses penambakan laut ini boleh dilaksanakan setelah pemaju mendapat kelulusan pelan pembangunan, kelulusan dari agensi berkaitan kerja penambakan termasuk kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environment Impact Assessment*) daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Selain itu, penambakan boleh dimulakan setelah pengeluaran hak milik tanah diluluskan oleh Jabatan Tanah dan Ukur.
- iii) Majlis dan pemaju bersetuju bahawa tanah dimohon oleh Majlis dan akan dipecah bahagian. Premium tanah yang dikenakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur akan dibayar oleh pemaju.

**b) Balasan Kepada Majlis Dan Pemaju**

Sebelum perjanjian ditandatangani, syarikat pemaju telah mengemukakan balasan yang bakal diperolehi oleh kedua-dua pihak. Pembahagian tanah 12 ekar terdiri daripada 5.2 ekar merupakan bahagian Majlis dan baki 6.8 ekar lagi merupakan pulangan kepada syarikat pemaju bagi pembangunan kawasan komersilnya. Tawaran pemaju kepada Majlis adalah seperti di **Jadual 81**.

**Jadual 81**  
**Tawaran Balasan Pemaju dan Majlis**

Bil.	Balasan/Pulangan	Tawaran Pemaju (RM Juta)
1.	Pasar Umum Baru	16.45
2.	Jeti Ikan	4.25
3.	250 tempat letak kereta @ RM20,000 X 250	5.00
<b>Jumlah</b>		<b>25.70</b>

*Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sandakan*

Pada 23 Januari 2003, surat balas bagi cadangan pembangunan tanah SHS secara usaha sama dengan syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn. Bhd. dibincang dan dipertimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Majlis. Mesyuarat memutuskan tindakan seperti berikut:

- Surat tawaran balas bertarikh 17 Januari 2003 yang dikemukakan oleh pemaju diterima.
- Pulangan 1 unit rumah kedai diterima.
- Premium tanah bernilai RM2.3 juta yang dikenakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur melalui surat bertarikh 22 Oktober 2002 diterima.
- Bangunan pasar hendaklah diserah kepada Majlis dengan kelengkapan dan kemudahan asas. Syarikat pemaju akan mengeluarkan surat berasingan daripada perjanjian.
- Terma-terma dan syarat-syarat tawaran balas digabungkan dalam draf perjanjian usaha sama yang telah dikemukakan untuk diserah kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan salinan kepada Peguam Besar Negeri untuk tindakan mereka seterusnya.

Tawaran balas dari syarikat pemaju pada 17 Januari 2003 yang diterima dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Majlis adalah seperti di **Jadual 82**.

**Jadual 82**  
**Tawaran Balasan Pemaju Dan Majlis**

Bil.	Balasan/Pulangan	Cadangan Majlis (RM Juta)	Tawaran Balas Pemaju (RM Juta)
1.	Pasar Umum Baru	15.37	30.73
2.	Jeti Ikan	4.25	
3.	1 Unit Rumah Kedai 3 Tingkat	1.08	0.97
4.	2 Kenderaan (RM90,000 X 2)	0.18	0.18
5.	Tunai (RM1,000,000 kurang RM180,000 nilai kenderaan)	0.82	-
6.	250 Tempat Letak Kereta @ RM20,000 X 250	5.00	-
7.	Premium Tanah (Dibayar oleh pemaju)	-	2.30
<b>Jumlah</b>		<b>26.70</b>	<b>34.18</b>

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sandakan

Balasan yang diterima oleh Majlis ialah sebuah bangunan pasar umum, jeti ikan, sebuah unit rumah kedai 3 tingkat dan 2 buah kenderaan. Manakala untuk pecah bahagian tanah, premium akan dibayar oleh syarikat pemaju. Semakan Audit mendapati nilai balasan yang diterima oleh Majlis adalah lebih baik daripada nilai harga pasaran tanah 12 ekar yang bernilai RM17.76 juta. Setelah ditimbang dan diterima dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Majlis pada 23 Januari 2003, seterusnya tawaran balas pemaju diperakui oleh Mesyuarat Penuh Majlis pada 29 Januari 2003.

#### **42.1.5 Draf Dokumen Perjanjian**

Draf dokumen perjanjian perlu disediakan peguam pemaju dan diteliti oleh Majlis sebelum diangkat kepada Peguam Besar Negeri untuk semakan dan kelulusan. Kelulusan projek usaha sama SHS oleh Kabinet Negeri Sabah telah menetapkan antaranya mengenai draf perjanjian usaha sama disemak dan diluluskan dahulu oleh Peguam Besar Negeri. Peguam Besar Negeri telah mengadakan perbincangan bersama-sama dengan pihak Majlis dan syarikat pemaju pada 6 Mac 2003. Perkara yang dibincangkan antaranya adalah seperti berikut:

- Klaus 4.4, Kemudahan untuk pemaju menyediakan Jaminan Bank 20 peratus kepada Majlis dan pelaksanaan Caj Pihak Ketiga.
- Klaus 15, Peguam Besar Negeri mencadangkan tempoh tanggungan kecacatan ditambah menjadi 24 bulan.
- Klaus 17, Peguam Besar Negeri mencadangkan pengenaan penalti dan kemusnahan jika pemaju gagal menjalankan kewajipan.

#### **42.1.6 Komponen Projek Usaha sama**

Pembangunan SHS merupakan pembaharuan semula bandar Sandakan dan menjadikan Sandakan sebagai hub komersil dan pelancongan utama di Sabah. Projek ini juga akan dapat memberi faedah besar kepada Majlis dan masyarakat setempat kerana ianya akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan bandar Sandakan. Selain itu, tanggungan Kerajaan Negeri dari segi

peruntukan kepada Majlis dapat diringankan dan secara tidak langsung membantu pihak Kerajaan Negeri dalam membangunkan bandar Sandakan. Komponen projek usaha sama adalah seperti berikut:

- a) Sebuah bangunan pasar baru, jeti ikan, memperbaiki lagi sistem aliran trafik di kawasan sekitar, tempat letak kereta yang mencukupi.
- b) Pembangunan SHS dirancang dengan konsep reka bentuk yang moden. Tapak projek seluas 12 ekar akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pasar umum, pasaraya, *town square/esplanade*, hotel, pusat konvensyen dan rumah kedai yang moden dan berlandscape. Kos projek dianggarkan bernilai RM240 juta yang melibatkan penambakan laut dan perlu kelulusan impak alam sekitar. Pelaksanaan meliputi 3 fasa adalah seperti di **Jadual 83**.

**Jadual 83**  
**Pembangunan Sandakan Harbour Square**

Fasa	Butiran	Tempoh Pelaksanaan
Fasa 1	Penambakan laut seluas 9.68 ekar	Setelah mendapat Kelulusan Pelan Pembangunan, Kelulusan Jabatan Alam Sekitar dan pengeluaran Hak Milik Tanah kepada Majlis.
Fasa 2	Pembinaan jeti ikan, pasar ikan dan pasar umum 3 tingkat serta bangunan pejabat dan kedai	Tempoh pembinaan projek ini bermula sebaik sahaja kelulusan pelan pembangunan dan lain-lain kelulusan diperolehi dari Jabatan dan agensi berkaitan dan pemaju telah mencapai 55% jual beli ruang pejabat dan kedai di bahagian komersil atau dalam tempoh 5 tahun selepas perjanjian usahasama ditandatangani yang mana terdahulu.
Fasa 3	Pembinaan pasaraya 4 tingkat, dilengkapi dengan 7 tingkat tempat letak kereta, rumah kedai, hotel dan pusat konvensyen	Dimulakan pada bulan Jun 2008.

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sandakan

#### 42.1.7 Modal Insan

Kakitangan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian perlu dirancang bagi menyumbang kepada pencapaian matlamat program dan Jabatan.

##### a) Keperluan Guna Tenaga

Keperluan guna tenaga dari Majlis adalah di tahap yang minimum kerana semua kerja berkaitan keperluan teknikal bagi projek usaha sama adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab syarikat pemaju. Pemaju akan melantik konsultan projek seperti Arkitek, Juruukur dan Jurutera bagi mengawasi kerja-kerja yang bakal dilaksana.

**b) Latihan**

Majlis tidak merancang keperluan latihan kepada kakitangannya kerana semua kerja berkaitan keperluan teknikal bagi projek usaha sama adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab pemaju.

**42.1.8 Kaedah Pemantauan**

Mekanisme pemantauan perlu dirancang bagi memastikan pembangunan berjalan dengan lancar dan segala keperluan perundangan dan kontrak perjanjian dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak. Pemantauan yang berkesan akan dapat mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa pelaksanaan projek. Mengikut arahan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Projek hendaklah ditubuhkan bagi memantau dan menyelesaikan masalah yang timbul semasa pelaksanaan projek. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Presiden Majlis yang terdiri daripada wakil-wakil Majlis, pihak pemaju dan dari agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Jawatankuasa ini akan berfungsi untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar mengikut jadual dan membincang serta memutuskan penyelesaian sebarang masalah yang dihadapi. Selain itu, jawatankuasa ini juga berperanan menerima laporan kemajuan pembangunan bulanan.

**Pada pandangan Audit, perancangan projek usahasama SHS adalah baik.**

**42.2 PELAKSANAAN**

Bagi merealisasikan hasrat membangunkan SHS serta meningkatkan perkhidmatan dan pendapatan, Majlis telah memohon tanah Kerajaan Negeri seluas 12 ekar dan menyediakannya untuk pembangunan yang dilaksanakan oleh Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn. Bhd..

**42.2.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Visi Majlis ialah untuk menjadikan Majlis mampu berdikari dan mewujudkan suasana persekitaran yang bersih, indah, aman dan makmur serta progresif. Misi Majlis pula memastikan pengurusan Majlis yang mantap dan cemerlang untuk mengukuhkan kedudukan kewangan supaya mampu berdikari. Majlis merancang dan mengatur strategi untuk memastikan pembangunan perbandaran yang sesuai dan teratur dengan persekitaran yang bersih dan hijau.

Kerajaan Negeri mengamalkan dasar penswastaan bagi meningkatkan kecekapan dan menggalakkan penyertaan sektor swasta. Kerajaan Negeri memberikan sokongan terhadap projek usaha sama yang diwujudkan di antara Majlis dan Syarikat Ireka-Charng Sheng Development Sdn. Bhd. kerana Kerajaan Negeri mahu membangunkan semua bandar utama di Sabah terutamanya dengan penglibatan sektor swasta. Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan dan pembangunan

ekonomi masyarakat setempat, Majlis telah membangunkan semula pasar umum bandar Sandakan dan kawasan sekitar dengan bangunan komersil yang akan meransang pembangunan ekonomi, sosial dan sektor pelancongan Sandakan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek pembangunan secara usaha sama adalah baik kerana selaras dengan dasar Kerajaan.**

#### **42.2.2 Undang-undang dan Peraturan**

Undang-undang yang ada membenarkan Majlis memperolehi hasil atau pendapatan daripada perdagangan atau perkhidmatan yang dijalankan. Ia diperuntukkan di bawah Seksyen 55, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961. Semakan Audit mendapati projek usaha sama yang dijalankan oleh Majlis dengan pihak swasta adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada. Selain itu, projek usaha sama SHS juga selaras dengan Dasar dan Garis Panduan Projek Usahasama yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1995. Antara lain Dasar dan Garis Panduan menyatakan sesuatu tanah Kerajaan Negeri dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang dimohon atau pun tanah-tanah rezab yang diwartakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan boleh dibangunkan melalui usaha sama dengan pengusaha.

**Pada pendapat Audit, projek usaha sama yang dilaksanakan adalah baik kerana peruntukan undang-undang dan peraturan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah dipatuhi.**

#### **42.2.3 Kertas Usaha Sama**

Kertas cadangan yang dikemukakan oleh Arkitek MAA menunjukkan anggaran pulangan yang lebih baik kepada Majlis dan konsep pembangunan bandar yang menarik dikenali sebagai *Sandakan Harbour Square*. Kertas cadangan projek ini telah dibentangkan kepada Ketua Menteri pada 7 Disember 2001 dan Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada 11 Januari 2002. Kabinet Negeri seterusnya meluluskan projek ini pada 4 Disember 2002.

**Pada pendapat Audit, kertas usaha sama yang terima pakai adalah baik kerana kos pembangunan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.**

#### **42.2.4 Kaedah Pelaksanaan Usaha Sama**

Majlis telah menerima konsep pembangunan SHS pada dasarnya yang disampaikan oleh arkitek swasta. Pada 14 Disember 2001, Majlis melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Majlis telah melantik Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn. Bhd. sebagai pemaju projek. Seterusnya projek ini telah diluluskan pada 4 Disember 2002 oleh Kabinet Negeri Sabah dengan secara usaha sama antara Majlis dan Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sendirian Berhad. Kelulusan pembangunan

tanah oleh Kabinet Negeri untuk projek SHS tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Ordinan Tanah Bab 68 dan perjanjian usaha sama yang akan ditandatangani di antara Majlis dan Syarikat Ireka Charng Sheng Development Sdn.Bhd. hendaklah dipersetujui oleh Peguam Besar Negeri terlebih dahulu sebelum ditandatangani.
- Permohonan tanah tersebut akan dikenakan syarat *Town Lease* (TL) dan bayaran premium, cukai tahunan dalam tempoh 99 tahun.
- Pembangunan tanah yang dimohon hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat khas iaitu tanah tidak boleh dipindah milik, dipecah melainkan dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Ukur Sabah dengan dikenakan syarat/bayaran tertentu. Pecah bahagian dilarang melainkan dengan mendapat kebenaran Pengarah Tanah dan Ukur yang akan mengenakan premium tambahan, sewa dan syarat lain sebelum kelulusan diberikan.

Projek usaha sama ini telah dirujuk ke Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan terlebih dahulu sebelum kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**a) Kelulusan Konsep Pelan Pembangunan**

Pelan pembangunan ini memberi panduan kepada pemaju semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan supaya ia tidak terkeluar daripada skop pembangunan yang telah diluluskan. Pelan pembangunan diluluskan oleh Majlis Perbandaran Sandakan pada 1 April 2003. Antara elemen penting dalam pelan pembangunan tersebut selain pembangunan rumah kedai, hotel dan kompleks pasaraya, ianya juga mengambil kira kemudahan awam seperti pasar umum, pasar ikan, jeti ikan dan *town square/esplanade*. Semakan Audit mendapati pelan pembangunan yang dikemukakan kepada pihak Majlis telah diluluskan pada 1 April 2003 dan tertakluk kepada syarat-syarat dan kelulusan daripada agensi-agensi teknikal Kerajaan yang lain seperti Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

**b) Laporan Penilaian Ke atas Tanah**

Penilaian terhadap tanah yang terlibat dengan projek seluas 12 ekar tanah telah dibuat oleh Jurunilai bertauliah C.H. Williams, Talhar & Wong (S) Sdn. Bhd. yang dilantik dan dibayar oleh pihak pemaju. Nilai tanah semasa penilaian dibuat pada bulan Februari dan Ogos 2002 adalah bernilai RM17.76 juta.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan cadangan usaha sama yang dikemukakan oleh syarikat pemaju adalah baik kerana mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.**

#### **42.2.5 Dokumen Perjanjian**

Draf dokumen perjanjian telah disediakan oleh peguam pemaju dan diteliti oleh Majlis sebelum diangkat kepada Peguam Besar Negeri untuk semakan dan kelulusan. Tindakan ini diambil bagi memastikan hak dan kepentingan masing-masing dapat dijaga dan dipatuhi supaya usaha sama berjalan lancar dan teratur. Dokumen perjanjian ini mengikat kedua-dua belah pihak dari segi perundangan berkenaan peranan masing-masing membangunkan SHS. Hasil perbincangan antara Peguam Besar Negeri, Majlis dan syarikat pemaju pada 6 Mac 2003, beberapa terma usaha sama telah dipinda. Peguam Besar Negeri telah meluluskan perjanjian usaha sama tersebut pada 25 Mac 2003. Satu perjanjian usahasama yang dipanggil "*Joint Land Development Agreement*" telah ditandatangani pada 2 April 2003 yang mengikat kedua-dua belah pihak. Secara ringkasnya perjanjian tersebut menyatakan Majlis hanya menyediakan tanah dan pihak pemaju akan memajukan mengikut pelan pembangunan dan sebagai balasannya Majlis memperolehi pasar umum, jeti ikan, *open space, town square/esplanade* dan 1 unit rumah kedai 3 tingkat tanpa melibatkan kos di pihak Majlis. Perkara ini terkandung dalam perjanjian usaha sama yang ditandatangani oleh Majlis dan syarikat pemaju.

##### **a) Bayaran Jaminan Bank**

- i) Tanah yang diletak hak milik kepada Majlis boleh digunakan oleh syarikat pemaju untuk tujuan gadaian kepada institusi kewangan bagi mendapatkan modal pusingan dan perkara ini dimasukkan dalam perjanjian usaha sama.
- ii) Mengikut klausula 4.4 perjanjian usaha sama, Majlis boleh mengenakan Jaminan Bank sebanyak 20% terhadap cagaran tanah yang dibayar oleh pemaju untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi kewangan. Semakan Audit mendapati cagaran pihak ketiga ke atas tanah Majlis telah diluluskan oleh Kabinet Negeri pada 24 September 2003 tertakluk kepada syarat bahawa pihak pemaju menyediakan jaminan bank dahulu untuk menjamin cagaran tersebut. Kelulusan hanya diperolehi selepas 9 bulan dari tarikh perjanjian usaha sama ditandatangani. Semakan lanjut Audit mendapati syarikat pemaju telah mengambil jaminan bank daripada Sabah Development Bank Berhad berjumlah RM3.55 juta sebagai wang jaminan kepada Majlis iaitu 20% daripada nilai tanah 12 ekar yang bernilai RM17.76 juta. Jaminan bank tersebut berkuatkuasa mulai 31 Mac 2004 dan tamat sebaik sahaja Majlis menerima *Certificate of Practical Completion* projek daripada pemaju.
- iii) Klausula 4.5 perjanjian usaha sama juga menyatakan bahawa jaminan bank akan batal atau dikembalikan kepada pemaju setelah pemaju menyerahkan pasar umum dan jeti ikan bersama dengan *Certificate of Practical Completion* telah dilaksanakan oleh Arkitek pemaju. Semakan Audit mendapati pada bulan September 2006, pemaju telah menyerahkan *Certificate of Practical Completion* bagi Fasa 1A (Jeti Ikan dan Pasar Ikan) dan 1B (Pasar Umum) yang telah

dikeluarkan oleh Arkitek pemaju. Jaminan bank bernilai RM3.55 juta tersebut kemudiannya telah dikembalikan kepada pemaju pada 5 Januari 2007.

**b) Tempoh Tanggungan Kecacatan**

Klaus 15 perjanjian usaha sama telah menetapkan tempoh tanggungan kecacatan. Tempoh tanggungan kecacatan yang dipersetujui bersama Majlis dan pemaju ialah selama 24 bulan mulai dari tarikh *Certificate of Practical Completion* diterima oleh Majlis. Fasa 1A bagi jeti ikan telah siap dibina pada 30 Disember 2005 dan Fasa 1B bagi pasar umum pula siap dibina pada 17 Ogos 2006. Sehubungan itu, tempoh tanggungan kecacatan Fasa 1A telah berakhir pada 29 Disember 2007 dan Fasa 1B pada 16 Ogos 2008. Sepanjang tempoh ini segala perbelanjaan kerja pembaikan kerosakan atau kecacatan akan ditanggung oleh pihak pemaju.

**c) Bayaran Premium Tanah**

Jabatan Tanah dan Ukur mengeluarkan kelulusan penukaran dan pecahmilik tanah seluas 12 ekar tersebut pada 12 Mac 2007 dengan bayaran premium sejumlah RM2.10 juta. Semakan Audit mendapati, jumlah premium tersebut dibayar oleh pemaju sepertimana dipersetujui dalam perjanjian.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan usaha sama adalah baik. Perjanjian usaha sama telah dirujuk kepada Peguam Besar Negeri Sabah dan selaras dengan syarat kelulusan oleh Kabinet Negeri. Pembayaran jaminan bank adalah selaras dengan perjanjian usaha sama dan Dasar dan Garis Panduan Projek Usaha sama yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.**

**42.2.6 Prestasi Projek Usaha Sama**

Salah satu kriteria yang penting juga dalam menentukan sesuatu projek pembangunan berdaya maju ialah faktor lokasi. Hasil pemerhatian Audit mendapati lokasi yang dipilih amatlah sesuai memandangkan ianya terletak di pusat bandar Sandakan dan berdekatan dengan laut. Sebahagian tanah untuk projek merupakan kawasan laut yang ditambak. Komponen projek usaha sama SHS adalah terdiri daripada pembinaan bangunan pasar umum 3 tingkat, jeti ikan, 129 unit rumah kedai 3 tingkat dan 4 tingkat, hotel, pusat konvensyen, pasaraya dan tempat letak kereta bertingkat.

**a) Kelulusan Tapak Projek**

Keluasan tanah untuk pembangunan projek seluas 12 ekar adalah terdiri daripada 2.32 ekar milik Majlis iaitu tapak pasar lama dan 9.68 ekar kawasan laut yang perlu ditambak. Jawatankuasa Penggunaan Tanah Sandakan telah menyokong dan meluluskan permohonan tanah seluas 12 ekar ini pada 22 April 2002. Menurut Seksyen 70 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, hak milik tanah tapak pasar lama tersebut perlu diserah semula kepada Yang di-Pertua Negeri. Serahan semula hak ini telah dibuat oleh Majlis dan telah diwartakan pada bulan Ogos 2003.

Selanjutnya pada 21 Mei 2002, permohonan dibuat kepada Jabatan Tanah Dan Ukur melalui Pejabat Pemungut Hasil Tanah, Cawangan Sandakan. Permohonan ini kemudiannya mendapat kelulusan daripada Setiausaha Hasil Bumi pada 25 Januari 2003. Jabatan Tanah Dan Ukur telah mengeluarkan surat tawaran untuk pemberian tanah ini pada 21 Ogos 2003 secara pajakan selama 99 tahun dan akan tamat pada 31 Disember 2101. Hak milik tanah 12 ekar adalah atas nama Majlis Perbandaran Sandakan.

**b) Kemajuan Fizikal**

**i) Penambakan Laut**

Melibatkan penambakan laut seluas 9.68 ekar dilaksanakan setelah pemaju mendapat kelulusan pelan pembangunan, kelulusan dari agensi berkaitan kerja penambakan dan termasuk kelulusan EIA daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. Kerja penambakan laut menggunakan pasir dimulakan pada 8 Oktober 2003 iaitu selepas semua kelulusan diperolehi dan siap pada 30 Disember 2004.

**• Pengambilan Pasir**

Semakan Audit mendapati, pemaju memohon kawasan tapak seluas 105 hektar bagi pengambilan pasir untuk penambakan laut yang telah mendapat kelulusan dari Jabatan Tanah dan Ukur dengan syarat Lesen Duduk Sementara (TOL) mulai dari 1 Disember 2003 sehingga 30 November 2004. Lokasi pengambilan pasir terletak di kawasan Laut Sulu berdekatan dengan Pulau Berhala Sandakan. Kadar pengeluaran pasir laut tidak melebihi 700,000 meter padu dan dikenakan pembayaran seperti di **Jadual 84**.

**Jadual 84**  
**Bayaran Yang Dikenakan Oleh Jabatan Tanah Dan Ukur**

Jenis Bayaran	Nilai (RM)
Bayaran Pendaftaran	50
Bayaran Pembaharuan Deposit	700,000
Cukai Tahunan	700,000

*Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Sandakan*

Semakan Audit mendapati, pada 30 September 2004 Majlis membuat rayuan daripada Jabatan Tanah dan Ukur bagi mengurangkan bayaran TOL daripada RM1 permeter padu pasir kepada RM0.33 permeter padu sahaja berdasarkan sebab-sebab berikut:

- Pertimbangan diberikan kepada Majlis memandangkan ianya adalah sebuah Pihak Berkuasa Tempatan/agensi Kerajaan.
- Bayaran Pembaharuan Deposit dikecualikan kerana Majlis tidak akan membaharui Lesen Duduk Sementara.

- Cukai Tahunan dihitung berdasarkan isipadu pasir sebenar yang diambil, iaitu sebanyak 375,000 meter padu sahaja seperti yang disahkan oleh Serumpun Konsultant (Sarawak) Sdn. Bhd.

Semakan Audit dipejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Sandakan mendapati pembayaran pengambilan pasir tersebut belum dilakukan oleh pemaju kerana masih menunggu keputusan rayuannya.

- **Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)**

Aktiviti penebusgunaan/penambakan tanah di laut bagi estet komersil dalam lingkungan 1,000 meter daripada paras air pasang di kawasan pantai dan persisiran pantai Negeri adalah tertakluk kepada Aktiviti 3(iv) dan Aktiviti 3(v), Perintah Konservasi Alam Sekitar (Aktiviti-Aktiviti Ditetapkan) 1999. Pihak pemaju telah membuat Laporan Penilaian Kesan-kesan Alam Sekitar (EIA) berkaitan penambakan laut untuk projek *Sandakan Harbour Square* dan Surat Akujanji dan Syarat-syarat Alam Sekitar telah ditandatangani pada 9 Jun 2003. Dengan itu, laporan EIA bagi projek *Sandakan Harbour Square* diluluskan.

Aktiviti pengambilan pasir juga adalah tertakluk di bawah perintah 6(i), Perintah Konservasi Alam Sekitar (Aktiviti-aktiviti yang ditetap) 1999, di mana pihak pemaju perlu mengemukakan Laporan EIA kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar untuk kelulusan aktiviti pengambilan pasir. Laporan EIA bagi “*Environmental Impact Assessment For Nearshore Borrow Dredging Activities, Sandakan*” telah dikemukakan kepada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar pada 7 Mei 2003 dan maklumat tambahan pada 15 Jun 2003. Pihak pemaju telah menandatangani Surat Akujanji dan Syarat-syarat Alam Sekitar pada 18 Julai 2003 dan aktiviti pengambilan pasir adalah diluluskan. Butiran kelulusan EIA adalah seperti di **Jadual 85**.

**Jadual 85**  
**Butiran kelulusan EIA Dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar**

Projek	Daerah	Juruperunding EIA	Tarikh keputusan TOR	Tarikh Keputusan Laporan EIA dan Tawaran AEC	Tarikh AEC Ditandatangan
<i>Proposed Sandakan Harbour Square</i>	Sandakan	DHI Water and Environment (M) Sdn. Bhd.	9.1.2003	1.4.2003	9.6.2003
<i>Proposed Borrow Dredging Near Berhala Island</i>	Sandakan	DHI Water and Environment (M) Sdn. Bhd.	7.5.2003	1.7.2003	18.7.2003

*Sumber: Rekod Jabatan Perlindungan Alam Sekitar*

## ii) Pasar Umum, Pasar Ikan Dan Jeti ikan

Fasa 2 melibatkan pembinaan pasar umum, pasar ikan dan jeti ikan yang merupakan balasan kepada Majlis. Mengikut klausula 8.1 (a), perjanjian usaha sama, kos pembinaan pasar umum merangkumi pasar ikan dan jeti ikan ialah minimum RM20.7 juta yang dibina dan dibiayai oleh pemaju.

- Pasar umum baru bagi menggantikan pasar lama Sandakan dibina di kawasan seluas 3.7 ekar, terletak di lokasi yang strategik kerana berdekatan dengan laut. Keluasannya 187,439 kaki persegi, meliputi pasar umum, pasar ikan dan jeti ikan dengan dilengkapi kemudahan yang moden, bersih dan reka bentuk yang terbuka. Pasar umum ini boleh menempatkan 1,400 gerai serta pasar ikan yang terletak di tingkat bawah dan sebuah restoran makanan laut yang terletak di tingkat 1. Pasar umum siap dibina pada 17 Ogos 2006 dan telah diserahkan kepada Majlis pada 18 Disember 2006.
- Pasar ikan mula dibina pada 1 Disember 2004 dan siap pada 30 Disember 2005. Jeti ikan dan pasar ikan telah diserahkan oleh pemaju kepada Majlis pada 23 Januari 2006. Keluasan jeti baru merangkumi 17,818 kaki persegi yang mana lebih luas dari saiz asal iaitu 14,152 kaki persegi. Perbezaan ini disebabkan kerja-kerja tambahan pembinaan dek kayu bagi kemudahan pemunggahan dan penurunan barang dari bot ikan. Kos pembinaan jeti ikan ini juga merangkumi jumlah RM20.7 juta yang ditanggung oleh pemaju dan telah disiapkan pada 30 Disember 2005.
- Tempat meletak kereta bersebelahan dengan pasar umum yang cukup juga disediakan dan telah digunakan untuk kemudahan pengunjung. Ini membolehkan aliran keluar masuk kenderaan di pasar umum dan kawasan sekitar lancar dengan adanya tempat letak kereta yang mencukupi dan sistem jalan yang baik. Lawatan Audit pada awal tahun 2008, mendapati *open space* yang sepatutnya digunakan untuk penjaja telah digunakan sebagai kawasan tempat letak kereta berbayar.

Semakan Audit mendapati keluasan bagi pasar umum, pasar ikan dan jeti ikan telah menjadi 193,364 kaki persegi berbanding keluasan asal 187,439 kaki persegi iaitu lebih 5,925 kaki persegi menurut laporan dari Arkitek pemaju. Ini adalah kerana pengiraan pelan lukisan bagi pasar umum dan pasar ikan mempunyai pengiraan yang lebih terperinci jika dibandingkan dengan lukisan keseluruhan pelan kawasan pembangunan. Selain itu, perbezaan keluasan jeti ikan adalah disebabkan kerja-kerja tambahan pembinaan dek kayu bagi kemudahan pemunggahan dan penurunan barang dari bot ikan. **Foto 157** dan **158** menunjukkan pasar umum dan jeti ikanyang telah digunakan.

**Foto 157**  
**Pasar Umum Sandakan Siap Sepenuhnya Dan Telah Digunakan**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 1.2.2008

Lokasi : Pasar Umum Sandakan

**Foto 158**  
**Jeti Ikan Yang Telah Digunakan**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 28.11.2007

Lokasi : Bahagian Jeti Ikan, Pasar Umum Sandakan

**iii) Town Square Dan Esplanade**

Town Square dan Esplanade juga merupakan balasan yang diterima oleh Majlis. Esplanade di tepi laut merupakan salah satu konsep projek pembangunan SHS di pesisir laut. Ia meliputi kawasan seluas 1.5 ekar.

Semakan Audit mendapati *town square/esplanade* belum diserahkan kepada Majlis kerana Fasa 2 bangunan komersil masih dalam pembinaan.

**iv) Rumah Kedai**

Fasa 2 juga melibatkan pembinaan sebanyak 129 unit rumah kedai 3 tingkat dan 4 tingkat yang dibina atas tanah seluas 4.53 ekar adalah yang menjadi pulangan kepada pemaju. Berdasarkan klausula 8.1(d) perjanjian usahasama, Majlis akan memperolehi balasan 1 unit rumah kedai 3 tingkat, selain pasar umum, jeti ikan dan *town square/ esplanade*. 1 unit rumah kedai 3 tingkat Lot 51 itu bernilai RM973,000. Bagaimanapun, pada 15 September 2006, Jawatankuasa Pemantauan Teknikal, Majlis bermesyuarat memohon pertukaran kelayakan rumah kedai dari Lot 51, 3 tingkat kepada Lot 82, 4 tingkat yang bernilai RM1,173,000. Ini adalah kerana unit rumah kedai 3 tingkat Lot 51 masih dalam pembinaan manakala unit rumah kedai 4 tingkat Lot 82 yang termasuk dalam fasa 1 telah siap dan masih belum ada pembeli. Semakan Audit mendapati:

- Pada tahun 2006, Majlis telah meminta kontraktor membuat kerja-kerja tambahan di pasar umum baru sebelum peniaga-peniaga dipindahkan. Antara kerja tambahan yang dimaksudkan ialah penyediaan kelengkapan gerai-gerai peniaga seperti meja dan almari di tingkat bawah dan tingkat 1, pemasangan kanvas pelindung hujan di sekeliling bangunan pasar umum, pendawaian elektrik bagi lampu, kipas serta pemasangan soket di gerai-gerai berkenaan. Menurut perancangan awal, Majlis bercadang untuk menggunakan kelengkapan sedia ada daripada pasar lama. Namun demikian, atas permintaan para pengusaha gerai dan persetujuan pemimpin tempatan, adalah lebih sesuai untuk menggunakan peralatan dan kelengkapan baru. Semakan lanjut mendapati Majlis menggunakan 1 unit rumah kedai lot 82 4 tingkat itu sebagai satu syarat dalam perjanjian tambahan usaha sama dan bayaran dibuat secara kontra dengan 1 unit rumah kedai milik Majlis. Sekiranya kos kerja tambahan berlebihan dari lot rumah kedai, maka Majlis akan membayar baki tersebut kepada kontraktor. Berikutnya itu, pada 17 April 2007, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani antara Majlis, syarikat pemaju dan kontraktor. Antara kandungan perjanjian tambahan ini menyatakan rumah kedai Lot 51, 3 tingkat akan ditukar kepada Lot 82, 4 tingkat. Selanjutnya nilai jualan Lot 82, 4 tingkat itu akan digunakan sebagai kontra bagi kos kerja-kerja tambahan dalam pasar umum baru.
- Pada 21 Ogos 2007, pihak pemaju telah mengeluarkan ringkasan tuntutan kerja-kerja tambahan tersebut berjumlah RM1,629,219. Setelah ditolak dengan nilai 1 unit rumah kedai 4 tingkat Lot 82 kelayakan Majlis dan melalui peruntukan dari Jabatan Ketua Menteri yang berjumlah RM363,522,

jumlah yang masih perlu dibayar oleh pihak Majlis ialah RM92,697. Setakat 12 Mei 2008, baki nilai tuntutan ini belum dijelaskan dan akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Khas dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk dibincangkan sebelum dibuat bayaran. **Foto 159** menunjukkan kawasan komersil yang telah siap dan dalam pembinaan.

**Foto 159**  
**Sebahagian Bangunan Komersil Telah Siap Dan**  
**Sedang Dalam Pembinaan**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh: 1.2.2008*

*Lokasi : Sandakan Harbour Square*

**v) 2 Buah Kenderaan**

Balasan kepada Majlis yang tidak dimasukkan dalam perjanjian usaha sama adalah 2 buah kenderaan bernilai RM180,000. Semakan Audit mendapati Majlis telah menerima 2 cek masing-masing bernilai RM90,000 pada 5 Februari 2004 dan RM90,000 lagi pada 19 Mac 2004 daripada syarikat pemaju bagi maksud pemberian kenderaan yang diurus sendiri oleh pihak Majlis.

**vi) Kompleks Pasaraya Dan Tempat Letak Kereta**

Fasa 3 meliputi pembinaan yang merupakan balasan kepada pemaju. Bangunan 10 tingkat terdiri daripada 4 tingkat kompleks pasaraya dan 7 tingkat tempat letak kereta dibina atas tanah seluas 1.15 ekar. Kompleks pasaraya 4 tingkat yang akan dibina dengan keluasan 204,000 kaki persegi dan mempunyai 600 tempat letak kereta bertingkat dijangka akan menjadi kompleks membeli belah yang terbesar di Sandakan. Pembinaan bangunan ini bagaimanapun belum dimulakan lagi oleh pemaju.

#### **vii) Hotel Dan Pusat Konvensyen**

Fasa 3 meliputi pembinaan hotel dan pusat konvensyen juga merupakan balasan kepada pemaju. Lokasinya yang berhadapan dengan laut akan dibina di atas tanah seluas 1.09 ekar. Cadangan hotel bertaraf 5 bintang yang akan menyediakan 150 buah bilik dengan kelengkapan yang serba moden dan klasik akan dihubungkan dengan kompleks pasaraya dan pusat konvensyen. Pusat konvensyen pula akan dilengkapi dengan kemudahan moden sesuai untuk tempat persidangan, mesyuarat dan sebagainya. Bagaimanapun, sehingga bulan April 2008 pembinaan hotel dan pusat konvensyen ini belum dimulakan oleh pemaju.

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan usaha sama adalah baik. Projek pembangunan SHS telah mendapat kelulusan tapak daripada Setiausaha Hasil Bumi dan kelulusan EIA dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar bagi kerja pengambilan pasir dan penambakan laut. Selain itu, balasan kepada pihak Majlis telah siap sepenuhnya dan telah digunakan.**

#### **42.2.7 Modal Insan**

Kakitangan yang mencukupi dan latihan yang bersesuaian menyumbang kepada pencapaian matlamat program dan Jabatan.

##### **a) Keperluan Guna Tenaga**

Pada dasarnya, Majlis tidak memerlukan guna tenaga yang ramai bagi menguruskan projek usaha sama ini kerana keperluan teknikal adalah di bawah penyeliaan pemaju. Pemaju telah melantik konsultan projek seperti Arkitek, Juruukur dan Jurutera bagi mengawasi kerja teknikal dan menyediakan laporan berkaitan. Bahagian Pembangunan di Majlis akan menyemak segala laporan kemajuan dikemukakan syarikat pemaju setiap bulan.

##### **b) Latihan**

Keperluan latihan adalah tidak mendesak kerana semua kerja berkaitan keperluan teknikal bagi projek usaha sama ini adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab syarikat pemaju.

**Pada pendapat Audit, keperluan guna tenaga dan latihan adalah baik kerana pegawai Majlis yang berkaitan adalah memadai untuk memantau projek usaha sama SHS.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan projek usaha sama SHS adalah baik kerana telah memberi pembaharuan semula bandar Sandakan dan memberikan Majlis kemudahan yang cukup seperti pasar umum dan jeti ikan. Secara keseluruhan, prestasi projek usaha sama memenuhi kehendak Majlis.**

## **42.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berterusan penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan lancar dan sempurna perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak Majlis dan pemaju supaya menepati matlamat yang dirancang.

### **42.3.1 Jawatankuasa Pemandu Projek/ Jawatankuasa Pemantauan Teknikal**

Jawatankuasa Pemandu Projek telah ditubuhkan oleh Majlis pada 17 Februari 2003 atas arahan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar mengikut jadual dan membincang serta memutuskan penyelesaian sebarang masalah yang dihadapi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden Majlis dan dianggotai oleh wakil Majlis dan wakil syarikat pemaju. Agensi Kerajaan lain yang terlibat ialah Jabatan Tanah dan Ukur, Penolong Pemungut Hasil Tanah juga dijemput menganggotai Jawatankuasa ini. Keanggotaan ahli jawatankuasa boleh ditambah sekiranya ada jabatan/agensi Kerajaan lain yang terlibat. Jawatankuasa dijadualkan bermesyuarat pada setiap bulan. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2003 hingga 2006, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 26 kali. Antara perkara yang dibincangkan ialah seperti hal-hal berkaitan tanah, pelan pembangunan, laporan kemajuan kerja pemaju dan lain-lain. Minit mesyuarat telah diedarkan untuk perhatian dan tindakan anggota mesyuarat. Lawatan ke tapak projek juga ada dijalankan oleh semua anggota Jawatankuasa secara berkala sama ada sebelum mesyuarat atau selepas mesyuarat Jawatankuasa dijalankan. Seterusnya pada 25 Julai 2005 Jawatankuasa Pemandu Projek ini telah ditukar nama kepada Jawatankuasa Pemantauan Teknikal. Jawatankuasa ini kekal dipengerusikan oleh Presiden Majlis, dianggotai ahli yang sama dan fungsinya juga masih sama.

### **42.3.2 Laporan Kemajuan**

Laporan kemajuan projek hendaklah disediakan oleh pemaju dan dikemukakan kepada pihak Majlis setiap bulan seperti ditetapkan di bawah para 13 perjanjian usaha sama. Laporan ini dikemukakan kepada Majlis untuk disemak di Bahagian Pembangunan. Selain itu, ringkasan laporan kemajuan juga dibentangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek. Laporan ini bertujuan untuk mempastikan pelaksanaan projek adalah berjalan lancar dan mengikut jadual.

Semakan Audit mendapati Laporan Kemajuan Kerja dikemukakan oleh pemaju kepada Bahagian Pembangunan Majlis setiap bulan. Selain itu, Laporan Kemajuan Pembangunan *Sandakan Harbour Square* juga dikemukakan setiap 6 bulan sekali kepada Pengarah Tanah dan Ukur dengan salinan-salinan laporan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar. Laporan Kemajuan Kerja antara lain mengandungi ringkasan kemajuan kerja, laporan kemajuan fizikal, carta kemajuan kerja, laporan cuaca, senarai tenaga

kerja, jentera dan kelengkapan, laporan kawalan kualiti, laporan kesihatan dan keselamatan, foto terkini projek dan rancangan kerja pada masa akan datang telah disediakan dengan kemas kini.

#### **42.3.3 Pemantauan oleh Kementerian**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 September 2003 bersetuju supaya satu Jawatankuasa Pemantauan terdiri daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan diwujudkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan dianggotai oleh ahli-ahli seperti Presiden Majlis, Peguam Besar Negeri, Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur, Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Setiausaha Hasil Bumi, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Pengarah Jabatan Alam Sekitar dan wakil daripada agensi-agensi yang berkaitan. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan menilai pelaksanaan projek dan membandingkan dengan terma-terma yang terdapat dalam perjanjian usahasama projek tersebut. Selain itu, jawatankuasa membantu menyelesaikan isu-isu utama yang dihadapi, sama ada mengenai polisi atau teknikal supaya projek tersebut dapat dilaksanakan dengan licin. Kekerapan mesyuarat ini tidak ditetapkan tetapi bergantung kepada keperluan. Semakan Audit mendapati hanya bermesyuarat pada 25 Mei 2005.

**Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah baik. Bagaimanapun di peringkat Kementerian pemantauan adalah kurang memuaskan.**

### **43. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Hasil kajian Audit terhadap projek usaha sama SHS menunjukkan pelaksanaan projek pembangunan usaha sama SHS adalah baik. Majlis telah mengambil keputusan menang-menang bagi kedua-dua belah pihak dalam menjayakan pembangunan ini. Projek pembangunan ini adalah satu projek usaha sama yang boleh dikatakan berjaya dan boleh dicontohi oleh mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan yang lain. Pembangunan SHS memberi imej baru kepada bandar Sandakan yang merangkumi pembinaan pusat komersil, hotel dan kemudahan awam dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, sosial dan industri pelancongan di daerah Sandakan. Pembangunan ini juga akan dapat menjana hasil dan pendapatan Majlis melalui pengenaan cukai pintu dengan terbinanya bangunan-bangunan komersil dan hotel apabila siap. Majlis telah memiliki bangunan pasar umum, jeti ikan, *open space, town square/esplanade* tanpa mengeluarkan perbelanjaan untuk menjayakan pembangunan tersebut. Adalah disyorkan pada masa hadapan pihak Majlis mengambil perhatian untuk memperolehi pulangan yang lebih baik seperti berikut:

- a) Majlis perlu merujuk sebarang projek usaha sama kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri.
- b) Pemilihan pemaju perlu terbuka agar perbandingan dapat dilaksanakan. Majlis boleh membuka tawaran daripada beberapa syarikat supaya perbandingan pulangan yang lebih menguntungkan diperolehi.
- c) Kos peralatan dan kelengkapan pada bangunan pasar sepatutnya dimasukkan dalam perjanjian. Majlis perlu memastikan kerja-kerja tambahan disemak semula sama ada boleh dimasukkan dalam perjanjian bagi memastikan projek dilaksana dan siap dengan sempurna.
- d) Untuk projek usaha sama masa hadapan, Majlis perlu menimbang pulangan bukan sahaja setakat cukai pintu, malah perkongsian keuntungan sama ada penjualan rumah kedai atau perniagaan perhotelan dan sebagainya.

## BAHAGIAN II : PERKARA AM

### 44. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006.
- b) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 yang masih belum selesai
- c) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi

### 45. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 8 Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006. Kedudukan masa kini perkara yang berbangkit adalah seperti di **Jadual 86**.

**Jadual 86**  
**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri**

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1.	<b>JABATAN TANAH DAN UKUR NEGERI SABAH</b> Pengurusan Tukar Syarat Guna Tanah (Jabatan Tanah Dan Ukur)			
	5.2.4 5.2.4 (a)	Garis Panduan Norma Tempoh Pemprosesan  Garis panduan yang disediakan tidak lengkap kerana norma tempoh memproses tidak ditetapkan dan tiada carta aliran kerja.	Norma telah ditetapkan bagi ketegori kegunaan tanah yang sama ditetapkan 2 bulan. Bagi kategori syarat kegunaan yang berlainan ditetapkan 6 bulan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	5.2.4 (b)	<p><b>Carta Aliran Kerja</b></p> <p>Norma tempoh memproses permohonan dan carta aliran kerja tukar syarat guna tanah perlu dilengkappkan dalam garis panduan.</p>	Carta aliran kerja telah disediakan dan telah diedarkan kepada pegawai berkenaan.	
	5.2.5	<p><b>Prosedur Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah</b></p> <p>Proses kerja yang diamalkan lebih teratur dan lengkap berbanding prosedur dalam garis panduan. Garis panduan perlu dikemas kini selaras dengan proses yang sebenarnya.</p>	Garis panduan telah digubal semula dan dikemukakan kepada pegawai untuk pengemaskinian.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	5.2.6	<p><b>Kelulusan Tukar Syarat Guna Tanah</b></p> <p><b>Permohonan Yang Sedang Diproses</b></p> <p>Tujuh permohonan lewat diambil oleh Setiausaha Hasil Bumi (SUHB) antara 5 hingga 42 bulan. Susulan tidak dibuat terhadap permohonan yang dikemukakan kepada SUHB.</p>	Satu pemohon diminta mengemukakan pelan pembangunan. Satu pemohon diminta kemukakan salinan sah geran. Dua pemohon diarah mendapatkan pertimbangan cadangan pembangunan daripada Majlis Daerah. Dua pemohon yang diproses di SUHB telah disusul. Satu pemohon melibatkan tuntutan waris dan menunggu keputusan Mahkamah.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	5.2.7	<p><b>Bayaran Premium</b></p> <p><b>Premium Belum Dijelaskan</b></p> <p>Tunggakan premium berjumlah RM2.8 juta belum dijelaskan. Susulan terhadap pemilik yang gagal menjelaskan premium belum dibuat.</p>	Jabatan telah mengambil tindakan berterusan ke atas pemohon yang gagal menjelaskan premium.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	5.2.8	<b>Lawatan Audit</b>		
	5.2.8 (a)	<p><b>Tanah Dibangunkan Sebelum Permohonan Tukar Syarat Guna Tanah Diluluskan Oleh Jabatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembinaan Stesyen Minyak</b> Premium yang dicadangkan berjumlah RM100,000 belum dikutip.</li> </ul>	<p>Surat tawaran telah dikeluarkan pada 20 Mac 2007 dan telah luput. Pemohon telah memohon lanjutan tempoh.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembinaan Kilang Papan</b> Tindakan penguatkuasaan belum diambil dan penilaian premium belum dibuat oleh Jabatan.</li> </ul>	<p>Pemohon diminta membekalkan dokumen sokongan melalui surat LS.709.1.400/4 bertarikh 13 Mei 2002 dan disusul pada 7 April 2008.</p>	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembinaan Kilang Papan Lapis dan Gudang</b> Tindakan penguatkuasaan belum diambil dan penilaian premium belum dibuat oleh Jabatan.</li> </ul>	<p>Permohonan tukar syarat telah dikemukakan ke SUHB melalui LS.709.1.451/22 bertarikh 16 November 2007 dan telah disusul pada 4 April 2008.</p>	
	5.2.8 (c)	<p><b>Membangunkan Tanah Tanpa Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan</b></p> <p>Tindakan penguatkuasaan belum diambil dan penilaian premium belum dibuat oleh Jabatan.</p>	<p>Tindakan akan diambil dalam tahun 2008.</p>	Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan premium dipungut.
	5.2.10	<b>Penguatkuasaan Tanah</b>  Penguatkuasaan tidak menyeluruh kerana lebih menumpukan pencerobohan syarikat kuari dan pengambil pasir secara haram.	Jadual penguatkuasaan telah disediakan bagi tahun 2008.	Tindakan susulan perlu diambil.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
2.		<b>JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK</b> <b>Pengurusan Dan Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan</b>		
	10.2.5 10.2.5 (a)	<p><b>Kaedah Pelaksanaan</b></p> <p><b>Aktiviti Penyembelihan</b></p> <p>Penyembelihan haiwan masih belum dikawal sepenuhnya oleh Jabatan selaras dengan tanggungjawabnya.</p>	<p>Jabatan menjelaskan aktiviti penyembelihan tidak dapat dikawal sepenuhnya disebabkan kekurangan kakitangan penguasa. Keperluan kakitangan telah dimasukkan semula dalam cadangan RMK9. Mengenai penjualan daging pula, Jabatan telah bekerjasama dengan pihak PBT bagi memastikan jualan daging hanya dibenarkan oleh PBT sekiranya daging diperoleh dari Rumah Penyembelihan Haiwan (RPH) yang diwartakan atau yang berlesen.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan kerana melibatkan kepentingan awam.
	10.2.5 (b)	<p><b>Kesihatan Dan Kebersihan Haiwan</b></p> <p>Pemeriksaan <i>ante-mortem</i> dan <i>post-mortem</i> belum dilaksanakan terhadap penyembelihan ruminan dan unggas.</p>	<p>Pemeriksaan tidak dapat dijalankan sepenuhnya disebabkan kekurangan kakitangan Pemeriksa Veterinar.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan kerana melibatkan kepentingan awam.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	10.2.6	<b>Pembinaan Rumah Penyembelihan Haiwan Baru Di Kinarut</b>		
	10.2.6 (a)	<b>Kaedah Perolehan</b>  Jabatan tidak mempelawa tender dan kelulusan dari Kementerian Kewangan Negeri tidak diperoleh terhadap pembinaan RPH Kinarut.	Bagi perenggan 10.2.6(a), (b), (c), (d) dan (f) Jabatan menjelaskan pelantikan syarikat <i>Crown Agents International Limited</i> adalah berdasarkan kepada keperluan kepakaran.	Pihak pengurusan perlu memastikan tata cara perolehan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.
	10.2.6 (b)	<b>Kontrak/Perjanjian</b>  Tidak terdapat perwakilan kuasa diberi kepada Jabatan oleh Menteri Pertanian Dan Industri Makanan untuk melaksanakan kontrak. Sebaliknya, pihak Jabatan telah menggunakan perkhidmatan <i>Crown Agents</i> di bawah peruntukan Arahan Perbendaharaan 176(d). Tidak dapat dipastikan sama ada syarat perjanjian melindungi kepentingan Kerajaan. Tiada perjanjian formal antara Kerajaan dan <i>Crown Agents</i> . Hanya terdapat kontrak eksport antara Jabatan dan <i>Crown Agents</i> yang tidak dirujuk kepada Peguam Besar Negeri Sabah.	Pada 22 September 2007, RPH Kinarut telah musnah dalam satu kebakaran. Waran peruntukan sejumlah RM6.5 juta telah diperolehi dan kontraktor telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan dan tidak menggunakan khidmat <i>Crown Agents</i> .  Bagi perenggan 10.2.6(e), jabatan hanya akan menerima Sijil Perakuan Siap Kerja Pembinaan bersama dengan Sijil Layak Menduduki (OC). Jurutera Perunding Kinakota S/B sedang dalam proses mendapatkan OC dari PBT Papar. Bagaimanapun sijil tersebut masih belum diperolehi sehingga RPH Kinarut terbakar pada 22 September 2007. Sehingga kini, pihak Jabatan belum mengemukakan salinan laporan polis hasil siasatan kejadian tersebut.	Tindakan susulan perlu diambil terhadap laporan siasatan mengenai kebakaran.  Pemantauan berterusan perlu diambil bagi memastikan kontraktor mematuhi terma dan syarat perjanjian pembinaan semula RPH.
	10.2.6 (c)	<b>Spesifikasi Kontrak</b>  Tidak merangkumi keseluruhan perkara am sebagai kontrak formal. Kerja-kerja pembinaan yang dilakukan adalah mengikut fasa dan inden yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan.		
	10.2.6 (d)	<b>Bon Pelaksanaan/ Insurans/ Wang Tahanan</b>  Tidak dapat dipastikan disebabkan bayaran adalah melalui akaun <i>Crown Agents</i> . Arahan Perbendaharaan 200.2(b) menghendaki Jaminan Bank diperlukan bagi kontrak yang melebihi RM1 juta.		

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	10.2.6 (e)	<b>Sijil Perakuan Siap Kerja Pembinaan/Sijil Layak Menduduki(OC)</b>  Masih belum diperoleh.		
	10.2.6 (f)	<b>Tanggungan Kecacatan</b>  Syarat mengenai Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak dinyatakan.		
	10.2.7	<b>Kadar Bayaran Perkhidmatan Pemeriksaan Haiwan</b>  Pemeriksaan ke atas haiwan yang disembelih belum dikuatkuasakan. Jabatan juga belum menetapkan kadar bayaran penyembelihan di RPH ruminan milik Kerajaan seperti yang ditetapkan mengikut Perkara 12(2) Undang-undang Rumah Penyembelihan 2003.	Pungutan bayaran pemeriksaan adalah berhubungkait dengan bilangan kakitangan. Bilangan kakitangan tidak berupaya melaksanakan semua pemeriksaan. Cadangan kadar bayaran penyembelihan akan dikemukakan oleh operator swasta dan jika diluluskan ianya akan diwartakan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	10.2.8	<b>Tenaga Kerja Dan Latihan</b>  Permohonan 38 jawatan tambahan pelbagai gred sejak tahun 2004 belum diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.	Cadangan tambahan kakitangan telah dikemukakan semula di bawah cadangan RMK9.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	10.3.1	<b>Pemantauan Di Peringkat Daerah</b>  Pemantauan terhadap penyembelihan haiwan kurang memuaskan kerana undang-undang rumah penyembelihan dan undang-undang pemeriksaan daging masih belum dikuatkuasakan sepenuhnya.	Pemantauan tidak dapat dijalankan secara menyeluruh kerana kekurangan kakitangan pemeriksa veterinar.	Tindakan susulan perlu diambil bagi mengatasi kekurangan kakitangan supaya pemantauan secara menyeluruh dapat dilaksanakan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
3.	<b>JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH</b> <b>Pengurusan Keretapi Negeri Sabah</b>			
	15.1.6	<b>Pembinaan, Penyenggaraan Dan Pembaikan</b> <b>Pelan Kontingensi</b> Jabatan tidak menyediakan satu pelan kontingensi secara bertulis.		
	15.1.6 (c)			Pelan kontingensi bertulis sedang disediakan.  Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	15.2.1	<b>Undang-undang Dan Peraturan</b> <b>Pengubahsuaian Gerabak Kereta Api</b> Tidak ada satu manual khas bagi penyenggaraan dan pengubahsuaian gerabak kereta api sebagai <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP). Perkara ini tidak dapat dilaksanakan lebih awal kerana kekurangan kakitangan yang sesuai untuk tugas berkenaan.		Manual telah disediakan.  Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.2.2	<b>Pelan Tindakan/Strategi</b> <b>Projek Kerja-Kerja Jangka Pendek Pemodenan Kereta Api Negeri Sabah</b> Tahap kemajuan kerja Pemodenan Kereta Api Negeri Sabah yang lewat daripada jadual turut menjelaskan pengurusan kereta api Negeri Sabah. (Mula pada 24 November 2005 dan dijangka siap pada 23 Mei 2008)		Merujuk kepada Laporan Kemajuan kerja keseluruhan setakat 11 April 2008, projek telah mencapai 88.2%. Kemajuan kerja tidak mengikut jadual (99%). Kelewatan disebabkan kekurangan bekalan simen (isu seluruh Malaysia sekitar Jun 2007).  Pemantauan berterusan perlu diambil.
	15.2.2(a)	<b>Komponen Lain Fasa 1</b> Pembelian baki 3 unit <i>Railbus</i> dan 3 <i>Diesel Multiple Unit</i> (DMU) yang dirancang dalam Fasa 1.		Telah diluluskan dalam bentuk pinjaman mudah sebanyak RM57 juta.  Tindakan perlu diambil bagi memastikan tata cara perolehan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dipatuhi.
	15.2.2(b)			

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.2.4  15.2.4 (c)	<p><b>Penempatan Dan Penggunaan Jentera Kereta Api</b></p> <p><b>Analisis Penggunaan Kereta Api</b></p> <p>Stokereta yang usang, uzur dan sering mengalami kerosakan adalah salah satu faktor yang menyebabkan kualiti perkhidmatan kereta api kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan kewangan untuk kerja penyenggaraan. Bilangan stokereta yang tidak mencukupi menyebabkan stokereta berkenaan terpaksa digunakan berulang kali.</p>	<p>Telah memohon peruntukan stokereta baru dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah melalui surat rujukan: KP/BD/KA/0.122 Jld.5(70) bertarikh 25 Mac 2008. Tarikh permohonan: 27 Mac 2003 Jumlah permohonan: RM57 juta Jumlah diluluskan: RM57 juta</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan tata cara perolehan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dipatuhi.
	15.2.5  15.2.5 (b)	<p><b>Pembinaan, Penyenggaraan Dan Pembaikan</b></p> <p><b>Penyenggaraan Jentera Kereta Api</b></p> <p>Kekerapan pelaksanaan penyenggaraan adalah tidak mengikut jadual yang dirancang keranakekangan kewangan. Peruntukan yang dimohon tidak diluluskan sepenuhnya. Ini menyebabkan kerosakan kereta api semakin teruk dan memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi.</p>	<p>Permohonan untuk menambah peruntukan penyenggaraan dan telah diluluskan:</p> <p>2006 – RM655,000 2007 – RM655,000 2008 – RM950,000</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan tata cara perolehan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dipatuhi.
	15.2.5 (d)	<p><b>Kos Penyenggaraan Dan Pembaikan Jentera Kereta Api</b></p> <p>Maklumat untuk kos penyenggaraan jentera kereta api tidak dapat diperolehi kerana rekod tidak diselenggara.</p>	<p>Bahagian yang bertanggungjawab telah mula menyelenggara dan mengemas kini rekod penyenggaraan kesemua stokereta menggunakan borang KEW 312, KEW 313 dan KEW 314 semenjak awal tahun 2007.</p>	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan perlu bagi memastikan rekod penyenggaraan sentiasa lengkap dan kemas kini.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.2.11	<p><b>Pelupusan</b></p> <p>Terdapat beberapa jentera kereta api yang tidak digunakan. Pihak Jabatan dalam proses penyenaraian jentera kereta api yang tidak ekonomik dibaiki untuk permohonan pelupusan.</p>	<p>Permohonan untuk pelupusan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat rujukan: KEW.300-7/1/15 Klt. 3(58) bertarikh 16 Mei 2007. Proses penyediaan tender/sebut harga sedang dijalankan.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
<p><b>4. JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH</b> <b>Pengeluaran Sijil Halal</b></p>				
		<p><b>20.2.1</b></p> <p><b>Perundangan</b></p> <p>Perundangan yang sedia ada perlu diperkemaskan kerana berdasarkan kepada peraturan adalah sukar bagi JHEAINS untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha yang melanggar undang-undang.</p>	<p>Draf perundangan telah disediakan pada tahun 2007 dan akan dibentangkan di Parlimen serta diguna pakai seluruh Malaysia.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
		<p><b>20.2.2</b></p> <p><b>20.2.2 (a)</b></p> <p><b>Garis Panduan</b></p> <p><b>Permohonan</b></p> <p><i>Master Listing</i> bagi semua permohonan tidak disediakan.</p>	<p>Daftar Permohonan dan <i>Master Listing</i> telah disediakan dengan kemas kini.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
		<p><b>20.2.2 (e)</b></p> <p><b>Piagam Pelanggan</b></p> <p>Piagam pelanggan tidak disediakan.</p>	<p>Piagam Pelanggan telah disediakan.</p>	
		<p><b>20.2.6</b></p> <p><b>20.2.6 (b)</b></p> <p><b>Sumber Guna Tenaga dan Logistik</b></p> <p><b>Keperluan Peralatan dan Logistik</b></p> <p>Permohonan secara <i>on-line</i> akan dilaksanakan akhir tahun 2007.</p>	<p>Permohonan secara <i>on-line</i> belum dilaksanakan kerana menunggu arahan dan keputusan Kerajaan Persekutuan.</p>	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	20.2.7 20.2.7 (a)	<b>Sumber Kewangan</b> <b>Perbelanjaan</b>  JHEAINS tidak menyediakan peruntukan khas untuk aktiviti pengeluaran dan penguatkuasaan.	Peruntukan khas dari Kerajaan Negeri telah diterima bagi tahun 2008 berjumlah RM80,000.	Tindakan perlu diambil bagi memastikan peraturan kewangan yang ditetapkan dipatuhi.
	20.2.8	<b>Pemantauan Terhadap Premis Perniagaan</b>  Pemantauan Terhadap Premis Perniagaan adalah lemah.	Tindakan pemantauan bersama agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan telah diambil mengikut program lawatan dan pemeriksaan bulanan mengikut daerah.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
5.	<b>JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK</b> <b>Projek Pengurusan Kerbau Dan Rusa</b>			
	25.2.1 25.2.1 (b)	<b>Garis Panduan Peraturan Ternakan</b>  <b>Garis Panduan Ternakan Rusa</b>  Garis panduan tidak mensyaratkan sama ada peserta menyertai projek secara sepenuh masa atau sambilan. Garis panduan untuk kegunaan kakitangan tidak menetapkan aspek penilaian yang perlu dilihat semasa pegawai membuat lawatan ke tapak projek pemohon.	Di dalam garis panduan, memang tidak dinyatakan secara spesifik sama ada peserta menyertai projek secara sepenuh masa atau sambilan. Objektif projek Skim Bantuan Kerbau adalah untuk menambah pendapatan penternak melalui penggunaan tanah terbiar. Kebanyakan peserta projek adalah secara kecil-kecilan yang mengerjakan pelbagai aktiviti maka sasaran adalah penternak sambilan. Semua Pegawai Pengguna Daerah Jabatan telah dimaklumkan mengenai teknik bagi menentukan kesesuaian tapak di mana penerokaan akan diusahakan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan garis panduan adalah lengkap dan kemas kini.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	25.2.2  25.2.2(b)  25.2.2 (b)(i)	<b>Pembiakan/Pemilihan Baka Ternakan</b>  <b>Kriteria Pembiakan/Pemilihan Baka Ternakan</b>  <b>Pengurusan Pembiakan</b>  Garis panduan bagi projek ternakan rusa tidak disediakan dengan lengkap kerana tidak menerangkan secara terperinci kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh kakitangan Jabatan di peringkat ladang ternakan.	Pihak ladang akan berbincang dengan Bahagian Pembangunan Industri Tenusu dan Rusa di Ibu Pejabat agar garis panduan bagi projek ternakan rusa disediakan dan boleh diguna pakai di semua ladang Jabatan.	Tindakan segera perlu diambil bagi menyediakan garis panduan berkenaan.
	25.2.2(b)(ii)	<b>Pemilihan Dara Pengganti Dan Pejantan Muda</b>  Kad Daftar Individu bagi ternakan rusa tidak disediakan bagi mengumpul maklumat berkaitan untuk memudahkan kerja penyelidikan dan pemantauan.	Senarai ternakan berserta maklumat setiap ekor ternakan hanya direkod dalam buku rekod senarai ternakan. Pihak ladang akan membuat rekod bagi setiap ekor ternakan bila kad rekod sudah dibekalkan oleh Ibu Pejabat.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan untuk mengemaskinikan rekod.
	25.2.4	<b>Pemilihan Penternak</b>  Pemilihan dara pengganti dan penjantan muda tidak ada dijalankan untuk memastikan penghasilan baka ternakan rusa yang bermutu.	Kriteria pemilihan baka rusa adalah sama dengan kriteria pemilihan baka kerbau. Buat masa ini belum ada pemilihan dara pengganti dan pejantan muda disebabkan ternakan rusa betina dara telah diagihkan kepada para penternak manakala pejantan muda tidak dipilih untuk mengelakkan <i>in breeding</i> .	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan kriteria pemilihan baka dipatuhi.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	25.2.9 25.2.9 (a)	<p><b>Keselamatan Ladang Ternakan</b></p> <p><b>Ladang Pembiakan Ternakan Kerbau</b></p> <p>Kawalan keselamatan di ladang-ladang kurang memuaskan kerana tidak ada Pengawal Keselamatan.</p>	Jabatan tidak mempunyai jawatan Pengawal Keselamatan maka pelantikan Pengawal Keselamatan tidak dapat dilakukan di Ladang Pusat Pembiakan dan Penyelidikan Kerbau di Telupid. Namun begitu, kakitangan yang berada di ladang akan memastikan keselamatan ternakan di ladang.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan keselamatan ladang.
	25.2.13 25.2.13(a)	<p><b>Keperluan Sumber Manusia Dan Latihan</b></p> <p><b>Tenaga Kerja Bagi Menyelia Pelaksanaan Dan Pemantauan</b></p> <p>Keperluan kakitangan berbanding dengan keluasan ladang serta bilangan ternakan yang dikendalikan perlu dikaji bagi mendapatkan bilangan pekerja yang mencukupi dan seterusnya penjagaan ternakan secara berkesan.</p>	Tambahan kakitangan tidak dapat dilakukan kerana pembekuan jawatan kosong.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan projek berjalan lancar.
	25.2.14	<p><b>Keperluan Peralatan Dan Kelengkapan</b></p> <p>Keperluan kemudahan peralatan dan kelengkapan ladang hendaklah diambil perhatian sewajarnya.</p>	Kenderaan di ladang Pusat Pembiakan Kerbau adalah mencukupi kerana telah menerima sebuah lori, pacuan 4 roda, <i>back-hoe</i> dan 2 buah traktor baru pada akhir tahun 2006. Ladang memerlukan sebuah <i>trailer</i> khas untuk <i>forage harvester</i> . Bagi Projek Pembangunan Rusa masih memerlukan 2 buah traktor, <i>pick up</i> dan sebuah lori. Keperluan dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk pertimbangan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	25.3.3	<p><b>Peringkat Cawangan</b></p> <p>Jadual lawatan susulan ke ladang penternak dan rekod lawatan tidak disediakan.</p>	Pada tahun 2007, pihak pengurusan menetapkan program pemantauan diketuai oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia. Program dan jadual lawatan disediakan bagi memantau pelaksanaan projek di kalangan penternak.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan program dan jadual lawatan dilaksanakan.
6.	MAJLIS DAERAH LAHAD DATU Pengurusan Pungutan dan Pelupusan Sampah			
	30.2.4 30.2.4 (a)	<p><b>Syarat-syarat Am Kontrak</b></p> <p><b>Bon Pelaksanaan</b></p> <p>Kontraktor telah menyediakan bon pelaksanaan seperti kehendak perjanjian yang berjumlah RM6,750 melalui surat jaminan bank. Jumlah ini merupakan 5% daripada nilai bulanan kontrak dan merangkumi tempoh keseluruhan kontrak iaitu 10 tahun. Bagaimanapun, mengikut peraturan kewangan, kontraktor sepatutnya menyediakan bon pelaksanaan bernilai RM81,000 yang merupakan 5% daripada nilai kontrak bagi satu tahun berjumlah RM1.62 juta. Bon pelaksanaan untuk kerja-kerja hendaklah bagi setahun sepanjang tempoh kontrak dan bukannya sebulan dan jumlah ini perlu dikutip balik daripada kontraktor.</p>	Kontraktor telah diarah mematuhi penyediaan bon pelaksanaan yang sepatutnya dikutip.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	30.2.6	<p><b>Guna Tenaga</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak sejumlah 16 kakitangan Majlis akan dipinjamkan kepada kontraktor. Setakat bulan Februari 2006, sejumlah 17 kakitangan Majlis telah dipinjamkan serta diberi opsyen untuk dipinjamkan kepada kontraktor. Tempoh pinjaman adalah selama 10 tahun mulai bulan Mac 1999. Peminjaman kakitangan kepada kontraktor tidak melalui Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri (JPAN) untuk kelulusan.</p>	Majlis melantik kakitangan apabila kelulusan diterima daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKT&P) tidak melalui atau melibatkan JPAN. Majlis telah memaklumkan senarai kakitangan yang dipinjamkan kepada KKT&P, JPAN (Bahagian Pencen), KWSP dan LHDN melalui surat MDLD:200-4/17/(42).	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi memastikan pelantikan dan peminjaman kakitangan Majlis mematuhi peraturan perkhidmatan awam.
	30.2.7	<p><b>Keperluan Kenderaan/ Peralatan</b></p> <p>Kerajaan Negeri sedang membangunkan zon perindustrian iaitu <i>Palm Oil Cluster</i> (POIC) bagi tujuan pusat bio diesel di kawasan Majlis. Oleh itu, bahan buangan akan bertambah dan pihak Majlis perlu mempunyai pelan jangka panjang berkaitan keperluan kenderaan. Semakan Audit mendapati pelan tersebut belum disediakan.</p>	Majlis sedang mengusahakan pelan jangka panjang berkaitan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	30.2.8	<p><b>Prestasi</b></p> <p><b>a) Jadual Pungutan Sampah</b></p> <p>Kontraktor telah menyediakan jadual pungutan sampah. Bagaimanapun, jadual tersebut tidak lengkap kerana tidak mempunyai butiran secara spesifik mengenai hari pungutan yang akan dibuat. Selain itu, jadual tidak dipamerkan di kawasan yang strategik untuk maksud pemberitahuan umum di kawasan berkaitan.</p>	Jadual pungutan sampah akan dilengkapkan dan dipamerkan kepada awam.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan jadual yang ditetapkan dipatuhi.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	30.3.2	<p><b>Jawatankuasa Perundingan Bersama</b></p> <p>Peranan Jawatankuasa Perunding Bersama ini adalah untuk memantau, menyelia dan menilai prestasi kerja yang dibuat oleh kontrak. Menurut perjanjian kontrak, Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat pada setiap bulan. Pada tahun 2004, Jawatankuasa ini tidak pernah mengadakan mesyuarat.</p>	Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Bersama akan diadakan seperti disyaratkan.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	30.3.3	<p><b>Unit Pembersihan Bandar</b></p> <p>Unit Pembersihan Bandar bertanggungjawab membuat pemeriksaan serta memantau kawasan pungutan sampah untuk memastikan prestasi kerja yang dibuat oleh kontraktor berada pada tahap yang baik. Bagaimanapun, Unit ini gagal mengemukakan sebarang rekod yang dapat menunjukkan bahawa pemeriksaan/pemantauan oleh Majlis atau secara bersama dengan kontraktor telah dilaksanakan.</p>	Pemeriksaan/ pemantauan ada dilaksanakan tetapi tidak direkodkan secara berdokumen.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
		<p>Adalah menjadi tanggungjawab Majlis membekal tong sampah yang mencukupi kepada pemilik premis bagi memberi kemudahan dan perkhidmatan yang baik terutama setiap kawasan yang menjadi tumpuan orang awam.</p>	Tong sampah adalah tanggungjawab pemilik premis.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan kawasan perkadaran Majlis adalah bersih.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
7.	<b>PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH (SEDCO)</b> <b>Pengurusan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari</b>			
	35.2.1	<b>Dasar Kerajaan/ Kuasa/ Perundangan</b>  Pinjaman yang dibuat oleh Perkasa Holdings Sdn. Bhd. dan Kinabalu International Hotel Sdn. Bhd. dari Institusi kewangan berjumlah RM1.50 juta dan RM25 juta tidak mendapat kelulusan menteri dan Kabinet Negeri.	Pinjaman telah dibuat sebelum kuatkuasa Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan Tambahan)1997. SEDCO telah memastikan semua pinjaman baru dibuat berdasarkan Enakmen.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	35.2.5	<b>Syarat Perjanjian</b>		
	35.2.5(b)	<b>Pembinaan Hotel Bajet Kota Kinabalu</b>  Terbiar kosong dan belum ada perkembangan pembangunan hotel.	SEDCO telah menandatangani perjanjian untuk memajak hotel berkenaan dengan Ipoh Garden Bhd. (IGB) untuk tempoh 20 tahun.	Pemantauan pihak pengurusan perlu dilakukan terhadap terma dan syarat perjanjian.
	35.2.6	<b>Pengurusan Hotel</b>		
	35.2.6(b)	<b>Pengurusan Dan Operasi Hotel Dipertanggungjawabkan Kepada Syarikat Lain</b>		
	35.2.6(b)(i)	<b>Hotel Perkasa Tenom</b>  Sewa tertunggak berjumlah RM0.55 juta.	Perjanjian penswastaan telah ditamatkan dan tindakan undang-undang telah diambil untuk mengutip balik tunggakan sewa.	Tindakan susulan perlu diambil untuk memastikan tunggakan sewa dikutip balik.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
8.	<b>MAJLIS DAERAH KOTA BELUD</b> <b>Projek Pembinaan Dewan Masyarakat Kota Belud</b>			
	40.2.1	<b>Pemilihan Tapak</b>  Tapak Dewan Masyarakat Kota Belud masih merupakan tanah Kerajaan. Mengikut Majlis, permohonan untuk mendapatkan hak milik tanah tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah Dan Ukur.	Sehingga kini Majlis belum memperolehi hak milik tanah tersebut. Memandangkan dokumen permohonan asal tidak dapat dikesan sama ada di peringkat Majlis atau Jabatan Tanah Dan Ukur, maka pihak Majlis telah mengemukakan semula permohonan tanah berkenaan pada 26 Februari 2008.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
	40.2.2 & 40.2.6 (a)	<b>Pelantikan Juru Perunding Projek &amp; Bayaran Kepada Juru Perunding</b>  Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri tidak merujuk kepada Jabatan Kerja Raya sebelum melantik Juru perunding Swasta untuk menyediakan reka bentuk, menguruskan tender dan menyelia kerja pembinaan dewan selaras dengan kehendak Arahān Perbendaharaan 182.1 (a) dan (b). Jika projek ini diurus dan diselia oleh Jabatan Kerja Raya, pembayaran yuran Juru perunding berjumlah RM818,118 dapat dijimatkan.	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri serta Majlis Daerah Kota Belud mengakui kelemahan ini dan memberi jaminan mematuhi Arahān Perbendaharaan tersebut apabila melaksanakan projek pada masa akan datang.	Pemantauan pihak pengurusan perlu bagi memastikan peraturan kewangan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.
	40.2.5 40.2.5(b)	<b>Spesifikasi Kerja</b>  <b>Pemasangan Jubin Seramik Bagi Dinding Tandas</b>  Kelemahan penyeliaan oleh Juru perunding menyebabkan terdapat kerja yang tidak mengikut spesifikasi. Dinding semua tandas sepatutnya dipasang dengan jubin seramik setinggi 1.5 meter tetapi hanya setinggi 1.4 meter sahaja dipasang.	Juru perunding bersetuju untuk menilai semula kerja pemasangan jubin dengan mengambil kira kos bagi 0.1 meter jubin yang tidak dipasang dan menolak daripada bayaran akhir kepada kontraktor. Sehingga kini Majlis belum menerima penilaian semula tersebut daripada Juru perunding.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan bagi menuntut kembali jumlah terlebih bayar.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	40.2.6 40.2.6 (a) 40.2.6(a)(i)	<b>Prestasi Kewangan</b> <b>Bayaran Kepada Juru Perunding</b> <b>Yuran Juru Perunding Terlebih Bayar</b> <b>• Reka Bentuk Asal (Pertama)</b>  Tuntutan Juru perunding tidak disemak dengan teliti oleh pihak Majlis mengakibatkan lebihan bayaran berjumlah RM89,775 bagi reka bentuk pertama yang tidak dilaksanakan dan pembayaran yuran Juru perunding pada peringkat proses tender telah mengambil kira <i>Prime Cost</i> dan <i>Provisional Sum</i> berjumlah RM1.28 juta dalam perkiraan pembayaran yuran Juru perunding. <i>Prime Cost</i> dan <i>Provisional Sum</i> tersebut sepatutnya ditolak daripada perkiraan yuran Juru perunding kerana reka bentuk tersebut belum disediakan.	    Majlis menjelaskan hanya RM20,580 telah terlebih bayar bagi reka bentuk pertama kerana reka bentuk di bawah <i>Prime Cost (Space Frame, Purlins and Accessories)</i> bernilai RM1 juta telah disediakan oleh Juru perunding. Sebelum ini reka bentuk tersebut tidak dikemukakan kepada Juruaudit semasa pengauditan dijalankan. Jumlah yang terlebih bayar tersebut telah ditolak daripada bayaran akhir kepada Juru perunding.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	40.2.7 40.2.7(b)	<b>Penggunaan Dan Penyenggaraan Dewan</b> <b>Penyenggaraan Dewan</b>  Dewan tidak disenggarakan dengan baik. Adalah didapati kerosakan lantai dewan, kerosakan kunci pintu sisi sebelah kanan dewan yang hanya diikat dengan tali dan kerosakan 6 daripada 15 lampu limpah bagi menerangi pentas dewan tidak diperbaiki.	    Kerosakan tersebut telah diperbaiki.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

**46. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
TAHUN 2005 DAN SEBELUMNYA YANG MASIH BELUM SELESAI**

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2005 dan sebelumnya. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 3 Jabatan/Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005 dan sebelumnya. Kedudukan masa kini perkara yang berbangkit adalah seperti di **Jadual 87** dan **Jadual 88**

**Jadual 87**  
**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri**

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1.	<b>Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang Dan Peraturan Majlis Daerah Keningau</b>			
	5.2.6	<b>Keperluan Peralatan, Kenderaan Dan Kemudahan Stor</b>  Majlis tidak mempunyai kenderaan yang sesuai untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasa Dan Undang-undang. Kenderaan <i>pick-up</i> yang dibeli pada tahun 1987 sudah usang dan sering mengalami kerosakan. Akibatnya, kebanyakan anggota penguatkuasa menggunakan kenderaan sendiri semasa menjalankan operasi.	Pembelian kenderaan baru tidak dapat dibuat pada tahun 2007 kerana masalah kewangan. Majlis merancang untuk membeli kenderaan berkenaan pada tahun 2008.	Tindakan susulan perlu dilaksanakan.
2.	<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b> Projek Menaik Taraf Saliran Di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan			
	35.2.5 35.2.5(b)	<b>Perjanjian Kontrak</b>  <b>Penyerahan Hak Kontrak</b> Kontraktor telah menyerahkan pelaksanaan projek menaik taraf saliran di Batu 1.5 Jalan Utara Sandakan kepada kontraktor lain untuk bertindak bagi pihaknya dalam semua hal berkaitan dengan pembinaan dan penyiapan projek tanpa merujuk kepada Lembaga Tawaran Negeri.	Jabatan telah ambil maklum perkara ini dan memastikan ianya tidak berulang pada masa hadapan.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi mengelakkan perkara yang sama berulang.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	35.2.11	<p><b>Penyenggaraan Projek</b></p> <p>Penyenggaraan saliran tidak dibuat dari semasa ke semasa kerana lawatan Audit mendapati mendapan tanah dan air bertakung di saluran berkenaan.</p>	Telah dilaksanakan dan penyenggaraan berkala diteruskan.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan penyenggaraan dibuat mengikut jadual yang ditetapkan.

**Jadual 88**  
**Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri**

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1.	<b>MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN</b> <b>Penswastaan Pungutan Sampah</b>			
	66.2.4	<p><b>Syarat Perjanjian</b></p> <p>Bon Pelaksanaan tidak disediakan sepenuhnya merangkumi tempoh kontrak yang akan berakhir pada tahun 2009.</p>	Bon pelaksanaan telah disediakan oleh kontraktor sehingga kontrak tamat pada 1 Januari 2009.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	66.2.7	<p><b>Keperluan Kenderaan/Peralatan</b></p> <p>Berasaskan norma kerja harian 19 lori diperlukan untuk menampung kutipan sampah setiap hari berbanding 17 lori sedia ada.</p>	Belum ada pertambahan kenderaan dibuat. Bagaimanapun, pihak kontraktor menjelaskan bahawa 17 lori masih mencukupi untuk mereka memberikan perkhidmatan mengikut jadual.	Pemantauan pihak pengurusan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan kenderaan yang disediakan oleh kontraktor adalah mencukupi.

#### **47. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS**

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti dan Kajian Khas bagi tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 16 November 2007.

#### **48. MESYUARAT JAWATANKUASA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2007, Jawatankuasa Akaun Awam Negeri bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu pada 24 Julai 2007 dan 13 November 2007. Mesyuarat pada 24 April 2007 membincangkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2005. Laporan mengenainya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 19 November 2007. Perkara yang dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 89**. Manakala mesyuarat pada 13 November 2007 membincangkan pemilihan tajuk-tajuk untuk siasatan bagi Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 dan menetapkan tarikh memanggil saksi untuk memberikan keterangan. Mesyuarat memutuskan untuk memanggil 3 jabatan memberi keterangan termasuk satu untuk memberi taklimat pada 18 Januari 2008. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, jawatankuasa perlu lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

**Jadual 89**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Pada Tahun 2006**

Tarikh	Jabatan/ Agensi	Perkara
24.7.2007	Majlis Daerah Keningau	<p><b>Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Undang-undang dan Peraturan</b></p> <p>Terdapat undang-undang Kecil yang tidak pernah dipinda dan mempunyai perkara yang tidak sesuai digunakan pada masa kini.</p> <p>Manual Prosedur (Penguatkuasaan) Majlis kurang lengkap dan tidak mempunyai prosedur melaksanakan tindakan pendakwaan dan memfail tindakan mahkamah menyebabkan tindakan mahkamah yang perlu diambil mengikut peruntukan undang-undang tidak pernah dilaksanakan.</p> <p>Majlis tidak mempunyai kenderaan yang sesuai untuk kegunaan Bahagian Penguatkuasaan dan Undang-undang.</p> <p>Setiap tahun Majlis kerugian hasil akibat premis perniagaan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan seperti perniagaan tanpa lesen, lesen tamat tempoh, menjalankan perniagaan selain yang diluluskan, beroperasi melebihi masa yang dibenarkan, pengambilan pekerja tanpa pemeriksaan kesihatan, pembinaan dan pubuhsuai bangunan tanpa kelulusan.</p>
	Kementerian Pembangunan Perindustrian	<p><b>Pembangunan Taman Perindustrian Kota Kinabalu</b></p> <p>Setiap penjualan tanah, pembeli atau pelabur adalah perlu membayar premium sebanyak RM43,560 kepada Kerajaan Negeri bagi setiap hektar. Jabatan Audit mendapati harga tanah yang ditawarkan oleh KKIPSB kepada pembeli adalah antara lain termasuk kos pengambilan tanah, kos infrastruktur dan premium. Sehingga tahun 2005, seluas 352.19 hektar lot tanah telah dijual dengan harga jualan berjumlah RM306.73 juta termasuk bayaran premium berjumlah RM37.91 juta. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005, KKIPSB belum menjelaskan premium tersebut kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>KKIPSB telah membuat pembayaran balik pinjaman dari tahun 1998 hingga 2005 berjumlah RM41.90 juta kepada bank komersial. Selain daripada pembayaran balik pinjaman komersial, KKIPSB telah mengurangkan tanggungan pinjaman melalui penebusan dalam tahun 2005 di mana pinjaman dari BPIMB dikurangkan sejumlah RM401,449. Pinjaman dari 2 bank iaitu RHB dan MBB telah dibayar sepenuhnya dan pinjaman BPIMB telah dibayar sebanyak RM2.66 juta. Bagaimanapun, KKIPSB tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman dari Kerajaan Persekutuan pada tahun 1997 yang sepatutnya bayaran bermula pada tahun 2003 dan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman berkenaan termasuk faedah bagi tahun 2003 dan 2005 berjumlah RM4.18 juta kini telah meningkat kepada RM24.17 juta.</p>

## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Kementerian/Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA  
Putrajaya**

**27 Jun 2008**

## LAMPIRAN I

**Laporan Environmental Impact Assessment (EIA) Atau Proposal for Mitigation Measures (PMM)  
Mengikut Aktiviti**

Bil.	Jenis Aktiviti	Laporan PMM (Jadual Pertama PPAS 2005)	Laporan EIA (Jadual Kedua PPAS 2005)
1.	Pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Estet/ladang seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.</li> <li>• Pertukaran jenis tanaman seluas 100 hektar tetapi kurang daripada 500 hektar.</li> <li>• Penukaran hutan lembap menjadi estet pertanian seluas 20 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Estet/ladang seluas 500 hektar atau lebih.</li> <li>• Pertukaran jenis tanaman seluas 500 hektar atau lebih.</li> <li>• Penukaran hutan lembap menjadi estet pertanian seluas 50 hektar atau lebih.</li> </ul>
2.	Perhutanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penebangan atau pengambilan kayu seluas 100 hektar tetapi kurang daripada 500 hektar.</li> <li>• Pemajuan ladang hutan atau penghutanan semula seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang 500 hektar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penebangan atau pengambilan kayu seluas 500 hektar atau lebih.</li> <li>• Pemajuan ladang hutan atau penghutanan semula seluas 500 hektar atau lebih.</li> </ul>
3.	Estet perumahan, komersil dan perindustrian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan estet perumahan, komersil atau perindustrian seluas 10 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.</li> <li>• Penukaran tanah hutan lembab menjadi estet perumahan, komersil dan perindustrian seluas 2 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 30 hektar.</li> <li>• Pembangunan estet perumahan, komersil atau perindustrian dalam jarak 200 meter dari paras air pasang di kawasan pantai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan estet perumahan, komersil atau perindustrian seluas 50 hektar atau lebih.</li> <li>• Penukaran tanah hutan lembab menjadi estet perumahan, komersil dan perindustrian seluas 30 hektar atau lebih.</li> <li>• Pembangunan estet perumahan, komersil atau perindustrian di atas bukit dengan kecerunan 20 derjah atau lebih.</li> </ul>
4.	Perikanan akuakultur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penukaran tanah lembap menjadi pemajuan perikanan atau akuakultur meliputi kawasan seluas 10 hektar tetapi kurang daripada 50 hektar.</li> <li>• Pembuatan tasik atau kolam untuk pemajuan perikanan atau akuakultur meliputi kawasan seluas 10 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 50 hektar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penukaran tanah lembap menjadi pemajuan perikanan atau akuakultur meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.</li> <li>• Pembuatan tasik atau kolam untuk pemajuan perikanan atau akuakultur meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.</li> </ul>
5.	Kuari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguari agregat, batu kapur, silika, kuarzit, batu pasir, pasir, batu marmor atau batu dalam jarak 200 meter dari mana-mana anak sungai atau sungai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguari agregat, batu kapur, silika, kuarzit, batu pasir, pasir, batu marmor atau batu dalam jarak 3 kilometer dari kawasan penempatan, kediaman, komersil, perindustrian sedia ada dan jalan raya utama.</li> </ul>

Bil.	Jenis Aktiviti	Laporan PMM (Jadual Pertama PPAS 2005)	Laporan EIA (Jadual Kedua PPAS 2005)
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja tanah yang melibatkan pengambilan, pengalihan, penimbusan atau pembuangan tanah bagi isipadu 40,000 meter padu atau lebih.</li> <li>• Penggalian atau pengorekan pasir atau bahan batuan dari alur air, anak sungai, sungai, kawasan pantai atau laut bagi tujuan komersil atau pembinaan.</li> </ul>
6.	Pembangunan tempat peranginan dan rekreasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan tempat peranginan, rekreasi atau kemudahan pelancongan meliputi kawasan seluas 10 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 30 hektar.</li> <li>• Pembangunan tempat peranginan, rekreasi atau kemudahan pelancongan dalam jarak 200 meter dari paras air pasang di kawasan pantai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan tempat peranginan, rekreasi atau kemudahan pelancongan meliputi kawasan seluas 30 hektar atau lebih.</li> <li>• Pembangunan tempat peranginan, rekreasi atau kemudahan pelancongan di atas bukit dengan kecerunan 20 derjah atau lebih.</li> <li>• Pembinaan padang golf.</li> </ul>
7.	Apa-apa aktiviti lain yang boleh merosakkan atau mempunyai kesan sampingan ke atas kualiti alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan bangunan bagi maksud awam dalam jarak 200 meter dari paras air pasang di kawasan pantai.</li> <li>• Pembinaan jeti terbuka sepanjang 100 meter atau lebih untuk kegunaan komersil atau awam di sepanjang sungai atau pinggir laut.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan bangunan bagi maksud awam di atas bukit dengan kecerunan 20 derjah atau lebih.</li> <li>• Pembinaan jeti pendaratan tertutup bagi kegunaan komersil atau awam di sepanjang sungai atau pinggir laut.</li> <li>• Pembinaan jalan raya utama atau penaitarafan jalan raya utama melibatkan aktiviti penjajaran semula dan pelebaran melalui kawasan penempatan, kawasan pantai atau hutan tanah lembap atau di atas bukit dengan kecerunan 20 derjah atau lebih.</li> <li>• Pembinaan kemudahan pelabuhan untuk tujuan komersil sepanjang sungai atau pinggir laut.</li> </ul>
8.	Pengairan saliran		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan pengairan meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih.</li> <li>• Pengairan hutan tanah lembap meliputi kawasan seluas 50 hektar atau lebih.</li> </ul>

Bil.	Jenis Aktiviti	Laporan PMM (Jadual Pertama PPAS 2005)	Laporan EIA (Jadual Kedua PPAS 2005)
9.	Tebusguna tanah		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tebusguna tanah di tepi laut atau tebing sungai untuk pembangunan estet perumahan, komersil atau perindustrian, pembinaan jalan raya utama atau bagi maksud awam yang lain.</li> </ul>
10.	Perlombongan		<p>Perlombongan termasuklah perlombongan dedah bagi bahan galian menurut apa-apa pajakan lombong:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meliputi kawasan 20 hektar atau lebih.</li> <li>• Apa-apa cara perlombongan yang mungkin boleh menjelaskan landskap kawasan perlombongan yang memerlukan pemulihian selepas berhentinya perlombongan, atau yang melibatkan penggunaan bahan kimia atau bahan letupan.</li> </ul>
11.	Penjanaan kuasa		<p>Pembinaan empangan dan rancangan kuasa hidro-elektrik melibatkan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Empangan melebihi 15 meter tinggi dan struktur tambahan meliputi 40 hektar atau lebih.</li> <li>• Tasik buatan atau reservoir dengan luas permukaan meliputi 50 hektar atau lebih.</li> <li>• Pengalihan anak sungai, sungai atau alur air.</li> </ul>
12.	Bekalan air		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan empangan, tasik tiruan atau reservoir dengan kawasan permukaan seluas 50 hektar atau lebih untuk menakung air.</li> <li>• Pembinaan bekalan air bawah tanah dengan muatan 4,500 meter padu atau lebih sehari.</li> </ul>

**LAMPIRAN II**

**Prestasi Projek Peningkatan Ekonomi (PPE)**

Bil.	Nama Projek	Bilangan Peserta (Orang)	Jenis Bantuan	Kos Projek (RM)	Pengesahan Oleh Agensi Pelaksana	Status Projek Berdasarkan Lawatan Audit Projek
1.	Tanaman Halia Di Kampung Lakos, Pitas	10	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	38,650	Siap	Menunggu Hasil
2.	Tanaman Halia Di Kampung Gailun Laut, Pitas	10	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	38,600	Siap	Menunggu Hasil
3.	Tanaman Halia Di Kampung Pituru Mangkapon, pitas	5	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	19,450	Siap	Belum Siap
4.	Tanaman Halia Di Kampung Sogo-Sogo, Tongod	10	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	14,500	Siap	Berhenti
5.	Tanaman Halia Di Kampung Kuala Tongod, Tongod	19	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	36,748	Siap	Masih Diteruskan
6.	Tanaman Halia Di Kampung Minusoh, Tongod	19	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	36,748	Siap	Berhenti
7.	Tanaman Kacang Tanah Di Kampung Sulakolong, pitas	15	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	33,750	Siap	Berhenti
8.	Bagang Terapung Tetap Di Kampung Mempakad Laut, Pitas	60	1.Pembinaan bagang 2.Peralatan bagang 3.Kos Operasi	179,736 149,988 76,320	Siap Siap Siap	Bagang Rosak Dibekalkan Siap
9.	Bagang Terapung Tetap di Kampung Pongiton Polod, Pitas	20	1.Peralatan 2.Membina bagang	49,996 83,912	Siap Siap	Rosak dan Terbengkalai

Bil.	Nama Projek	Bilangan Peserta (Orang)	Jenis Bantuan	Kos Projek (RM)	Pengesahan Oleh Agensi Pelaksana	Status Projek Berdasarkan Lawatan Audit Projek
10.	Tanaman Pisang Di Kampung Rosob	9	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	29,400	Siap	Terbengkalai
11.	Tanaman Pisang Di Kampung Mandamai	10	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	35,204	Siap	Masih Diteruskan
12.	Balat/Gamat Di Kampung Desa Seberang	5	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	39,340	Siap	Menunggu Hasil
13.	Ternakan Lebah Madu Di Kampung Sungai Tongkang, Sebatik, Tawau	10	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	26,950	Siap	Terbengkalai
14.	Ternakan Itik Penelur Di Kampung Taun Gusi Keranjangan, Kota Belud	3	Kandang, anak itik dan Makanan	22,640	Siap	Makanan dan anak itik belum sepenuhnya dibekalkan tetapi pembayaran penuh telah dibuat.
15.	Penjemuran Ikan Masin di Kampung Sungai Pukul, Sebatik, Tawau	20	1.Jambatan Pelantar 2.Pembinaan Penjemuran 3.Pembinaan Stor 4.Pembinaan Pondok Jeti	48,908 46,200 24,152 12,873	Siap Siap Siap Siap	Terbengkalai Terbengkalai Terbengkalai Terbengkalai
16.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar Kg. Merotai, Tawau	6	Bekalan bahan, peralatan dan kemudahan	54,700	Siap	Masih Berjalan

Bil.	Nama Projek	Bilangan Peserta (Orang)	Jenis Bantuan	Kos Projek (RM)	Pengesahan Oleh Agensi Pelaksana	Status Projek Berdasarkan Lawatan Audit Projek
17.	Ternakan Kambing Di Kg. Kiandut, Pitas	10	1.Peralatan 2.Induk Kambing dan makanan	76,425 92,632	-Siap Dibekalkan Induk kambing disimpan di kandang sementara di Kudat dan Pitas	Belum Siap Belum Dilaksanakan
18.	Ternakan Ikan Dalam Sangkar Kg. Kiandut, Pitas	30	1.Anak Ikan 2.Kemudahan 3.Sangkar ikan	70,500 64,000 139,162	Siap Siap Siap	-Belum dibekalkan -Belum Siap -Jaring belum dipasang
<b>Jumlah</b>		<b>271</b>		<b>1,541,484</b>		